

**PENDEKATAN *RUANG BOLEH DIPERTAHANKAN*  
DALAM PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI UNTUK  
KANAK-KANAK TIDAK TERKAWAL DI PROJEK  
PERUMAHAN AWAM DESA REJANG, SETAPAK,  
KUALA LUMPUR**

**ZAITON BINTI AZMAN**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**PENDEKATAN *RUANG BOLEH DIPERTAHANKAN*  
DALAM PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI UNTUK  
KANAK-KANAK TIDAK TERKAWAL DI PROJEK  
PERUMAHAN AWAM DESA REJANG, SETAPAK,  
KUALA LUMPUR**

**ZAITON BINTI AZMAN**

**TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN  
BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Zaiton Binti Azman

No. Pendaftaran/Matrik: AHA090018

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”): Pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* dalam Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-Kanak Tidak Terkawal di Projek Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur

Bidang Penyelidikan: Pengadilan Jenayah

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 16/8/2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 16/8/2016

Nama : Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah

Jawatan : Ketua Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial

## ABSTRAK

Kajian ini meneliti pelaksanaan program pencegahan berasas komuniti; iaitu Program Pengawasan Komuniti, untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal. Kajian ini mempunyai empat objektif utama: (1) untuk mengenal pasti tahap pengetahuan kanak-kanak mengenai Program Pengawasan Komuniti, (2) untuk mengukur tahap penglibatan kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti, (3) untuk menentukan halangan-halangan yang terdapat di dalam *Ruang Boleh Dipertahankan* yang mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti Pengawasan Komuniti, dan (4) untuk mencadangkan serangkaian tindakan susulan yang mampu mempertingkatkan lagi keupayaan Program Pengawasan Komuniti dalam mengawal Kanak-kanak Tidak Terkawal yang berada dalam komuniti. Setelah mengenal pasti perkara-perkara di atas, kajian ini dapat mencadangkan intervensi-intervensi sosial yang mampu memperkukuhkan *Ruang Boleh Dipertahankan* agar Program Pengawasan Komuniti dapat mengawal Kanak-kanak Tidak Terkawal dengan lebih berkesan. Seramai 210 orang kanak-kanak berusia 13 hingga 18 tahun terlibat dalam kajian ini. Mereka merupakan anggota komuniti sebuah perumahan awam di Kuala Lumpur. Mereka telah dipilih secara rawak sistematik. Bagi mengumpul data primer kajian, pengkaji telah melakukan temubual bersemuka dengan berpandukan satu set soal selidik berstruktur. Survei yang menggunakan teknik lapor diri mendapati pengetahuan kanak-kanak mengenai Program Pengawasan Komuniti adalah sederhana. Hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Program Pengawasan Komuniti. Kajian ini juga mendapati penglibatan kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti mempunyai kaitan rapat dengan tiga aspek *Ruang Boleh Dipertahankan* iaitu faktor struktural, intrapersonal dan interpersonal. Kajian ini telah mengusulkan beberapa intervensi sosial yang mampu memperkasakan ruang struktural,

intrapersonal dan interpersonal agar kanak-kanak boleh melibatkan diri secara aktif dalam program berkenaan. Tindakan ini penting bagi memastikan Program Pengawasan Komuniti boleh mengawal Kanak-kanak Tidak Terkawal yang terdapat di dalam komuniti secara berkesan.

University of Malaya

## ABSTRACT

This study examines the implementation of community-based prevention programme, the Community Policing Programme, for children beyond control. The study has three main objectives: (1) to identify the children knowledge about the programme, (2) to measure the children involvement in the programme, (3) to determine barriers of the "Defensible Space" that affect the children involvement in the programme, and (4) to propose a set of actions that can enhance the ability of Community Policing Programme in controlling children beyond control in the community. Findings from the study function as empirical evidences to recommend a series of social interventions to strengthen the "Defensible Space" so that the Community Policing Programme can effectively control the ungovernable children. Two hundred and ten 13-18 years old children selected via the systematic random sampling technique were involved in the study. The children are members of a public housing scheme in Kuala Lumpur. To collect the primary data, the researcher conducted series of face to face interview, guided by a set of structured questionnaires. The self-report survey findings demonstrate that the children have inadequate knowledge about the Community Policing Programme. Only a small number of them were engaged in the programme. The study also discovered that the children involvement in Community Policing Programme had a significant association with three aspects of the "Defensible Space"; structural, interpersonal and intrapersonal element that encircle their physical and social space. The study offers a number of social interventions for the empowerment of the structural, interpersonal and intrapersonal space thus can intensify children involvement in the programme. The measure is crucial to ensure that the Community Policing Programme can effectively control the children.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kerana izin dan limpah kurniaNya, tesis ini berjaya disiapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia, Profesor Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah kerana amat berdedikasi dalam menyelia tesis ini. Segala jasa dan keikhlasan beliau dalam memberi tunjuk ajar, bimbingan, panduan dan berkongsi ilmu tidak akan dilupakan.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Malaya atas pembiayaan Biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) yang amat membantu melancarkan proses pengajian di universiti ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan ahli-ahli komuniti PPA Desa Rejang Setapak Kuala Lumpur khususnya kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini.

Seterusnya ucapan terima kasih ditujukan kepada kepada pensyarah-pensyarah, staf-staf sokongan dan rakan-rakan seperjuangan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial yang banyak memberi sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu dalam pengajian ini.

Akhirnya, penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan kepada insan yang disayangi: suami, anak-anak (Alesya dan Aiman), emak, abah, ibu dan bapa mertua serta adik beradik yang sentiasa memberikan sokongan dan galakan serta doa kalian dalam menyiapkan tesis ini.

Semoga Allah S. W.T merahmati kalian semua.

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xx
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxi
<b>BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN</b>	1
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Permasalahan dan Persoalan Kajian	6
1.3    Objektif Kajian	14
1.4    Skop Kajian	14
1.4.1    Pengetahuan terhadap kewujudan program/ aktiviti sosial	16
1.4.2    Penglibatan anggota komuniti dalam aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti	17
1.4.3    Peralihan ( <i>removal</i> ) halangan-halangan struktural, intrapersonal dan interpersonal yang terdapat dalam ruang fizikal dan sosial komuniti	18
1.5    Kepentingan Kajian	22
1.6    Pembahagian Bab	26



## **BAB 2: ULASAN LITERATUR MENGENAI PROGRAM PENGAWASAN**

<b>KOMUNITI</b>	28	
2.1	Pendahuluan	28
2.2	Makna Konsep Pengawasan Komuniti	29
2.2.1	Tema “Komuniti”	29
2.2.2	Tema “Pengawasan Komuniti”	36
2.3	Fungsi Pengawasan Komuniti	41
2.3.1	Intervensi perlindungan atau pencegahan jenayah dan gejala Sosial	42
2.3.2	Intervensi pemulihan jenayah	43
2.3.3	Intervensi membangunkan semula kawasan-kawasan perumahan	45
2.3.4	Mengurangkan peranan institusi ( <i>Deinstitutionalization</i> )	46
2.3.5	Intervensi mendayaupayakan aset sosial komuniti	48
2.4	Perkembangan Program Pengawasan Komuniti di Malaysia	49
2.4.1	Zaman Kesultanan Melayu Melaka	50
2.4.2	Pengawasan komuniti dalam sistem kepolisan zaman penjajahan kuasa-kuasa Barat (1511-1786)	54
2.4.3	Sistem pengawasan komuniti semasa Imperialis Jepun (Ogos 1942-September 1945)	58
2.4.4	Selepas Perang Dunia Kedua (1946-1990)	63
2.4.5	Era 90-an hingga sekarang	69
2.5	Ciri-ciri Pendekatan Pengawasan Komuniti	72
2.5.1	Transformasi peranan konvensional pihak polis	73
2.5.2	Tindakan proaktif pihak polis terhadap aduan orang awam	74
2.5.3	Maklumbalas aduan dari segi masa	74

2.5.4	Layanan panggilan atau aduan orang ramai	75
2.5.5	Alihan batasan dalam peranan seorang pegawai atau anggota polis	75
2.5.6	Transformasi dalam kaedah penilaian polis	76
2.5.7	Alihan paradigma pandangan pegawai atau anggota polis terhadap orang awam	77
2.6	Kanak-Kanak Tidak Terkawal dan Program Pengawasan Komuniti	79
2.7	Penutup	88
<b>BAB 3: PENDEKATAN RUANG YANG BOLEH DIPERTAHANKAN</b>		<b>89</b>
3.1	Pendahuluan	89
3.2	Pengawasan Komuniti sebagai Pencegahan Jenayah Peringkat Primer dan Sekunder	90
3.2.1	Pencegahan jenayah peringkat primer	91
3.2.2	Pencegahan jenayah peringkat sekunder	97
3.2.3	Operasionalisasi strategi pencegahan jenayah primer dan pencegahan sekunder dalam Program Pengawasan Komuniti	101
3.3	Pendekatan <i>Ruang Boleh Dipertahankan (Defensible Space)</i>	107
3.4	Komponen Pendekatan <i>Ruang Boleh Dipertahankan</i>	112
3.4.1	Komponen pengetahuan	113
3.4.2	Komponen penglibatan atau penyertaan anggota komuniti	114
3.4.3	Keadaan struktur, intrapersonal, interpersonal yang terdapat dalam ruang fizikal dan sosial dalam komuniti	117
3.5	Penutup	123

<b>BAB 4: METODOLOGI KAJIAN</b>	125
4.1    Pendahuluan	125
4.2    Reka Bentuk Kajian	125
4.3    Populasi Kajian, Sampel Kajian dan Teknik Persampelan	126
4.4    Teknik Pengumpulan Data	139
4.5    Instrumen Kajian	143
4.5.1    Ujian rintis instrumen kajian	146
4.6    Pemboleh Ubah Kajian dan Teknik Analisis	149
4.7    Limitasi Kajian	152
4.8    Penutup	154
<b>BAB 5: PENGETAHUAN DAN PENGLIBATAN KANAK-KANAK</b>	
<b>BERISIKO DALAM PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI</b>	155
5.1    Pendahuluan	155
5.2    Pola Tingkah Laku Tidak Terkawal Responden	154
5.3    Tahap Pengetahuan Responden terhadap Program Pengawasan	
Komuniti dalam Komuniti Mereka	164
5.3.1    Pengetahuan responden dalam aktiviti-aktiviti keselamatan	175
5.3.2    Pengetahuan responden dalam aktiviti-aktiviti	
Kemasyarakatan	190
5.3.3    Pengetahuan responden dalam aktiviti-aktiviti sukan dan	
rekreasi	198
5.3.4    Pengetahuan responden dalam aktiviti-aktiviti pendidikan	204
5.4    Tahap Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan	
Komuniti di Komuniti Mereka	211
5.4.1    Penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti keselamatan	217

5.4.2	Penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti 218 kemasyarakatan	220
5.4.3	Penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi	226
5.4.4	Penglibatan responden dalam aktiviti pendidikan	229
5.5	Penutup	233

## **BAB 6: FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGLIBATAN**

	<b>KANAK-KANAK BERISIKO DALAM AKTIVITI PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI</b>	234
6.1	Pendahuluan	234
6.2	Pengaruh <i>Ruang Boleh Dipertahankan</i> terhadap Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti	235
6.3	Ruang Struktural dan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti	242
6.4	Ruang Intrapersonal dan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti	260
6.5	Ruang Interpersonal dan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti	275
6.6	Penutup	283

## **BAB 7: PERBINCANGAN DAN INTERVENSI-INTERVENSI SOSIAL**

7.1	Pendahuluan	284
7.2	Intervensi-intervensi Sosial Susulan	284
7.2.1	Tahap pengetahuan responden terhadap Program Pengawasan Komuniti	284

7.2.2	Tahap penglibatan responden dalam Program Pengawasan Komuniti	285
7.3	Inisiatif-inisiatif Menghapuskan Halangan-halangan Struktural	289
7.3.1	Menjalankan promosi atau pemasaran Program Pengawasan Komuniti	290
7.3.2	Penggunaan perkataan atau jargon yang mudah dan mesra	297
7.3.3	Penentuan manfaat dalam kalangan kumpulan sasaran	300
7.3.4	Penentuan bentuk penyertaan kumpulan sasaran	303
7.3.5	Penyediaan lebih banyak kemudahan sosial yang bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak	304
7.3.6	Meningkatkan perkongsian ( <i>partnerships</i> ) kumpulan penggerak ( <i>stakeholders</i> ) dalam Program Pengawasan Komuniti	307
7.4	Program Pemerksaan Ruang Intrapersonal Kanak-Kanak Berisiko	311
7.4.1	Menyediakan program kemahiran hidup yang Komprehensif	312
7.4.2	Mengawal pengaruh media massa dan peralatan teknologi	316
7.5	Program Pemerksaan Ruang Interpersonal Kanak-kanak Berisiko	317
7.5.1	Menyediakan Program Kemahiran Interpersonal Ibu bapa/ Penjaga dan Anak-anak	318
7.5.2	Meningkatkan ikatan kejiwaan	324
7.5.3	Meningkatkan peranan orang dewasa berkesan dalam Komuniti	326
7.6	Penutup	329

<b>BAB 8: KESIMPULAN</b>	330
<b>RUJUKAN</b>	341
<b>LAMPIRAN</b>	

University of Malaya

## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1:	Model Konsepsual Kajian	21
Rajah 4.1:	Peta Sempadan Mukim Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	128
Rajah 4.2:	Peta Kedudukan Pangsapuri PPA Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur	129
Rajah 4.3:	Blok-blok Pangsapuri di PPA Desa Rejang	133
Rajah 5.1:	Laman <i>Facebook</i> KRT Desa Rejang Memaparkan Aktiviti-aktiviti Sosial yang dianjurkan di PPA Desa Rejang	167
Rajah 5.2:	Laman <i>Facebook Community Policing</i> Desa Rejang Saluran Komuniti Melaporkan Kes Vandalisme di PPA Desa Rejang	168
Rajah 5.3:	Aktiviti Rondaan Sukarela yang dijalankan di PPA Desa Rejang	179
Rajah 5.4:	Papan Tanda “ <i>Community Policing</i> ” di PPA Desa Rejang	180
Rajah 5.5:	Program Dialog Bersama Polis di Pusat Beli Belah Wangsa Walk, Setapak	181
Rajah 5.6:	Remaja PPA Desa Rejang menyertai Program Rakan Muda	182
Rajah 5.7:	Mesyuarat <i>Community Policing</i> PPA Desa Rejang di Bilik Gerakan	193
Rajah 5.8:	Aktiviti Berniaga di Hari Karnival Perpaduan PPA Desa Rejang	193
Rajah 5.9:	Aktiviti Menanam Pokok di PPA Desa Rejang	194
Rajah 5.10:	Aktiviti Bergotong-royong Penyembelihan Haiwan Korban di PPA Desa Rejang	195
Rajah 5.11:	Aktiviti Pertandingan Sukan Futsal Kanak-kanak di PPA Desa Rejang	201
Rajah 5.12:	<i>Banner</i> Mempromosi Program “Anak-anakku Sayang” Anjuran Tunas Jiran KRT Desa Rejang	201
Rajah 5.13:	Aktiviti Senaman Pagi bersama ahli-ahli Komuniti Desa Rejang	202

Rajah 5.14:	Aktiviti Kelab Kebudayaan <i>Community Policing</i> Desa Rejang	202
Rajah 5.15:	Pameran-pameran dalam Kempen Kesedaran Pencegahan Jenayah di Pusat Beli-belah Wangsa Walk, Setapak	206
Rajah 5.16:	Pameran “ <i>African Scam</i> ” dalam Kempen Kesedaran Pencegahan Jenayah di Pusat Beli-belah Wangsa Walk, Setapak	207
Rajah 5.17:	Tinjauan Mesra Anggota Polis <i>Community Policing</i> bersama Kanak-kanak PPA Desa Rejang	207
Rajah 5.18:	Perarakan Sambutan “Maulidur Rasul” di PPA Desa Rejang	208
Rajah 6.1:	Kemudahan Dewan Serbaguna PPA Desa Rejang	247
Rajah 6.2:	Kemudahan Klinik 1Malaysia PPA Desa Rejang	248
Rajah 6.3:	Taman Permainan PPA Desa Rejang	248
Rajah 6.4:	Gelanggang Permainan dan Pasar Pagi di PPA Desa Rejang	248
Rajah 6.5:	Medan Selera/ Kedai Makan di PPA Desa Rejang	249



## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Kes Kanak-kanak Tidak Terkawal yang Mendapat Perkhidmatan Perlindungan dan Pemulihan, 2005-2013	4
Jadual 1.2:	Kanak-kanak Bersalah mengikut Jenis Kesalahan, 2006-2011	5
Jadual 2.1:	Elemen-elemen Kepolisan Tradisional dan Pengawasan Komuniti	78
Jadual 3.1:	Teknik-teknik Pencegahan Jenayah Model Situasi	100
Jadual 4.1:	Jumlah Penduduk Setinggalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1978- April 2008	131
Jadual 4.2:	Senarai Sampel (Bilangan Unit Rumah) bagi Enam Blok Pangsapuri untuk Kajian Soal Selidik	136
Jadual 4.3:	Profil Responden Kajian	138
Jadual 4.4:	Nilai Alpha Cronbach setiap Bahagian Soal Selidik	148
Jadual 4.5:	Julat Pekali Alpha Cronbach	148
Jadual 4.6:	Kategori Salah Laku Tidak Terkawal	149
Jadual 5.1:	Perangkaan Jenayah kekerasan dan Harta benda di PPA Desa Rejang, 2009-2010	156
Jadual 5.2:	Pola Salah Laku Responden	163
Jadual 5.3:	Tahap Pengetahuan Responden terhadap Perlaksanaan Program Pengawasan Komuniti	170
Jadual 5.4:	Perkaitan Demografi Responden dengan Tahap Pengetahuan Kewujudan Program Pengawasan Komuniti	171
Jadual 5.5:	Perkaitan Pengetahuan Responden terhadap Program Pengawasan Komuniti dengan Pola Tingkah Laku Antisocial Mereka	173

Jadual 5.6:	Tahap Pengetahuan Responden terhadap Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Keselamatan dalam Komuniti Mereka	175
Jadual 5.7:	Perkaitan Tahap Pengetahuan Responden tentang Pelaksanaan Aktiviti Keselamatan dengan Pola Tingkah Laku Antisozial Mereka	176
Jadual 5.8:	14 Bentuk Pendekatan Pencegahan, Perlindungan dan Keselamatan Persekitaran Sekolah Selamat	187
Jadual 5.9:	Tahap Pengetahuan Responden terhadap Pelaksanaan Aktiviti Kemasyarakatan dalam Komuniti Mereka	191
Jadual 5.10:	Perkaitan Tahap Pengetahuan Responden terhadap Pelaksanaan Aktiviti Kemasyarakatan dengan Pola Tingkah Laku Antisozial Mereka	192
Jadual 5.11:	Tahap Pengetahuan Responden terhadap Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Rekreasi dalam Komuniti Mereka	199
Jadual 5.12:	Perkaitan Tahap Pengetahuan Responden tentang Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Rekreasi dengan Pola Tingkah Laku Antisozial Mereka	200
Jadual 5.13:	Tahap Pengetahuan Responden terhadap Pelaksanaan Aktiviti Pendidikan dalam Komuniti Mereka	204
Jadual 5.14:	Perkaitan Tahap Pengetahuan Responden tentang Pelaksanaan Aktiviti Pendidikan dengan Pola Tingkah Laku Antisozial Mereka	205
Jadual 5.15:	Tahap Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti di Komuniti Mereka	214
Jadual 5.16:	Perkaitan Tahap Penglibatan dalam Program Pengawasan Komuniti dengan Pola Tingkah Laku Antisozial Responden	215
Jadual 5.17:	Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Keselamatan di	

	Komuniti Mereka	218
Jadual 5.18:	Perkaitan Tahap Pengetahuan dengan Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Keselamatan di Komuniti Mereka	219
Jadual 5.19:	Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Kemasyarakatan di Komuniti Mereka	220
Jadual 5.20:	Perkaitan Tahap Pengetahuan dengan Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Kemasyarakatan di Komuniti Mereka	224
Jadual 5.21:	Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Sukan dan Rekreasi di Komuniti Mereka	226
Jadual 5.22:	Perkaitan Tahap Pengetahuan dengan Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Sukan dan Rekreasi di Komuniti Mereka	229
Jadual 5.23:	Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Pendidikan di Komuniti Mereka	230
Jadual 5.24:	Perkaitan Tahap Pengetahuan dengan Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Pendidikan di Komuniti Mereka	231
Jadual 6.1:	Analisis Varians	240
Jadual 6.2:	Analisis Regresi Berganda Item Variabel Bebas Struktural, Intrapersonal dan Interpersonal terhadap Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti di Komuniti Mereka	241
Jadual 6.3:	Perbezaan Min dalam Faktor Halangan Ruang Struktural	250
Jadual 6.4:	Matrik Koefisien Korelasi antara Indikator-indikator Halangan Struktural dengan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti di Komuniti Mereka	253
Jadual 6.5:	Frekuensi dan Perbezaan Min dalam Halangan Ruang	

	Intrapersonal	266
Jadual 6.6:	Matrik Koefisien Korelasi antara Indikator-indikator Halangan Intrapersonal dengan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti di Komuniti Mereka	268
Jadual 6.7:	Frekuensi dan Perbezaan Min dalam Halangan Ruang Interpersonal	277
Jadual 6.8:	Matrik Koefisien Korelasi antara Indikator-indikator Halangan Interpersonal dengan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti di Komuniti Mereka	278
Jadual 7.1:	Modul Program Kemahiran untuk Kanak-kanak Berisiko dan Keluarga mereka	323

## SENARAI SINGKATAN

MBK	: Mahkamah Bagi Kanak-kanak
JKM	: Jabatan Kebajikan Masyarakat
PDRM	: Polis Diraja Malaysia
STB	: Sekolah Tunas Bakti
CYFI	: <i>Children Youth and Families Initiative</i>
PDK	: Pemulihan Dalam Komuniti
OKU	: Orang Kurang Upaya
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
MCPF	: Malaysia Crime Prevention Foundation
YPJM	: Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
CRC	: <i>Convention of the Rights of a Child</i>
SRS	: Skim Rondaan Sukarela
DBP	: Dewan Bahasa dan Pustaka
PAS	: Parti Islam Se-Malaysia
UMNO	: <i>United Malays National Organization</i>
PS5T	: Pelan Strategik Lima Tahun
NKRA	: Bidang Keberhasilan Utama Negara
CCTV	: <i>Closed Circuit Television</i>
GIS	: <i>Geographic Information System</i>
RELA	: Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
NGO	: Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan
KPI	: <i>Key Performance Indicator</i>
CPTED	: <i>Crime Prevention Through Enviromental Design</i>
GFC	: <i>Family Group Conference</i>
KRT	: Kawasan Rukun Tetangga
JKKK	: Jawatan Keselamatan dan Kemajuan Kampung
PEMADAM	: Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
YB	: Yang Berhormat
SKMM	: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada DBKL
- Lampiran 2 : Maklumat Kajian dan Borang Persetujuan Ibu Bapa/ Penjaga dan Kanak-Kanak
- Lampiran 3 : Soalan Temubual *Key-Informants*
- Lampiran 4 : Borang Soal Selidik
- Lampiran 5 : Senarai-Senarai Peralatan Nyata Yang Boleh Diperhatikan Di PPA Desa Rejang

University of Malaysia

**LIST OF APPENDICES**

Appendix A: Example ..... 7

University of Malaya

## **BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Menurut seksyen 46(1) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), “Kanak-kanak Tidak Terkawal” (*Children Beyond Control*) jika ibu atau bapa atau penjaga seseorang kanak-kanak membuat permintaan bertulis kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBK) supaya menahan seseorang kanak-kanak di sesuatu sekolah diluluskan, tempat perlindungan, asrama akhlak, atau pusat dengan alasan bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat menjalankan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu. Dari sudut perkhidmatan pula, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) yang mengendalikan kes Kanak-kanak Tidak Terkawal merujuk Kanak-kanak Tidak Terkawal sebagai kanak-kanak yang bertingkah laku negatif dan ibu atau bapa atau penjaga mereka tidak dapat menjalankan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak tersebut, yang boleh mendorong kepada bahaya jenayah atau moral yang lebih serius (sekiranya tidak dikawal) (JKMM, 2010).

Perlakuan Kanak-kanak Tidak Terkawal sering kali dikaitkan dengan tingkah laku-tingkah laku negatif atau tingkah laku-tingkah laku antisosial yang menentang atau menyimpang daripada norma, nilai, peraturan, dan undang-undang sosial yang dipersetujui oleh masyarakat (Hoge, 2001; Bartol, 2001; Clinard & Meier, 1992; McMahon & McMahon, 1983; Loftland, 1969). Label sosial ini bukannya satu yang baru. Ini kerana literatur akademik bidang kriminologi, psikologi dan delinkuensi juvana telah giat menggunakan tema ini semenjak tahun 1970-an lagi. Beberapa tema juga digunakan bagi merujuk “Kanak-kanak Tidak Terkawal”. Antara yang lazim digunakan dalam literatur akademik adalah “*Ungovernable Child*” (anak yang sukar



dikawal), “*Wayward Child*” (anak degil), dan “*Miscreant Child*” (anak yang selalu membuat salah). Tema-tema berkenaan merujuk kepada sifat diri yang rata-ratanya bersifat negatif, antisosial dan bermasalah (Gough, 1977). Bagi konteks tempatan, Laporan Pegawai Akhlak yang menguruskan kes-kes Kanak-kanak Tidak Terkawal menyenaraikan tingkah laku-tingkah laku yang sering diberikan oleh ibu atau bapa atau penjaga bagi menghantar anak-anak mereka ke dalam jagaan institusi. Antaranya adalah ibu atau bapa atau penjaga langsung tidak boleh kawal anak tersebut, kanak-kanak tersebut tidak mendengar nasihat, tidak menghormati ibu bapa atau individu berautoriti (contoh: guru, ahli keluarga yang lebih dewasa), berkawan dengan kanak-kanak yang rosak akhlak, ponteng sekolah, mencuri barang dalam rumah, kanak-kanak perempuan yang liar atau yang lakukan jenayah tetapi tidak terlibat dengan seks (penglibatan dengan perkara seks adalah di bawah seksyen 38), tidak balik ke rumah beberapa hari, dan ibu atau bapa atau penjaga berasa keselamatan dan kebajikan anak terancam (Laporan Sekolah Tunas Bakti (STB) Sungai Besi Kuala Lumpur, 2 Oktober 2011). Jenis-jenis salah laku tersebut walaupun cenderung bersifat “*habitual*”, sekiranya tidak dicelah berisiko tinggi agar menolak kanak-kanak berkenaan untuk terlibat dengan pelbagai gejala antisosial dan jenayah yang lebih serius.

Berbeza daripada kanak-kanak delinkuen yang telah disabit kesalahan dan diarahkan oleh MBK untuk dihantar ke institusi penjagaan, pemulihan, dan perlindungan, kemasukan Kanak-kanak Tidak Terkawal ke dalam institusi adalah menerusi permohonan bertulis kepada MBK. Ibu atau bapa atau penjaga yang sah bagi kanak-kanak berkenaan memohon bantuan pemulihan terhadap tingkah laku yang sering ditunjukkan oleh anak yang tidak terkawal (seksyen 46(1) Akta Kanak-Kanak 2001). Seksyen 46(1)(a) dan (b) pula menyatakan MBK hendaklah menyasat perkara tersebut serta merta dengan mengarahkan Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Akhlak

menyiasat keadaan sebenar berdasarkan surat permohonan itu. Satu Laporan Akhlak perlu disediakan. MBK akan menetapkan satu tarikh untuk bersidang dengan kehadiran pemohon, anak yang tidak terkawal dan Pegawai Akhlak. Menurut seksyen 46(2), MBK boleh membuat keputusan selepas mempertimbangkan Laporan Akhlak, dan atas syor Pegawai Akhlak boleh mengarahkan kanak-kanak berkenaan dihantar ke Sekolah yang Diluluskan, tempat perlindungan, Asrama Akhlak atau pusat tidak lebih daripada satu tahun. Selepas tinggal di Asrama Akhlak, mereka akan diawasi selama tempoh baki Perintah Pengawasan yang ada. Jika kanak-kanak masih mengulangi tingkah laku negatif, mereka boleh dihantar ke Sekolah Tunas Bakti (STB). Tempoh pemulihan di STB adalah selama 3 tahun. Selepas keluar dari institusi dan pulang ke pangkuan keluarga, kanak-kanak tersebut masih diselia oleh Pegawai Akhlak selama satu tahun. Sekiranya kanak-kanak tersebut melanggar syarat yang ditetapkan; iaitu kanak-kanak yang bebas secara berlesen menurut seksyen 67(3) tetapi dengan sengaja tidak hadir untuk pengawasan, dia boleh dikembalikan semula ke institusi atau Sekolah yang Diluluskan.

Terdapat ramai Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti, walaupun bilangan sebenarnya tidak dapat dikira dengan tepat. Perangkaan dalam Jadual 1.1 memaparkan bilangan Kanak-kanak Tidak Terkawal yang sedang mendapat perkhidmatan perlindungan dan pemulihan di seluruh Malaysia dari tahun 2005 sehingga 2013. Statistik tersebut menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Tahun 2010 mencatatkan peningkatan kepada 694 kes Kanak-kanak Tidak Terkawal. Tahun 2011 mencatatkan penurunan kepada 612 kes Kanak-kanak Tidak Terkawal, namun jumlahnya meningkat kepada 635 pada tahun 2013. Angka tersebut hanya mewakili Kanak-kanak Tidak Terkawal yang mendapat perkhidmatan kebajikan dan perlindungan di dalam institusi-institusi pemulihan yang dikelolakan oleh JKMM di

seluruh negara. Dalam penyelesaian kes Kanak-kanak Tidak Terkawal mengikut keputusan MBK, terdapat juga kes yang ditarik semula oleh keluarga dan kes ditolak oleh mahkamah. Di samping itu terdapat juga kes di mana kanak-kanak tersebut dimasukkan ke asrama atau tahanan sementara dan diberi khidmat kaunseling sahaja.

Jadual 1.1: Kes Kanak-kanak Tidak Terkawal yang Mendapat Perkhidmatan Perlindungan dan Pemulihan, Tahun 2005-2013

Tahun	Kes Kanak-kanak Tidak Terkawal seksyen 46(1)		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2005	113	109	222
2006	111	175	286
2007	111	258	369
2008	209	400	609
2009	Tiada data	Tiada data	Tiada data
2010	215	479	694
2011	205	407	612
2013	213	422	635

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia 2013

Secara tidak langsung, perangkaan yang dipaparkan dalam Jadual 1.1 juga menggambarkan senario kewujudan ramai Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti. Ini kerana mengikut konsep angka gelap jenayah (*dark figure of crime*), kadar kesalahan jenayah yang tidak ditangkap dan/atau dilaporkan adalah sebanyak 75 peratus daripada angka penangkapan rasmi. Angka gelap jenayah ialah bilangan atau kes jenayah yang berlaku tetapi tidak diketahui, tidak dilaporkan, dan tidak direkodkan oleh badan rasmi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM). Abd. Hadi (2009) misalnya menjelaskan adalah menjadi pengetahuan umum dalam kalangan ahli-ahli Kriminologi bahawa daripada jumlah perbuatan jenayah, hanya sebilangan kecil sahaja yang diketahui oleh pihak berkuasa dan diambil tindakan. Memetik negara England sebagai contoh, Hood dan Sparks (1970) menganggarkan hanya 15 peratus hingga 25 peratus dari jumlah jenayah dilaporkan.

Sekiranya kiraan angka gelap jenayah digunakan untuk menganggarkan angka Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti, pengkaji menganggarkan dari sejumlah 635 kes Kanak-kanak Tidak Terkawal yang dilaporkan dalam tahun 2013, terdapat kira-kira 1,905 (635 X 3) kes Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti yang tidak dilaporkan. Senario ini memperlihatkan kepada kita keseriusan masalah Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti. Data dalam Jadual 1.2 boleh digunakan bagi menyokong penyataan berkenaan.

Jadual 1.2: Kanak-Kanak Bersalah Mengikut Jenis Kesalahan, 2006-2011

<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
Bersabit dengan harta benda	3,454	3,593	2,109	2,743
Bersabit dengan orang	193	304	543	762
Akta Kesalahan Kecil	89	184	47	79
Melanggar syarat pengawasan	16	41	4	30
Dadah	718	810	1,014	1,096
Judi	47	34	24	42
Senjata/ bahan api	98	112	40	72
Lalu lintas	515	834	224	262
Lari dari sekolah diluluskan	45	14	1	3
Lain-lain	780	837	459	458
<b>Jumlah</b>	<b>5,955</b>	<b>6,763</b>	<b>4,465</b>	<b>5,547</b>

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM), 2013

Nota: Tahun 2008 mencatatkan 8,809 kes (Utusan Malaysia, 1 Ogos 2009).  
Tahun 2009 tiada data.

Data di atas menunjukkan penangkapan kanak-kanak mengikut jenis kesalahan jenayah bagi tahun 2006 hingga 2011. Penglibatan kanak-kanak dalam jenayah memperlihatkan peningkatan dari setahun ke setahun. Walaupun terdapat penurunan kes kepada 4,465 pada tahun 2010, jumlah kes meningkat semula kepada 5,547 kes pada tahun 2011. Data ini juga dapat digunakan untuk menyokong fakta bilangan Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti adalah tinggi. Ini kerana perlakuan jenayah selalunya menular daripada tingkah laku antisosial yang tidak dapat dikawal atau dicelah. Sekiranya bilangan Kanak-kanak Tidak Terkawal dapat dicelah atau

dicegah, sudah pasti bilangan kanak-kanak yang ditangkap atas kesalahan jenayah yang dipaparkan dalam Jadual 1.2 rendah.

Perkara paling penting yang perlu diberi perhatian berdasarkan perangkaan di dalam Jadual 1.1 dan 1.2 ialah kewujudan Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti mempunyai kaitan rapat dengan kerapuhan aktiviti pencelahan, pengawasan, dan penjagaan sosial dalam komuniti. Ini menyebabkan komuniti gagal mengawal perkembangan tingkah laku tidak terkawal dalam kalangan anggota mudanya. Impak kritikal kegagalan ini adalah penularan tingkah laku tidak terkawal kepada tingkah laku yang lebih berisiko dan berbahaya; iaitu perlakuan jenayah. Secara langsung, keadaan ini juga memperlihatkan keperluan untuk mengukuhkan tindakan-tindakan pencelahan, penjagaan dan pengawasan dalam komuniti agar tingkah laku tidak terkawal dalam kalangan kanak-kanak dapat dikawal secara berkesan. Selain itu, semua faktor yang boleh menghalang kelancaran pelaksanaan inisiatif-inisiatif penjagaan dan pengawasan berasas komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal perlu dikaji secara terperinci bagi memastikan inisiatif ini berjaya mencapai matlamat hakikinya untuk melindungi dan meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

## **1.2 Permasalahan dan Persoalan Kajian**

Di Malaysia, JKMM telah menyediakan pelbagai program perlindungan dan pemulihan berasaskan institusi untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal yang dimasukkan ke dalam jagaan institusi. Institusi-institusi yang terlibat di bawah kelolaan JKMM untuk perlindungan dan pemulihan Kanak-kanak Tidak Terkawal adalah Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti, dan Taman Seri Puteri. Program perlindungan dan pemulihan sosial berasas institusi untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal di Malaysia boleh dikatakan

komprehensif kerana ia merangkumi semua aspek keperluan sosial dan sahsiah kanak-kanak. Antara contoh program yang dijalankan di institusi adalah pendidikan asas, latihan vokasional, bimbingan agama dan pendidikan moral, bimbingan kaunseling dan psikologi, program-program kemasyarakatan, aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan dan rekreasi, serta program motivasi (Pathmanathan & Siti Hajar, 2013).

Berbeza daripada program penjagaan berasas institusi untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal, program pengawasan dan penjagaan sosial berasas komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal, khususnya yang melibatkan kerjasama antara komuniti dan polis setempat untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal di Malaysia masih terhad dan cetek liputan serta perlaksanaannya. Ini berbeza sekali dengan negara-negara maju yang lazimnya mempunyai Program Pengawasan Komuniti yang komprehensif untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal mereka. Amerika Syarikat contohnya mempunyai serangkaian program penjagaan dan pengawasan berasaskan komuniti yang melibatkan semua sektor sosial dalam komuniti bekerjasama mengawal dan melindungi Kanak-kanak Tidak Terkawal. Antara program penjagaan sosial berasas komunitinya yang popular adalah program *Children Youth and Families Initiative* (CYFI) yang melibatkan penyertaan aktif ibu bapa dan/ atau keluarga kanak-kanak berisiko, sekolah, komuniti, pusat-pusat setempat atau kejiranan, rakan sebaya, dan perkhidmatan sosial kanak-kanak. Pusat-pusat pengembangan komuniti yang disediakan di bawah program CYFI seperti pusat harian ibu bapa, pusat sehati ibu bapa dan kafe ibu bapa menyediakan ruang untuk ibu bapa berbincang dan berkongsi pengalaman, menambah pengetahuan mereka mengenai aspek kekeluargaan, dan mendapatkan khidmat nasihat. Mereka juga boleh menyertai aktiviti-aktiviti sosial seperti kelas, bengkel dan latihan keibubapaan seperti kaunseling dan terapi keluarga yang boleh meningkatkan mutu dan kemahiran sosial mereka dalam

komunikasi, berinteraksi, mendisiplinkan, dan mengawal tingkah laku anak (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009).

Berbeza daripada negara-negara maju, Program Pengawasan Komuniti di Malaysia hanya merangkumi segelintir kumpulan sosial khusus dan ada juga yang dibina untuk semua anggota masyarakat secara umum atau generik. Contohnya, Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang diwujudkan oleh JKMM khusus untuk golongan orang kurang upaya (OKU). Antara tujuan Program PDK adalah untuk meningkatkan kualiti hidup golongan OKU di samping membolehkan integrasi sosial berlaku dalam kalangan mereka (JKMM, 2010a). Begitu juga dengan Program Bandar Selamat yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai inisiatif mencegah jenayah. Program Bandar Selamat merupakan sebuah Program Pengawasan Komuniti secara generik untuk semua komuniti bandar. Dalam program ini, pasukan polis bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan organisasi bukan-kerajaan seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) yang mereka bentuk dan mewujudkan persekitaran yang selamat dan bebas jenayah (Norliana et al., 2012). Program “Sekolah Selamat” pula merupakan salah satu Program Pengawasan Komuniti antara pihak polis dan Kementerian Pelajaran Malaysia yang berlangsung di sekolah. Program ini bertujuan mendedahkan para pelajar, ibu bapa, guru dan individu yang mempunyai hubungan dengan sekolah mengenai keselamatan murid dari aspek fizikal dan bangunan, aktiviti-aktiviti murid, bencana alam, sosial, dan persekitaran atau lokasi (Shamsiah, Sharulbanun & Azaiah, 2005).

Contoh-contoh di atas secara tidak langsung menunjukkan kebanyakan Program Pengawasan Komuniti yang terdapat di negara ini bersifat generik. Masih tidak terdapat lagi program penjagaan sosial berasaskan pendekatan pengawasan komuniti yang

khusus untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal. Kanak-kanak yang menyertai Program Sekolah Selamat mungkin beranggapan yang program tersebut merupakan program sekolah. Begitu juga dengan kanak-kanak yang mengikut ibu bapa mereka menyertai Program Bandar Selamat yang terdapat di komuniti masing-masing. Mereka mungkin beranggapan yang program tersebut merupakan program polis. Bukan sahaja kanak-kanak; malah ibu bapa dan sebahagian besar anggota komuniti sendiri tidak tahu atau tidak peka dengan kewujudan Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kediaman mereka. Sehingga kini, tiada sebarang kajian di peringkat tempatan yang mengkaji kepekaan masyarakat mengenai kewujudan Program Pengawasan Komuniti dalam komuniti masing-masing.

Kembali semula kepada kumpulan sasar kajian ini; iaitu kanak-kanak, mereka mungkin tidak tahu mengenai kewujudan program tersebut di dalam komuniti. Secara logiknya, individu yang tidak tahu mengenai kewujudan sesuatu program sosial dalam komuniti tidak akan melibatkan diri dalam aktiviti program berkenaan. Begitu juga, individu yang tidak peka, tidak tahu atau tidak arif dengan maklumat sesuatu program juga tidak akan melibatkan diri dengan program tersebut. Bagaimana sebuah program sosial boleh dilaksanakan dengan berkesan sekiranya kumpulan sasar tidak tahu mengenainya? Mungkin inilah yang berlaku kepada Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti. Mereka tidak tahu mengenai kewujudan Program Pengawasan Komuniti dalam kejiwaan mereka. Bertitik-tolak daripada hujahan asas ini, soalan pertama yang ingin dijawab oleh kajian ilmiah ini adalah *apakah tahap pengetahuan kanak-kanak mengenai kewujudan aktiviti-aktiviti sosial berkaitan Program Pengawasan Komuniti dalam komuniti mereka?*



Rentetan daripada soalan pertama ini timbul soalan kedua iaitu *apakah tahap penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti yang terdapat dalam komuniti mereka?* Soalan ini timbul kerana kewujudan sesebuah program sosial tidak akan bermakna dan mencapai matlamatnya sekiranya anggota komuniti, khususnya kumpulan sasaran program tidak terlibat atau enggan menyertai atau melibatkan diri secara pasif dalam aktiviti-aktiviti sosial program tersebut. Terdapat banyak bukti empirikal dalam program-program sosial berasaskan komuniti yang telah membuktikan bahawa kejayaan atau kegagalan program-program tersebut dipengaruhi kuat oleh tahap penglibatan kumpulan sasaran program dan anggota komuniti mereka (Kwok, 2013; Haris, 2009; Nor Eeda, 2006; Skogan & Steiner, 2004).

Laporan penilaian Program Pengawasan Komuniti di Chicago oleh Skogan dan Steiner (2004) mendapati penglibatan komuniti setempat dan kumpulan sasaran; khususnya dalam sesebuah Program Pengawasan Komuniti mempunyai hubungan yang amat signifikan dengan keadaan prasarana fizikal dalam komuniti. Komitmen pihak polis dan autoriti yang lain dalam menyediakan dan mengawal-selia kemudahan fizikal yang terdapat dalam komuniti bukan sahaja telah menunjukkan kesan dalam pengurangan perlakuan dan aktiviti jenayah; malah telah mampu menarik penglibatan lebih ramai anggota komuniti di Chicago untuk menyertai aktiviti-aktiviti prososial. Pendek kata, laporan tersebut membuktikan yang prasarana fizikal dan sosial dalam komuniti merupakan pemangkin yang berkuasa atau amat berpengaruh di dalam menarik penyertaan komuniti sasaran ke dalam sesebuah program sosial.

Terdapat beberapa halangan dalam melaksanakan sebuah program yang berasaskan komuniti. Kajian Nor Eeda (2006) mengenai Program Bandar Selamat mendapati faktor seperti kurang sokongan, penyertaan, dan kesedaran komuniti terhadap persatuan

dan aktiviti-aktiviti yang disediakan menghalang kelancaran pelaksanaan program tersebut. Sikap komuniti bandar yang lebih menumpukan kerjaya masing-masing untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi keluarga sehingga kekurangan masa untuk menyertai mana-mana persatuan atau program juga menjadi faktor yang menghalang penyertaan anggota komuniti dalam kebanyakan program komuniti. Selain itu, halangan seperti kekurangan maklumat atau kempen mengenai program, kekangan sumber kewangan, masalah pengurusan, serta kurang jaringan sosial di antara kumpulan penggerak (*stakeholders*) atau agensi-agensi yang terlibat juga turut membantut usaha membangunkan program berasas komuniti. Kekangan ini kemudiannya diburukkan lagi dengan kekurangan kemudahan prasarana fizikal.

Di samping itu, kawasan kediaman yang berisiko melahirkan Kanak-kanak Tidak Terkawal selalunya dicirikan oleh defisit-defisit sosial (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009) iaitu; pertama, kediaman yang terletak di pusat bandar yang sesak, miskin, mempunyai kadar jenayah yang tinggi, tidak terurus iaitu tidak mempunyai kemudahan sosial yang sempurna, dipenuhi dengan bangunan, rumah setinggan atau rumah pangsa yang lama, dan terbiar. Kedua, kejiranan yang tidak atau kurang mesra dan mempunyai kawalan tidak formal yang lemah ke atas aktiviti harian ahlinya. Ketiga, komuniti yang mempunyai model peranan antisosial, yang menyokong aktiviti jenayah dan antisosial sebagai perbuatan yang tidak bercanggah dengan norma dan peraturan hidup mereka, dan keempat komuniti yang tidak mempedulikan keperluan dan kepentingan setiap ahlinya. Semua ciri berkenaan lazimnya tidak menyokong keberadaan dan kelangsungan operasi sebuah program penjagaan sosial dan/ atau kawalan sosial yang berasas komuniti. Masih belum terdapat satu pun kajian diusahakan khususnya di peringkat tempatan yang mengkaji defisit prasarana-prasarana dalam kawasan kejiranan

yang mempengaruhi penglibatan atau penyertaan kumpulan sasar sesebuah Program Pengawasan Komuniti.

Adakah halangan-halangan fizikal dan sosial yang dinyatakan di atas juga menjadi penghalang kepada kemampuan Program Pengawasan Komuniti dalam mengawasi Kanak-kanak Tidak Terkawal di negara ini? Adakah halangan-halangan dan kekangan-kekangan berkenaan juga menjadi punca yang menyebabkan masyarakat kita keberatan untuk mengadakan sebuah program kawalan dan penjagaan sosial berasas pengawasan komuniti khusus untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal? Ataupun, mungkinkah kekangan-kekangan berkenaan menyebabkan pihak komuniti sukar dan terhalang untuk mengimplementasi sebuah program kawalan komuniti khusus untuk kanak-kanak berisiko ini? Adakah tidak bersikap akademik untuk kita menerjah mengatakan defisit prasarana fizikal dan sosial dalam komuniti menyebabkan anggota komuniti tidak mahu terlibat atau menyertai aktiviti Program Pengawasan Komuniti. Dunia akademik memerlukan kita melakukan satu kajian saintifik bagi mengesahkan hujahan-hujahan sebegini. Bersesuaian dengan perkara ini; iaitu bagi mencari bukti empirikal kepada soalan-soalan tersebut, soalan ketiga yang cuba dijawab oleh pengkaji dalam kajian ini ialah *mengapa penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti terhalang?*

Program kawalan, pencegahan dan penjagaan sosial berasaskan konsep pengawasan komuniti dikatakan mempunyai beberapa kekuatan yang menyebabkan program tersebut dicadangkan sebagai tindakan pencelahan masalah tingkah laku yang berkesan untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal. Rasional keberkesanan ciri program-program penjagaan sosial berasaskan komuniti adalah kerana ia mempunyai pelbagai jaringan sosial dan ekonomi seperti individu, keluarga, sekolah, organisasi agama,

kawasan kejiranan, dan organisasi perniagaan. Rangkaian jaringan sosial ini seterusnya menyediakan pelbagai strategi dan pendekatan penjagaan (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009; Samson & Graif, 2009; Komro & Toomey, 2002; Philips & Bridges, 2000; Bornat, 1997). Pendek kata, ciri-ciri atau “*nature*” komuniti yang kaya dengan pelbagai sumber yang tidak formal mampu menawarkan pelbagai pendekatan dan pakej sokongan yang seterusnya menyumbang kepada keberkesanan program pengawasan berasas komuniti dalam melindungi kanak-kanak.

Dengan kata lain, keupayaan sesebuah Program Pengawasan Komuniti menjaga dan melindungi kanak-kanak mempunyai kaitan rapat dengan aset fizikal dan sosial yang terdapat di dalam komuniti terbabit. Hubungannya bersifat dwi-hala; iaitu sekiranya modal fizikal dan sosial yang dimiliki komuniti bersifat produktif, maka, modal-modal ini boleh berintegrasi dan bekerjasama mencapai matlamat sosial yang diinginkan oleh komuniti (Siti Hajar, 2007). Mana-mana usaha pembangunan komuniti dan/atau usaha untuk mengubah kualiti hidup komuniti pasti melibatkan usaha-usaha untuk memperkasakan aset fizikal dan sosial yang terdapat dalam komuniti tersebut. Berkaitan dengan hal ini, soalan terakhir yang cuba dirungkai oleh kajian ini adalah *bagaimana aset fizikal dan sosial yang terdapat dalam komuniti boleh diperkasakan agar Program Pengawasan Komuniti khusus untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal boleh dilaksanakan dengan jayanya?* Dapatan bagi soalan terakhir ini penting dalam usaha menambah baik pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti sedia ada agar program tersebut mampu menangani masalah tingkah laku tidak terkawal kanak-kanak dengan lebih berkesan.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- 1) Mengetahui tahap pengetahuan kanak-kanak terhadap Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kediaman mereka,
- 2) Mengukur tahap penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti, dan
- 3) Menentukan (*determine*) halangan-halangan yang terdapat dalam “*Ruang Boleh Dipertahankan*” yang mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti.
- 4) Mencadangkan serangkaian tindakan susulan yang mampu mempertingkatkan lagi keupayaan Program Pengawasan Komuniti dalam mengawal Kanak-kanak Tidak Terkawal yang berada dalam komuniti.

Maklumat yang dikumpulkan daripada dapatan semua objektif di atas penting sebagai asas untuk perancangan dan penambahbaikan satu modul Program Pengawasan Komuniti khusus untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal di Malaysia. Sekiranya tercapai, modul ini boleh digunakan oleh pihak polis dan komuniti untuk mengawal dan melindungi kanak-kanak Malaysia secara berkesan.

### 1.4 Skop Kajian

Kajian ini adalah mengenai Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal. Ini adalah sebuah program pencelahan dan penjagaan sosial yang berasaskan kepada kerjasama semua sektor dalam komuniti, khususnya antara polis dengan komuniti kejuruan atau kediaman yang sama. Intervensi sosial ini tergolong sebagai

strategi pencegahan jenayah primer; iaitu mengenal pasti keadaan persekitaran fizikal dan sosial dalam sebuah komuniti yang boleh mencetuskan peluang berlakunya tingkah laku jenayah (Brantingham & Faust 1976). Pencegahan jenayah primer bertujuan untuk menghalang sesuatu masalah atau tingkah laku jenayah daripada berlaku atau terjadi.

Pendekatan utama pencegahan jenayah primer adalah *Ruang Boleh Dipertahankan* atau *Defensible Space*. Secara ringkas, *Ruang Boleh Dipertahankan* merujuk kepada persekitaran komuniti atau kejuranan yang sihat dan aman sejahtera, iaitu bebas daripada ancaman jenayah melalui prinsip mempunyai reka bentuk persekitaran fizikal dan sosial selamat, memperkasakan kawasan sasaran, dan pembangunan komuniti melalui kegiatan sosial dan kemasyarakatan (Lab, 2007; Schneider & Kitchen, 2007).

Hipotesis utama pendekatan ini merujuk kepada usaha-usaha penggunaan ruang secara optimum dan produktif. Pendekatan ini beranggapan apabila ruang persekitaran digunakan secara komprehensif, maka individu atau ahli masyarakat secara tidak langsung akan berasa selamat (Lab, 2007; Schneider & Kitchen, 2007). Skop kajian ini bertitik-tumpu dan berkisar kepada pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* ini. Pendekatan ini dipilih mendasari analisis kajian ini kerana ia merupakan pendekatan utama operasi Program Pengawasan Komuniti. Penjelasan terperinci mengenai pendekatan ini terdapat di dalam Bab Tiga tesis ini (Infra, bahagian subtopik 3.3, halaman 106).

Dalam konteks kajian ini, tiga komponen berikut perlu hadir terlebih dahulu bagi memastikan sesebuah program pencegahan jenayah peringkat primer boleh dilaksanakan secara berkesan melalui pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan*, iaitu:

- i. Pengetahuan terhadap kewujudan program pencegahan;
- ii. Penglibatan anggota komuniti dalam aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti mereka; dan
- iii. Pengalihan (*removal*) halangan-halangan struktural, intrapersonal dan interpersonal yang terdapat dalam ruang fizikal dan sosial komuniti.

Kesemua elemen dalam ruang fizikal dan ruang sosial tersebut diperlukan untuk kelancaran operasi atau pelaksanaan sesebuah Program Pengawasan Komuniti bagi Kanak-kanak Tidak Terkawal yang terdapat dalam komuniti (Mc Whirter et al., 2013; Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009; Philips & Bridges, 2005; Jessor, 1998; Hirschi, 1969).

#### **1.4.1 Pengetahuan terhadap kewujudan program/ aktiviti sosial**

Umumnya, kecenderungan individu atau anggota komuniti untuk melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti, dipengaruhi oleh pengetahuan atau maklumat yang mereka peroleh. Pengetahuan tentang sesuatu aktiviti akan memberi pendedahan dan maklumat mengenai aktiviti atau perkara tersebut. Pendedahan yang diterima membuatkan individu tersebut lebih cenderung untuk menerima sesuatu pembaharuan. Pengetahuan yang ada turut membuka peluang kepada individu untuk menilai kebaikan sesuatu pembaharuan yang diperkenalkan dalam lingkungan komuniti itu (Haris, 2007). Pendek kata, pengetahuan kanak-kanak tentang kewujudan aktiviti pengawasan komuniti mempengaruhi kecenderungan mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

#### 1.4.2 Penglibatan anggota komuniti dalam aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti

Prasarana-prasarana awam dalam komuniti tidak dapat berfungsi dengan baik jika tiada aktiviti atau program sosial dianjurkan di dalam komuniti tersebut. Komuniti yang sejahtera wujud apabila ahli-ahlinya terlibat dalam aktiviti-aktiviti sosial. Justeru itu, sesebuah komuniti perlu mempunyai aktiviti-aktiviti prososial yang mampu menarik minat penglibatan atau penyertaan ahli-ahli komunitinya. Dalam menangani masalah tingkah laku kanak-kanak berisiko, Siti Hajar dan Abd. Hadi (2009) misalnya menyatakan kewujudan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang bersifat pro-sosial dan mesra-membangun dalam komuniti mampu menarik minat penglibatan kanak-kanak berisiko dan anggota komuniti.

Hirschi (1969) menyatakan penglibatan aktif anggota komuniti; khususnya kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti prososial yang dianjurkan oleh komuniti mampu menghalang mereka daripada terlibat atau terpengaruh dengan aktiviti antisosial atau jenayah. Penyertaan anggota komuniti merupakan pra-syarat utama kejayaan mana-mana program sosial yang berasaskan komuniti. Wilcox dalam bukunya *Guide to Effective Participation* (1994) menyatakan penyertaan atau penglibatan aktif anggota komuniti dalam mana-mana program sosial yang berasaskan komuniti seharusnya merangkumi tahap-tahap berikut yakni, penyaluran dan penyampaian maklumat, perundingan dalam perancangan dan pelaksanaan program, membuat keputusan, bertindak bersama (*acting together*), dan saling-menyokong dalam pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti program.



### **1.4.3 Pengalihan (*removal*) halangan-halangan struktural, intrapersonal dan interpersonal yang terdapat dalam ruang fizikal dan sosial komuniti**

Ruang struktur yang boleh dipertahankan merujuk persekitaran komuniti kejiranan yang dilengkapi dengan prasarana fizikal dan sosial yang mendorong ahli-ahli komuniti melakukan aktiviti-aktiviti sosial bersama-sama ahli-ahli komuniti yang lain. Prasarana tersebut meliputi prasarana pendidikan, keselamatan, sukan dan rekreasi, kesihatan, ibadat, pengangkutan dan prasarana lain seperti kedai/ pasar, dan medan makan. Selain daripada prasarana-prasarana fizikal yang disebut di atas, prasarana sosial pula meliputi program-program atau aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan dalam komuniti. Ruang struktural juga turut menyentuh sistem penyampaian maklumat, kewangan, dan masa lapang anggota komuniti untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti mereka.

Ruang intrapersonal yang boleh dipertahankan pula merujuk kepada komunikasi intrapersonal iaitu komunikasi yang terjadi dengan diri sendiri. Komunikasi intrapersonal ini merupakan dialog-dialog dalaman (*internal*) yang terjadi dalam diri individu yang dapat membantu individu tersebut untuk mengukuhkan estim sendiri (*self-esteem*) (Nazirah, 2012). Sebagai contoh, ketika anda sedang bersama dengan seseorang, apa yang anda fikirkan merupakan komunikasi intrapersonal (West & Turner, 2008 dalam Nazirah, 2012). Terdapat beberapa konsep lain yang digunakan dalam komunikasi intrapersonal, seperti estim sendiri dan konsep sendiri (Saodah et al., 2003 dalam Nazirah, 2012). Konsep sendiri adalah penilaian aspek tertentu seseorang individu itu mengenai dirinya. Ishak (2007) menyatakan konsep sendiri menyerupai pandangan seseorang mengenai status dirinya dan ia menentukan bagaimanakah seseorang itu memproseskan maklumat diri, nilai etika, peranan sosial, ciri-ciri fizikal


dan lain-lain. Faktor-faktor seperti tekanan, kebimbangan, sikap, kemampuan dan kemahiran diri bertindak menghalang penglibatan individu tersebut dalam aktiviti-aktiviti sosial. Ruang intrapersonal kanak-kanak yang positif dapat mempengaruhi tingkah laku mereka melakukan aktiviti-aktiviti yang prososial.

Ruang interpersonal yang boleh dipertahankan merujuk kepada komunikasi interpersonal iaitu komunikasi yang terjadi secara langsung antara dua orang (West & Turner, 2008 dalam Nazirah, 2012). Komunikasi ini mewujudkan hubungan dengan individu di sekeliling kita. Komunikasi interpersonal ini adalah teras bagi seseorang individu itu untuk membina hubungan dengan orang di sekelilingnya dan hubungan tersebut juga mengalami perkembangan. Sama ada ia berkomunikasi dengan orang lain yang dikenali atau tidak, suatu jaringan itu telahpun dibentuk dalam bentuk hubungan interpersonal (Nazirah, 2012). Dalam konteks ruang interpersonal, interaksi dan hubungan yang terjalin antara kanak-kanak dengan rakan sebaya, ibu bapa, jiran-jiran, sekolah, media massa dan elektronik, serta kumpulan penggerak (*stakeholders*) atau agensi-agensi, dan pemimpin komuniti mempengaruhi mereka dalam melibatkan diri dalam aktiviti prososial.

Pengalihan halangan-halangan dalam ruang struktural, intrapersonal dan interpersonal dapat menggalakkan ahli-ahli komuniti berinteraksi, menggunakan prasarana fizikal dan sosial dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti komuniti yang dianjurkan dalam komuniti mereka.

Secara keseluruhannya, pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* menyentuh aspek ruang fizikal dan ruang sosial yang dibincangkan di atas. Penerangan terperinci dan bukti-bukti empirikal mengenai bagaimana tiga komponen utama *Ruang Boleh*

*Dipertahankan*; iaitu pengetahuan terhadap kewujudan program pencegahan, penglibatan anggota komuniti dalam aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti mereka, dan kualiti ruang struktural, intrapersonal dan interpersonal yang terdapat dalam ruang fizikal dan sosial komuniti yang mempengaruhi kelancaran pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti dinyatakan dengan lebih mendalam di dalam Bab Tiga tesis ini. Model konseptual kajian yang menunjukkan integrasi antara intervensi berasas ruang sosial dan ruang fizikal yang diutarakan oleh pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* dalam Program Pengawasan Komuniti digambarkan secara grafik di dalam Rajah 1.1. Integrasi tersebut dapat mewujudkan Program Pengawasan Komuniti yang berjaya menjaga dan mengawasi kanak-kanak daripada tingkah laku tidak terkawal atau terlibat dengan aktiviti-aktiviti antisosial.



Rajah 1.1: Model Konseptual Kajian

## 1.5 Kepentingan Kajian

Pengawasan Komuniti sudah lama diamalkan di kebanyakan negara maju. Pergerakan besar-besaran daripada penjagaan dan pemulihan institusi kepada penjagaan dan pemulihan berasas komuniti semakin mendapat perhatian. Ia juga telah menjadi strategi kebajikan dan pengadilan yang terpenting untuk kanak-kanak. Kanak-kanak perlu membesar, dipelihara, dididik, dan dijaga dalam persekitaran yang normal, iaitu dalam persekitaran keluarga dan komuniti; bukannya institusi. Akta Kanak-Kanak 2001 dan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak menyatakan penjagaan institusi merupakan intervensi terakhir (*last resort*) untuk kanak-kanak. Ini konsisten dengan objektif Dasar Kanak-Kanak Negara iaitu memastikan setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk perkembangan holistik dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian. Selain itu, fungsi atau tujuan yang lain adalah untuk memastikan kanak-kanak, ibu bapa, penjaga, komuniti dan masyarakat sedar akan hak kanak-kanak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan, dan penyertaan dalam persekitaran sosial mereka. Justeru, bagi menghalang kanak-kanak daripada dimasukkan ke dalam jagaan, pemulihan dan perlindungan berasas institusi, Program Pengawasan Komuniti perlu diperkukuhkan. Ini kerana Program Pengawasan Komuniti merupakan “benteng” yang menghalang kanak-kanak daripada perlu dimasukkan ke dalam jagaan institusi.

Dari konteks ekonomi-politik kebajikan (*political economy of welfare*), program-program sosial yang melibatkan komuniti adalah lebih menjimatkan berbanding dengan program-program sosial yang berlangsung dalam institusi. Jabatan Penjara Malaysia misalnya, mencatatkan belanja tahunan yang tinggi untuk program pemulihan banduan penjara. Pada tahun 2010, jumlah banduan berulang kali masuk dicatatkan pada tahap 16.8 peratus setahun daripada jumlah banduan di seluruh negara.

Semenjak itu, kos utiliti penghuni penjara secara purata adalah pada kadar RM35 seorang dan kos tanggungan makanan adalah kira-kira RM55.5 juta setahun untuk 31 buah penjara yang sembilan daripadanya dikenal pasti sebagai penjara sesak (Bernama, 13 Jun 2010). Datuk Seri Hishamudin Tun Hussein selaku Menteri Kementarian Dalam Negeri mengatakan keadaan ini membawa kesan dan beban besar terhadap perbelanjaan negara bukan sahaja daripada segi infrastruktur tambahan dan pegawai penjara, tetapi melibatkan kos makanan dan juga soal penjagaan kesihatan penghuni penjara (Bernama, 13 Jun 2010). Institusi-institusi pemulihan, penjagaan dan perlindungan kanak-kanak pula membelanjakan sebanyak RM43.7 pada tahun 2011 (Buku Tahunan Perangkaan Malaysia, 2011). Institusi-institusi pemulihan, penjagaan dan perlindungan kanak-kanak turut mencatatkan perbelanjaan yang tinggi. Misalnya, STB Marang Terengganu mendapat peruntukan sebanyak RM2.0 hingga RM2.08 juta pada tahun 2013 untuk pembelian bekalan stor dan lain-lain pengurusan (JKMM, 2014). Jumlah peruntukan tersebut hanya melibatkan sebuah STB sahaja. Sekiranya diambil kira untuk 8 lagi buah STB dan institusi-institusi kanak-kanak yang lain, peruntukan kerajaan pasti menunjukkan angka yang lebih tinggi.

Sekiranya Program Pengawasan Komuniti berjaya menjaga kanak-kanak, sudah pasti membantu menjimatkan perbelanjaan negara. Mengambil contoh di Britain, perbelanjaan untuk membayar upah kakitangan penjara sahaja melibatkan perbelanjaan yang besar iaitu 80 peratus daripada jumlah perbelanjaan pengoperasian sesebuah penjara. Kos yang membebankan ini boleh dikurangkan dengan mengurangkan jumlah kakitangan penjara dan kos upah pegawai penjara (Matthews, 2009). Pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti berpotensi mengurangkan bilangan kemasukan kanak-kanak ke dalam jagaan, pemulihan dan perlindungan institusi. Apabila dapat dikurangkan, peruntukan belanja, pengurusan dan pembiayaan perkhidmatan institusi

boleh dikurangkan. Keadaan ini membolehkan kerajaan menggunakan bajet-bajet tersebut untuk program-program pembangunan modal insan untuk kanak-kanak seperti pendidikan, latihan vokasional dan program-program sosial pembangunan diri yang lebih positif. Pengawasan Komuniti merupakan sesuatu yang signifikan kerana selain pelbagai sumber boleh didapati dalam sesuatu komuniti seperti pelbagai jaringan sosial dan ekonomi yang boleh menyediakan pelbagai strategi dan pendekatan penjagaan kanak-kanak, program ini juga dapat mengurangkan beban kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan pengawasan komuniti terhadap kanak-kanak.

Kumpulan sosial utama yang memperoleh manfaat daripada dapatan kajian ini adalah kanak-kanak. Program Pengawasan Komuniti yang berlangsung dalam persekitaran sosial kanak-kanak merupakan usaha alternatif bagi memperbaiki Sistem Pengadilan Jenayah dan Kebajikan Kanak-kanak konvensional Malaysia yang terlalu berorientasikan institusi. Menurut Hudson (2003), antara strategi yang boleh merubah polisi sistem pemenjaraan adalah dengan merubah *'nature'* atau persekitaran penjara tersebut. Dalam erti kata lain, meningkatkan sistem hukuman tanpa penjara (*non-custodial sanctions*). Ia juga merujuk sebagai *"The New Penology"*. Program Pengawasan Komuniti mengubah paradigma sistem konvensional ini dengan cara memindahkan tanggungjawab mengawal dan menjaga kanak-kanak, kepada tanggungjawab anggota komuniti seluruhnya dan bukan hanya diletakkan di atas tanggungjawab keluarga dan agensi awam. Perspektif ini memberi ruang kepada ahli-ahli komuniti setempat menjaga dan mengawasi perkembangan kanak-kanak dengan berkesan dalam persekitaran yang semulajadi.

Inisiatif mengawasi atau mengawal kanak-kanak secara komuniti adalah selari dengan Hak Kanak-kanak yang disyorkan oleh Konvensyen Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of a Child*). Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) ini menyatakan antara lain, perkembangan normal untuk kanak-kanak sebaik-baiknya berlangsung di dalam persekitaran keluarga dan komuniti masing-masing. Penjagaan institusi merupakan langkah terakhir (*last resort*); iaitu apabila keluarga dan komuniti gagal atau tidak berupaya lagi untuk menjaga dan mengawal kanak-kanak. Pendek kata, program pengawasan yang berasaskan komuniti menjamin hak kanak-kanak terlunas. Sekiranya dapat diimplementasikan dengan berkesan, program ini bukan sahaja dapat menghalang atau mencegah kanak-kanak daripada terlibat dengan tingkah laku tidak terkawal dan seterusnya tingkah laku jenayah; malah perkara yang lebih penting adalah mengelakkan kanak-kanak daripada ditempatkan ke dalam institusi jagaan, pemulihan, dan perlindungan. Langkah ini membolehkan mereka hidup membesar dalam persekitaran keluarga dan komuniti masing-masing.

Bronfenbrenner (1979) menerusi Teori Ekologi Sosialnya mengatakan ekologi keluarga dan komuniti amat signifikan dalam mempengaruhi tumbesaran atau perkembangan positif kanak-kanak. Pengawasan komuniti yang berlangsung dalam ekosistem keluarga, jiran tetangga, rakan sebaya membekalkan pelbagai manfaat sosial dan jaringan sosial yang mampu menyalurkan kanak-kanak dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran hidup atau sosial secara semula jadi. Ini merupakan landasan yang amat berpengaruh untuk kanak-kanak besar-membangun menjadi seorang dewasa yang produktif.



## 1.6 Pembahagian Bab

Penulisan tesis ini dibahagikan kepada lapan bab. Bab pertama ini membincangkan tentang latar belakang kajian yang meliputi; pendahuluan, pernyataan dan persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan pembahagian bab.

Bab kedua merupakan ulasan literatur mengenai Program Pengawasan Komuniti. Bab ini menerangkan makna konsep komuniti dan pengawasan komuniti serta fungsi-fungsi pengawasan komuniti sebagai pencelahan penjagaan dan pengawasan kumpulan sasar berasas komuniti. Seterusnya, penerangan akan menyentuh mengenai perkembangan Program Pengawasan Komuniti di Malaysia dan ciri-ciri pendekatan pengawasan komuniti. Kemudian, pengkaji menjelaskan ulasan literatur tentang Kanak-kanak Tidak Terkawal dan Program Pengawasan Komuniti.

Bab ketiga pula membincangkan tentang kerangka analisis tesis ini; iaitu pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan*. Bab ini terbahagi kepada beberapa topik iaitu pendahuluan, penerangan pengawasan komuniti sebagai pencegahan jenayah peringkat primer dan sekunder, pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan (Defensible Space)*, komponen-komponen *Ruang Boleh Dipertahankan* dan penutup.

Bab empat menerangkan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini yang meliputi pendahuluan, reka bentuk kajian, populasi kajian, sampel kajian dan teknik persampelan, teknik pengumpulan data, instrumen kajian, pemboleh ubah kajian dan teknik analisis serta limitasi kajian.

Bab lima menerangkan hasil kajian berpandukan objektif pertama dan kedua kajian iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan kanak-kanak terhadap Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kediaman mereka dan mengukur tahap penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti. Manakala bab enam, perbentangan hasil adalah mengenai objektif ketiga kajian iaitu menentukan (*determine*) halangan-halangan yang terdapat dalam “*Ruang Boleh Dipertahankan*” yang mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti.

Bab tujuh membentangkan hasil kajian berpandukan objektif keempat iaitu cadangan serangkaian tindakan susulan yang mampu mempertingkatkan lagi keupayaan Program Pengawasan Komuniti dalam mengawal Kanak-kanak Tidak Terkawal yang berada dalam komuniti di Malaysia.

Bab terakhir iaitu bab lapan adalah kesimpulan mengenai keseluruhan kajian ini. Ia juga mengandungi beberapa prospek tindakan susulan berkaitan pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* dalam Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal untuk dikaji dengan lebih mendalam oleh para pengkaji masa hadapan.

## **BAB 2: ULASAN LITERATUR MENGENAI PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI**

### **2.1 Pendahuluan**

“Pengawasan komuniti” merupakan satu konsep dan falsafah sosial yang masih dilihat janggal oleh kebanyakan masyarakat Malaysia. Hakikatnya praktis pengawasan komuniti seperti Pengawasan Kejiranan, Sistem Patrol, Rakan COP, dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) telah lama wujud dalam kehidupan kita. Tidak terdapat istilah khusus untuk “*community policing*” dalam pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (2011). Kebanyakan laporan media massa menggunakan istilah ‘kepolisian komuniti’ atau ‘kepolisian masyarakat’ dan juga istilah ‘kepolisian komuniti’ atau ‘kepolisian masyarakat’ dalam menterjemahkan istilah bahasa Inggeris “*community policing*”. Walau bagaimanapun terdapat istilah Bahasa Melayu untuk perkataan “*policing*”, iaitu pengawasan. Oleh itu istilah atau tema padanan yang dicadangkan oleh DBP (2011) untuk “*community policing*” adalah pengawasan komuniti atau pengawasan masyarakat.

Bab ini mengulas penulisan dan kajian terdahulu yang berkaitan dengan pengawasan komuniti (*community policing*). Tujuan utama penulisan bahagian ini ialah untuk menjelaskan kedudukan Program Pengawasan Komuniti sebagai sebahagian daripada strategi menjaga dan mengawal keselamatan komuniti yang terancang. Perbincangan dalam bab ini disusun kepada empat sub-topik utama berikut:

- i. Makna dan fungsi pengawasan komuniti;
- ii. Fungsi Program Pengawasan Komuniti;
- iii. Perkembangan Program Pengawasan Komuniti di Malaysia; dan,
- iv. Ciri-ciri utama pendekatan pengawasan komuniti.

## **2.2 Makna Konsep Pengawasan Komuniti**

Tema asas pengawasan komuniti adalah pengawasan dan masyarakat atau komuniti. Tema komuniti perlu difahami terlebih dahulu sebelum tema pengawasan komuniti dapat diterangkan.

### **2.2.1 Tema “Komuniti”**

Ramai pengkaji akademik dalam bidang Sains Sosial telah menganalisis konsep komuniti menerusi aspek fizikal dan sosial komuniti. Dari aspek fizikalnya, komuniti dilihat terbentuk daripada sekumpulan manusia dan mempunyai ruang tempat tinggal atau ruang geografi serta mempunyai ciri identifikasi kolektif atau ciri-ciri identiti khusus yang mudah mengelompokkan mereka ke dalam satu kumpulan. Sementara itu, mengikut sudut sosialnya pula, komuniti dilihat terwujud daripada hubungan sosial dan interaksi sosial.

#### ***2.2.1.1 Komuniti sebagai satu aspek fizikal***

Komuniti terdiri daripada sekumpulan manusia yang tinggal dalam satu kawasan tertentu. Komuniti ialah unit asas dalam sistem penduduk sesebuah negara (Haris, 2007). Oleh itu, sesebuah komuniti tidak akan wujud tanpa kehadiran sekumpulan manusia yang menduduki kawasan atau ruang tempat tinggal atau wilayah geografi tertentu.

Mengikut elemen ini juga, tema komuniti lazimnya dikaitkan dengan satu lokasi atau sempadan geografi yang mana sekumpulan manusia menganggotai persempadanan geografi tersebut. Contoh persempadanan geografi yang paling klasik digunakan dalam

tema komuniti adalah komuniti bandar dan komuniti luar bandar. Kedua-dua bentuk komuniti ini mempunyai dimensi sosio-budaya yang amat berbeza. Komuniti luar bandar seringkali digambarkan sebagai komuniti yang mempunyai hubungan personal yang rapat. Mereka saling mengenali antara satu sama lain. Ahli komunitinya bersifat homogenus dari segi etnik, pekerjaan mahupun kepercayaan serta jarang atau tiada langsung berlaku mobiliti dari segi sosial mahupun fizikal. Kehidupan mereka kekal dalam ruang lokaliti sendiri (Pereira, 1997).

Selain itu, status sosial mereka bersifat perwarisan yang didasarkan kepada hubungan. Kebanyakan ahli komuniti luar bandar contohnya, terdiri daripada sanak saudara atau mereka yang mempunyai hubungan perkahwinan dan darah (Siti Hajar, 2006). Senario tersebut berbeza sekali daripada komuniti bandar yang lazimnya digambarkan sebagai masyarakat yang bersifat individualistik. Hubungan sosial antara mereka lazimnya lebih cenderung berbentuk impersonal iaitu atas dasar rasional atau kepentingan tertentu. Proses modernisasi dan urbanisasi menyebabkan komposisi etnik, pekerjaan dan sistem kepercayaan komuniti bandar bersifat heterogen. Selain itu, mobiliti sosial mahupun fizikal sering berlaku dalam kalangan ahli komuniti bandar kerana keinginan atau keperluan untuk mendapat peluang sosial yang lebih baik.

Selain daripada persempadanan sosial antara luar bandar dan bandar, konsep komuniti juga diguna bagi memperlihatkan ruang kediaman yang didiami oleh sekumpulan individu. Pembinaan komuniti yang dibina berasaskan kediaman ini seringkali dirujuk sebagai komuniti sekejiranan atau komuniti sekediaman. Komuniti kejiranan dibina berdasarkan semangat solidariti kejiranan (*neighbourliness*) (Siti Hajar, 2006). Semangat ini terbentuk kerana mendiami dan berkongsi ruang fizikal atau ruang geografi yang sama (Pereira, 1997).

Selain itu, hubungan sosial yang terbentuk juga wujud kerana ahli-ahli komuniti mengamalkan nilai-nilai serta aspek-aspek kehidupan domestik atau keluarga yang sama, memiliki identiti sosial yang sama, semangat setiakawan kerana mempunyai kualiti persefahaman yang sama, berkongsi kepentingan dan keperluan bersama serta nilai-nilai politik yang sama (Haris, 2009; Siti Hajar, 2007; Pranis, 2000; Bornat, 1997; Pereira, 1997). Kewujudan ikatan sosial ini membawa kepada persamaan pandangan ahli komuniti terhadap sesuatu perkara. Ini boleh membangkitkan semangat perpaduan dalam kalangan ahli komuniti. Ciri ini membolehkan mereka dikenali sebagai satu kumpulan.

#### ***2.2.1.2 Komuniti sebagai satu aspek sosial***

Satu aspek berkaitan tema komuniti sebagai satu ruang fizikal yang perlu diberi perhatian serius adalah ruang fizikal tidak semestinya melibatkan kawasan kampung atau tempat tinggal. Ruang fizikal ini merangkumi juga tempat kerja dan organisasi-organisasi sosial yang berasaskan aktiviti atau etnitsiti (Haris, 2009; Abdul Rahman, 2007). Tema komuniti memberi keutamaan kepada elemen ruang fizikal dan manusia di dalamnya kerana tema ini sendiri melambangkan satu hubungan sosial. Tanpa sekumpulan manusia dan lokasi yang pasti, hubungan sosial antara manusia tidak dapat dibina dan perasaan kekitaan tidak boleh wujud dan berkembang.

Memandangkan komuniti melambangkan satu hubungan sosial yang terbentuk dalam satu ruang fizikal yang khusus, perlu ada satu perkara yang mengikat hubungan sosial yang wujud dalam ruang fizikal khusus tersebut. Siti Hajar (2007) menyatakan komuniti mempunyai ciri-ciri identiti khusus. Menurutnya, komuniti boleh tergolong sebagai komuniti pekerjaan atau sesebuah profesion seperti komuniti guru atau pendidik. Komuniti juga boleh wujud berasaskan organisasi yang dianggotai oleh

individu seperti komuniti sukarelawan. Komuniti juga boleh berasaskan kumpulan etnik dan agama seperti komuniti Cina dan komuniti Islam. Seterusnya, komuniti boleh terbina kerana berkongsi orientasi seksual yang sama seperti komuniti homoseksual atau gay, berkongsi ideologi politik yang sama seperti komuniti PAS atau UMNO, berkongsi kepentingan spesifik yang sama seperti komuniti yang menentang pembayaran cukai serta komuniti yang bertindak sebagai kumpulan berkepentingan atau kumpulan pendesak seperti komuniti pengguna. Pendek kata, komuniti boleh dibina atau wujud untuk menangani isu semasa. Bagi komuniti yang kekal lama dan ahlinya bertukar ganti tetapi ia masih meneruskan nilai atau perjuangan yang dibawa semasa mula penubuhannya.

Hubungan sosial yang terkandung dalam tema komuniti boleh diterangkan dengan lebih jelas menerusi konsep *Gemeinschaft* dan *Gesellschaft* yang diperkenalkan oleh seorang ahli sosiologi Jerman, Ferdinand Tonnies. Tonnies (1988) mengemukakan dua konsep ini untuk menunjukkan dikotomi antara konsep *Gemeinschaft* (tradisional) dengan konsep *Gesellschaft* (moden). Kedua-dua konsep ini merangkumi fenomena sosial yang merujuk kepada jenis masyarakat, susunan sosial dan juga hubungan-hubungan yang berkaitan dengannya (Dale et al., 2009; Ting, 1993).

Menurut Tonnies (1998), masyarakat *Gemeinschaft* (tradisional) adalah sebuah masyarakat kecil yang digambarkan dengan ciri-ciri kehidupan perhubungan peribadi yang rapat atau intim atau bersemuka (*face to face ties*). Setiap anggota masyarakat mempunyai kefahaman yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam masyarakat serta akur dengan jangkaan atau harapan masyarakat terhadapnya. Masyarakat tradisional ini juga mempamerkan tahap mobiliti sosial, politik, ekonomi, dan geografi yang minimum. Status individu dalam masyarakat tradisional ini adalah

berdasarkan sistem perwarisan dan amalan budaya yang homogen. Institusi agama dan keluarga berperanan penting dalam proses sosialisasi. Kedua-dua institusi ini juga berfungsi sebagai agen kawalan sosial yang berpengaruh. Dalam hal ini, Tonnies menyatakan komuniti ini tidak menggalakkan mobiliti atau penghijrahan kepada ahli-ahlinya khusus kaum lelaki. Perkara ini menyebabkan kaum lelaki sukar untuk mencapai status dan kemewahan berdasarkan merit yang mereka ada (Bell & Newby, 1971). Unsur kekerabatan menjadi pengikat hubungan antara setiap anggota masyarakat pra-industri (Ahmad Syukri & Rosman, 2003). Emile Durkheim, antara ahli sosiologi yang awal mengatakan bahawa perpaduan (solidariti) masyarakat tradisional berbentuk mekanikal (*mechanical solidarity*); iaitu anggota masyarakat berkongsi sistem nilai, sistem kepercayaan yang homogen, dan menjalankan aktiviti ekonomi yang streotaip sifatnya dari satu generasi ke generasi yang berikutnya (Ahmad Syukri & Rosman, 2003).

Sebaliknya, masyarakat *Gesellschaft* (moden) pula merujuk kepada sebuah masyarakat yang lebih besar dan kompleks kehidupannya. Perhubungan antara anggota masyarakat ini lebih berasaskan kontrak. Ini mendorong kepada pembentukan hubungan sosial yang lebih bersifat impersonal; iaitu menitikberatkan dasar kepentingan bersama antara kedua-dua belah pihak. Hubungan sosial yang terlibat adalah bersifat sekunder dan hanya melibatkan sebahagian daripada jumlah dalam sesuatu kumpulan itu (Dale et al., 2009; Ting, 1993). Ini bermaksud hubungan yang wujud dalam masyarakat moden tidak dipengaruhi oleh emosi atau melibatkan perasaan peribadi. Perhubungan lebih mengambil kira faedah yang bersifat timbal balik yang boleh diukur untung ruginya. Ciri-ciri kehidupan masyarakat industri atau masyarakat maju dikatakan lebih bersikap rasional, spesifik dan dinamik yang boleh membawa perubahan dan kemajuan yang berterusan. Menurut Emile Durkhiem (1858-1917),



apabila masyarakat berkembang dan bertambah kompleks serta wujudnya pembahagian pekerjaan, ini telah melunturkan perpaduan mekanikal yang wujud dalam masyarakat tradisional. Tambah beliau lagi, masyarakat moden dicirikan dengan sistem nilai, kepercayaan dan aktiviti ekonomi yang heterogen. Walaupun unsur perpaduan masih wujud, bentuknya lebih kepada perpaduan organik; iaitu setiap unit masih saling bergantung di antara satu sama lain atas dasar kerasionalan (Ahmad Syukri & Rosman, 2003).

Kamus akademik *Collins Internet-linked Dictionary of Social Work* (2006) mendefinisikan komuniti sebagai sekumpulan individu yang berkongsi kepentingan dan/atau matlamat yang sama. Konsep ini juga menerangkan wujud hubungan sosial di dalam kumpulan atau batasan wilayah. Komuniti juga boleh terbentuk menerusi hubungan sosial yang berasaskan reputasi. Contohnya hubungan antara pekerja dengan majikan. Pekerja menghormati majikan kerana mereka dibayar gaji atas pekerjaan yang dilakukan dan majikan menjaga kebajikan pekerja kerana pekerja memberi keuntungan atau memberi reputasi kerja yang baik kepada firmanya. Dalam hal ini, Pereira (1997) contohnya menyatakan komuniti sebagai “....*the existence of some kind of collective life that residents identify with, and a social life and social relationships based on reputation rather than status*” (halaman 5).

Bagi komponen sosial juga, ahli sosiologi menganggap komuniti sebagai satu sistem sosial yang memberi fokus terhadap interaksi antara satu individu dengan yang lain (Haris, 2007). Dalam hal ini, ahli-ahli dalam sesuatu komuniti saling berinteraksi antara satu sama lain dalam menjalankan usaha mencapai matlamat. Interaksi dalam kalangan ahli dalam komuniti mungkin disebabkan wujudnya saling pergantungan dalam aspek ekonomi, perpaduan sosial atau organisasi politik dalam komuniti tersebut

(Haris, 2009). Sebagai contoh, seseorang individu perlu bergantung kepada sistem ekonomi untuk mendapat barangan dan perkhidmatan, perlu menjalin hubungan yang baik dengan jiran tetangga untuk melahirkan kejiranan yang aman dan selamat, perlu menyertai Rukun Tetangga atau menjadi ahli surau untuk menjaga kebajikan diri dan ahli keluarganya. Semua perkara di atas memerlukan interaksi sosial yang bersifat dinamik.

Dalam hal ini, Barnes et al., (2006) dan Effat (2001) menerangkan komuniti sebagai sekumpulan orang yang tinggal dan berinteraksi dalam suatu tempat, dan setiap mereka mempunyai ikatan sosial atas kepentingan tertentu. Komuniti merupakan sebuah kumpulan manusia yang berkongsi berbagai-bagai aspek institusi seperti ekonomi, politik, sosial, corak kehidupan yang serupa seperti etnik, pekerjaan, gaya hidup, lokasi dan perumahan. Oleh hal demikian, kumpulan komuniti ini berusaha untuk menjalinkan interaksi dan perpaduan terhadap ahli-ahli yang lain, mewujudkan jalinan persahabatan, boleh berkongsi minat yang sama dan mampu bersama mengambil bahagian dalam pertubuhan yang sama. Dalam konteks pengawasan komuniti contohnya, komuniti boleh dilihat sebagai interaksi yang terbentuk dalam sekumpulan individu yang saling perlu menjaga keselamatan diri dan harta benda mereka daripada sebarang jenayah, dapat membantu dan memberi sokongan dalam waktu kesusahan, saling sokong-menyokong untuk mencapai kejayaan diri serta kepentingan bersama dalam setiap kitaran hidup mereka (Klein, 1998).

Berdasarkan kepada pengertian komuniti yang diberikan di atas, terdapat satu definisi yang boleh digunakan untuk menggambarkan makna-makna yang diberikan sebelum ini. Alcock et al., (2002) dalam kamus *The Blackwell Dictionary of Social Policy* menerangkan komuniti sebagai:

*“Social relationships and social identities which may be characterized by relative closeness, familiarity, shared interest or significant. Communities may be spatial (or geographic)-a local neighborhood of a few streets-or social-a network of friends or members of an interest community or a wider identity grouping defined, for example, by ethnicity or sexuality. Closeness, familiarity and significance can be exclusive as well as inclusive, and communities may in practice act to exclude stigmatized individuals or groups.”(halaman 40).*

Daripada definisi tersebut, kedua-dua komponen fizikal dan bukan fizikal iaitu sekumpulan manusia, ruang tempat tinggal atau ruang geografi, identifikasi kolektif, hubungan sosial, dan interaksi sosial merupakan pra syarat penting yang membentuk komuniti. Dalam konteks kajian ini yang berteraskan konsep pengawasan komuniti, komuniti boleh merujuk kepada mana-mana kawasan tempat tinggal atau kawasan kejiranan manusia yang mempunyai ikatan sosial dan semangat kejiranan yang tinggi. Mereka berkongsi keperluan atau kepentingan bersama dan bersikap prihatin dengan kebajikan atau kesejahteraan kejiranan mereka. Dalam konteks pengawasan komuniti khususnya, ahli-ahli komuniti perlu berkongsi tanggungjawab tersebut dengan pihak berkuasa untuk melindungi kebajikan kawasan kejiranan. Pengawasan komuniti memerlukan tindakan demokrasi yang melibatkan secara aktif pelbagai pihak dalam sesebuah komuniti; termasuk kerajaan tempatan, pemimpin-pemimpin politik, ahli perniagaan, penduduk tempatan, gereja atau rumah ibadah, sekolah-sekolah dan hospital serta individu persendirian iaitu jiran-jiran atau ahli-ahli dalam komuniti (*Department of Justice United States, 2012*).

### **2.2.2 Tema “Pengawasan Komuniti”**

Ketirisan ilmu dan kurang pendedahan mengenai pengawasan komuniti menyebabkan masyarakat tidak mengetahui atau tersalah anggap mengenai konsep ini. Umumnya, ramai yang melihat Program Pengawasan Komuniti sebagai sebuah program yang hanya melibatkan pihak polis secara mutlak dalam mencegah jenayah dan gangguan sosial

dalam sesebuah komuniti. Sebenarnya, program ini melangkaui peranan mutlak pihak polis.

Tiada definisi yang seragam dalam menjelaskan makna atau apa yang dimaksudkan dengan pengawasan komuniti. Para sarjana Sains Sosial menerangkan pengawasan komuniti itu sendiri mengikut kefahaman masing-masing. Antara definisi pengawasan komuniti adalah seperti berikut:

*“... is a philosophy that promotes organizational strategies, which support the systematic use of partnerships and problem-solving techniques, to proactively address the immediate conditions that give rise to public safety issues such as crime, social disorder, and fear of crime. Community policing is comprised of three key components: (1) community partnership; (2) organizational transformation and (3) problem solving. (Department of Justice United States, 2012).*

Tiga komponen pengawasan komuniti yang perlu diterangkan dengan jelas daripada definisi di atas adalah:

- (1) *Perkongsian komuniti* - Perkongsian komuniti bermaksud kolaborasi antara agensi penguat kuasa undang-undang, individu dan organisasi. Mereka bersama-sama bertindak untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap polis dan membantu mencari sesuatu penyelesaian kepada sesuatu masalah yang berlaku dalam komuniti. Perkongsian tanggungjawab ini juga merangkumi agensi-agensi kerajaan yang lain, ahli-ahli komuniti, pembekal-pembekal perkhidmatan yang tidak berorientasikan keuntungan, peniaga-peniaga swasta dan pihak media.
- (2) *Transformasi Organisasi* - Falsafah pengawasan komuniti memberi tumpuan kepada cara pengurusan jabatan dan infrastruktur polis dalam menyokong transformasi pengawasan komuniti. Pengawasan komuniti menggalakkan aplikasi pengurusan moden dalam menambah kecekapan dan keberkesanan pihak polis mengawal jenayah dalam masyarakat. Transformasi organisasi

melibatkan penyelarasan dalam pengurusan organisasi, struktur, kakitangan dan sistem maklumat untuk menyokong perkongsian komuniti dan penyelesaian masalah secara proaktif.

- (3) *Penyelesaian masalah* - Penyelesaian masalah meliputi proses melibatkan penelitian sesuatu masalah yang telah dikenal pasti secara proaktif dan sistematik. Penelitian sesuatu masalah dilakukan untuk mencari tindak balas atau penyelesaian yang berkesan. Pengawasan komuniti menggalakkan agensi bekerja secara proaktif untuk membangunkan penyelesaian kepada segala keadaan asas yang menyumbang kepada masalah keselamatan awam.

Pendek kata, pengawasan komuniti adalah satu falsafah organisasi polis yang menggalakkan strategi proaktif dalam menangani jenayah dan gangguan sosial, dan bertindak balas terhadap perasaan takut orang awam terhadap jenayah. Strategi berkenaan menyokong perkongsian tanggungjawab dan teknik-teknik penyelesaian masalah antara pihak polis dan ahli-ahli komuniti secara sistematik. Pendekatan ini memperlihatkan pihak polis sahaja tidak mampu menyelesaikan masalah atau melindungi keselamatan orang awam secara berkesan. Konsep tersebut berdasarkan kepada prinsip bahawa kedua-dua sektor tersebut perlu bekerjasama dan berganding bahu dalam menjaga ketenteraman awam.

Menerusi Program Pengawasan Komuniti, ahli-ahli komuniti dapat bersama-sama pihak polis dan kumpulan penggerak (*stakeholders*) lain (contoh: agensi pendidikan dan kesihatan serta agensi bukan kerajaan seperti agensi swasta dan sukarelawan) menjaga ketenteraman awam dengan merangka strategi, dasar dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah di kawasan kediaman atau komuniti mereka. Pendekatan ini menggalakkan interaksi ahli-ahli komuniti dengan pihak polis

dan pihak kumpulan penggerak (*stakeholders*) yang relevan dalam menangani masalah sosial dalam komuniti mereka seterusnya meningkatkan kepercayaan ahli-ahli komuniti terhadap pihak polis. Pihak polis dan orang awam terutamanya perlu menjadi satu rakan kongsi atau pasukan yang baik dalam membanteras jenayah dan masalah sosial.

Morash dan Ford (2002) menerangkan Program Pengawasan Komuniti melibatkan kerjasama aktif dan proaktif antara setiap anggota sesebuah komuniti dan agensi-agensi sosial formal seperti polis, kesihatan, pendidikan dalam menjaga ketenteraman, keselamatan dan kesejahteraan hidup masyarakat. Komuniti setempat bergabung dan mengguna serta memanfaatkan segala sumber yang mereka miliki, menyusun atur organisasi-organisasi komuniti, menentukan pendekatan dan strategi resolusi yang sesuai dengan keupayaan yang mereka miliki dan menggerakkan sendiri pendekatan dan strategi tersebut dalam bertindak balas dengan masalah yang dihadapi oleh komuniti. Agensi-agensi formal seperti polis, kesihatan, pendidikan, kebajikan, dan media hanya berfungsi sebagai agensi penyokong dalam mengupaya dan memperkasakan usaha-usaha komuniti.

Jelas sekali pengawasan komuniti merupakan satu falsafah polis dalam membanteras jenayah bersama komuniti secara berkesan, seperti kata McLaughlin dan Munchie (2001) yang mendefinisikan pengawasan komuniti sebagai falsafah dan strategi kontemporari pihak polis dalam membanteras jenayah berasas komuniti. Katanya: “.....a policing philosophy that promotes community-based problem solving strategies to address the underlying causes of crime and disorder and the fear of crime. The stated intention of community policing is to enhance the quality of life of local communities” (halaman 41).

Tidak berhenti setakat itu sahaja, pengawasan komuniti juga dilihat sebagai satu pendekatan sistematik pihak polis memupuk semangat bermasyarakat untuk memperbaiki kualiti hidup dalam kawasan geografi kejiranan; seperti mana kata Oliver (1998):

*“... a systematic approach to policing with the paradigm of instilling and fostering a sense of community, within a geographical neighbourhood, to improve the quality of life. It achieves this through the decentralization of the police and the implementation of a synthesis of three key components: (1) the redistribution of traditional police resources; (2) the interaction of police and all community members to reduce crime and the fear of crime through indigenous proactive programmes; and (3) a concerted effort to resolve the cause of crime, rather than a symptoms”.*(halaman: 51).

Pendekatan ini boleh dicapai melalui desentralisasi badan polis dan pelaksanaan tiga komponen utama berikut iaitu; (1) pengagihan semula sumber-sumber dalam sistem polis tradisional, (2) memupuk interaksi polis dengan ahli-ahli komuniti dalam mengurangkan jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah melalui program-program yang proaktif, dan (3) usaha yang bersepadu dalam menyelesaikan punca sesuatu jenayah. Mengulas aspek ini, Wilkinson dan Rosenbaum (1994): 110 mengatakan pengawasan komuniti sebagai perubahan yang berlaku dalam peranan asas polis berkaitan dengan kemahiran, motivasi dan peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti menyelesaikan sesuatu masalah atau kes, di samping membina hubungan atau rakan kongsi (*partnerships*) dengan komuniti. Beliau menggambarkan pengawasan komuniti *“...a fundamental change in the basic role of the police officer, including changes in his or her skills, motivations, and opportunity to engage in problem-solving activities and to develop new partnerships with key elements of the community.”*

Daripada definisi-definisi yang diberikan oleh sarjana-sarjana sains sosial, ahli-ahli kriminologi, dan pengadilan jenayah di atas dapat disimpulkan bahawa pengawasan komuniti adalah satu falsafah kontemporari badan penguatkuasaan undang-undang iaitu

pihak polis dalam strategi mencegah jenayah. Pendekatan ini merupakan usaha kolaborasi yang aktif dan proaktif antara pihak polis dengan ahli-ahli komuniti. Agensi-agensi kerajaan yang lain dan agensi bukan kerajaan serta pihak swasta dan sukarelawan pula bertindak sebagai penyokong dalam mengupaya dan memperkasakan usaha-usaha tersebut. Kerjasama ini bukan sahaja dalam bentuk menubuhkan pasukan peronda untuk menjaga dan mengawal keselamatan komuniti masing-masing, malah, ia melibatkan perbincangan, perundingan dan pembuat keputusan dalam hal ehwal mengenal pasti jenayah yang wujud, isu-isu atau keadaan sosial yang berpotensi negatif, merangka resolusi kepada masalah yang timbul serta pemantauan yang diperlukan (Siti Hajar, 2006). Dalam kata lain, ahli-ahli komuniti berkongsi tanggungjawab bersama pihak polis dan agensi-agensi lain dengan direkrut sebagai ‘mata dan telinga’ polis dalam menjaga keselamatan, mencegah jenayah sekali gus meningkat kualiti kehidupan dan kesejahteraan dalam komuniti itu sendiri.

### **2.3 Fungsi Pengawasan Komuniti**

Secara umumnya, Program Pengawasan Komuniti di kebanyakan negara berfungsi sebagai alat, medium atau strategi pencegahan jenayah (*prevention and defection of crime*), mengurangkan rasa takut terhadap jenayah (*reduction fear of crime*) dan memperbaiki kualiti kehidupan (*improvement of life quality*) (Lab, 2007). Secara spesifiknya, Program Pengawasan Komuniti banyak diaplikasikan ke dalam intervensi-intervensi pencegahan jenayah dalam komuniti, intervensi pemulihan jenayah, intervensi untuk membangunkan semula kawasan-kawasan perumahan dan intervensi mendayaupayakan aset sosial komuniti (Siti Hajar, 2007).



### 2.3.1 Intervensi perlindungan atau pencegahan jenayah dan gejala sosial

Aktiviti-aktiviti atau Program-Program Pengawasan Komuniti seperti Skim Pemerhati Kejiranan (*Neighbourhood Watch Scheme*) dan Patrol Anti-Jenayah (*Anti-crime Patrols*) adalah antara aktiviti intervensi perlindungan dan pencegahan jenayah yang diamalkan oleh kebanyakan komuniti kediaman atau kejiranan. Program-program ini dijalankan dan diuruskan sendiri oleh komuniti kediaman secara sukarela dan telah terbukti berjaya menurunkan insiden dan kadar jenayah di kawasan kejiranan mereka. Keberkesanan dalam perlaksanaan konsep ini telah diaplikasikan oleh Jabatan Polis di luar negara seperti program “*Neighborhood Watch*” di Australia, “*Community Oriented Policing Services*” (COPS) di Amerika Syarikat, “*Base Team Policing*” di Kanada, sistem “*Koban*” di Jepun, Sistem Pembinaan dan Ketertiban Masyarakat di Indonesia dan “*Neighborhood Police Force*” di Singapore (Arif, 2008).

Di Malaysia, contoh pengawasan kejiranan yang paling klasik ialah rondaan malam menerusi Program Rukun Tetangga yang telah diperkenalkan semenjak pentadbiran Tun Abdul Razak, Perdana Menteri ke-2 Malaysia. Skim ini diwujudkan pada 29 Ogos 1975 di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) dalam Ordinan Darurat 1969. Penubuhan awal Skim Rukun Tetangga adalah untuk memastikan keselamatan penduduk di kawasan-kawasan tertentu berikutan ancaman komunis yang menggugat keselamatan dan perpaduan nasional pada ketika itu (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2011). Skim Rondaan Sukarela (SRS) pula adalah di bawah Program Pengawasan Komuniti (*Community Policing*) PDRM. Pengawasan tidak semestinya bermaksud mengadakan rondaan tetapi ahli-ahli SRS hendaklah sentiasa mengawasi kawasan masing-masing. Sekiranya terdapat perkara yang luar biasa atau mencurigakan mereka harus melaporkan kepada polis

dengan segera. Program ini memberikan penekanan kepada masyarakat untuk mengambil sebarang tindakan pencegahan jenayah secara bersepadu dan berpasukan dalam mencegah jenayah dalam kawasan kejiranan mereka. Selain itu, ia sebagai usaha pihak polis untuk mendekati dan menyakinkan masyarakat menerusi kehadiran polis dalam usaha mencegah jenayah (Jabatan Perdana Menteri (PMO), 2011). Kini, dalam aspirasi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), amalan rondaan sukarela dibangunkan semula dengan menggalakkan penyertaan orang awam menerusi sukarelawan bagi mempertingkatkan lagi persepsi awam tentang keselamatan dan pengurangan jenayah.

### **2.3.2 Intervensi pemulihan jenayah**

Program keadilan restoratif (*restorative justice programs*) di beberapa buah negara maju mula diserapkan semula sebagai Program Pengawasan Komuniti (Etzioni, 2001). Contoh program keadilan restoratif adalah seperti program *Tackling Youth Crime* di Britain iaitu program perintah pemulihan yang bersifat restoratif atau pengembalian semula keadaan asal dan membaik pulih keadaan diri pesalah. Amalan ini memberi manfaat kepada diri pesalah, mangsa dan masyarakat. Dalam program ini, satu pertemuan atau konferensi dianjurkan antara pesalah (bagi kesalahan pertama) dengan keluarga dan sahabat handai mangsa. Tujuan perjumpaan ini adalah untuk membolehkan mangsa jenayah menyuarakan rasa sakit dan kesengsaraan yang ditanggung olehnya dan keluarga agar si pesalah tersebut mengetahui impak perbuatan atau tingkah lakunya ke atas kehidupan orang lain; terutamanya terhadap mangsa jenayah (*Restorative Justice Online*, 2011).

Di Malaysia, contoh intervensi pemulihan dalam komuniti ialah Bengkel Interaktif yang dinyatakan dalam Akta Kanak-kanak 2001. Seksyen 30(8)(a) dan seksyen 93(1)(b) akta tersebut menyatakan MBK boleh mengarahkan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak berisiko bersama kanak-kanak berisiko tersebut menghadiri Bengkel Interaktif yang dianjurkan oleh JKMM untuk tujuan sedemikian. Pendekatan ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan dan ikatan kekeluargaan antara kanak-kanak berisiko dengan ahli keluarga mereka, tetapi mengukuhkan tanggungjawab semua ahli komuniti dalam membantu memenuhi keperluan kanak-kanak dan keluarga berisiko tersebut (Siti Hajar, 2009). Program ini perlu dipraktikkan dalam komuniti kejurangan berisiko yang diselia oleh orang dewasa berkesan seperti pekerja-pekerja sosial keluarga, pegawai kebajikan, kaunselor, guru sekolah, pekerja kesihatan dan/ atau pekerja sukarela daripada pertubuhan sukarelawan yang ditubuhkan dalam komuniti (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2012). Secara ringkas, orang dewasa berkesan dalam komuniti yang berisiko adalah individu yang berwibawa, mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi tingkah laku anggota komuniti, dihormati, disegani dan dijadikan pakar rujuk setempat dalam hal kemasyarakatan. Orang dewasa berkesan diperlukan dalam setiap persekitaran sosial kanak-kanak berisiko (Halpren, 2000; McWhirter, 1993 dalam Siti Hajar dan Abd. Hadi, 2009).

Program Perintah Khidmat Masyarakat juga merupakan salah satu intervensi pemulihan dalam komuniti. Perintah Khidmat Masyarakat adalah di bawah seksyen 293 Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 [Akta A1274] dan disasarkan kepada pesalah muda yang berumur 18 tahun ke atas dan di bawah umur 21 tahun yang diperintahkan untuk menjalani perintah khidmat masyarakat oleh mahkamah. Kerja-kerja yang dilakukan dalam perintah khidmat masyarakat adalah seperti membersihkan taman, mengumpul sampah, melakukan pemuliharaan bangunan, penyajian makanan, jagaan

dan pengurusan penghuni atau lain-lain aktiviti yang difikirkan bersesuaian. Aktiviti-aktiviti berkenaan bukanlah sekadar hukuman dari segi perlucutan masa lapang pesalah, tetapi memulihkan pesalah dengan merangsang tanggungjawab sosial dan menjadikan program khidmat masyarakat sebagai satu pengalaman berfaedah kepada pesalah. Selain itu, aktiviti-aktiviti sebegini mewujudkan penginsafan dengan mewujudkan ruang bagi pesalah muda ini menjalani pemulihan akhlak dan menawarkan faedah nyata kepada masyarakat (JKMM, 2012).

Ringkasnya, program “pemulihan” dalam komuniti ini merupakan alternatif terbaik kepada pemulihan institusi seperti di penjara, sekolah diluluskan dan institusi pemulihan.

### **2.3.3 Intervensi membangunkan semula kawasan-kawasan perumahan**

Para perancang bandar atau wilayah juga memperlihatkan kecenderungan untuk menerapkan teknik pengawasan komuniti dalam usaha untuk membangunkan semula kawasan-kawasan perumahan di bawah pentadbiran dan pengurusan mereka. Penerapan falsafah atau teknik pengawasan komuniti dilaksanakan khususnya di kawasan-kawasan kediaman dalam bandar yang berisiko menjadi sasaran jenayah dan gejala sosial.

Green dan Haines (2012) menganalisis sistem penyampaian perkhidmatan perumahan yang berasaskan kawasan kejiranan di Amerika Syarikat. Mereka mendapati tiga agensi penting di dalam sistem penyampaian sebegini adalah pertubuhan-pertubuhan pembangunan komuniti, pemaju perumahan berasaskan komuniti sukarela yang bukan berasaskan keuntungan dan individu-individu yang mendiami kawasan kediaman atau kejiranan tersebut. Ketiga-tiga agensi ini merupakan

penghubung utama dalam proses “menyuburkan semula” atau memajukan semula sesebuah kawasan perumahan miskin di dalam bandar atau setinggan.

Di Malaysia, contoh program membangunkan semula kawasan perumahan adalah seperti Projek Perumahan Awam (PPA) dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). PPA dan PPRT merupakan kawasan perumahan yang dibangunkan untuk menggantikan kawasan perumahan setinggan dan bagi isi rumah yang berpendapatan rendah. Projek perumahan rakyat ini mempunyai pengurusan sendiri daripada agensi yang dilantik oleh kerajaan negeri dan bekerjasama dengan Persatuan Penduduk dan Skim Rukun Tetangga serta persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan dalam menjaga kesejahteraan dan keselamatan penghuni-penghuninya (Mohd Razali, 2005).

#### **2.3.4 Mengurangkan peranan institusi (*Deinstitutionalization*)**

Program Pengawasan Komuniti berfokus kepada aspek kawalan atau pengawasan sosial berasas komuniti. Lazimnya, tindakan rasmi terhadap kategori pesalah jenayah kanak-kanak dan/ atau Kanak-kanak Tidak Terkawal adalah dengan menempatkan mereka dalam pengawasan komuniti seperti Asrama Akhlak, Rumah Kanak-Kanak atau Sekolah Tunas Bakti. Peralihan signifikan penyampaian perkhidmatan sosial di peringkat komuniti dikenali sebagai deinstitution yang berfungsi mengurangkan peranan institusi menawarkan penjagaan sosial kepada kumpulan sasaran seperti pesakit mental dan orang kurang upaya. Revolusi “deinstitution” menjadi pencetus kuat kepada amalan penjagaan sosial terutama dalam program-program kesihatan dan kebajikan sosial di kebanyakan negara termasuklah Malaysia.

Di Malaysia, pendekatan deinstitution dapat dilihat dalam dasar kerajaan yang mempromosikan perkhidmatan kesihatan mental komuniti di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 dengan menggalakkan keluarga menjaga sendiri ahlinya yang menghidap pesakit mental setelah mereka telah didiscaj dari hospital. Fatimah et.al., (2013) pemulihan psikososial dalam komuniti untuk pesakit mental membantu mereka dalam proses penyembuhan melalui pergaulan harian dalam komuniti dan menggalakkan peluang mereka mencapai tahap kefungsi berdikari.

Pendekatan ini melibatkan kolaborasi aktif pelbagai pihak termasuklah ahli keluarga, rakan-rakan, pesakit lain, pemberi perkhidmatan dan ahli-ahli masyarakat. Hawks (1975) melihat justifikasi persekitaran komuniti yang semulajadi untuk memberi rawatan terapeutik dan kasih sayang kepada pesakit. “Mengeluarkan” pesakit dari institusi jagaan menyemai tanggungjawab bersama mengalas beban dalam kalangan ahli keluarga dan saudara mara menjaga pesakit dalam komuniti. Penjagaan berasas komuniti juga merupakan satu *‘moral enterprise’* yang menekankan sifat kemanusiaan dengan menolak jagaan dalam institusi.

Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal merupakan satu usaha dan tanggungjawab penjagaan Kanak-kanak Tidak Terkawal kembali kepada komuniti seiring dengan dasar mengurangkan peranan institusi dan kepentingan Konvensyen Hak Kanak-Kanak yang menekankan kebajikan dan perkembangan kanak-kanak dalam suasana kekeluargaan.

### **2.3.5 Intervensi mendayaupayakan aset sosial komuniti**

Program-program sosial untuk mendayaupayakan aset sosial komuniti menerusi institusi keluarga dan pendidikan juga mula dibina berasaskan pengawasan komuniti. Ini merupakan pendekatan “dari Bawah ke Atas” yang diperjuangkan oleh Cara Ketiga (Haris & Abd. Hadi, 2012; Siti Hajar, 2007; Asnarulkhadi, 2005; Atkinson, 2001; Ferguson & Dickens, 1999). Ramai para perancang dasar mendapati proses membina semula, memperbaiki semula, memajukan atau membangunkan sebarang institusi sosial perlu bermula dari sektor keluarga, sekolah atau pendidikan dan kejurangan atau kawasan kediaman. Ini kerana pembentukan peribadi atau sahsiah diri kanak-kanak adalah bermula dari institusi keluarga dan berkembang dalam persekitaran kejurangan. Jika ahli-ahli komuniti saling memainkan peranan antara satu sama lain, ini dapat membantu mengurangkan kebergantungan masyarakat terhadap program, perkhidmatan atau bantuan sosial awam yang dibiayai oleh kerajaan (Etzioni, 2001; Siti Hajar, 2007). Fungsi-fungsi mendayaupaya aset komuniti sosial tersebut dilaksanakan di peringkat komuniti (kawasan kejurangan atau tempat tinggal).

Contoh-contoh aktiviti-aktiviti prososial berasas komuniti (program/ aktiviti berbentuk keselamatan, kemasyarakatan, pendidikan dan riadah/ sukan dan rekreasi) di peringkat antarabangsa dan peringkat tempatan yang menjalankan fungsi-fungsi di atas akan dibincangkan dengan lebih jelas dalam bab dapatan Bab Lima (Infra, Bahagian Subtopik 5.3.1.1, halaman 182; bahagian subtopik 5.3.2.1, halaman 195; bahagian subtopik 5.3.3.1, halaman 203; dan bahagian subtopik 5.3.4.1, halaman 208).

## **2.4 Perkembangan Program Pengawasan Komuniti Di Malaysia**

Pengawasan komuniti bukanlah satu amalan baru dalam kehidupan masyarakat. Sebelum amalan sosial ini dilakukan bersama dengan institusi pengawasan formal, anggota masyarakat tradisional telah melakukannya secara tidak formal seperti dalam amalan masyarakat pemburu dan pengumpul makanan, masyarakat pertanian serta masyarakat Melayu, contohnya dalam menjaga hasil padi. Dalam konteks perbincangan dalam tesis ini, Program Pengawasan Komuniti yang disentuh mempunyai kaitan rapat dengan pendekatan institusi kepolisan bagi mencegah jenayah yang wujud dalam kehidupan masyarakat. Justeru, mahu atau tidak perbincangan dalam bab ini sudah pasti perlu menyentuh secara tidak langsung perkembangan institusi kepolisan negara.

Dalam setiap ketamadunan sesuatu bangsa, terdapat badan penguatkuasa yang melaksanakan undang-undang, peraturan dan aktiviti-aktiviti sosial untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dan negara. Perbincangan bahagian ini dimulakan pada zaman kepolisan tradisional Melayu Melaka dan pada era campur tangan kuasa-kuasa luar di Tanah Melayu pada tahun 1800. Ini kerana, sistem kepolisan tradisional Melayu telah pun wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Namun demikian, ia tidaklah begitu jelas dari segi klasifikasi peranan anggota polis kerana peranan polis disatukan dengan peranan atau fungsi tentera. Era penjajahan kuasa-kuasa luar tahun 1800 pula merupakan asas kepada formulasi dan implementasi kebanyakan pentadbiran kepolisan di Malaysia.

Perkembangan Program Pengawasan Komuniti yang diamalkan di Malaysia hari ini merupakan legasi sistem dasar sosial imperialis Jepun dan kolonial British terutamanya. Perbincangan perkembangan Program Pengawasan Komuniti melangkaui



sehingga ke abad 21 yang merupakan wawasan negara menjadi sebuah Negara Maju. Lebih terperinci lagi, rangka masa perbincangan evolusi ini dipecahkan kepada tujuh tahap masa; iaitu:

- i. Zaman Kesultanan Melayu Melaka;
- ii. Zaman Penjajahan Kuasa-kuasa Barat (tahun 1511 hingga tahun 1786);
- iii. Zaman Imperialis Jepun (Ogos 1942 hingga September 1945);
- iv. Selepas Perang Dunia Kedua (tahun 1946 hingga tahun 1990); dan
- v. Zaman Merdeka hingga kini.

#### **2.4.1 Zaman Kesultanan Melayu Melaka**

Pengawasan komuniti oleh pihak polis telah bermula sejak zaman Kerajaan Melayu Lama iaitu pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Namun, tidak dinafikan bahawa telah wujud institusi pengawal yang menjaga keselamatan komuniti itu yang mempunyai fungsi polis sejak wujudnya Kerajaan Hindu Majapahit, Empayar Buddha Sri Vijaya dan Kerajaan Melaka (Halal et al., 2004).

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, Sultan adalah pusat kuasa. Baginda bukan sahaja mengisi kedudukan sebagai ketua negeri atau negara; tetapi bertindak sebagai hakim, pemerintah tertinggi angkatan tentera dan juga ketua agama. Bendahara (semirip dengan jawatan Perdana Menteri dalam zaman moden ini) merupakan ketua pentadbir, penasihat Sultan dalam semua segi dan juga boleh bertindak sebagai Panglima Perang. Laksamana pula menduduki tempat kedua penting selepas Bendahara. Kekuatan ketenteraan pada masa itu bergantung kepada kekuatan armada lautnya (Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984).

Temenggung pula bertindak sebagai pegawai polis (semirip dengan jawatan Ketua Polis Negara pada hari ini). Beliau bertanggungjawab menjaga keselamatan dan ketenteraman komuniti atau masyarakat di sekitar istana khususnya dan di dalam negeri seluruhnya. Ini jelas dalam satu kejadian yang berlaku semasa Melaka berada di bawah pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah. Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488), terkenal dengan sikap warak, berani dan gagah kerana meronda pada waktu malam di sekeliling Melaka untuk membanteras pencuri (Muhammmad Yusoff, 1992). Pada satu malam baginda dan pengawal peribadinya membuat rondaan di sekitar Bandar Melaka untuk melihat sendiri keadaan keamanan negeri itu. Baginda telah terserempak dengan beberapa orang pencuri dan mereka berjaya membunuh mereka. Semasa mengadap di balai pada keesokan harinya Baginda bertanyakan kepada Temenggung:

“Setelah siang hari, maka Sultan Alauddin pun keluar dihadap orang. Maka Bendahara dan segala orang besar-besar dan para menteri, sida-sida, bentara, hulubalang sekaliannya hadir menghadap. Maka titah sultan kepada Seri Maharaja, kerah ia Temenggung, "Adakah kawal semalam?"

Maka sembah Seri Maharaja, "Ada, tuanku". Maka titah sultan, "Kita dengar ada orang mati dibunuh orang, di atas bukit seorang, di bawah bukit seorang, di hujung jambatan seorang, jikalau demikian orang itu, Seri Maharajakah yang membunuhnya?" Maka sembah Seri Maharaja, "Tiada patik tahu, tuanku". Titah sultan, "Sia-sialah kawal Seri Maharaja, tiga orang mati tiada diketahui. Sekarang kita dengar pencuri terlalu ganas dalam negeri ini". Maka sultan pun memerintahkan memanggil Hang Isap, ia pun datang, peti itu pun dibawanya. Maka titah Sultan Alauddin kepada Hang Isap dan Hang Siak, "Apakah pemandangan engkau semalam?" Maka Hang Isap dan Hang Siak pun berceritalah akan segala peri hal ehwal semalam, semua dikatakannya.....

"Semenjak itu kawal Seri Maharaja terlalu keras. Jika bertemu dengan orang di jalan, dibunuhnya, tiada ditangkap lagi. Pada suatu malam Seri Maharaja berkawal, bertemu dengan seorang pencuri. Maka diparang oleh Seri Maharaja dengan pedang bertupai, putus di bahunya.."(Shellabear, 1967; halaman 142-143).

Dari gambaran di atas, Sultan Alauddin telah menyindir sikap Temenggung Seri Maharaja yang leka dan lalai dalam menjalankan tugas menjaga keselamatan dan ketenteraman negeri. Temenggung Seri Maharaja berazam untuk mengubah sikapnya dan berazam untuk menjaga dan mengawal negeri Melaka dengan bersungguh-sungguh bersama kumpulan rondaannya. Semenjak peristiwa tersebut, tiada lagi individu yang berani untuk keluar berjalan-jalan pada waktu malam apatah lagi untuk mencuri. Negeri Melaka menjadi aman dan sentosa. Rondaan yang dilakukan oleh Temenggung dan kumpulan rondaannya yang terdiri daripada anggota masyarakat atau komuniti setempat dianggap sebagai sebuah pengawasan komuniti tradisional kerana bersama-sama menjaga keselamatan dan ketenteraman negeri daripada sebarang bentuk jenayah.

Naskhah Sejarah Melayu tidak menyebut secara khusus mengenai penubuhan pasukan polis dan pasukan ketenteraan. Pada waktu itu, pasukan tersebut terdiri daripada para hulubalang, pengawal-pengawal istana, bentara, soldadu-soldadu, juak-juak atau budak raja. Mereka inilah yang menjalankan segala bentuk tugas yang bercorak kepolisan dan ketenteraan. Mereka dikerah untuk berperang, mengawal keamanan, menangkap orang yang melanggar undang-undang atau perintah raja, memungut cukai atau hasil negeri, menjaga keselamatan istana, raja dan permaisuri serta kerabat-kerabatnya. Golongan ini yang juga dikenali sebagai 'orang-orang raja' diberi kuasa menangkap malah kadang-kadang menghukum rakyat yang melanggar mana-mana undang-undang dalam negeri Melaka (Halal et al., 2004).

Hikayat Hang Tuah adalah cerita yang menyorot Hang Tuah sebagai wira Melayu, terutama dari segi pengabdian kepada raja dan negara Kota Melaka (Kassim & Noriah, 1997). Sifat wira Hang Tuah telah ditonjol sewaktu kanak-kanak lagi apabila dia mengalahkan lanun yang cuba menangkap dirinya dan sahabat-

sahabatnya iaitu Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu. Keberanian dan semangat sekawanan Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya juga berjaya menyelamatkan Bendahara Paduka Raja daripada serangan amuk di pasar. Kerana peristiwa tersebut, Hang Tuah dan sahabatnya, dikasihi oleh Bendahara Paduka Raja dan diambil menjadi biduanda di dalam istana baginda. Kemudian Hang Tuah telah dilantik menjadi bentara. Dalam masa mengawal keselamatan Raja Melaka tatkala istiadat perkahwinan diraja di Majapahit itu, Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya menghadapi berbagai mara bahaya dan dugaan, tetapi segala itu ditempuh mereka dengan jayanya. Di Majapahit Hang Tuah menerima gelaran Laksamana. Gelaran ini dikurniakan oleh Bentara Majapahit, sesudah Hang Tuah membunuh seorang perajurit bernama Taming Sari (Kassim & Noriah, 1997). Hikayat Hang Tuah secara tidak langsung menggambarkan amalan pengawasan komuniti ahli-ahli komuniti bersama-sama berkongsi tanggungjawab menjaga keselamatan negara.

Jajahan atau wilayah takluk Melaka yang terdiri daripada kampung-kampung biasanya terletak di lembah-lembah sungai. Tiap-tiap sungai mempunyai Penghulu yang merupakan wakil Sultan. Para penghulu juga mempunyai pasukan kawalan atau “pasukan polis” masing-masing. Tugas utama pasukan ini adalah memungut cukai dan menguatkuasakan undang-undang. Samalah halnya dengan ketua kampung. Institusi penghulu dan ketua kampung bertanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan kampung masing-masing daripada ancaman dari dalam mahupun luar. “Pasukan polis” diberi kuasa untuk menangkap rakyat yang gagal mematuhi undang-undang yang ditetapkan oleh sultan dan penghulu. Pada masa yang sama, penghulu juga mempunyai kuasa untuk menyelesaikan pertikaian antara anak buahnya di dalam semua perkara termasuk hal-hal harta pusaka, kekeluargaan dan sebagainya (Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984).

Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang memberikan tugas menjaga keamanan dan ketenteraman dalam negeri kepada Temenggung dan penghulu-penghulu atau ketua kampung di kawasan perkampungan atau jajahan takluk juga menjadi amalan kerajaan Melayu yang lain seperti Kerajaan Melayu Pahang, Terengganu, Perak, dan Johor. Tambahan pula Raja Pahang, Perak dan Johor adalah dari keturunan darah Sultan Melaka. Apa yang jelas pada zaman Melayu Melaka ini ialah, kuasa mutlak terletak di tangan Sultan dengan dibantu oleh Bendahara, Laksamana dan Temenggung. Baginda juga dibantu oleh para penghulu di tanah-tanah jajahannya dalam menjaga keamanan dan keselamatan rakyat di bawah jajahannya (Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984).

#### **2.4.2 Pengawasan Komuniti dalam Sistem Kepolisan Zaman Penjajahan Kuasa-kuasa Barat (1511-1786)**

Sistem kepolisan tradisional mengalami perubahan apabila Melaka ditakluki oleh Portugis pada 10 Ogos 1511. Tugas-tugas kepolisan seterusnya dilaksanakan oleh askar-askar Portugis. Pihak Portugis mentadbir Melaka dengan menggunakan sistem "Kapitan". Sistem Kapitan Cina diperkenalkan oleh Portugis setelah menawan Melaka pada 1511.

Kapitan merupakan ketua masyarakat Cina yang dilantik bagi mengawal aktiviti serta kepentingan masyarakat Cina. Sistem ini diteruskan selepas Belanda menawan Melaka daripada Portugis pada tahun 1640. Inggeris pula terus menggunakan sistem Kapitan Cina di Negeri-negeri Selat sehingga tahun 1826. Ia diperlukan bagi menghadapi perkembangan imigran Cina yang semakin pesat menjelang pertengahan abad yang ke 19. Di samping Negeri-negeri Selat, sistem Kapitan Cina turut digunakan

di Negeri-negeri Melayu yang masih di bawah kekuasaan Sultan Melayu (Chong, 1985).

Kapitan Cina dilantik oleh sultan bagi mengawal kegiatan, penempatan serta menyelesaikan pertelingkahan antara imigran Cina dan ia berterusan sehingga tahun 1901. Peranan Kapitan Cina sangat penting, khususnya di bawah sistem pentadbiran Inggeris yang bercorak pemerintahan secara tidak langsung (*indirect rule*) di Tanah Melayu. Sebenarnya British tidak dapat menjamin keselamatan dan kedudukan orang-orang Cina. Kebanyakan pegawai-pegawai Inggeris tidak memahami bahasa dan adat resam orang Cina. Jadi, untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan supaya kepentingan ekonomi Inggeris dapat dijamin maka pihak kerajaan Inggeris memerlukan pertolongan pentadbiran dari sistem Kapitan Cina (Chong, 1985).

Antara Kapitan Cina yang terkenal dalam sejarah Tanah Melayu ialah Yap Ah Loy yang muncul sebagai Kapitan Cina di Kuala Lumpur pada tahun 1868 (Chong, 1985). Yap Ah Loy menikmati kuasa-kuasa autonomi di dalam pemerintahan kebanyakan hal-ehwal masyarakat Cina. Di sepanjang pemerintahannya mulai dari tahun 1870 hingga ke tahun 1879, Yap Ah Loy telah mengeluarkan beberapa undang-undang baru untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh persatuan atau kumpulan kongsi gelap, terutamanya kes mencuri dan merompak. Sesiapa yang didapati mencuri barang, buat pertama kalinya akan dihukum mengangkat barang yang dicurinya mengelilingi bandar Kuala Lumpur. Jika kesalahan itu diulangi, hukumannya ialah satu daripada telinganya akan dipotong sebagai ingatan jangan mencuri lagi. Mereka yang melakukan kesalahan itu berturut-turut tanpa sebab musabab akan dihukum bunuh. Bagi kesalahan kecil, pesalah dipenjara terlebih dulu sebelum dibicara (Chong, 1985).

Hukuman yang dirangka Yap mungkin kelihatan seperti kejam, tetapi ia nyata berkesan untuk membendung jenayah ketika itu. Malah, sebulan selepas beliau dilantik menjadi kapitan dan mengemukakan undang-undang itu, kecurian tidak pernah berlaku sehingga digambarkan jika ada barang yang terjatuh di tengah jalan, tiada siapa yang berani mengambilnya. Lanun juga tidak lagi berani merompak kapal di sungai dan bijih dapat dihantar dengan selamat (Chong, 1985).

Undang-undang dan hukuman jenayah tersebut dikuatkuasakan oleh Yap Ah Loy ke atas masyarakat Cina di Kuala Lumpur pada masa itu. Undang-undang dan hukuman tersebut dijalankan berasingan dan tidak ada kena mengena dengan undang-undang Inggeris yang sedia ada. Yap Ah Loy juga telah membina sebuah penjara di Kuala Lumpur. Penjara itu dapat memuatkan enam puluh banduan. Untuk mengawal penjara dan menjalankan tugas-tugas menjaga keselamatan bandar Kuala Lumpur beliau telah mengupah ramai pengawal yang terdiri daripada mereka yang mahir dan terlatih dalam bidang ketenteraan. Pengawal-pengawal itu kebanyakannya dibawa dari negara China. Mereka adalah ahli-ahli kongsi gelap Hai San di bawah pimpinan Yap Ah Loy (Chong, 1985).

Pada keseluruhannya, peranan dan jasa-jasa Kapitan Cina terutamanya Yap Ah Loy ke atas masyarakat Cina yang terbesar ialah menjaga keamanan dan kesejahteraan Kuala Lumpur melalui sistem Kapitanannya. Yap Ah Loy telah menjaga keselamatan dan kebajikan umum masyarakat Cina dan juga mengekalkan hubungan baik dengan orang Inggeris dan masyarakat Melayu. Ini menunjukkan kepimpinan Yap Ah Loy melalui Sistem Kapitan Cina berjaya menjaga keselamatan dan keamanan Kuala Lumpur pada masa itu dengan sifat permuafakatan ahli-ahli kongsi gelap beliau iaitu Kongsi gelap Hai San. Secara tidak langsung kerjasama dan perkongsian tanggungjawab ini

mempunyai kemiripan prinsip pengawasan komuniti pada masa itu. Pemerintahan Yap Ah Loy yang bermula dari tahun 1870 berakhir pada tahun 1879 apabila seorang majistret Inggeris telah dilantik mengambil alih fungsi perundangan Yap Ah Loy.

Seperti Belanda dan Portugis, kedatangan British di Tanah Melayu juga bertujuan untuk mendapatkan bekalan bahan mentah bagi menampung permintaan sumber bahan mentah yang diperlukan bagi Revolusi Industri di Britain. Apabila Inggeris bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1786 ia membawa bersamanya cara hidup dan budaya barat. Mereka bukan sahaja memonopoli hal ehwal ekonomi dan pentadbiran tetapi termasuklah sistem polis yang kemudiannya mencorakkan satu sistem polis moden di negara kita.

Sistem polis moden yang teratur di negara ini bermula pada 25 Mac 1807, dengan penguatkuasaan *Charter of Justice* (Piagam Keadilan) oleh penjajah Inggeris di Pulau Pinang (Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984). Piagam yang diperkenalkan oleh Inggeris itu telah memisahkan kuasa kehakiman daripada kuasa perundangan dan ia juga telah membawa kepada penubuhan sebuah pasukan polis di Tanah Melayu. Sistem yang mencontohi polis Britain itu mewujudkan jawatan *High Sheriff* dan Deputy Sheriff yang diberi tanggungjawab untuk menjaga keamanan dan keselamatan serta menguatkuasakan undang-undang di Pulau Pinang yang dikenali sebagai Pulau *Prince of Wales*. Penduduk-penduduk tempatan diambil berkhidmat sebagai *Patty Constables* dan diberi gaji atas perkhidmatan mereka. Orang Eropah ada juga yang berkhidmat sebagai *High Constables* tetapi tugas itu hanya merupakan khidmat masyarakat dan tidak diberi sebarang gaji (Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984).



Pembentukan Negeri-negeri Selat yang terdiri daripada Melaka, Singapura dan Pulau Pinang oleh British turut membawa kepada penubuhan Pasukan Polis Negeri-negeri Selat. Ia bermula apabila *Indian Police* dikuatkuasakan pada tahun 1856. Undang-undang yang bertajuk *An Act for Regulating the police of the Towns of Calcutta, Madras, Bombay and the Sevor station at the settlement of Prince of Wales, Singapore and Malacca* membuat sedikit penyelarasan dalam pentadbiran polis di bandar yang disebutkan itu dengan memasukkan juga Negeri-negeri Selat. Pada tahun 1974, Inggeris meluaskan jajahannya dengan memperkenalkan Sistem Residen di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Pembentukan Persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu itu turut menyatukan pasukan-pasukan polis negeri-negeri tersebut ke dalam Pasukan Polis Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang berkuat kuasa pada 1 Julai 1896. Menjelang awal abad ke-20, kesemua negeri di Tanah Melayu mempunyai pasukan polis sendiri, masing-masing dengan sejarah, tradisi dan peranan yang berbeza-beza. Ini termasuklah dengan Pasukan Polis di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu serta Pasukan Polis di Negeri-negeri Borneo Sabah dan Sarawak. Hampir kesemua pasukan itu menjalankan fungsi separa tentera (Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984).

#### **2.4.3 Sistem Pengawasan Komuniti semasa Imperialis Jepun (Ogos 1942 hingga September 1945)**

Perang Dunia Kedua pada 1939 telah membawa angkatan bala tentera Jepun berperang dengan negeri-negeri Jajahan British termasuklah Tanah Melayu yang sememangnya kaya dengan sumber asli. Jepun yang merupakan antara kuasa industri utama pada ketika itu telah mara ke arah Selatan, iaitu Indo-China sehinggalah pendaratannya di Kota Bahru, Kelantan pada 8 Disember 1941. Setelah tentera Jepun berjaya menduduki

Kelantan, Kedah dan Perak telah menjadi sasaran selanjutnya. Sehingga pada 12 Januari 1941, tentera Jepun telah berjaya menguasai Kuala Lumpur (Halal et al., 2004).

Dengan bermulanya pemerintahan Jepun, Pasukan Polis Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Selat dan Pasukan Polis di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu terubur dengan sendirinya. Seperti British, tentera Jepun juga melakukan beberapa perubahan dalam sistem kepolisan di Tanah Melayu. Perubahan yang dilakukan walau bagaimanapun hanya dibuat pada skala kecil sahaja. Dua bahagian polis ditubuhkan iaitu polis biasa dan Teksidon. Pegawai polis yang ada sewaktu kolonial British terus bertugas seperti biasa. Hanya terdapat sedikit sahaja perubahan yang dilakukan dalam organisasi polis iaitu penubuhan polis cawangan khas yang dikenali sebagai *Tokkoka* (Polis Politik) yang menumpukan perhatian utama terhadap kegiatan anti Jepun. Ejen dan pemberi maklumat berkeliaran di merata tempat seperti di kedai kopi, hotel dan tempat perjudian. Untuk memudahkan pentadbiran, Pesuruhannya polis yang lama terus menjadi Ketua Polis Negeri. Manakala Pegawai di peringkat daerah juga terus memegang jawatan masing-masing (Azhar, 2009).

Kesedaran tentera Jepun untuk mengukuhkan kuasanya memerlukan hubungan yang rapat dengan orang tempatan terutamanya orang Melayu. Ini memperlihatkan penglibatan orang Melayu dalam pasukan polis dan tentera telah memberi kesan yang mendalam seperti yang diterangkan oleh Cheah Boon Kheng (2002 dalam Azhar, 2009):

*“Mereka menjalankan skala mobilisasi yang besar dan militarisasi golongan muda dan kebanyakan orang Melayu yang menjadi elit baharu, elit tentera yang terdedah kepada latihan intensif dan ditanamkan semangat rela berkorban sebagai seorang patriot”* (halaman 156) .

Bagi mengelakkan berlakunya konflik dalam pentadbiran, perhubungan dengan individu peringkat bawahan perlu dijaga. Oleh itu, kesemua pentadbiran di peringkat daerah, mukim dan kampung dikekalkan. Tugas pegawai daerah (*Guncho*) juga tidak banyak berbeza semasa zaman British tetapi mereka sentiasa menghadapi kesulitan kerana pihak Jepun selalu campur tangan dalam kerja harian. Jika berlaku kekosongan pegawai yang dilantik akan dipilih daripada orang tempatan (Azhar, 2009).

Pentadbiran di peringkat mukim terus dikekalkan di tangan penghulu dengan dibantu oleh panglima dan ketua kampung. Ini jelas memperlihatkan bahawa peranan penghulu dan penolongnya sebagai agen kerajaan terus dianggap penting. Pihak Jepun telah menggunakan sebaik mungkin institusi ini untuk kepentingan pentadbiran mereka. Tugas utama penghulu ialah sebagai pengawal keamanan dan ketenteraman, penyampai arahan kepada rakyat dan mengawal kegiatan pertanian. Walau bagaimanapun, terdapat juga penghulu yang menyeleweng apabila mereka mengamalkan rasuah dan mengutip wang rakyat terutamanya untuk mendapat kad catuan gula. Bagi memastikan keamanan di peringkat mukim dan menentukan setiap kegiatan penentangan terhadap Jepun dapat dikawal, pihak Jepun terus memeralatkan penghulu dengan memastikan mereka kekal bekerjasama. Menurut Peraturan Polis Nombor 248, Penghulu dikehendaki menjadi ketua unit kawalan keamanan di mukimnya yang dikenali sebagai *Keisatsu Kyoryoku Dan*.

Di setiap kampung juga dilantik seorang pembantu penghulu. Tugas utama ketua Keisatsu ialah untuk mengawal keamanan daripada gangguan penderhaka dan penjahat. Penghulu juga perlu memberi penerangan kepada anak-anak buah mukimnya dan memastikan tugas tersebut dilaksanakan. Ketua kampung pula dikehendaki mengetuai anak-anak buahnya melaksanakan perintah yang ditetapkan (Azhar, 2009).

Dalam bulan-bulan awal pendudukannya, pentadbiran Jepun mendapati jenayah dan kekejaman telah meningkat terutama sekali di kawasan-kawasan yang kurang diberi perhatian oleh pihak Jepun. Pentadbiran Jepun mendapati langkah-langkah yang sedia ada masih tidak mencukupi. Sebagai langkah untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman serta membina ketahanan rakyat, pentadbiran Jepun telah menubuhkan pasukan pertahanan awam bagi membantu mereka menghadapi serangan musuh. Pihak Jepun mahu menyediakan pasukan pertahanan tempatan yang lebih kuat kerana banyak pasukan tenteranya telah dihantar ke Myanmar dan Kepulauan Pasifik. Antara pasukan pertahanan awam yang ditubuhkan adalah Pasukan Pertahanan Awam atau Rukun Tetangga (*Jekeidan*) dan Pasukan Sukarela (*Giyuntai*) (Azhar, 2009).

Selain itu, budaya semangat kejiranan seperti *Tonarigumi* (Persatuan Kejiranan) yang diamalkan di Jepun diserapkan dalam masyarakat Tanah Melayu. Ini memperlihatkan status rakyat biasa terutamanya orang Melayu diangkat ke satu tahap untuk sama-sama memikul tanggungjawab menjaga keselamatan dan kesejahteraan di kawasan masing-masing (Azhar, 2009). *Jekeiden* pula ditubuhkan bagi mengatasi masalah tingginya kadar kejadian rompakan. Di bawah sistem *Jekeiden*, beberapa buah rumah diberi tanggungjawab bersama bagi menjamin keselamatan dalam kawasan mereka. Tugas ketua *Jekeiden* ialah mendaftar semua keluarga jirannya, melaporkan peristiwa atau individu yang dicurigai di kawasan masing-masing. Mengikut sistem ini, lelaki berusia 16 hingga 40 tahun dikehendaki bertugas sebagai polis tambahan. Dalam *Jekeidan* mereka dibekalkan dengan senjata belantan dan wisel serta diberi arahan untuk menangkap orang yang dianggap mencurigakan dan yang lebih penting lagi ialah menangkap orang yang disyaki komunis (Azhar, 2009).

Selain itu, pihak Jepun juga menubuhkan *Gigyun* (Tentera Sukarela), *Giyutai* (Pasukan Sukarela), *Heiho* (Pasukan Sukarela Tambahan) dan *Kempetei* (Pasukan Polis Tentera). *Heiho* berfungsi sebagai “pemandu arah” dalam pasukan tentera Jepun. Selain itu, *Heiho* juga menjalankan kerja-kerja buruh kasar; khususnya pembinaan jalan pengangkutan. *Heiho* kebanyakannya dianggotai oleh pemuda Melayu, sama ada secara sukarela atau paksaan. *Kempetei* merupakan organisasi keselamatan yang paling berkuasa dan digeruni oleh penduduk tempatan. Sebagai polis tentera, *Kempetei* diletak di bawah Kementerian Perang Jepun. *Kempetei* berfungsi sebagai pengintip yang memerhati dan mengawal penduduk tempatan (Azhar, 2009).

Bagi memastikan dasar keselamatannya berkesan, Jepun juga telah memperkenalkan beberapa undang-undang keselamatan yang digelar *Dai Nippon*. Antara lain *Dai Nippon* mengandungi peraturan berupa larangan kepada penduduk tempatan keluar rumah pada waktu malam. Mereka yang melanggar peraturan ini akan dihukum dan diseksa. Pelbagai bentuk hukuman dan seksaan yang diperkenalkan oleh Jepun bagi menakut-nakutkan masyarakat setempat. Antara hukuman yang paling digeruni adalah “rawatan air”; iaitu menyalurkan air menerusi saluran getah ke dalam mulut mangsa sehingga perutnya buncit sehingga dipijak perutnya sehingga mangsa mati (Siti Hajar, 2002).

Pemerintahan Jepun selama tiga tahun lapan bulan berakhir pada 15 Ogos 1945. Namun demikian, dasar-dasar sosial yang dibawa oleh Jepun ternyata membawa penderitaan ke atas masyarakat Tanah Melayu pada waktu itu. Walau bagaimanapun, Jepun telah membentuk satu dasar keselamatan yang baik iaitu yang menekankan kepada kerjasama komuniti. Dasar keselamatan Jepun menunjukkan dalam usaha menjaga keselamatan dan keamanan komuniti daripada ancaman pihak luar, mereka

bukan sahaja menubuhkan pasukan polis formal tetapi juga pasukan polis tidak formal yang terdiri daripada penduduk tempatan. Dasar ini penting bagi memastikan kedudukan mereka terjamin sambil menjaga keamanan Tanah Melayu. Perkongsian tanggungjawab secara sukarela dalam menjaga keamanan dan keselamatan amat diperlukan bagi memastikan keselamatan dan kepentingan semua pihak.

#### **2.4.4 Selepas Perang Dunia Kedua (tahun 1946 hingga tahun 1990)**

Pendudukan singkat Jepun atau era Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu (Ogos 1942 – Julai 1945) telah menghancurkan semua institusi dan sektor ekonomi, politik dan sosial yang telah dibina oleh kerajaan British. Perang Dunia Kedua telah meninggalkan impak psikologi dan kesejahteraan hidup yang mendalam kepada rakyat secara umumnya. Sebagai contoh, penduduk Tanah Melayu sentiasa hidup dalam keadaan ketakutan dan menderita akibat serangan daripada tentera Jepun yang mengorbankan ahli keluarga mereka dan nyawa orang awam. Serangan tentera Jepun juga menyebabkan banyak kemusnahan harta benda, kebuluran kerana kekurangan bekalan makanan, penularan penyakit dan penyeksaan melalui hukuman dan kerja berat yang dikenakan tentera Jepun terhadap penduduk Tanah Melayu (Azhar, 2009).

Tahun 1948 hingga 1960, dikenali sebagai zaman Darurat di Tanah Melayu. Dalam jangka masa itu, penganas Komunis telah melancarkan pemberontakan bersenjata yang tujuan untuk menubuhkan sebuah republik Komunis di Tanah Melayu. Undang-undang Darurat diisytiharkan di Tanah Melayu pada 16 Jun 1948 oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Edward Gents berikutan kekacauan yang telah ditimbulkan oleh komunis yang boleh mengancam keamanan dan keselamatan negara. Komunis telah melakukan berbagai-bagai kegiatan sabotaj, pemusnahan dan kerosakan

ke atas harta benda awam serta harta benda penduduk dan kerajaan. Mereka juga membunuh rakyat jelata, melakukan kejahatan dan keganasan ke atas semua lapisan masyarakat di Tanah Melayu. Kegiatan komunis bukan sahaja mendatangkan kesusahan, penderitaan dan gangguan ke atas kehidupan penduduk serta kerosakan harta benda yang tidak ternilai, malahan turut menimbulkan ketidakstabilan politik, sosial dan ekonomi di Tanah Melayu (Ho, 2003).

Sebagai tindak balas terhadap operasi yang dilancarkan komunis atau Parti Komunis Malaya (PKM), kerajaan pada masa itu telah melancarkan beberapa tindakan mencegah, membendung dan mengawal agar ideologi dan pengaruh komunis dapat disekat dan tidak berkembang. Darurat telah diisytiharkan pada bulan Jun 1948. Berikutan itu, kekuatan pasukan polis dan tentera telah ditambah untuk memikul tanggungjawab memerangi penganas Komunis. Dalam menghadapi ancaman komunis, pasukan polis terpaksa mempraktikkan semula pengetahuan serta kepakaran paramilitarinya. Beberapa unit telah ditubuh untuk mematahkan serangan pihak penganas Komunis. Pada asalnya unit itu dikenali sebagai "*flying Squad*", kemudian "*Jungle Squad*". Unit kecil ini telah disusun semula menjadi "*Jungle Company*" pada tahun 1951. Penyusunan semula unit ini menjadikannya lebih teratur, dilengkapi secukupnya dan ahli-ahlinya lebih terlatih untuk menjalankan operasi menghapuskan puak militan PKM yang bergerak di hutan belantara (Halal et al., 2004).

Tindakan berkesan pihak polis dengan bantuan tentera (termasuk dari negara-negara Komanwel) telah menyebabkan penganas Komunis lari lebih jauh ke dalam hutan belantara dan seterusnya menyeberangi sempadan Tanah Melayu-Thailand. Situasi tersebut telah mendorong pihak berkuasa memperkenalkan konsep operasi peringkat pusat dan perlunya diwujudkan satu pasukan simpanan paramilitari. Pasukan

ini ditubuhkan pada tahun 1953 dengan menyusun semula "*Jungle Company*". Tujuh unit Pasukan Polis Hutan telah diwujudkan dan ahli-ahlinya dilatih serta dilengkapi dengan peralatan senjata untuk menjalankan tugas mengawal keselamatan dalam negeri serta memelihara ketenteraman awam. Dalam operasi menyekat perjuangan komunis, sekatan makanan terhadap penganas komunis turut dijalankan. Khidmat isteri polis dan kemudiannya Polis Khas Wanita mula digunakan untuk memeriksa anggota badan kaum wanita yang disyaki. Kumpulan ini juga menjalankan tugas mengawal lokap serta mengiringi pesalah wanita dan kanak-kanak (Halal et al., 2004).

Selain memperkuat pasukan keselamatan, kerajaan pihak berkuasa pada masa itu juga telah menubuhkan *Home Guard* (Pasukan Kawalan Kampung). Pasukan yang diletakkan di bawah kawalan angkatan tentera ini berperanan menjaga keselamatan penduduk dan harta benda di kampung daripada pencerobohan dan gangguan komunis. Dengan cara ini, sesebuah kampung akan mempunyai pasukan yang diharap dapat mempertahankan penduduknya daripada gangguan atau serangan komunis sementara menanti bantuan dari balai polis berdekatan atau ketibaan pasukan tentera (Siti Hajar, 2002).

Perjuangan menentang komunis di Tanah Melayu tidaklah dibuat dalam bentuk ketenteraan semata-mata. Antara langkah lain yang diambil oleh British untuk mematahkan dan menghapuskan ancaman pihak komunis ialah mengadakan dasar dan program penempatan semula. Menerusi program yang dicadangkan oleh Sir Harold Briggs ini, semua kawasan setinggan, khususnya setinggan Cina dipindahkan ke kawasan kampung-kampung baru yang dikelilingi dengan pagar kawat. Perkampungan baru ini dikawal oleh anggota keselamatan. Langkah ini dilakukan untuk mengawal atau menyekat bantuan makanan dan barang-barang lain daripada penduduk yang



tinggal di pinggir hutan sampai ke tangan pengganas Komunis. Program ini telah berjaya menghancurkan gerakan pengganas-pengganas komunis (Siti Hajar, 2002).

Sistem kepolisan di negara ini juga telah beberapa kali diubah sehingga ia membawa kepada penyatuan pentadbirannya di bawah Panji-Panji Polis Diraja pada 15 September 1963 berikutan terbentuknya Malaysia. Pasukan Polis Diraja Tanah Melayu ditukarkan kepada nama Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) apabila pasukan-pasukan polis Sabah, Sarawak, Singapura dan Tanah Melayu digabungkan dalam semua aspek. Tugas dan peranan PDRM yang lahir serentak dengan pembentukan Malaysia masih tidak berubah seperti yang termaktub dalam Akta Polis 1952, yang bertujuan untuk mengekalkan undang-undang dan ketenteraman, menjaga keamanan dan keselamatan Persekutuan, mencegah dan mengesan penjenayah, menangkap dan mendakwa penjenayah dan mengumpul risikan keselamatan (Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984). Dalam pada itu, PDRM menghadapi cabaran-cabaran besar dalam melaksanakan tugas dan peranannya. Antara cabaran-cabaran besar PDRM adalah ancaman Konfrontasi Indonesia, Tragedi 13 Mei 1969, dan pemberontakan bersenjata Komunis II (Halal et al., 2004).

Pencegahan jenayah sememangnya telah termaktub di bawah peranan dan fungsi Pasukan Polis seperti dinyatakan di dalam seksyen 3(3) Akta Polis 1967, iaitu Pengesanan dan Pencegahan jenayah. Peranan tersebut boleh dilaksanakan di dalam dua pendekatan iaitu pendekatan reaktif dan proaktif. Pendekatan reaktif merupakan tindakan diambil selepas jenayah berlaku. Tindakan reaktif termasuk penyiasatan, tangkapan, pendakwaan dan operasi-operasi khas bagi menjejak penjenayah. Pendekatan proaktif pula adalah tindakan yang dibuat sebelum jenayah dilakukan. Pada tahun 1967, Tun Salleh Ismail (Ketua Polis Negara yang Kedua) mencetuskan idea

mengenai konsep menyerapkan polis dengan masyarakat setempat sebagai langkah pencegahan proaktif (Halal et al., 2004). Sistem ini mewujudkan penubuhan pegawai Polis Kampung (PKK) di kampung dan pondok polis di bandar-bandar. Sistem Salleh adalah satu usaha untuk meningkatkan keberkesanan tindakan membasmi jenayah dengan melibatkan orang ramai secara langsung (Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984).

Kaedah dan pelaksanaan dalam Sistem Salleh merupakan satu teras yang diaplikasi dalam melaksanakan konsep '*Community-Oriented Policing*'. Sistem Salleh dilaksanakan berdasarkan 5 objektif berikut:

- (i) Memupuk perasaan percaya orang ramai melalui kaedah bit di mana polis dapat dilihat di jalan-jalan raya;
- (ii) Memberi bantuan dengan segera kepada orang ramai setelah mendapat maklumat dan aduan;
- (iii) Memudahkan proses penyaluran maklumat dengan memperkemas dan memperbaiki aliran maklumat;
- (iv) Menyediakan satu sistem yang menarik dan tujuan melindungi atau mengurangkan bit dan kemalangan jalan raya; dan
- (v) Menanam semangat kepada pegawai-pegawai Polis berhubung dengan tugas-tugas mereka dengan cara menyatukan pengetahuan-pengetahuan yang ada.

(PDRM, 2011)

Menerusi lima objektif tersebut, pegawai dan anggota polis diberi tanggungjawab untuk mengendalikan dan memantau kawasan-kawasan yang telah dikategorikan sebagai sektor. Pegawai dan anggota polis ini turut ditempatkan di kawasan sektor tersebut dan mereka bertanggungjawab mengkaji serta menjalin hubungan mesra dengan penduduk untuk mewujudkan keyakinan masyarakat terhadap mereka. Secara tidak langsung, pemahaman dan pengetahuan mengenai kawasan ini diperoleh dan kecekapan pegawai dan anggota dapat dipertingkatkan demi memastikan keselamatan setempat. Untuk melihat keberkesanannya, sistem ini telah diuji buat pertama kalinya di Petaling Jaya pada Februari 1968. Percubaan ini ternyata berkesan dan berjaya menurunkan kadar jenayah di kawasan Petaling Jaya. Pada 7 Jun 1968 menerusi Perintah Pasukan PDRM arahan telah dikeluarkan supaya sistem ini dilaksanakan di semua Kontijen. Keberkesanan Sistem Salleh dalam mengekang, mengawal dan membasmi jenayah tidak dapat dinafikan. Keyakinan orang ramai terhadap PDRM semakin meningkat dan mendapat pengiktirafan Tun Abdul Razak yang merupakan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun 1968 (Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984).

Dilihat daripada aspek perhubungan polis dengan orang awam, Sistem Salleh juga berjaya mewujudkan satu situasi di mana orang awam tidak lagi menganggap polis sebagai satu institusi yang ditakuti, malah sebaliknya sebagai sahabat yang memberi pertolongan bila diperlukan. Wujudnya hubungan baik polis-orang ramai, akan memudahkan pihak polis melakukan tugasnya sebagai pegawai keamanan dan keselamatan negara. Berasaskan Sistem Salleh inilah, aktiviti-aktiviti pengawasan komuniti semakin berkembang dengan pelbagai nama digunakan selaras dengan proses permodenan negara (Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984).

#### 2.4.5 Era 90-an hingga sekarang

“Kehadiran Polis” (*Police Omnipresence*) dilihat sinonim dengan konsep pencegahan jenayah. Bagaimanapun kehadiran polis sahaja melalui aktiviti yang dilakukan oleh anggota polis seperti bit, patrol dan sistem sektor tidak sama sekali dapat memperoleh kejayaan tanpa penglibatan masyarakat. Pendekatan kepolisan tidak boleh tertumpu kepada tindakan reaktif semata-mata memandangkan pelbagai perubahan telah berlaku baik dari segi persekitaran, peningkatan penduduk, polariti pendidikan, kemajuan sains dan teknologi di samping munculnya jenayah bentuk baru yang lebih sofistikated dan global pula sifatnya.

Berikutan daripada dinamika sosial ini, PDRM seperti negara maju yang lain, turut mengalami transformasi apabila konsep pencegahan jenayah yang lebih dinamik direncanakan. Kaedah dan pelaksanaan dalam Sistem Salleh merupakan satu teras yang boleh diaplikasikan dalam melaksanakan konsep “*Community-Oriented Policing*” (Pengawasan Berorientasikan Komuniti atau Pengawasan Komuniti). Resolusi daripada pelaksanaan Sistem Salleh membuktikan bahawa melalui kerjasama masyarakat pihak polis berupaya mengawal dan membendung berlakunya kes-kes jenayah. Oleh yang demikian, pelaksanaan Pengawasan Komuniti dalam mencegah jenayah merupakan satu konsep yang perlu diimplementasikan sepenuhnya oleh PDRM.

Konsep Pengawasan Komuniti diketengahkan untuk diaplikasikan dan diadaptasi sebagai pemacu dalam usaha mencapai kelestarian keselamatan secara maksimum melalui penglibatan masyarakat. Menerusi Program Pengawasan Komuniti masyarakat dapat bersama-sama pihak polis dalam merangka strategi, dasar dan pelaksanaan program pencegahan jenayah. Menerusi kaedah ini, pihak polis dapat

mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan peranan yang boleh dimainkan oleh mereka serta langkah-langkah pencegahan yang boleh diimplementasikan dalam usaha mengekang jenayah daripada terus berlaku.

Keberkesanan program pencegahan jenayah ini dapat merealisasikan '*utopia*' masyarakat untuk hidup dalam keadaan selamat dan tenteram serta mampu mengawal tahap takut terhadap jenayah (*fear of crime*) yang wujud dalam diri masyarakat. Pelan Strategik Lima Tahun (PS5T) PDRM 2007-2011 dirangka untuk menyusun strategi dan hala tuju yang jelas dalam menangani pelbagai kemelut dan cabaran yang dihadapi berkaitan dengan membanteras jenayah. Salah satu teras utama yang telah dikenal pasti dalam PS5T PDRM 2007-2011 ialah "Menangani Masalah Peningkatan Jenayah dan Kebimbangan Masyarakat tentang Jenayah". Salah satu projek yang telah dikenal pasti di bawah teras ini ialah Program *Community Policing*. PDRM juga telah memperkenalkan konsep *Community Policing* atau pengawasan komuniti sebagai satu falsafah PDRM dalam melaksanakan pencegahan jenayah. Falsafah baru PDRM mengkehendaki polis dan masyarakat bersama-sama bertindak sebagai rakan seperjuangan dalam mengenal pasti dan menangani dengan berkesan isu-isu berkaitan jenayah dan gejala sosial di kawasan setempat terutamanya di kawasan kediaman atau kejiranan (PDRM, 2012).

Pencegahan jenayah berkonsepkan "*Community Oriented Policing*" telah lama dilaksanakan seperti Sistem Salleh, Rakan COP, Skim Pengawasan Kejiranan, Rukun Tetangga, dan Sukarelawan Polis. Dalam ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak pada pembentangan Bajet 2013 menyatakan salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang dimasukkan adalah "Mewujudkan Kejiranan yang Selamat dan Harmoni". Dalam usaha ini, kerajaan telah memperuntukkan

sejumlah RM591 juta bagi tahun 2013 untuk melaksanakan langkah-langkah mengurangkan kadar jenayah dengan;

- (i) Menambah bilangan perjawatan baru PDRM pada 2013 untuk melaksanakan tugas-tugas rondaan dan pencegahan jenayah serta menaik taraf infrastruktur dan menyediakan peralatan moden;
- (ii) Menubuhkan Unit Rondaan Bermotosikal dengan menyediakan 1,000 buah motosikal dengan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk memantau kawasan perumahan;
- (iii) Menambah bilangan ahli Pasukan Sukarelawan Polis seramai 10,000 orang dengan peruntukan RM70 juta bagi membantu polis membanteras jenayah; dan
- (iv) Menambah pemasangan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) sebanyak 496 unit di 25 buah Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

(Utusan Malaysia, 22 September 2012)

Untuk mewujudkan kejiranan yang selamat dan harmoni, penglibatan swasta dan komuniti setempat secara menyeluruh bersama-sama pihak kerajaan adalah penting. Sehubungan itu, kerajaan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) Menyokong peranan Persatuan Penduduk bagi tujuan menggalakkan aktiviti rondaan di kawasan kejiranan. Kerajaan memperuntukkan kos RM40 juta untuk memberi geran berjumlah RM10 ribu kepada 4,025 Persatuan Penduduk yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

- (ii) Mempertingkatkan peranan Rukun Tetangga dalam membantu menjaga keselamatan kawasan perumahan. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM39 juta bagi membiayai aktiviti rukun tetangga. Kerajaan menasaskan 6,500 penubuhan kawasan Rukun Tetangga menjelang tahun 2013.
- (iii) Menyediakan sepasang pakaian seragam untuk 300,000 anggota RELA yang aktif peruntukan sebanyak RM90 juta.

(Utusan Malaysia, 22 September 2012)

Manakala untuk menggalakkan penyertaan pihak swasta, badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO's), Persatuan-persatuan Peniaga atau Pekilang dan lain-lain agensi kerajaan dalam pelaksanaan aspek pencegahan dari akar umbi, kerajaan menolak sepenuhnya perbelanjaan pemasangan alat kawalan keselamatan bagi syarikat-syarikat dalam tahun yang sama ia dibelanjakan. Perkara ini berbeza dengan tolakan semasa iaitu lapan tahun, di bawah galakan Elaun Modal Dipercepatkan. Kerajaan juga bersetuju inisiatif yang menaik ini turut diberi kepada syarikat pemaju perumahan (Utusan Malaysia, 22 September 2012). Bertitik tolak daripada teras ini, program pengawasan kejuruan mula diterapkan secara giat dalam menjaga keselamatan dan pencegahan jenayah dalam negara.

## **2.5 Ciri-Ciri Pendekatan Pengawasan Komuniti**

Falsafah pengawasan komuniti mengiktiraf khidmat pihak polis kepada komuniti yang bertindak sebagai klien mereka. Usaha-usaha mengimplementasi falsafah ini dilakukan terutamanya dalam mengeratkan hubungan antara jabatan polis dan orang awam yakni dengan memperbaiki komunikasi, mengurangkan permusuhan, dan memupuk sikap

penghargaan dan pemahaman daripada pegawai polis terhadap komuniti yang mereka berkhidmat. Terdapat tujuh elemen transformasi dalam pendekatan pengawasan komuniti (Miller & Hess, 2008) iaitu:

### **2.5.1 Transformasi peranan konvensional pihak polis**

Dalam kepolisan tradisional, peranan polis dinyatakan dengan jelas sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang dalam mencegah jenayah dan menjaga keselamatan masyarakat. Terdapat pelbagai peruntukan undang-undang kesalahan dan jenayah yang menerangkan hukuman-hukuman yang bakal diterima oleh penjenayah sekiranya disabit kesalahan. Mahkamah menjatuhkan hukuman ringan seperti denda atau kompaun sehinggalah hukuman berat seperti hukuman penjara dan hukuman mati mandatori.

Walaupun terdapat beratus akta dan peruntukan undang-undang jenayah diwartakan, bilangan kes jenayah masih lagi tinggi seolah-olah orang ramai tidak takut dengan kehadiran undang-undang tersebut. Masyarakat dilihat tidak mengambil iktibar dengan hukuman-hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah jenayah. Penjenayah atau si pelaku masih melakukan jenayah atas pelbagai sebab. Oleh itu, pengawasan komuniti mengakui bahawa penguatkuasaan undang-undang bukanlah kaedah yang sentiasa efektif atau berkesan dalam menyelesaikan masalah. Dalam konsep pengawasan komuniti, polis dan masyarakat bersama-sama sebagai rakan seperjuangan dalam tindakan mengenal pasti dan menangani dengan berkesan isu-isu berkaitan jenayah dan gejala sosial kawasan setempat.



### **2.5.2 Tindakan proaktif pihak polis terhadap aduan orang awam**

Pencegahan jenayah yang dilakukan oleh pihak penguatkuasaan undang-undang boleh dibahagikan kepada dua iaitu tindakan reaktif dan tindakan proaktif. Pengawasan komuniti dilihat tidak begitu efektif dalam mengurangkan kadar jenayah sekiranya mengambil tindakan selepas berlakunya sesuatu jenayah. Tindakan reaktif termasuklah penyiasatan, tangkapan, pendakwaan dan operasi-operasi khas bagi menjejak penjenayah. Tindakan proaktif pula merupakan pencegahan jenayah di peringkat primer iaitu tindakan dilakukan sebelum jenayah dibuat. Ini termasuklah melalui pendidikan, pengawasan kejiranan, rondaan sukarela dan sebagainya. Tindakan ini menghalang individu menjadi bakal pelaku atau penjenayah. Elemen inilah yang menjadi intipati utama dalam pengawasan komuniti.

### **2.5.3 Maklum balas aduan dari segi masa**

Dalam memberi maklum balas kepada sebarang aduan atau laporan jenayah, prinsip pengawasan komuniti tidak mementingkan batasan masa. Dengan adanya teknologi seperti telefon, khidmat pesanan ringkas dan talian internet, masyarakat boleh membuat aduan atau melaporkan sesuatu kes kecemasan dalam tempoh 24 jam. Pegawai pengawasan komuniti sentiasa bersedia untuk bertindak bersama anggota-anggotanya. Prinsip ini juga menggalakkan orang ramai melibatkan diri dalam mencegah jenayah. Sementara itu, kehadiran polis pula sentiasa dirasai.

#### **2.5.4 Layanan panggilan atau aduan orang ramai**

Di bawah sistem polis tradisional pegawai polis bergerak dari satu panggilan telefon ke satu panggilan telefon atau aduan orang ramai mengenai kejadian jenayah. Dalam pengawasan komuniti pegawai akan menghabiskan panggilan telefon atau aduan orang ramai untuk mengumpul maklumat-maklumat penting mengenai kes atau kejadian jenayah. Maklumat yang padat akan memudahkan pasukan polis mengambil tindakan yang lebih efektif dalam menangkap si penjenayah. Dalam sistem kepolisan tradisional pegawai polis mempunyai batasan dalam tugas mereka. Misalnya pegawai polis Bahagian Narkotik hanya bertindak balas dengan kes-kes yang melibatkan dadah seperti penjualan atau penyeludupan dadah dan penyalahgunaan dadah sahaja. Umum sedia maklum bahawa pegawai polis merupakan seorang yang tegas dalam menguatkuasakan undang sehingga masyarakat berasa takut dengan pasukan polis. Ini berbeza dengan pegawai pengawasan komuniti yang dilatih untuk mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, mesra dan berhemah serta berketerampilan, komited dan bersikap positif. Pegawai polis pengawasan komuniti akan bertindak dalam apa sahaja aduan yang diterima. Beliau juga bebas merancang pelan tindakan jenayah bersama-sama ahli-ahli komuniti setempat dalam menentang sebarang jenayah dan masalah sosial daripada berlaku dalam komuniti mereka.

#### **2.5.5 Alihan batasan dalam peranan seorang pegawai atau anggota polis**

Peranan atau fungsi utama anggota polis adalah untuk menguatkuasakan undang-undang. Di Malaysia misalnya, terdapat lima fungsi utama anggota polis yang disenaraikan dalam seksyen 3(3) Akta Polis 1967 iaitu; pertama, memelihara undang-undang dan ketenteraman; kedua, mengekalkan keamanan dan keselamatan negara;

ketiga, mencegah dan mengesan jenayah; menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan kelima, mengumpul risikan keselamatan.

Dalam falsafah pengawasan komuniti, peranan seorang pegawai atau anggota polis adalah tidak terbatas kepada menguatkuasakan undang-undang sahaja tetapi mereka berusaha untuk mendekati masyarakat bagi memberi keyakinan tentang kehadiran polis bersama masyarakat dalam usaha mencegah jenayah. Pelbagai usaha atau aktiviti yang dijalankan oleh pihak polis agar dapat mendekati serta menjalinkan hubungan yang baik dengan masyarakat seperti mengadakan pameran, hari bersama pelanggan, mengadakan ceramah, dialog dengan masyarakat, lawatan ke sekolah, berkolaborasi dengan ahli-ahli komuniti untuk menubuhkan Program Pengawasan Komuniti atau kejiranan untuk menjaga keselamatan setempat.

#### **2.5.6 Transformasi dalam kaedah penilaian polis**

Pegawai polis dalam kepolisan tradisional akan dinilai berasaskan statistik jumlah masa respons setiap panggilan, bilangan yang ditahan dan jumlah panggilan. Penilaian ini berbentuk kuantitatif dan objektif. Semakin banyak jumlah atau statistik tersebut semakin mudah anggota polis itu untuk naik pangkat. Sebaliknya anggota polis di bawah falsafah pengawasan komuniti akan dinilai melalui kepuasan masyarakat terhadap kualiti dan usaha mereka jalankan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Tegasnya, penekanan diberi kepada aspek kualitatif dan subjektif sifatnya. Di Malaysia misalnya ada sistem Penunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) dan sistem Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Areas* (NKRA) dalam menilai perkhidmatan yang diberikan setiap agensi kerajaan.

### **2.5.7 Alihan paradigm pandangan pegawai atau anggota polis terhadap orang awam**

Dalam kepolisan tradisional juga polis menganggap diri mereka pakar dalam menyelesaikan sesuatu kes atau mengendalikan panggilan kes secara individu. Tidak dinafikan pegawai polis dilatih dengan sistem undang-undang jenayah, langkah atau seni mempertahankan diri, cara menggunakan senjata api, belajar modes operandi setiap jenayah dan sebagainya. Namun begitu, ia bukanlah jaminan sesuatu jenayah dapat diatasi sepenuhnya. Berbeza dengan anggota polis pengawasan komuniti melihat orang awam sebagai alat berdaya maju untuk menyelesaikan masalah dan mengendalikan sesuatu panggilan kes secara berkumpulan. Orang awam menjadi ‘mata dan telinga’ kepada pihak polis bagi menyalurkan maklumat yang cepat dan tepat agar pihak polis dapat bertindak dengan cepat dan berkesan terhadap sesuatu jenayah yang berlaku.

Ciri-ciri yang dinyatakan di atas jelas memperlihatkan transformasi paradigma cara kerja dan amalan pengurusan pihak polis dalam mengawal jenayah yang berlaku dalam masyarakat. Jadual 2.1 meringkaskan transformasi falsafah pengawasan komuniti.

Jadual 2.1: Elemen-elemen Kepolisian Tradisional dan Pengawasan Komuniti

<b>Elemen-Elemen</b>	<b>Kepolisian Tradisional</b>	<b>Pengawasan Komuniti (Community Policing)</b>
Peranan utama pegawai/ anggota polis	Tugas utama polis adalah menguatkuasakan undang-undang.	Penguatkuasaan undang-undang bukanlah kaedah sentiasa efektif atau berkesan dalam menyelesaikan sesuatu masalah.
Tindakan polis terhadap aduan orang awam	Bertindak secara reaktif dalam setiap aduan.	Bertindak secara proaktif dalam menyelesaikan aduan.
Masa bertindak balas	Masa tindak balas adalah penting.	Tidak mementingkan masa dalam bertindak balas.
Respons pegawai terhadap panggilan	Pegawai bergerak dari satu panggilan ke satu panggilan.	Pegawai menghabiskan panggilan untuk mengumpul maklumat-maklumat penting.
Batasan pegawai	Pegawai mempunyai batasan dalam tugas	Pegawai diberi kebebasan dalam menjalankan tugas yang dilakukan.
Cara pegawai dinilai	Pegawai akan dinilai berasaskan statistik seperti jumlah masa respons setiap panggilan, bilangan yang ditahan, dan jumlah panggilan (kuantitatif dan objektif).	Pegawai akan dinilai melalui kepuasan masyarakat terhadap kualiti dan usaha yang dijalankan dalam menyelesaikan sesuatu masalah (kualitatif dan subjektif).
Pandangan polis terhadap orang awam	Polis menganggap diri mereka pakar dalam menyelesaikan sesuatu kes/ mengendalikan panggilan kes secara individu	Polis melihat orang awam sebagai alat berdaya maju untuk menyelesaikan masalah dan mengendalikan sesuatu panggilan kes secara berkumpulan.

Sumber: Miller dan Hess (2008); halaman 11.

## 2.6 Kanak-kanak Tidak Terkawal dan Pengawasan Komuniti

Di Malaysia, sistem pengadilan dan kebajikan kanak-kanak mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah (seksyen 2, Akta Kanak-Kanak 2001). Berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan. Seksyen 82 Kanun Keseksaan memperuntukkan tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur kurang daripada sepuluh tahun. Akta Kanak-Kanak 2001 melindungi dan menjaga kebajikan lima kategori kanak-kanak iaitu kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan, kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan, kanak-kanak yang terlibat dengan pemerdagangan atau penculikan, Kanak-kanak Tidak Terkawal dan kanak-kanak yang terlibat dengan kesalahan jenayah. Tidak seperti kategori kanak-kanak yang lain, definisi kategori Kanak-kanak Tidak Terkawal (*children beyond control*) (CBC) tidak disediakan secara terperinci di mana seksyen 46 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 hanya menyebut ibu bapa atau penjaga yang tidak mampu mengawal tingkah laku kanak-kanak boleh menulis surat memohon kepada MBK supaya kanak-kanak tersebut ditempatkan diinstitusi yang diluluskan.

Dari segi proses pengadilan dan kebajikan Kanak-kanak Tidak Terkawal, seksyen 46 dan 47 memberi bidang kuasa kepada majistret MBK supaya meletakkan Kanak-kanak Tidak Terkawal sama ada di sekolah yang diluluskan iaitu Sekolah Tunas Bakti, atau institusi perlindungan dan pemulihan untuk kanak-kanak perempuan yang terdedah dengan bahaya moral iaitu Taman Seri Puteri, atau institusi tahan sementara dan pemulihan iaitu Asrama Akhlak, atau pusat/institusi persendirian atau swasta, atau di bawah tempoh pengawasan maksimum tiga tahun. Keputusan ini dibuat setelah

MBK meneliti laporan akhlak daripada Pegawai Pelindung Kanak-kanak. Kanak-kanak ini akan diletakkan di institusi tahan sementara seperti Asrama Akhlak sementara menunggu proses penyiasaan dan laporan akhlak daripada Pegawai Pelindung Kanak-Kanak (tempoh tidak melebihi 30 hari). Dalam pada itu, kanak-kanak tersebut mengikuti sesi kaunseling yang disediakan oleh pihak JKM sekiranya difikirkan perlu.

Tema ‘Kanak-kanak Tidak Terkawal’ secara ringkasnya merujuk kepada kanak-kanak di luar kawalan ibu bapa atau penjaganya. Sesetengah negara seperti Singapura menggunakan istilah ‘di luar kawalan ibu bapa’ (*beyond parental control*) (BPC) bagi merujuk kanak-kanak ini. Terdapat beberapa label lain yang digunakan dalam literatur akademik bagi merujuk Kanak-kanak Tidak Terkawal, iaitu; kanak-kanak yang ingkar atau tidak patuh (*disobedient child*), kanak-kanak yang tidak dapat diperbaiki tingkah lakunya (*incorrigible child*), kanak-kanak yang sukar dikawal (*unruly child*), kanak-kanak degil (*wayward child*) dan juga kanak-kanak yang sukar dikendalikan (*ungovernable child*) serta kanak-kanak yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan *status offence* (tingkah laku yang melanggar undang-undang kerana status umur kanak-kanak tersebut/ bawah umur) (Syed Nong & Mohd Yusof, 2015; Gough, 1977).

Sikap dan tingkah laku yang sering dipamerkan oleh Kanak-kanak Tidak Terkawal ini adalah menolak untuk mematuhi arahan ibu bapa, penjaga dan sekolah. Perbuatan negatif ini sering kali berulang, mendatangkan kerosakan dan bahaya serta berkaitan dengan pelanggaran undang-undang atau arahan pihak berkuasa. Antara beberapa contoh tingkah laku Kanak-kanak Tidak Terkawal adalah seperti tidak duduk di rumah apabila diminta oleh ibu bapa/ penjaga, tidak pergi ke sekolah, mempunyai rakan-rakan yang tidak diingini, berparti dan melanggar perintah berkurung yang ditetapkan. Dari segi sikap pula, kanak-kanak ini menolak nilai-nilai positif seperti

tidak bersyukur, tidak bekerjasama, suka menipu, malas, suka bertengkar serta sering ingkar dengan arahan ibu bapa atau penjaga atau pihak autoriti lain seperti sekolah (Bigler, n.d. dalam Syed Nong & Mohd Yusof, 2015). Bentuk-bentuk tingkah laku tersebut mempunyai kesamaan dengan dapatan kajian-kajian yang dilakukan di peringkat tempatan berkaitan kanak-kanak antisosial atau delinkuen seperti ponteng sekolah, lari daripada rumah, tingkah laku liar, melepak, merokok, terlibat dengan kegiatan samseng dan tingkah laku seksual, berkawan dengan kawan-kawan yang rosak akhlak, mencuri barang dalam rumah, dan terlibat dengan lumba haram (Azizi Yahya, et al., 2012; Siti Hajar, 2006; Laporan STB Sungai Besi, 2011; Abd Hadi, 1992). Di peringkat antarabangsa, misalnya Singapura, laporan kes salah laku kanak-kanak di luar kawalan ibu bapa (*beyond parental control*) (BPC) adalah seperti melawan ibu bapa, lari daripada rumah, berjaga hingga larut malam, kerap ponteng sekolah, terlibat dalam kumpulan gangster, pengambilan dadah, merokok, terlibat dalam bahaya moral dan percubaan membunuh diri (Syed Nong & Mohd Yusof, 2015).

Literatur Kriminologi menunjukkan kewujudan faktor-faktor risiko di dalam persekitaran sosial kanak-kanak membesar mempunyai pengaruh kritikal ke atas kesihatan dan tingkah laku kanak-kanak sehingga mendorong mereka menjadi tidak terkawal. Dalam hal ini, terdapat empat domain iaitu komuniti, keluarga, sekolah, rakan sebaya/ individu yang masing-masing mempunyai faktor risiko tersendiri bergabung membentuk satu jaringan sebab musabab bagi mempengaruhi tingkah laku bermasalah atau antisosial kanak-kanak (Carrol, A., et.al., 2009; Siti Hajar & Abd Hadi, 2009). Pertama domain komuniti, iaitu komuniti yang persekitarannya fizikal dan sosialnya tidak terurus dengan kepadatan populasi yang tinggi, keadaan fizikal yang kotor dan tidak selesa, kemudahan sosial yang terhad dan tidak berkualiti. Komuniti yang mempunyai tahap deprevasi ekonomi yang melampau atau miskin. Ikatan kejiranan



rendah iaitu jiran-jiran yang tidak mesra serta mempunyai jaringan sosial yang lemah. Terdapat kewujudan dadah dan senjata api di mana masyarakat tidak mengendahkan undang-undang malah menggalakkan ke arah penggunaan dadah, senjata api. Selain itu, terdapat juga gambaran keganasan atau label negatif daripada pihak media. Akhir sekali, komuniti yang berlaku peralihan dan mobiliti yang tinggi iaitu kerap kali terdapat keluar masuk individu atau keluarga yang tinggal dalam komuniti tersebut. Domain kedua adalah keluarga, iaitu keluarga yang mempunyai sejarah tingkah laku bermasalah dan keluarga yang sering berkonflik. Keluarga berisiko juga keluarga yang menghadapi masalah pengurusan keluarga iaitu; amalan-amalan keluarga yang tidak menggambarkan dengan jelas jangkaan tingkah laku yang prososial, tidak mempunyai sistem pemantauan dan pengawasan yang berkesan ke atas tingkah laku setiap ahli keluarga, sistem penghargaan dan hukuman yang tidak konsisten. Selain itu, sikap ibu bapa yang menyokong dan terlibat dalam tingkah laku masalah dan terdapat model peranan antisosial di dalam keluarga tersebut.

Domain ketiga sekolah, iaitu sekolah yang mempunyai keadaan fizikal yang tidak selamat dan menyediakan banyak ruang fizikal untuk pelajar melakukan aktiviti antisosial. Sekolah yang tidak berkualiti dengan guru dan pelajar tidak atau kurang komited dengan kepentingan ilmu pendidikan. Selain itu, sistem kurikulum sekolah yang tidak konsisten dengan keperluan perkembangan kemahiran pasaran ekonomi kerja. Akhir sekali, sekolah yang berisiko digambarkan sebagai sekolah yang terdapat ramai pelajar yang bermasalah tingkah laku dan pelajar-pelajarnya dari awal gagal dalam akademik. Terakhir domain rakan sebaya atau individu (kanak-kanak itu sendiri) iaitu individu yang suka mengasingkan diri sendiri, individu dan rakan sebaya yang menunjukkan sikap suka “memberontak” kerana merasakan diri mereka bukan sebahagian daripada ahli komuniti, tidak mahu terikat dengan nilai, norma dan

peraturan sosial serta tidak mahu berusaha mengikut struktur atau peluang sosial yang sah. Individu yang mempunyai rakan-rakan yang terlibat dalam tingkah laku masalah dan sikap rakan-rakan yang menggalakkan ke arah tingkah laku masalah. Selain itu, kanak-kanak yang mempunyai rakan sebaya yang melihat penglibatan dalam tingkah laku antisosial sebagai satu keseronokan, mencabar dan mampu meningkatkan penghormatan daripada rakan sebaya terhadap diri mereka. Penolakan rakan sebaya yang prososial juga menjadi ciri risiko yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku antisosial kanak-kanak (Carrol, A., et.al., 2009; Siti Hajar & Abd Hadi, 2009).

Kesan yang dijangka bakal diwujudkan oleh faktor-faktor risiko daripada keempat-empat domain di atas, sekurang-kurangnya melahirkan kanak-kanak yang melakukan kesalahan status (*status offence*). Korelasi antara *status offence* (termasuk tingkah laku tidak terkawal) dalam kalangan kanak-kanak sememangnya mempunyai hubungan yang signifikan untuk kanak-kanak berpotensi terlibat dengan perbuatan delikueni dan kesalahan jenayah yang lebih serius apabila menginjak dewasa. Kendall (2007) dalam Syed Nong & Mohd Yusof, (2015) melihat beribu kanak-kanak atau remaja Amerika Syarikat berisiko menjadi pesalah delinkuen dan memasuki sistem pengadilan jenayah setiap tahun berdasarkan kesalahan *status offense*. Dalam hal ini, ibu bapa atau penjaga sudah tidak mampu lagi menjalankan tugas mengawal anak-anak mereka dan bertindak memohon kepada pihak berkuasa melakukan intervensi sewajarnya bagi melindungi dan memulih tingkah laku devian kanak-kanak tersebut.

Pencelahan program penjagaan dan pengawasan berasas komuniti merupakan satu respon atau tindak balas ke atas masalah tingkah laku antisosial kanak-kanak. Intervensi komuniti ini banyak dipengaruhi oleh pendekatan kesihatan awam terutamanya yang menyasarkan faktor risiko dan memperkenalkan faktor pelindung

bagi menangani masalah kesihatan dan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak (Brangtingham & Faust, 1975). Antara strategi program pencelahan berasas komuniti yang bersifat proaktif perlulah melibatkan penyertaan sukarela ahli-ahli komuniti dalam mencegah jenayah dan keganasan dalam kejiwaan mereka.

Sebagai contoh, Program Pengawasan Komuniti (*Community Policing*) merupakan strategi yang memfokuskan kepada penglibatan pihak polis bersama-sama anggota komuniti dalam pelaksanaan dan penilaian program-program keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang. Komponen utama program ini adalah perkongsian masyarakat (*community partnerships*), transformasi organisasi polis dan aktiviti penyelesaian masalah yang menawarkan alternatif kepada strategi kepolisan yang bersifat tradisional dan reaktif (Linda, et al., 2013; Lab, 2007; *Department of Justice United States*, 2014). Program-program awal yang dijalankan adalah daripada aktiviti rondaan penjalan kaki (*foot patrol*) di kawasan komuniti terlibat hinggalah ke program pendidikan di sekolah dan tinjauan dari pintu ke pintu (*door-to-door survey*). Kini, Program Pengawasan Komuniti berkembang tidak hanya terhad kepada penyediaan infrastruktur dan aktiviti keselamatan serta pendidikan penguatkuasaan undang-undang, tetapi juga kepada program/ aktiviti sosial lain seperti aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti berbentuk sukan dan rekreasi. Penglibatan bersama pihak polis dan agensi-agensi sosial lain (kerajaan, swasta/ persendirian) bersama ahli-ahli komuniti dapat meningkatkan perkongsian komuniti dalam menyelesaikan masalah dan perilaku jenayah dalam komuniti tersebut.

Kajian oleh Charlote, G., et al., (2014) dalam "*Community-Oriented Policing to Reduce Crime, Disorder and Fear and Increase Satisfaction and Legitimacy among Citizens: A Systematic Review.*" mendapati secara keseluruhannya strategi pencegahan

jenayah Program Pengawasan Komuniti mempunyai kesan positif ke atas kepuasan dan kepercayaan warga Amerika Syarikat terhadap integriti pihak polis dalam menguruskan jenayah berkaitan dadah. Dapatan kajian menunjukkan 5 hingga 10 peratus kes jenayah dapat dikurangkan melalui strategi Program Pengawasan Komuniti. Warga Amerika Syarikat juga mula memahami penambahbaikan yang dilakukan polis dalam mengendalikan masalah dan kes jenayah dengan peningkatan 24 peratus. Hampir 80 peratus kes-kes yang dikendalikan adalah berkesan di bawah Program Pengawasan Komuniti. Manakala, 40 peratus warganya berpuas hati dengan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak polis dalam menguruskan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang. Hasil kajian juga menunjukkan berlaku peningkatan kepercayaan dan keyakinan warga Amerika Syarikat terhadap pihak polis dalam penyelesaian masalah berorientasikan pengawasan komuniti dan merasakan mereka dilayan lebih adil dan mesra.

Program penjagaan dan pengawasan berasas komuniti seperti pengawasan keijiranan (*neighborhood watch*) yang popular pada era 70-an dan 80-an turut bertindak melindungi kawasan keijiranan daripada masalah jenayah. Persatuan-persatuan penduduk biasanya merekrut penduduk atau ahli-ahli keijirannya untuk terlibat dalam mesyuarat komuniti dan mengaturkan tugas rondaan atau pengawasan di sekitar kampung atau keijiranan. Seorang ketua blok atau penyelarasan boleh mengambil peranan sebagai ketua pemimpin blok dan bertindak sebagai orang tengah kepada polis tempatan. Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (2008) dalam kajian meta-analisis mereka bertajuk "*Does Neighborhood Watch Reduce Crime?*" mendapati secara umumnya Program Pengawasan Keijiranan telah dikaitkan dengan pengurangan ketara dalam kes jenayah. Secara purata, terdapat 16 peratus penurunan dalam kes jenayah yang dikendalikan Program Pengawasan Keijiranan berbanding dengan kawalan-

kawalan lain. Walau bagaimanapun, mereka mendapati keberkesanan Program Pengawasan Kejiranan ini masih kurang jelas dalam pencegahan jenayah, iaitu; sama ada aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam program ini telah menghalang si pelaku melakukan jenayah, atau ia menyumbang kepada peningkatan proses siasatan polis dalam kes jenayah dan penguatkuasaan undang-undang yang sekali gus melumpuhkan pesalah. Dalam hal ini, pesalah bermotivasi (*motivated offender*) mungkin terhalang daripada melakukan aktiviti jenayah jika mereka percaya bahawa kawasan kejiranan yang melaksanakan Program Pengawasan Kejiranan adalah terlalu berisiko untuk mereka meneruskan kegiatan jenayah tersebut.

Intervensi penjagaan dan pengawasan berasas komuniti turut melibatkan *setting* sekolah. Antara program yang popular adalah Program Sekolah Selamat. Di peringkat tempatan, Program Sekolah, Selamat bukan sahaja terbatas meliputi aspek keselamatan dan kesihatan dalam aktiviti pembelajaran, kokurikulum, bangunan, peralatan dan kemudahan sekolah, tetapi turut memfokus kepada masalah disiplin pelajar seperti jenayah, ancaman kepada pelajar, membuli dan sikap samseng. Antara peranan pihak sekolah dalam menjayakan Program Sekolah Selamat adalah mewujudkan jaringan dengan agensi-agensinya luar dan memanfaatkannya dalam sama-sama membanteras masalah disiplin dan jenayah mahupun penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar (Shamsiah et al., 2005). Aifaa (2013) dalam kajian beliau bertajuk “Impak Program Pencegahan Dadah SHIELDS kepada Pembangunan Pelajar di Daerah Muar dan Ledang” mendapati Program SHIELDS atau Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya yang dilaksanakan oleh AADK di sekolah-sekolah sekitar Muar dan Ledang telah menunjukkan reaksi positif daripada para pelajar yang mengikuti program tersebut. Pelajar-pelajar berpuas hati dengan latihan yang diikuti, mendapat pengetahuan serta dapat meningkatkan kemahiran, berlakunya perubahan sikap serta mendapat manfaat

meninggalkan dadah. Secara keseluruhan, program pencegahan dadah SHIELDS yang digunakan AADK di sekolah-sekolah daerah Muar dan Ledang berkesan terhadap aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap para peserta program dalam usaha meningkatkan kualiti hidup menghindari dadah.

Banyak program penjagaan dan pengawasan berasas komuniti yang disemak oleh para pengkaji walaupun bukan semuanya menyasarkan secara khusus kepada Kanak-kanak Tidak Terkawal atau antisosial, ia tetap menunjukkan bahawa strategi pencegahan komprehensif berasas komuniti yang melibatkan lebih daripada satu entiti (contoh: pihak polis dan kejrangan), berlaku dalam pelbagai *setting* (contoh: kawasan perumahan, sekolah), dan kekal beroperasi selama beberapa tahun sememangnya mempunyai potensi memberi kesan positif kepada penduduk atau ahli-ahli komuniti di kawasan tersebut. Menurut pendekatan ekologi sosial, intervensi komuniti sebegini mampu mengurangkan jenayah kanak-kanak atau orang muda kerana aktiviti-aktiviti dalam program tersebut sering menangani faktor-faktor risiko dan menawarkan faktor pelindung yang diperlukan untuk menghalang kanak-kanak yang antisosial atau *status offence* daripada terlibat dengan masalah jenayah yang lebih serius. Bidang Kriminologi yang menawarkan pendekatan “*Ruang Boleh Dipertahankan*” sebagai pencegahan jenayah peringkat primer jarang sekali digunakan dan perlu diperluaskan sebagai strategi utama dalam Program Pengawasan Komuniti. Perkara ini akan dibincang lebih lanjut pada Bab Tiga (Infra, subtopik 3.3 halaman 107).

## 2.7 Penutup

Semua perkara yang dibincangkan dalam bab ini menjadi titik tolak penting dalam perkembangan program dan aktiviti-aktiviti kepolisan masyarakat di negara ini. Konsep pengawasan komuniti merupakan konsep yang amat berkesan bukan sahaja menangani jenayah dan masalah-masalah sosial lain tetapi juga sebagai mekanisme pembangunan sosial di peringkat komuniti. Namun begitu, ia memerlukan suntikan semangat kejiranan yang tinggi serta tambahan teknologi sebagai gandingan menjadikannya lebih berkesan. Di samping itu, komitmen agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta badan korporat dan sukarela diperlukan dalam mengekal dan meneruskan aktiviti-aktiviti kepolisan masyarakat. Ringkasnya, ahli-ahli komuniti perlu diberi kesedaran dan pendidikan falsafah kontemporari kerajaan dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara. Kesedaran dan pendidikan dapat memupuk pemahaman yang betul, rasional dan baik terhadap evolusi Malaysia dalam struktur pentadbiran penjagaan yang berteraskan komuniti.

## BAB 3: PENDEKATAN *RUANG BOLEH DIPERTAHANKAN*

### 3.1 Pendahuluan

Penerangan dalam bab ini adalah mengenai pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* atau *Defensible Space*. Pendekatan ini perlu diperjelaskan secara terperinci kerana merupakan kerangka analitikal bagi kajian ini. Secara spesifiknya, komponen-komponen penting yang berfungsi sebagai aset pencegahan jenayah yang terkandung di dalam pendekatan ini mempengaruhi pengetahuan dan penglibatan anggota komuniti, khususnya bagi konteks kajian ini kanak-kanak, dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti.

Bagi memudahkan pembacaan dalam bab ini, perbincangan dalam bab ini disusun kepada tiga subtopik. Pertama, penerangan mengenai pencegahan primer dan sekunder. Penerangan mengenai kedua-dua bentuk pencegahan jenayah ini perlu dilakukan kerana Program Pengawasan Komuniti tergolong di dalam kedua-dua peringkat pencegahan ini. Penerangan dalam subtopik seterusnya adalah mengenai pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan*. Selepas itu, penerangan dalam subtopik seterusnya adalah mengenai komponen-komponen utama pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan*.



### **3.2 Pengawasan Komuniti Sebagai Pencegahan Jenayah Peringkat Primer dan Sekunder**

Pencegahan jenayah adalah sebarang usaha sama ada tindakan atau teknik yang diambil oleh individu persendirian, komuniti, agensi kerajaan atau swasta mahupun badan bukan kerajaan (NGO) untuk mencegah, mengurang atau menghalang kerosakan akibat perbuatan yang ditakrifkan sebagai kesalahan atau jenayah oleh sesebuah negara atau kerajaan melalui undang-undang (McLaughlin & Munchie, 2001). Pencegahan jenayah boleh dibahagikan kepada tiga bentuk utama; iaitu:

- (i) Pencegahan jenayah peringkat primer;
- (ii) Pencegahan jenayah peringkat sekunder; dan
- (iii) Pencegahan jenayah peringkat tertiar.

Penjelasan dalam tesis ini hanya mencakupi pencegahan jenayah peringkat primer dan sekunder kerana Program Pengawasan Komuniti tergolong dalam kategori kedua-dua jenis pencegahan jenayah ini. Pencegahan jenayah peringkat tertiar tidak dinyatakan kerana ia lebih tertumpu kepada pencegahan jenayah yang berasas dan berlangsung di dalam persekitaran institusi. Berbeza dengan pencegahan jenayah primer dan sekunder, pencegahan jenayah peringkat tertiar bersifat reaktif; iaitu diambil atau dikenakan setelah kejadian jenayah berlaku ataupun setelah individu melakukan jenayah yang memerlukan hukuman dan pemulihan dikenakan ke atasnya.

### 3.2.1 Pencegahan jenayah peringkat primer

Pencegahan jenayah peringkat primer tertumpu kepada masyarakat secara keseluruhannya. Matlamatnya adalah untuk mengelak berlakunya jenayah buat pertama kali. Brantingham dan Faust (1976 dalam Lab, 2007) merujuk pencegahan jenayah peringkat primer sebagai “*identifies conditions of the physical and social environment that provide opportunities for a precipitate criminal acts*” (halaman 25). Pencegahan jenayah peringkat primer mengenal pasti keadaan-keadaan, persekitaran fizikal dan sosial yang mencetuskan peluang berlakunya tingkah laku jenayah.

Bersesuaian dengan definisi berkenaan, antara tindakan pencelahan yang boleh dikategorikan sebagai tindakan pencegahan jenayah primer adalah mengawal persekitaran kediaman menerusi reka bentuk fizikal iaitu membina atau mewujudkan persekitaran yang tidak membenarkan atau menyukarkan untuk aktiviti jenayah dilakukan atau berlaku, menjalankan pengawasan kejiranan, meningkatkan keselamatan persendirian, serta program pendidikan pencegahan jenayah dan promosi mengenai perlakuan jenayah dan pencegahannya (Lab, 2007).

Dari segi strategi pula, pencegahan jenayah peringkat primer dilakukan menerusi empat perkara berikut:

- (i) reka bentuk fizikal atau persekitaran yang selamat;
- (ii) pemeriksaan sasaran (*target hardening*);
- (iii) pengawasan kejiranan; dan,
- (iv) meningkatkan perkongsian dan penyaluran maklumat mengenai jenayah dan pencegahan jenayah.

### ***3.2.1.1 Pencegahan jenayah menerusi reka bentuk fizikal persekitaran***

Strategi pencegahan jenayah berasaskan reka bentuk fizikal persekitaran atau *crime prevention through environmental design* (CPTED) melibatkan usaha-usaha mengubahsuai, merancang dan mereka bentuk atau membina satu persekitaran fizikal yang menyukarkan perlakuan jenayah berlaku atau dilakukan atau persekitaran fizikal yang memudahkan proses pengawalan dan pemantauan tingkah laku jenayah berlangsung (Paul & Federick, 1976).

Anastasia dan John (2007 dalam Siti Rasidah & Aldrin, 2008) menyatakan CPTED melibatkan karektor fizikal dan sosial bagi sesebuah ruang dan kawasan untuk si pelaku membuat keputusan melakukan jenayah. Reka bentuk fizikal persekitaran ini membentuk kelakuan individu secara natural (Ekblom, 1995). Antara teknik atau strategi pencegahan jenayah menerusi reka bentuk fizikal adalah mereka bentuk persekitaran fizikal dan sosial yang selamat. Contohnya adalah orientasi bangunan ke arah kawasan jalan, bangunan yang mempunyai tingkap yang luas supaya dapat melihat kawasan luar, menyediakan anjung dan kawasan laluan di bangunan untuk mengalakkan interaksi, menyediakan laluan penjalan kaki yang berasingan dari jalan bermotor, rel penghadang dan laluan penjalan kaki di tempat perhentian bas, mengawal tanaman landskap di kawasan penjalan kaki, membersihkan kawasan semak samun atau kawasan terlindung, menerangkan atau mencahayakan kawasan-kawasan yang menjadi sasaran aktiviti jenayah seperti pemasangan lampu jalan, menukar arah jalan di kawasan-kawasan tumpuan jenayah, perkongsian maklumat jenayah melalui *Geographic Information System (GIS)-based mapping* atau dan sebagainya (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 2013).

### **3.2.1.2 Pemeriksaan sasaran (*target hardening*)**

Strategi kedua ini agak semirip dengan strategi reka bentuk fizikal persekitaran. Perbezaannya cuma terletak kepada fokus strateginya. Strategi ini memfokus kepada lokasi, barang atau individu yang mudah menjadi sasaran jenayah. Tiga-tiga aspek tersebut yang cenderung menjadi mangsa penjenayahan diperkasakan, agar kapasiti “*resilience*” ketiga-tiga aspek tersebut dapat dipertingkatkan sehingga aktiviti jenayah sukar untuk tercetus atau berlangsung.

Strategi ini adalah mengurangkan peluang si pelaku melakukan jenayah melalui pemeriksaan sasaran atau “*target hardening*”, iaitu menyukarkan keadaan fizikal atau persekitaran sesuatu sasaran jenayah. Antara tindakan pencelahan yang boleh dilakukan di bawah strategi ini adalah pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), mewujudkan pondok polis di tempat atau lokasi “*hot spot*” seperti di pusat membeli belah atau kawasan perniagaan, memasang papan tanda peringatan jenayah dan cermin keselamatan yang berperanan untuk memberi peringatan kepada orang ramai, mencahayakan atau menerangkan kawasan-kawasan yang menjadi sasaran penjenayah seperti di kawasan tempat meletak motosikal, menyediakan tempat letak motosikal berkunci, melakukan rondaan di kawasan kejiranan dan sebagainya (Gilling, 1997).

Dalam menjaga harta benda persendirian, individu disarankan mempraktikkan strategi “*target hardening*” untuk barangan atau harta peribadi. Contohnya, menggunakan pengunci stereng kereta untuk mengelakkan kereta dicuri dengan mudah, memastikan pintu dan pagar rumah dikunci dengan baik seperti menggunakan kunci pad atau *pad lock*, memasang perisian komputer yang boleh mengelakkan komputer peribadi digodam, memasang CCTV di rumah atau premis perniagaan dan sebagainya.

Keadaan-keadaan ini menyukarkan penjenayah untuk melakukan aktiviti jenayah yang ingin mereka lakukan (Lab, 2007).

### **3.2.1.3 Pengawasan kejiranan**

Kewujudan persekitaran fizikal yang dimodifikasi untuk pencegahan jenayah semata-mata tidak mampu mencegah jenayah sepenuhnya. Ini kerana persekitaran fizikal sebegini tidak mampu diutilisasikan sepenuhnya sekiranya elemen sosial; khususnya manusia yang ada di dalam persekitaran fizikal tersebut tidak peka dan tidak komited untuk mencegah jenayah daripada berlaku. Strategi ketiga peringkat pencegahan jenayah primer adalah aktiviti sokongan iaitu menjalankan pengawasan kejiranan atau dikenali dengan pelbagai nama program seperti Program Pengawasan Blok Kejiranan (*Community Block Watch*), Pengawasan Jenayah (*Crime Watch*) dan Program Pengawasan Komuniti itu sendiri (*Community Policing*). Program ini lebih berkonsepkan “jiran membantu jiran” (*neighbors helping neighbors*) dengan menyemai semangat kejiranan dalam membendung jenayah di kawasan tempat tinggal mereka (Nor Eeda, 2006).

Pendekatan ini membolehkan ahli-ahli komuniti berganding bahu memerangi semua bentuk jenayah dan aktiviti-aktiviti antisosial yang boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman terutama di kawasan kediaman. Ahli-ahli komuniti menjadi ‘mata dan telinga’ pihak polis dalam mengawasi dan melaporkan sebarang insiden yang melibatkan keselamatan jiran mereka (Arif, 2008). Pengawasan kejiranan tidak memerlukan ahli-ahlinya menjalankan rondaan. Mereka bertindak mengawasi keselamatan kejiranan di kawasan perumahan sendiri dengan melaporkan perkara-perkara yang mencurigakan kepada pihak polis. Satu pos kejiranan polis diwujudkan

dalam kawasan kejiranan untuk ahli-ahlinya menyalurkan maklumat-maklumat jenayah yang berlaku (Nor Eeda, 2006).

Antara aktiviti-aktiviti pengawasan kejiranan adalah seperti melihat ke arah tingkap rumah pada tempat letak kereta bagi memastikan keselamatan kereta persendirian dan jiran-jiran. Berwaspada apabila melihat individu-individu yang tidak dikenali mengeluarkan barang-barang atau harta benda dari rumah yang ketika itu tiada penghuni, melihat kenderaan yang bergerak perlahan seperti tiada arah tujuan dan seseorang memberhentikan kenderaan dan bercakap dengan kanak-kanak atau warga tua. Selain itu, memberi respon atau bertindak apabila mendengar suara seseorang menjerit atau berteriak meminta pertolongan, kebisingan yang mencurigakan, dan melihat sesuatu aktiviti yang salah di sisi undang-undang seperti penipuan, kegiatan mencuri atau penyalahgunaan dadah. Situasi-situasi sedemikian memerlukan ahli-ahli pengawasan kejiranan menghubungi pihak polis, ketua blok komuniti, jiran berdekatan atau tuan rumah berkaitan melalui telefon atau pesanan ringkas telefon.

Anggota-anggota polis yang bertugas dan bertanggungjawab dalam program ini pula hanya memfokus kepada kawasan mengikut sempadan yang ditugaskan. Mereka bertanggungjawab untuk mengenali dan berinteraksi dengan penduduk setempat mengikut zon masing-masing. Perkara ini adalah untuk memastikan wujud satu hubungan yang mesra dan saling percaya serta rasa perkongsian tanggungjawab dalam mencegah jenayah menerusi kerjasama antara polis dan masyarakat. Dalam hal ini, pihak polis bertindak sebagai unit sokongan dalam memberi bantuan sekiranya terdapat laporan orang ramai mengenai aktiviti-aktiviti mencurigakan. Mereka akan melaksanakan perancangan program pencegahan jenayah dan penguatkuasaan yang berkesan mengikut kejadian jenayah di kawasan tersebut. Maklumat-maklumat yang

berkaitan jenayah yang berlaku di kawasan perumahan itu akan diberitahu dari semasa ke semasa bagi mengingatkan ahli-ahli komunitinya supaya sentiasa berwaspada dan tidak berlaku kecuaiian dengan pelbagai taktik penjenayah (Nor Eeda, 2006). Aktiviti pengawasan kejiranan tidak hanya tertumpu kepada aspek keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang, tetapi menyeluruh merangkumi aktiviti sosial lain seperti aktiviti kemasyarakatan, pendidikan, dan aktiviti berbentuk riadah dalam komuniti.

#### ***3.2.1.4 Perkongsian dan penyaluran maklumat***

Strategi keempat peringkat pencegahan jenayah peringkat primer adalah meningkatkan perkongsian dan penyaluran maklumat mengenai jenayah dan perlakuan jenayah. Ini dilakukan melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti pendidikan atau kempen-kempen kesedaran, aktiviti pencegahan jenayah melalui risalah, ceramah, dialog, aktiviti kesukanan dan sebagainya.

Aktiviti-aktiviti berkenaan selalunya dianjurkan oleh kumpulan penggerak (*stakeholders*) seperti Polis, Rukun Tetangga dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang dimajukan khusus untuk intervensi mencegah jenayah. Selain itu, ia juga memerlukan penglibatan atau penyertaan ahli-ahli komuniti setempat dalam usaha menanamkan kesedaran dalam mencegah jenayah. Kegiatan sosial ini juga melibatkan rondaan pengawasan kawasan perumahan seperti Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Rukun Tetangga dalam membantu mengawal kegiatan jenayah dan masalah sosial di sesebuah kawasan perumahan.

Pencegahan berbentuk umum seperti menyebarkan maklumat seperti bentuk hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah juga berfungsi sebagai salah satu strategi dalam pencegahan primer. Dalam pencegahan ini, media sama ada elektronik dan massa merupakan mekanisme utama dalam penyebaran maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat umum mengenai perlakuan jenayah masa kini, bentuk hukuman yang bakal diterima pesalah dan langkah-langkah pencegahan jenayah tersebut (Lab, 2007).

Pencerahan maklumat mengenai jenayah berkenaan dengan seberapa luas dalam bentuk formal dapat mengubah tanggapan dan persepsi masyarakat mengenai perlakuan jenayah. Jal Zabdi (2010), mengambil contoh masalah penderaan dan penganiayaan kanak-kanak menyatakan pencegahan umum sangat berkesan untuk mencegah jenayah yang bersifat kerap berlaku, menjadi isu masyarakat, sukar dikesan, melibatkan pecah amanah atau mangsa perlakuan jenayah terdiri daripada mereka yang tidak berkeupayaan. Keadaan ini boleh membantut atau menghentikan perbuatan jenayah oleh individu atau kumpulan yang berpotensi melakukan jenayah.

### **3.2.2 Pencegahan jenayah peringkat sekunder**

Berbeza daripada pendekatan primer, pendekatan pencegahan jenayah peringkat sekunder bermaksud "*engages in early identification of potential offenders and seeks to intervene*". Pencegahan jenayah sekunder melibatkan usaha awal untuk mengenal pasti individu atau aktor yang berpotensi terlibat dengan tingkah laku antisosial (Brantingham & Faust, 1976 dalam Lab, 2007: halaman 26). Dalam hal ini, komuniti setempat mengenal pasti faktor-faktor risiko yang berpotensi tinggi membiak menjadi masalah



jenayah dan mengambil tindakan pencelahan terhadap faktor-faktor tersebut; sebelum mereka membiak menjadi masalah jenayah.

Pencegahan jenayah peringkat sekunder seringkali dikaitkan dengan konsep risiko dan strategi pengurusan risiko (*risk management*). Konsep 'risiko' sering dikaitkan dengan sifat negatif seperti mendatangkan bahaya, kerugian atau kecederaan. Konsep tersebut berbeza daripada konsep pelindung (*protective*) yang mempunyai tema yang bersifat positif; iaitu membendung sesuatu daripada keadaan yang negatif atau berbahaya. Siti Hajar (2009), menerangkan lebih lanjut faktor risiko dan faktor pelindung sebagai berikut:

- (i) risiko merupakan hubungan sebab-akibat yang dinamik,
- (ii) risiko hanya merupakan jangkaan terhadap kesan yang bersifat negatif,
- (iii) risiko merupakan interaksi antara faktor risiko dan faktor pelindung, dan
- (iv) risiko merupakan usaha pencelahan terhadap keadaan yang berpotensi tinggi mengancam kehidupan individu dan masyarakat.

Sebelum itu, Ezhar et al., (2007) menerangkan faktor risiko adalah faktor yang meningkatkan kebarangkalian untuk individu turut serta dalam aktiviti masalah sosial, tingkah laku devian atau antisosial. Sebaliknya, faktor pelindung pula adalah faktor yang mengurangkan kebarangkalian untuk individu turut serta dalam aktiviti masalah sosial atau meningkatkan potensi individu untuk terlibat dengan tingkah laku prososial. Peningkatan faktor-faktor risiko dan kemerosotan faktor-faktor pelindung dalam sesuatu persekitaran komuniti adalah antara ancaman utama pembiakan aktiviti jenayah dan antisosial. Kewujudan pelbagai faktor risiko yang lebih dominan; berbanding faktor-faktor protektif yang lemah dalam sesebuah persekitaran sosial mendorong kanak-kanak untuk bertingkah laku antisosial atau menjadi tidak terkawal.

Pada tahap pencegahan jenayah, badan pencegahan jenayah seperti Polis, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penduduk dan NGO setempat mengenal pasti jenis aktiviti salah laku dan kumpulan sasaran yang berisiko yang sedang wujud atau bakal berlaku dalam peringkat mikro dan membangunkan pencelahan yang spesifik mengikut situasi tertentu yang dikenali sebagai "*Situational Crime Prevention*" atau pencegahan jenayah Model Situasi.

Pencegahan jenayah Model Situasi telah diperkenalkan oleh Edwin Sutherland (1947) yang mengemukakan idea perlakuan atau kejadian jenayah merupakan peluang yang tercetus dalam situasi. Teori ini kemudiannya dikembangkan oleh dua ahli Kriminologi iaitu Gottfredson dan Hirschi (1986). Mereka berpendapat sesuatu jenayah itu tidak boleh dianggap jenayah hanya kerana wujudnya tingkah laku jenayah semata-mata. Sebaliknya, episod jenayah memerlukan insentif situasi di mana wujudnya peluang dan motivasi untuk pelaku melakukan jenayah. Pakar pencegahan jenayah model situasi berpendapat sesetengah individu tidak melakukan jenayah walaupun mempunyai keinginan untuk berbuat demikian disebabkan terdapat halangan-halangan yang wujud yang membantutkan pemikiran jenayah mereka.

Pencegahan jenayah Model Situasi bukan sahaja melibatkan usaha untuk mengubah suai keadaan fizikal atau sekeliling tetapi juga turut menumpukan usaha menukar tingkah laku sosial, memperbaiki pengawasan dan aktiviti-aktiviti pencegahan/intervensi yang berkaitan dengannya. Pihak yang terlibat berusaha menjadikan kawasan atau lokasi tersebut sebagai tempat yang selamat dan tenteram daripada berlakunya jenayah. Schnerder dan Kitchen (2007) mengemukakan 5 komponen pencegahan Model Situasi yang menawarkan 25 teknik dalam pencegahan jenayah, seperti yang diringkaskan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: 25 Teknik-teknik Pencegahan Jenayah Model Situasi

Bil	Teknik	Contoh tindakan/aktiviti pencegahan
<b>A: Meningkatkan usaha mencegah jenayah</b>		
1	Memperkasakan sasaran ( <i>target hardening</i> )	Menggunakan kunci stereng kereta, mengunci rumah
2	Mengawal akses sesuatu kemudahan ( <i>control access to facilities</i> )	Kad akses elektronik untuk masuk bangunan, pemeriksaan bagasi di lapangan terbang
3	Keluarkan paparan/ skrin ( <i>screen exits</i> )	Tiket untuk letak kereta, tag elektronik barangan
4	Memesongkan pesalah ( <i>deflecting offenders</i> )	Menawarkan alternatif seperti menyediakan papan atau dinding untuk lukisan/ contengan grafiti dan mengasingkan gerabak keretapi khas untuk wanita
5	Mengawal pemudahcara ( <i>controlling facilitators</i> )	Mengawal senjata api, alkohol dan penggunaan telefon awam
<b>B: Mengurangkan risiko melakukan jenayah</b>		
6	Melanjutkan jagaan ( <i>extend guardianship</i> )	Mengambil langkah berjaga-jaga dalam aktiviti rutin seperti keluar berkumpul pada waktu malam, meninggalkan tanda rumah berpenghuni, membawa telefon
7	Membantu dalam pengawasan semulajadi ( <i>assist natural surveillance</i> )	Memperbaiki pencahayaan di jalan-jalan, reka bentuk bangunan, menyokong pemberi maklumat
8	Mengurangkan ketanpanamaan ( <i>reduce anonymity</i> )	Kad identiti pemandu teksi, uniform sekolah/organisasi
9	Menggunakan pengurus tempat ( <i>utilize place managers</i> )	Pemasangan CCTV dalam bas dua tingkat, menggunakan khidmat dua kerani untuk kedai runcit/ serbanika dan memberi ganjaran pengawasan
10	Memperkukuhkan kawalan formal ( <i>strengthen formal surveillance</i> )	Memasang sistem penggera keselamatan, mengupah pengawal keselamatan
<b>C: Mengurangkan ganjaran dalam jenayah</b>		
11	Menghilangkan sasaran ( <i>conceal targets</i> )	Tidak membenarkan meletakkan kereta di sisi jalan
12	Mengalihkan sasaran ( <i>target removal</i> )	Meletakkan wang tunai yang terhad dalam mesin kira wang, menggunakan kad telefon untuk gantikan syiling
13	Kenal pasti harta benda ( <i>identifying property</i> )	Menandakan harta benda, lesen kenderaan, menandakan atau menjenamakan ternakan
14	Mengganggu pasaran ( <i>disrupt markets</i> )	Memantau kedai pajak gadai, mengeluarkan lesen perniagaan jalanan
15	Menidakkan manfaat ( <i>deny benefits</i> )	Membina bonggol jalan, membersihkan grafiti
<b>D: Mengurangkan provokasi jenayah</b>		
16	Mengurangkan rasa kecewa dan tekanan ( <i>reduce frustrations and stress</i> ),	Menyediakan perkhidmatan yang mesra dan sistem beratur yang efisien, memperbanyakkan tempat duduk
17	Elakkan pertikaian ( <i>avoid disputes</i> )	Mengasingkan tempat duduk penyokong bola sepak
18	Mengurangkan ransangan emosi ( <i>reduce emotional arousal</i> )	Mengawal jenayah pornografi, menguatkuasa tingkah laku yang baik dalam kalangan pemain bola sepak, melarang penghinaan kaum
19	Meneutrasikan tekanan rakan sebaya ( <i>neutralizes peer pressure</i> )	“ <i>idiots drink and drive</i> ” dan “ <i>its OK to say no</i> ”
20	Tidak menggalakkan peniruan ( <i>discourage imitation</i> )	Menapis data dalam modus operandi
<b>E: Mengurangkan alasan melakukan jenayah</b>		
21	Menetapkan undang-undang ( <i>rule setting</i> )	Menyediakan papan notis seperti larangan merokok atau larangan aktiviti tidak bermoral, kod gangguan seksual
22	Memaparkan arahan ( <i>post instructions</i> )	Larangan meletak kenderaan, papan tanda menunjukkan harta persendirian
23	Waspada dengan isyarat ( <i>alert conscience</i> )	Memaparkan tanda ‘pencuri akan didakwa’
24	Membantu pematuhan ( <i>assist compliance</i> )	Menyediakan tong sampah, tandas awam
25	Mengawal dadah dan alkohol ( <i>control drugs and alcohol</i> )	Serbuan badan penguatkuasa di kelab malam, pemeriksaan pihak polis terhadap kenderaan di jalan raya

Sumber: Schnerder dan Kitchen (2007); halaman 30-31.

Inisiatif-inisiatif pencegahan jenayah peringkat sekunder menyerupai aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah di peringkat primer. Apa yang membezakan mereka adalah program atau aktiviti-aktiviti pencelahan di peringkat primer lebih memfokus kepada penjagaan isu atau situasi yang boleh mencambahkan aktiviti jenayah.

Sebaliknya, pencelahan di peringkat sekunder lebih terfokus kepada faktor-faktor risiko dalam persekitaran sosial yang boleh mendorong perilaku menyimpang. Pencegahan peringkat sekunder lebih kepada menangani atau melindungi individu yang berisiko atau tidak terkawal daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah yang lebih besar atau serius. Justeru itu, pencegahan jenayah peringkat sekunder banyak tertumpu kepada inisiatif-inisiatif sosial atau campur tangan daripada kumpulan penggerak (*stakeholders*) bersama ibu bapa atau penjaga, pihak sekolah dan ketua atau pemimpin kejranaan.

### **3.2.3 Operasionalisasi strategi pencegahan jenayah primer dan pencegahan jenayah sekunder dalam Program Pengawasan Komuniti**

Program Pengawasan Komuniti (*Community Policing*) merupakan satu pendekatan yang “segar” dan proaktif yang lebih praktikal dalam cara kerja pihak polis membanteras jenayah. Falsafah Program Pengawasan Komuniti berkait rapat dengan pencegahan jenayah model situasi. Lab (2007) menyatakan: “*Closely allied to situational prevention is the emergence of community policing. The community policing approach relies heavily on citizen involvement in a problem-solving approach to neighbourhood concerns*” (halaman 27). Program Pengawasan Komuniti adalah satu bentuk pencegahan jenayah sekunder kerana ia melibatkan kerjasama semua anggota komuniti dalam membanteras aktiviti-aktiviti jenayah bagi memastikan semua anggota komuniti boleh hidup dalam keadaan selamat dan sejahtera.

Bagi membanteras jenayah secara berkesan bagi tempoh yang panjang, Program Pengawasan Komuniti percaya kerjasama polis dan kumpulan penggerak (*stakeholders*) bersama-sama ahli-ahli komuniti perlu dalam memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat. Dalam hal ini, pihak polis melihat mereka sebagai sebahagian daripada komuniti; bukannya sebagai sebuah agensi keselamatan persendirian yang mengasing diri daripada komuniti. Pengawasan komuniti memerlukan polis dan ahli komuniti bersama-sama sebagai rakan seperjuangan di dalam tindakan mengenal pasti dan menangani dengan berkesan isu-isu berkaitan jenayah dan gejala sosial di kawasan komuniti atau kejiranan. Pendek kata, konsep pengawasan komuniti merupakan satu perubahan paradigma falsafah polis di dalam mencegah jenayah.

Dalam Program Pengawasan Komuniti, semua anggota komuniti berkongsi tanggungjawab dalam menjaga keselamatan komuniti dan mencegah kewujudan jenayah. Falsafah pengawasan komuniti menekankan perkongsian tanggungjawab di antara polis dan ahli-ahli komuniti dalam menyelenggarakan usaha-usaha kesejahteraan dalam komuniti. Perkongsian tanggungjawab melibatkan beberapa aspek iaitu aspek komunikasi yang kerap dan berterusan dalam usaha membina kepercayaan dan kerjasama antara ahli-ahli komuniti dan anggota polis (Rohe et al., 2001).

Dalam hal ini, ahli-ahli komuniti perlu lebih aktif dalam aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah seperti melaporkan jenayah dan menubuhkan pengawasan komuniti atau kumpulan rondaan. Pihak polis pula perlu memberi respons atau tindak balas terhadap laporan jenayah atau masalah sosial yang telah dikenal pasti dan dianggap sebagai isu penting oleh ahli-ahli komuniti. Dalam menjalankan tugas ini, sikap menghormati kepada komuniti adalah penting.

Menurut Skogan dan Harnett (1997), dalam peringkat falsafah, pengawasan komuniti memerlukan pegawai polis yang dilantik untuk menghadiri mesyuarat, memimpin rondaan pejalan kaki dan berinteraksi dengan ahli-ahli komuniti. Pegawai polis juga ditugaskan sebagai pegawai “kekal” dalam tugas di dalam komuniti supaya saling mengenali ahli-ahli komuniti dan sebaliknya.

Aspek kedua berkaitan Program Pengawasan Komuniti yang dilihat sebagai signifikan di dalam pencegahan jenayah adalah orientasinya yang berpaksikan strategi penyelesaian masalah (*problem solving orientation*) dengan melibatkan kolaborasi kakitangan polis, ahli-ahli komuniti dan agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Ahli-ahli pengawasan komuniti sesebuah komuniti perlu mengenal pasti tanda-tanda atau keadaan-keadaan tersembunyi atau gejala-gejala sosial yang berpotensi menghasilkan sesuatu jenayah. Setelah mengenal pasti keadaan-keadaan yang berisiko dalam komuniti, mereka perlu melaksanakan usaha-usaha pencelahan yang mampu mengubah keadaan risiko tersebut kepada keadaan yang selamat. Dalam mengimplementasi dan membangunkan sebuah projek komuniti yang berjaya, pegawai polis juga dilengkapi dengan kemahiran dari segi tugas kerja dan membina personaliti yang baik untuk membolehkan mereka peka dan bertindak balas dengan masalah yang dihadapi oleh komuniti (Rohe et. al., 2001).

Skogan dan Harnett (1997) menjelaskan Program Pengawasan Komuniti memerlukan pegawai polis mereka bentuk atau merancang program yang sesuai dengan keadaan dan keperluan penduduk. Memetik pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti di Amerika Syarikat, Skogan & Harnett mendapati kebanyakan Program Pengawasan Komuniti di sana bermula apabila Jabatan Pengawasan Komuniti menubuhkan unit-unit yang berasingan untuk menyasarkan kawasan kejuruan yang

kadar jenayahnya tinggi. Kawasan komuniti yang disasarkan bergantung pada beberapa faktor seperti tahap komitmen ahli-ahli komuniti setempat berganding bahu dalam membanteras gejala sosial dan jenayah di tempat mereka. Selain itu, penubuhan unit juga bergantung kepada sokongan kewangan atau dana yang ada untuk program tersebut dalam sesebuah komuniti. Dalam hal ini, pegawai polis dilatih secara khas untuk menubuhkan unit-unit ini dan berunding dengan komuniti mengenai perkara-perkara atau masalah-masalah yang dijangkakan berlaku dalam komuniti. “Polis Pengawasan Komuniti” ini juga dilatih untuk membantu merancang strategi untuk menyelesaikan masalah-masalah jenayah yang dihadapi. Bekerjasama bersama-sama dengan ahli-ahli, Polis Pengawasan Komuniti mencari penyelesaian terhadap sesuatu masalah di dalam kejuruan. Pendek kata, pengawasan komuniti merupakan sebuah unit khas dalam sesebuah komuniti yang menjalankan aktiviti pencegahan berskala kecil dalam membanteras jenayah dalam sebuah komuniti yang berisiko seperti melakukan aktiviti rondaan dan kawalan keselamatan (Rohe et al., 2001).

Dalam peringkat aktiviti pula, Program Pengawasan Komuniti terlibat dengan pelbagai bentuk aktiviti pencegahan jenayah. Bentuk-bentuk aktiviti yang dilaksanakan adalah mengikut kreativiti pegawai polis yang bertugas dalam komuniti tersebut. Antara contoh aktiviti yang paling kerap dilakukan adalah rondaan jalan kaki dan rondaan berbasikal yang memberi mereka peluang untuk mengenali penduduk setempat dan masalah-masalah yang dihadapi oleh komuniti tersebut.

Selain itu, anggota-anggota polis unit Program Pengawasan Komuniti juga turut mengendalikan aktiviti “*knock and talks*” iaitu mengetuk pintu ke pintu rumah dalam komuniti yang mereka bertugas dan berinteraksi dengan isi rumah. Unit pengawasan komuniti juga mewujudkan kumpulan pengawasan kejuruan, mengumpul data

mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk, dan membina peluang aktiviti rekreasi untuk anggota komuniti setempat. Aktiviti pengawasan kejranaan juga merancang aktiviti kejranaan yang sihat seperti aktiviti gotong-royong, menghapuskan barang-barang rosak dan tidak berguna, melakukan serbuan terhadap rumah atau sarang yang disyaki menjalankan kegiatan yang negatif seperti penagihan dadah, curi motosikal serta menganalisis aliran jenayah dalam komuniti tersebut (Skogan & Harnett, 1997).

Dalam komponen rakan kongsi komuniti (*community partnership*), tumpuan diberikan kepada ikatan kerjasama antara polis dan ahli komuniti untuk mengekalkan keamanan, keselamatan dan mengawal jenayah. Dalam hal ini, pihak polis perlu mengekalkan perhubungan yang baik untuk mewujudkan kepercayaan daripada komuniti (*Department of Justice United States, 2012*). Anggota polis yang bertugas perlu menggalakkan komuniti untuk memberi kerjasama dalam membanteras jenayah yang serius di komuniti mereka dengan memberi maklumat yang relevan.

Antara aktiviti untuk mewujudkan perhubungan yang baik adalah anggota pengawasan komuniti perlu bersemuka berbincang dengan komuniti, melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti atau program di dalam komuniti, bekerjasama dengan agensi-agensi sosial dan mengambil bahagian dalam program pendidikan dan rekreasi bersama pelajar-pelajar sekolah.

Satu perkara yang ketara dalam Program Pengawasan Komuniti adalah mengenai peranan polis adalah melebihi daripada pihak atau agensi atau individu penguatkuasaan undang-undang. Peranan ini penting untuk mengukuhkan hubungan antara polis dengan komuniti, khususnya dalam menanam sifat kepercayaan komuniti terhadap pihak polis. Dalam hal ini, anggota polis yang terlibat dalam Program



Pengawasan Komuniti perlu menyumbang sesuatu untuk kesejahteraan komuniti misalnya menolong mangsa kemalangan atau mangsa jenayah, menyediakan perkhidmatan perubatan kecemasan, menolong menyelesaikan konflik kejiwaan seperti penderaan, dan diskriminasi kaum, melawat rumah ke rumah untuk memberi nasihat atau panduan mencegah jenayah, menolong menubuhkan kumpulan pengawasan kejiwaan untuk menjalankan rondaan dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti menolong ini melibatkan komunikasi dua hala berlaku dalam komuniti. Ini menengahkan prinsip kerakyatan (*citizenship*) seperti sikap tolong-menolong, menghormati antara satu sama lain, jujur dan keadilan (*Department of Justice United States, 2012*).

Satu lagi perkara penting mengenai Program Pengawasan Komuniti yang perlu dinyatakan di sini adalah pendekatan penyelesaian masalah yang diamalkannya. Penyelesaian masalah dapat mencegah jenayah daripada berlaku dalam komuniti. Komponen penyelesaian masalah timbul dengan andaian “jenayah dan gangguan boleh dikurangkan dalam kawasan geografi yang kecil dengan membuat kajian secara sistematik dengan meneliti ciri-ciri masalah dalam kawasan tersebut dan kemudian mengaitkan ciri tersebut dengan sumber-sumber yang sesuai dan sewajarnya” (*Manual Community Policing, Department of Justice United States, 1994*). Selain itu, Program Pengawasan Komuniti juga percaya yang individu membuat pilihan berasas kepada peluang yang wujud dalam ciri sosial dan fizikal dalam kawasan tersebut (*Manual Community Policing, Department of Justice United States, 1994*). Dengan andaian-andaian ini, manusia cenderung untuk bertindak negatif sekiranya berpeluang melakukan perbuatan antisosial atau devian. Proses penyelesaian masalah ini adalah berdasarkan kepada keadaan-keadaan atau persekitaran sosial yang boleh mencipta masalah.

Keadaan-keadaan atau persekitaran sosial yang boleh mencipta masalah merujuk kepada tiga ciri utama iaitu; pertama, ciri atau karektor individu yang terlibat iaitu si pelaku yang bermotivasi (*motivated offender*); kedua, sasaran yang sesuai (*suitable target*); dan ketiga, ketidakhadiran penjaga yang berupaya atau berkesan (*absense of a capable guardian*). Persekitaran sosial dan fizikal juga merujuk cara bagaimana cara manusia berinteraksi, reka bentuk persekitaran fizikal dan cara bagaimana orang awam berurusan dengan keadaan ini. Masalah wujud atau dicipta hasil daripada keadaan-keadaan ini (*Department of Justice United States, 2012*).

Teori Aktiviti Rutin menjelaskan proses penyelesaian masalah ini; iaitu kehadiran pelaku yang bermotivasi, sasaran yang sesuai dan kehadiran penjaga yang berkesan. Dalam proses ini, polis perlu memberi tumpuan dan mengakui kebimbangan komuniti dalam kawasan mereka. Pengawasan komuniti membolehkan anggota komuniti mengutarakan masalah dan kebimbangan mereka serta bertukar maklumat untuk perhatian polis. Dalam proses penyelesaian masalah ini polis perlu bekerjasama dengan komuniti mengumpulkan maklumat dan pada masa yang sama menggalakkan komuniti untuk sama-sama menyelesaikan sesuatu gejala atau masalah dalam komuniti tersebut.

### **3.3 Pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan (Defensible Space)***

Program Pengawasan Komuniti mengambil pakai atau menerap pelbagai pendekatan pencegahan jenayah seperti mengukuhkan kawasan sasaran dengan aktiviti rondaan sukarela dan kempen-kempen pencegahan jenayah. Satu daripada pendekatan pencegahan jenayah yang menjadi asas pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti adalah pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* atau *Defensible Space*.

Pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* diperkenalkan oleh Newman pada tahun 1972. Dua strategi utama pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* adalah meningkatkan pemerhatian dan pemilikan ruang. Strategi ini berasaskan kepada andaian ini – “apabila ruang sesebuah bangunan dan persekitaran digunakan secara komprehensif, secara tidak langsung individu atau ahli masyarakat akan berasa lebih selamat di dalam komuniti”.

Strategi pertama, meningkatkan pemerhatian melalui pengawasan semula jadi, iaitu keupayaan persekitaran mewujudkan peluang pengawasan yang jelas dan luas dari pelbagai sudut persekitaran oleh ahli-ahli komuniti melalui reka bentuk dan lokasi bangunan atau kediaman (contoh: lokasi tingkap, lobi, dan landskap). Reka bentuk ini meningkatkan jarak penglihatan antara setiap unit rumah/ bangunan serta dilengkapi ruang awam yang membolehkan penghuni-penghuni bertemu dan berinteraksi. Pengawasan semula jadi juga menekankan kepentingan pengutilisasian atau penggunaan sumber-sumber yang ada dalam komuniti, yang merangkumi sumber fizikal dan sosial. Tindakan pencelahan sama seperti konsep CPTED (Supra, halaman 92) namun ianya tidak terhad kepada kemudahan keselamatan sahaja. Komuniti yang kondusif adalah komuniti yang ruang fizikalnya dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur untuk aktiviti-aktiviti pendidikan, kemasyarakatan, kesihatan, juga sukan dan rekreasi untuk kegunaan ahli-ahli komunitinya. Penggunaan ruang fizikal secara optimum akan meningkatkan tahap pengawasan ahli-ahli komuniti atau orang awam melalui pendekatan ‘*eyes on the street*’ terhadap persekitaran dengan memberi reaksi atau sering berwaspada dengan sebarang perilaku yang mencurigakan atau keadaan yang mendatangkan bahaya kepada diri sendiri dan orang lain. Langkah-langkah pengawasan semula jadi ini akan menyebabkan pelaku jenayah atau penceroboh rasa tidak yakin untuk melakukan jenayah kerana berhadapan dengan risiko untuk ditangkap.

Strategi kedua, pemilikan ruang atau kewilayahan iaitu merupakan perasaan kepunyaan atau *sense of belonging* yang dimiliki oleh setiap individu apabila mendiami sesebuah lokasi. Konsep ini tidak terbatas dalam ruang lingkup ruang kediaman masing-masing; malah turut meliputi kehidupan di persekitarannya. Pengaruh fizikal atau imej yang lahir daripada reka bentuk persekitaran tersebut dapat melahirkan perasaan kepunyaan (kewilayahan) oleh penghuni-penghuninya. Melalui konsep kewilayahan, penghuni sesebuah tempat akan menganggap mereka adalah pemilik kepada kawasan yang didiaminya dan secara semula jadi mewujudkan perasaan tanggungjawab untuk memelihara serta mengawasi persekitaran kawasan (Ainur et al., 2010). Newman (1972) menjelaskan sesebuah kawasan itu akan lebih mudah terancam sekiranya tidak wujud perasaan kepunyaan dan semangat kejiwaan dalam kalangan ahli komunitinya. Perasaan kepunyaan ini boleh dizahirkan dengan memenuhi ruang sosial dalam persekitaran tersebut melalui penyediaan pelbagai aktiviti sosial yang berlangsung dalam ruang fizikal komuniti berkenaan. Dengan erti kata lain, penggunaan ruang luaran yang berhampiran bangunan sesebuah komuniti digunakan secara intensif dengan pelbagai aktiviti sosial. Antara contoh tindakan pencelahan yang berasaskan ruang sosial adalah penglibatan dalam aktiviti Rukun Tetangga oleh komuniti sekejiranan, Kumpulan Rondaan Sukarela, sesi dialog bersama agensi berkaitan, penganjuran pelbagai kempen kesedaran atau program/ aktiviti prososial untuk kumpulan sasaran serta pelbagai aktiviti prososial yang berlangsung di dalam komuniti. Aktiviti-aktiviti sebegini dapat mewujudkan interaksi dalam kalangan ahli-ahli komuniti. Interaksi yang berlaku merupakan intipati dalam pencegahan jenayah peringkat primer.

Teori Krimonologi Persekitaran (*Environmental Criminology*) menjelaskan pengaruh persekitaran terhadap pembiakan aktiviti jenayah (Gilling, 1997). Teori ini tidak memfokus kepada penghapusan penjenayah; sebaliknya memberi penekanan kepada ciri-ciri kejadian jenayah (*crime event*). Berdasarkan perkara ini, ahli bidang kriminologi bekerjasama dengan pakar geografi, perancang bandar, matematik dan ekologi manusia merancang persekitaran yang selamat dan bebas jenayah. Mengikut teori ini kejadian jenayah bergantung kepada aktor, mangsa atau sasaran, undang-undang yang lemah, masa dan keadaan tempat kejadian jenayah (Brangtingham & Brangtingham, 1981). Pelaku dan mangsa jenayah berlaku dalam lingkungan meso (kejiranan) dan makro (komuniti) (Schneider & Kitchen, 2007). Oleh itu, pencegahan jenayah harus tertumpu dalam reka bentuk kawasan lingkungan ini.

Pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* menekankan kepada kepentingan penggunaan ruang oleh anggota komuniti. Ruang yang dimaksudkan dalam pendekatan ini merangkumi ruang fizikal dan ruang sosial. Konsep “boleh dipertahankan” juga dikaitkan dengan “boleh dilindungi”, “boleh dicegah” dan “boleh diawasi”. Pendekatan ini mengandaikan sekiranya sesebuah komuniti dapat menggunakan ruang fizikal dan sosialnya semaksimum mungkin dengan aktiviti-aktiviti sosial, ekonomi dan sivil yang berfaedah, pencetusan dan penularan aktiviti jenayah boleh dicegah dan dapat diawasi daripada berlaku. Berdasarkan kepada andaian ini pelbagai intervensi yang berbentuk fizikal dan sosial dilakukan oleh pihak polis dan komuniti sekediaman atau sekejiranan bagi menjaga keselamatan penghuni daripada ancaman bahaya jenayah.

Program Pengawasan Komuniti menjadikan intipati pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* ini sebagai asas operasinya. Program Pengawasan Komuniti mengintegrasikan penggunaan ruang fizikal dan ruang sosial yang terdapat dalam komuniti

di dalam membentuk satu persekitaran sosial yang selamat dihuni kerana menyediakan *natural surveillance* sebagai sistem pencegahan jenayah. Ahli-ahli komuniti bertindak sebagai “mata dan telinga” kepada pihak polis manakala reka bentuk persekitaran menjadi medium “*eyes on the street*” dalam mengawal jenayah serta interaksi sosial yang berlaku menjadi medium kepada hubungan sosial dalam sesebuah komuniti.

Sebagai asas kepada usaha untuk membentuk sebuah Program Pengawasan Komuniti yang kondusif, ruang fizikal yang memudahkan sekumpulan manusia yang hidup di dalamnya melakukan pelbagai aktiviti sosial produktif secara optimum seharusnya mempunyai dan/atau dilengkapi dengan prasarana fizikal dan sosial yang sesuai. Prasarana fizikal mencukupi dan sesuai dengan keperluan anggota dapat menjana penggunaan atau utilisasi ruang secara optimum dan semaksimum mungkin; khususnya dengan aktiviti-aktiviti sosial, ekonomi dan sivil yang bermanfaat dan tidak bercanggah dengan norma, nilai dan peraturan sosial. Ruang persekitaran sosial sebegini mampu memberikan rasa selamat kepada ahli atau penghuninya. Sekiranya ruang fizikal dan ruang sosial sebegini boleh diwujudkan dalam komuniti, kebarangkalian perlakuan jenayah atau kebarangkalian untuk jenayah berlaku di dalam satu-satu ruang sosial adalah rendah.

Secara tidak langsung, pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* mengandaikan kejayaan dan kegagalan sesebuah program pencegahan jenayah bergantung pada keadaan dan kualiti prasarana-prasarana fizikal (contoh: kemudahan keselamatan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, dan riadah) serta prasarana sosial (contoh: penglibatan, keprihatinan dan komitmen komuniti setempat). Atas premis ini, prasarana fizikal dan sosial yang terdapat di dalam komuniti dilihat sebagai prasyarat dan modal utama kepada kejayaan sesebuah program pencegahan primer. Justeru, prasarana sosial

dan fizikal ini perlu dipertahankan, diperkukuhkan, dilindungi dan dipertingkatkan keupayaannya.

Pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* mempunyai tiga komponen utama yang berfungsi sebagai pemacu kepada kelancaran operasi sesebuah program pencegahan jenayah. Penjelasan mengenai ketiga-tiga komponen ini dibuat pada bahagian seterusnya.

### **3.4 Komponen Pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan***

Seperti mana yang telah dinyatakan di dalam skop kajian di Bab Satu (Supra, halaman 14), pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* mempunyai tiga komponen utama yang memacu keberkesanan pelaksanaan sesebuah program pencegahan jenayah peringkat primer; iaitu bagi konteks kajian ini merujuk kepada Program Pengawasan Komuniti. Tiga komponen tersebut adalah:

- 1) Pengetahuan anggota komuniti;
- 2) Penglibatan atau penyertaan anggota komuniti; dan
- 3) Keadaan struktur, intrapersonal dan interpersonal yang terdapat dalam ruang fizikal dan sosial komuniti.

Pengetahuan, penglibatan dan penyertaan anggota komuniti boleh dikategorikan sebagai ruang sosial yang boleh dipertahankan. Keadaan struktural, intrapersonal dan interpersonal pula lebih cenderung ke dalam ruang fizikal yang boleh dipertahankan, walaupun terdapat beberapa elemen sosial di dalamnya.

### 3.4.1 Komponen pengetahuan

Mengikuti pendekatan ruang sosial boleh dipertahankan, masyarakat yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti prososial boleh dilindungi atau boleh dipertahankan daripada aktiviti jenayah. Berdasarkan kepada andaian ini, pencegahan jenayah peringkat primer menganjurkan pelbagai aktiviti sosial dalam komuniti. Antara contoh aktiviti sosial yang lazim dilaksanakan oleh Program Pengawasan Komuniti adalah rondaan sukarela, aktiviti berbentuk kesukanan dan rekreasi, aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, kempen-kempen pencegahan jenayah, dan ceramah/ dialog bersama pemimpin masyarakat.

Walau bagaimanapun, pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* memberi penekanan kepada penyertaan kumpulan sasaran dalam aktiviti-aktiviti prososial yang disenaraikan di atas. Penyertaan individu dalam aktiviti-aktiviti prososial dalam komuniti pula hanya akan berlaku sekiranya individu tahu mengenai kewujudan program tersebut. Indikator-indikator utama bagi mengukur tahap pengetahuan anggota komuniti/ kumpulan sasaran mengenai aktiviti Program Pengawasan Komuniti ialah tahap pengetahuan mereka terhadap kewujudan aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan dalam komuniti, kepekaan mereka terhadap penganjuran aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti, pengetahuan mereka mengenai masa dan lokasi penganjuran aktiviti-aktiviti tersebut, siapakah yang menganjurkan aktiviti-aktiviti tersebut, dan pengetahuan mereka mengenai manfaat yang boleh diperolehi sekiranya mereka melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tersebut.



Dari perspektif pembangunan komuniti, pengetahuan anggota komuniti atau kumpulan sasaran mengenai program berperanan penting kerana pengetahuan yang ada membolehkan individu berkenaan berpeluang untuk menilai kebaikan sesuatu pembaharuan yang diperkenalkan (Haris, 2007). Pengetahuan juga mempengaruhi kecenderungan individu melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti atau program-program pembangunan komuniti. Menurut Abdul Rahman (2007) pembangunan modal manusia sering kali dikaitkan dengan pengetahuan individu dan komuniti.

#### **3.4.2 Komponen penglibatan atau penyertaan anggota komuniti**

Ruang sosial yang boleh dipertahankan merujuk kepada persekitaran fizikal komuniti yang dilengkapi dengan pelbagai aktiviti sosial. Dalam konteks aplikasinya, ia diwakili oleh aktiviti-aktiviti prososial yang lazim dijalankan dalam komuniti seperti aktiviti kemasyarakatan, aktiviti keselamatan, aktiviti berbentuk sukan dan rekreasi dan aktiviti pendidikan.

Sebagai indikator pengukuran, ruang sosial yang boleh dipertahankan boleh dioperasionalkan melalui pengetahuan dan penglibatan atau penyertaan anggota komuniti dalam keempat-empat aktiviti sosial utama yang dianjurkan di bawah Program Pengawasan Komuniti. Pertama, aktiviti kemasyarakatan yang terdiri daripada aktiviti Hari Keluarga, gotong-royong, sukarelawan, kenduri-kendara, sambutan atau jamuan perayaan, dan bengkel ke ibu bapaan. Kedua, aktiviti keselamatan yang terdiri daripada unit sukarelawan pencegahan jenayah (Program Pengawasan Komuniti), skim rondaan sukarela (SRS), Rakan COP, Dialog bersama Polis dan Program Sekolah Selamat. Ketiga, aktiviti sukan dan rekreasi yang terdiri daripada aktiviti Rakan Muda, sukan, perkhemahan atau kembara, seni pertahankan diri, persatuan beruniform dan lawatan

sambil belajar. Aktiviti keempat adalah aktiviti berbentuk pendidikan yang terdiri daripada aktiviti kesedaran melalui kempen keselamatan, kempen kesihatan, ceramah berbentuk keagamaan, kelas mengaji atau kitab, dan bengkel-bengkel motivasi.

Dalam mana-mana program sosial yang berasaskan pembangunan komuniti, penyertaan anggota komuniti merupakan pra-syarat utama kejayaan program tersebut. David Wilcox dalam bukunya *Guide to Effective Participation (1994)* menyatakan penyertaan atau penglibatan aktif anggota komuniti dalam mana-mana program sosial yang berasaskan komuniti seharusnya merangkumi tahap-tahap berikut – penyaluran dan penyampaian maklumat, perundingan dalam perancangan dan pelaksanaan program, membuat keputusan, bertindak bersama (*acting together*) dan saling-menyokong dalam pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti program.

Dari perspektif pembangunan komuniti juga, penglibatan secara sukarela oleh ahli-ahli komuniti merupakan indikator penting kejayaan projek pembangunan komuniti (Haris & Abd. Hadi, 2012). Penglibatan secara sukarela mengizinkan penduduk setempat bertindak sendiri, mengenal pasti kehendak dan masalah serta merangka perancangan untuk tindakan secara bersama. Penglibatan yang bersifat demokratik dan sukarela dalam program pembangunan juga menjadi asas pembentukan semangat keyakinan diri sendiri dan akhirnya kemampuan untuk berdikari (Haris & Abd. Hadi, 2012).

Menurut perspektif Kriminologi pula, Hirschi (1969) menyatakan penglibatan aktif anggota komuniti; khususnya kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti prososial yang dianjurkan oleh komuniti mampu menghalang mereka daripada terlibat atau terpengaruh dengan aktiviti antisosial atau jenayah. Semakin banyak penyertaan individu atau

kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti konvensional yang sah semakin kurang peluang mereka terlibat dengan aktiviti atau kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat. Tingkah laku-tingkah laku berisiko dapat dielakkan dengan memastikan mereka meluang masa dengan aktiviti konvensional yang berfaedah.

Antara aktiviti-aktiviti konvensional yang sah adalah aktiviti-aktiviti bersama ahli keluarga, sekolah, kelab atau persatuan dan aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan oleh organisasi dalam komuniti kejuranan. Sebaliknya, jika mereka banyak terlibat dalam aktiviti tidak sah atau antisosial seperti merokok, minum, merempit dan berkawan dengan rakan-rakan yang bertingkah laku devian mereka lebih terdedah untuk menjadi delinkuen (Siegel & Senna, 2000).

Ibu bapa atau penjaga yang memberi peluang dan sokongan sosial untuk kanak-kanak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti prososial dapat meningkatkan kecerdasan minda dan keyakinan diri dan harga diri kanak-kanak. Kanak-kanak perlu didedahkan dengan persekitaran sosial yang kondusif, bergaul dengan rakan sebaya yang sesuai dan mendapat bimbingan yang berterusan daripada ibu bapa dan guru-guru. Perkara ini membantu perkembangan kesihatan mental kanak-kanak. Kesihatan mental yang baik menjamin kanak-kanak dapat belajar dengan sempurna, menjalani perkembangan sosial yang baik dan dapat mempelajari kemahiran baru (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2013). Pembentukan personaliti yang baik ini mampu mengelakkan kanak-kanak dari terlibat dengan aktiviti-aktiviti negatif.

Dalam kajian ini, aspek penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti prososial diukur melalui kekerapan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan dalam komuniti mereka. Kekerapan penglibatan kanak-kanak berisiko dalam empat aktiviti

sosial utama yang terdiri daripada 21 jenis aktiviti prososial diukur dengan melihat tahap keaktifan mereka bermula daripada tiada langsung penglibatan sehinggalah hampir setiap kali aktiviti tersebut diadakan. Daripada ukuran tersebut, tahap penglibatan kanak-kanak dapat dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu tidak aktif, kurang aktif dan sangat aktif.

### **3.4.3 Keadaan struktur, intrapersonal, interpersonal yang terdapat dalam ruang fizikal dan sosial dalam komuniti**

Ruang fizikal yang boleh dipertahankan atau dilindungi merujuk kepada persekitaran fizikal komuniti yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan pencegahan jenayah dan kemudahan atau prasarana sosial yang disediakan dalam ruang fizikal komuniti berkenaan. Dalam konteks aplikasinya, ia ditunjukkan oleh keadaan-keadaan atau kualiti ruang fizikal dan sosial tersebut. Ruang fizikal dan sosial ini pula boleh dikelompokkan kepada tiga ruang; iaitu:

- (i) ruang struktur;
- (ii) ruang intrapersonal; dan
- (iii) ruang interpersonal.

Ruang struktur, intrapersonal dan interpersonal yang baik menyediakan ruang sosial dan fizikal yang kondusif untuk penglibatan/ penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti prososial (Siti Hajar & Abd Hadi, 2009; & Patmanathan, 2010). Sebaliknya ruang struktur, intrapersonal dan interpersonal yang defisit menghalang penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti prososial yang terdapat dalam komuniti.

### **3.4.3.1 Ruang struktur yang boleh dipertahankan**

Komuniti yang sihat dan membangun perlu mempunyai prasarana fizikal yang berkualiti dan mencukupi dalam ruang persekitarannya. Prasarana atau kemudahan seperti kemudahan sukan dan rekreasi (contoh: gelanggang permainan, taman, padang bola), kemudahan pendidikan (contoh: sekolah, dewan serba guna), kemudahan keselamatan (contoh: pondok keselamatan, lampu jalan, rondaan polis atau sukarela, tempat letak motosikal yang selamat, dan CCTV), kemudahan kesihatan (contoh: klinik dan hospital) dan kemudahan beribadat (contoh: surau, masjid, tokong, kuil dan gereja) dan kemudahan awam yang lain (contoh: gerai runcit dan kedai makan).

Persekitaran komuniti yang dilengkapi dengan pelbagai prasarana fizikal mendorong anggota komuniti menggunakan prasarana tersebut yang seterusnya mewujudkan interaksi dalam kalangan ahli-ahli komuniti. Pelbagai aktiviti bermanfaat dapat dianjurkan sekali gus mampu menghalang kumpulan sasaran daripada terlibat dengan gejala tidak sihat.

Selain daripada prasarana-prasarana sosial yang disebut di atas, ruang struktur juga menyentuh sistem penyampaian maklumat. Sistem penyampaian maklumat sesuatu program atau aktiviti perlu lebih efisien agar ahli-ahli komuniti mendapat informasi mengenai sesuatu perkhidmatan yang disediakan mahupun aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan. Terdapat beberapa mekanisme yang boleh digunakan dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Pengumuman secara konvensional mahupun moden seperti melalui poster-poster kempen di ruang yang sesuai, papan-papan kenyataan komuniti, laman sesawang internet seperti portal-portal rasmi kerajaan atau badan bukan kerajaan dan laman-laman sosial seperti *facebook*, *twitter*, *instagram* dan sebagainya sesuai dengan perkembangan teknologi.

Sesuatu program atau perkhidmatan sosial yang dirancang juga hendaklah memberi tumpuan kepada penyampaian maklumat yang tepat, jelas dan yang penting sekali adalah menarik dan mudah difahami oleh kumpulan sasar. Antara maklumat-maklumat penting yang harus disalurkan termasuk nama program, tujuan atau objektif program, kumpulan sasar yang ingin dijemput, tarikh, masa dan tempat program berlangsung serta nama pihak penganjur yang menganjurkan program tersebut selain kelulusan daripada pihak operasi kawasan perumahan. Aktiviti promosi dalam menyampaikan maklumat mengenai sesebuah program perlu melibatkan campurtangan daripada pelbagai organisasi, politik dan ekonomi yang direka bentuk untuk mencetuskan perubahan tingkah laku dan persekitaran dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai sesebuah program (Rokiah, 2013).

#### ***3.4.3.2 Ruang intrapersonal yang boleh dipertahankan***

Ruang intrapersonal yang boleh dipertahankan merujuk kepada komunikasi intrapersonal iaitu komunikasi yang berlaku dalam diri sendiri. Seseorang yang berfikir tentang sesuatu perkara sebenarnya ia sedang dalam proses komunikasi dengan dirinya. Bermonolog dengan diri untuk membuat pilihan, keputusan, memberi sebab dan akibat. Ia boleh terjadi ketika bersendirian atau bersama dengan orang lain. Menurut West dan Turner (2008 dalam Nazirah, 2012) dialog-dialog dalaman yang terjadi dalam diri sendiri dapat membantu individu tersebut untuk mengukuhkan estimasi diri (*self-esteem*) dan konsep diri. Konsep diri adalah penilaian aspek tertentu seseorang individu itu mengenai dirinya, dan ia menentukan bagaimanakah seseorang itu memproses maklumat dirinya sendiri termasuklah niat, tahap emosi, kebolehan, penilaian diri, nilai etika, peranan sosial, ciri-ciri fizikal dan lain-lain (Nazirah, 2012).

Siti Hajar (2009) menyatakan komponen dalam membentuk personaliti atau sahsiah diri berkait dengan faktor dalaman diri kanak-kanak itu sendiri seperti minat, pengetahuan, kemahiran, bentuk pemikiran, kepercayaan atau tanggapan diri mereka. Aset-aset dalaman ini jugalah yang akan mempengaruhi tingkah laku mereka dari sudut pengetahuan dan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti prososial atau antisosial yang terdapat di persekitaran komuniti mereka. Kanak-kanak yang mempunyai aset dalaman yang lemah (contoh: konsep sendiri yang lemah, IQ yang rendah, daya-tindak yang rapuh, dan tiada keyakinan diri) lebih mudah untuk tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti prososial yang terdapat dalam komuniti; berbanding dengan kanak-kanak yang mempunyai aset dalaman yang baik (contoh: pandai, pemikiran yang rasional, dan daya tahan diri yang tinggi) (Siti Hajar & Abd Hadi, 2009).

Faktor bentuk tubuh badan (contoh: kanak-kanak yang gemuk akan merasa kesedaran sendiri yang rendah, takut dan malu, atau bersikap lembab). Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat memegang status yang tinggi dalam kalangan rakan sebaya. Berbanding kanak-kanak yang mempunyai bentuk tubuh badan yang normal (contoh: bentuk badan yang lebih kurang sama dengan rakan sebaya) lazimnya tidak mempunyai masalah dengan konsep sendiri. Selain itu, kanak-kanak atau remaja yang mempunyai bentuk tubuh badan *mesomorph* menunjukkan pencapaian yang baik dalam permainan dan sukan. Faktor kesihatan turut mempengaruhi personaliti dan tingkah laku (contoh: kanak-kanak yang kurang bertenaga kerana sakit teruk akan bertingkah laku malu, pendiam, mudah marah, murung dan tidak bersosial) berbanding kanak-kanak yang sihat (Azizi, 2008).

### ***3.4.3.3 Ruang interpersonal yang boleh dipertahankan***

Ruang interpersonal yang boleh dipertahankan berkait rapat dengan keadaan komunikasi interpersonal iaitu komunikasi antara individu dengan individu lain atau individu yang berkomunikasi dengan sekumpulan individu lain. Komunikasi interpersonal adalah bersifat dinamik kerana sentiasa bergerak dan sentiasa mempengaruhi antara satu sama lain. Komunikasi interpersonal ini merupakan tingkah laku yang dipelajari dan akan membentuk personaliti dan tingkah laku individu tersebut. Ia bukan terjadi dengan sendirinya sebaliknya hasil daripada pemerhatian dan pengalaman berkomunikasi. Pengaruh komunikasi dalam sosio budaya ini mempengaruhi perkembangan kanak-kanak melalui perhubungan sosial di dalam sistem sosial yang mereka tinggal dan besarkan. Dalam konteks ini, perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh ibu bapa, adik beradik, saudara mara, kawan-kawan, rakan sebaya, orang dewasa yang ada hubungan dengan mereka, sekolah, rumah-rumah ibadah dan kumpulan atau pertubuhan di mana kanak-kanak tersebut adalah sebahagian daripadanya. Pola pengaruh sosial ke atas kanak-kanak digambarkan oleh Bronfenbrenner (1979) di dalam model ekologiikalnya.

Misalnya pengaruh komunikasi ibu bapa atau keluarga dengan kanak-kanak memberi impak kepada personaliti kanak-kanak dalam proses sosialisasi kanak-kanak tersebut. Misalnya, keluarga yang tidak mempunyai sikap mesra, tidak menaruh minat terhadap anak-anak akan membawa keadaan emosi dan penyesuaian kanak-kanak yang tidak stabil. Kanak-kanak yang berhadapan dengan komunikasi yang berupa kritikan, memalukan diri kanak-kanak atau merendah kebolehan kanak-kanak akan menyebabkan kanak-kanak menghadapi halangan mental semasa berkomunikasi dengan ibu bapa (Tengku Asmadi, 2008). Berbanding ibu bapa atau ahli keluarga yang mesra, demokratik dan ibu bapa yang memenuhi keperluan kanak-kanak akan meningkatkan



penyesuaian kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak yang melihat dirinya diterima oleh ibu bapa akan menunjukkan aspirasi ego yang lebih tinggi, ketabahan dan ketekunan (Azizi, 2008).

Komunikasi bersama-sama kawan-kawan sebaya pula akan membentuk perkembangan sahsiah diri seseorang individu. Misalnya, kanak-kanak yang memegang kedudukan pimpinan di dalam pimpinannya akan membentuk sifat keyakinan sendiri dan sifat tenang. Berbanding kanak-kanak yang tidak disukai oleh kawan-kawan akan merasa rendah diri, iri hati, benci, muram dan marah terhadap kawan-kawan yang tidak menghiraukannya (Azizi, 2008). Rakan sebaya juga berfungsi sebagai pemberi sokongan sosial dan akademik. Jas Laile (2008) menyatakan oleh kerana remaja berkongsi pengalaman yang sama seperti mencari identiti, mengenal pasti peranan hidup, ingin meneroka dunia ala orang dewasa, ingin bebas tetapi terhad, ingin bertanggungjawab tetapi tidak dibenarkan, ingin merasai nikmat hidup tetapi tidak pasti apa nikmat hidup yang dikejanya, maka mereka akan sama-sama memberi sokongan dalam masa transisi ini dalam aktiviti-aktiviti sosial mahupun akademik.

Peranan guru di sekolah juga penting dalam perkembangan personaliti kanak-kanak. Guru yang positif bersifat mesra dan menerima muridnya akan menggalakkan mereka belajar, membuat kerja sekolah dan memiliki personaliti yang baik. Sebaliknya, guru yang bersikap negatif seperti sering mengkritik atau tidak mempedulikan murid akan memusnahkan motivasi murid dan merasa dirinya tersingkir, lalu tingkah laku kanak-kanak yang tidak 'cantik' itu berkembang menjadi lebih negatif (Azizi, 2008; Jas Laile, 2008). Komunikasi interpersonal juga penting antara kanak-kanak dengan ahli-ahli komuniti atau jiran tetangga. Komunikasi yang terbina akan mewujudkan hubungan sosial iaitu memahami dan menghormati unsur sosio budaya termasuk

persamaan dan perbezaan antara sosiobudaya. Contohnya masyarakat yang berbilang kaum, agama dan kepercayaan yang berbeza. Selain itu komunikasi interpersonal penting untuk penyampaian ilmu atau maklumat dan perundingan dalam mencapai persetujuan bersama. Pendek kata, komunikasi interpersonal ini penting dalam membentuk perkembangan personaliti atau sahsiah diri kanak-kanak.

Secara keseluruhannya, intervensi pencegahan jenayah yang menggunakan pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* perlu merangkumi tiga komponen yang perlu hadir dalam ruang fizikal dan sosial komuniti; iaitu kesedaran atau pengetahuan ahli-ahli komuniti terhadap kewujudan aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti, penglibatan atau penyertaan anggota komuniti secara aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial, dan ruang struktur, intrapersonal dan interpersonal kumpulan sasar di mana Program Pengawasan Komuniti itu berlangsung. Integrasi ketiga-tiga komponen ini adalah signifikan untuk kelancaran operasi atau pelaksanaan sebuah Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal yang seterusnya dapat mengawal tingkah laku antisosial dalam kalangan mereka.

### **3.5 Penutup**

Komuniti yang mempunyai persekitaran fizikal dan sosial yang berisiko mendorong perlakuan tidak terkawal ahli-ahli komunitinya terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* yang digunakan dalam Program Pengawasan Komuniti merupakan operasionalisasi strategi pencegahan jenayah primer dan pencegahan jenayah sekunder. Secara terperinci, pendekatan ini menggabungkan aspek ruang fizikal dan ruang sosial yang perlu diperkasakan dalam sesebuah komuniti. Tiga komponen yang perlu hadir dalam pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* sebagai intervensi menjaga dan mengawasi Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam

komuniti adalah pertama, pengetahuan atau kesedaran ahli-ahli komuniti termasuk kanak-kanak mengenai kewujudan program atau aktiviti pengawasan komuniti dalam kejiwaan mereka. Kedua, penglibatan yang aktif anggota-anggota komuniti dalam program atau aktiviti-aktiviti sosial yang dilaksanakan dalam komuniti. Terakhir, pengalihan halangan-halangan dalam ruang struktur, intrapersonal dan interpersonal dalam komuniti tersebut. Intergrasi ketiga-tiga komponen ini adalah signifikan untuk kelancaran operasi sebuah Program Pengawasan Komuniti dalam menjaga dan mengawasi tingkah laku tidak terkawal atau antisosial kanak-kanak.

University of Malaya

## **BAB 4: METODOLOGI KAJIAN**

### **4.1 Pendahuluan**

Bahagian ini menjelaskan mengenai metodologi bagi kajian yang dilakukan. Tumpuan utama perbincangan adalah aspek reka bentuk kajian, populasi, sampel dan teknik persampelan, pengumpulan data, instrumen dan pengukuran pemboleh ubah serta penganalisan data.

### **4.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah sebuah kajian kuantitatif yang menggunakan pendekatan tinjauan deskriptif. Kaedah tinjauan deskriptif merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimen yang popular digunakan, terutamanya dalam bidang Sains Sosial. Sidek (2002) menyatakan reka bentuk ini mampu memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi secara cepat. Wimmer dan Dominick (2000) pula mengatakan tinjauan deskriptif amat berguna bagi menggambarkan atau menyatakan keadaan semasa atau sikap seseorang terhadap aspek yang dikaji. Kaedah tinjauan membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang cepat, mudah serta kos yang lebih murah daripada sejumlah populasi kajian yang kompleks dan besar; berbanding dengan teknik-teknik lain (Chua, 2006).

Pengkaji memilih kaedah ini kerana ia sesuai untuk menghuraikan fenomena kesedaran dan penglibatan kanak-kanak berisiko dalam aktiviti-aktiviti sosial serta keadaan prasarana fizikal dan sosial komuniti yang mempunyai Program Pengawasan Komuniti.

### 4.3 Populasi Kajian, Sampel Kajian dan Teknik Persampelan

Kajian ini menganalisis tahap pengetahuan dan penglibatan kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti yang terdapat di kawasan kediaman mereka, keadaan-keadaan ruang struktur, interpersonal dan intrapersonal yang mempengaruhi kelancaran pelaksanaan program ini, serta keadaan *Ruang Boleh Dipertahankan* yang terdapat di dalam komuniti yang boleh menambah baik keberkesanan pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal. Justeru, populasi kajian ini adalah semua Program Pengawasan Komuniti yang terdapat di seluruh negara. Terdapat empat buah negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang yang melaksanakan Program Pengawasan Komuniti (*Community Policing*). Namun sebagai perwakilan, kajian ini memilih untuk memfokuskan kepada Program Pengawasan Komuniti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

Persampelan berperingkat (*multistage*) digunakan dari peringkat awal pemilihan lokasi hinggalah ke peringkat akhir memilih sampel kajian. Pemilihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai lokasi kajian dilakukan secara persampelan selesa (*convenience sampling*). Teknik ini digunakan kerana lokasi kajian mudah diakses (Noraini, 2010). Beberapa rasional telah diambil kira dalam pemilihan Kuala Lumpur sebagai lokasi kajian. Pertama, faktor lokasi, masa, dan peruntukan kewangan yang amat terhad untuk menjalankan penyelidikan. Kuala Lumpur merupakan lokasi paling hampir dengan pengkaji. Selain daripada faktor-faktor di atas, Kuala Lumpur dipilih kerana pengkaji melihat faktor kepelbagaian ciri penduduk di Kuala Lumpur yang datang dari pelbagai negeri seluruh di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta luar negara. Banci sosio-ekonomi pada tahun 2000 misalnya, menunjukkan migrasi masuk ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seramai 257,486 orang (Katiman,

2006). Oleh itu, data yang bakal diperoleh mampu digeneralisasikan kepada Program Pengawasan Komuniti di negeri-negeri lain.

Seterusnya, kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan untuk memilih kawasan kajian iaitu kawasan kejiranan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mengandungi Program Pengawasan Komuniti. Persampelan bertujuan melibatkan pertimbangan pengkaji untuk memilih sampel, iaitu berdasarkan pengetahuan pengkaji dan tujuan khusus penyelidikan (Noraini, 2010). Pemilihan sampel secara bertujuan ini akan meningkatkan nilai maklumat terhadap situasi yang ingin dikaji oleh pengkaji (Sabitha, 2009). Pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan dalam memilih kawasan kajian ini kerana keperluan pengkaji dalam memilih kawasan atau populasi yang boleh memberikan input yang diandaikan dapat menggambarkan populasi yang dikaji. Selain itu, kaedah persampelan ini menjimatkan masa dan sekaligus menetapkan kelompok sasaran (Mohd Razali, 2001). Dalam konteks kajian ini, Program Perumahan Awam (PPA) Desa Rejang yang terletak di kawasan Parlimen Setiawangsa, Setapak Kuala Lumpur telah dipilih sebagai kawasan kajian (Rajah 4.1). PPA Desa Rejang merupakan rumah kos rendah jenis pangsa yang dikendalikan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL) dipilih kerana ia merupakan projek perintis Program Pengawasan Komuniti atau “*Community Policing*” oleh Kontinjen Polis Kuala Lumpur.

Dalam kajian ini, Program Pengawasan Komuniti merujuk kepada Program *Community Policing* yang dilancarkan oleh PDRM pada tahun 2007 dalam Pelan Strategik Lima Tahun (PS5T) PDRM tahun 2007-2011, sebagai satu falsafah polis di dalam melaksanakan pencegahan jenayah. Dari segi latar belakang, pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti secara agresif telah mula dilaksanakan pada tahun 2008


apabila kontinjen-kontinjen Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Selangor dan Johor telah dipilih untuk dijalankan satu projek perintis.



Rajah 4.1: Peta Sempadan Mukim Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPA Desa Rejang yang terletak di kawasan Parlimen Setiawangsa, Setapak Kuala Lumpur). Sumber: Jabatan Peta Malaysia, 2010

Peringkat seterusnya Program Pengawasan Komuniti telah mula dilancarkan di semua kontinjen (negeri) dan kemudian di seluruh daerah. Salah satu teras utama yang telah dikenal pasti ialah “Menangani Masalah Peningkatan Jenayah dan Kebimbangan Masyarakat tentang jenayah”. Bertitik-tolak daripada teras ini, Program Pengawasan Komuniti mula diterap secara giat dalam pencegahan jenayah di dalam negara.

Di Kontinjen Kuala Lumpur, terdapat dua kawasan telah dipilih sebagai projek perintis Program Pengawasan Komuniti iaitu Program Perumahan Awam (PPA) Desa Rejang dan Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak di bawah pentadbiran balai polis Wangsa Maju, IPD Sentul. Pemilihan PPA Desa Rejang dan PPR Seri Semarak sebagai projek perintis Program Pengawasan Komuniti dibuat berdasarkan kepada faktor senario jenayah di kawasan berkenaan dan kawasan sekitarnya yang agak tinggi. Pengkaji hanya memilih PPA Desa Rejang kerana kawasan ini dicadangkan oleh Pegawai Sosial DBKL sebagai kawasan rintis dalam pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti (Rajah 4.2). Program Pengawasan Komuniti di PPA Desa Rejang juga merupakan kawasan yang aktif dalam melakukan pelbagai aktiviti-aktiviti pengawasan komuniti dan sosial.



Rajah 4.2: Peta Kedudukan Pangsapuri PPA Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur.  
Sumber: *Google Map*



Dari segi latar belakang, Program Perumahan Rakyat adalah satu program kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Berteraskan Dasar Setinggan Sifar pada tahun 2005 dan dianjakkan kepada tahun 2008, DBKL telah membangunkan beberapa projek pembangunan perumahan rakyat untuk menghapuskan penempatan setinggan melalui program pemindahan setinggan. Fenomena setinggan di Malaysia dikaitkan dengan proses perbandaran yang sangat pesat di bandar-bandar utama di Selangor terutamanya di Lembah Kelang sekitar tahun 1971-1986 (Mohd Razali, 2005).

Pertumbuhan ekonomi dan perkembangan bandar yang pesat ini telah menarik penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan dan memperbaiki taraf hidup telah menimbulkan impak sosial seperti kekurangan rumah terutamanya rumah kos rendah, kekurangan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang diperlukan dan kemunculan petempatan setinggan baru, termasuklah yang didirikan oleh pendatang asing (Mohd Razali, 2005). Setinggan boleh dianggap golongan miskin atau berpendapatan rendah yang mendirikan penempatan secara haram di kawasan pusat dan pinggiran bandar akibat kemudahan perumahan yang tidak mencukupi dan kurang kemampuan untuk memiliki rumah sendiri (Yeung, 1983 dalam Abdul Aziz, Wan Hazimah & Nazri, 2004). Menurut Mohd Razali (2005), permasalahan setinggan boleh diatasi dengan mudah kerana ia merupakan suatu kesalahan dan hukuman undang-undang boleh diambil kepada yang terlibat. Namun pihak kerajaan negeri dan PBT telah mengambil sikap yang lebih berperikemanusiaan (humanistik) dalam menangani masalah ini dengan langkah penyelesaian untuk mengatasi masalah keperluan asasi manusia iaitu perumahan.

Justeru itu, Dasar Perumahan Awam telah digubal dan dilaksanakan secara berterusan dengan memberi fokus kepada golongan yang berpendapatan rendah dan miskin tegar memiliki sebuah rumah. Dari tahun 1978 hingga April 2008, DBKL telah mencatatkan penurunan jumlah setinggan dari 48,789 keluarga kepada 10,239 keluarga (Jadual 4.1) dengan pelaksanaan langkah-langkah pembangunan semula petempatan setinggan untuk mencapai sasaran setinggan sifar 2008.

Jadual 4.1: Jumlah Penduduk Setinggan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1978- April 2008

Tahun	Jumlah Keluarga	Jumlah Penduduk
1978	48,789	243,200
1998/1999	23,970	129,129
2002	21,169	115,859
2003	20,573	102,865
2004	19,180	95,000
2005	16,136	80,680
2006	11,676	58,380
2007	13,23	51,190
30 April 2008	10,239	45,905

Sumber: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

Antara langkah-langkah yang diambil oleh DBKL untuk mencapai dasar Setinggan Sifar adalah dengan membangunkan Program Perumahan Rakyat Bersepadu (PPR), Program Perumahan Awam (PPA), dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Tujuan pembangunan PPR Bersepadu adalah untuk menempatkan semua setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, menyediakan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah, menjana ekonomi negara melalui industri pembinaan atau perumahan untuk mengurangkan kegawatan ekonomi yang melanda tahun 1998 dan mencapai matlamat Sifar Setinggan pada tahun 2005. Sehingga tahun 2008, sebanyak 32,762 unit rumah PPR disediakan melalui 24 buah projek perumahan telah pun siap dan sedang dibina. Manakala terdapat 22,727 unit rumah di bawah Program Perumahan Awam (PPA), dan 5,025 rumah PPRT.

PPA Desa Rejang merupakan antara projek perumahan kos rendah yang ditadbir oleh DBKL untuk membantu rakyat, khasnya keluarga yang berpendapatan rendah atau miskin. Mereka yang layak untuk menyewa rumah PPA adalah daripada keluarga yang ditimpa bencana, perpindahan di kawasan setinggan atau kawasan rumah pangsa yang bakal dimajukan serta keluarga yang miskin iaitu isi rumah yang berpendapatan di bawah RM2000 sebulan. PPA Desa Rejang telah dihuni sejak tahun 2003 di mana penghuni awal terdiri daripada penduduk yang berpindah dari rumah pangsa Pekeliling, rumah pangsa Sampeng, Kampung Seri Semarak, Kampung Loke Yew, Kampung Air Panas dan Kampung Sentul Pasar. Semua ini merupakan kawasan penempatan berisiko kerana merupakan bekas penempatan setinggan. Petempatan setinggan di kawasan perbandaran memaparkan keadaan yang kurang teratur, daif, dan terpinggir (Mohd Razali, 2005).

Kawasan setinggan sering dipaparkan dalam media massa secara negatif dan dikaitkan dengan kehadiran pendatang tanpa izin. Di samping permasalahan sosial seperti kesihatan, jenayah dan delinkuensi yang sering terpapar dalam media massa memberi kesan kepada pandangan masyarakat tempatan terhadap penduduk setinggan (Mohd Razali, 2005). Perkara ini disahihkan lagi dengan laporan akhbar yang melaporkan budaya setinggan yang dibawa ke rumah pangsa. Budaya seperti membuang sampah merata-rata, penyalahgunaan dadah, mengganggu ketenteraman awam, kecurian motosikal, dan pecah cermin tingkap kereta menjejaskan kehidupan penduduk di rumah pangsa PPRT (Kurniawati, 2012). Sesuai dengan kajian ini, iaitu Kanak-kanak Tidak Terkawal dijangkakan banyak terdapat di kawasan-kawasan kediaman berkenaan.

PPA Desa Rejang mempunyai bilangan unit rumah sebanyak 2,575 unit yang terdiri daripada 12 blok yang mengandungi 19 tingkat iaitu blok A, B, C, D, E, F, G, H, I, J, K dan L (Rajah 4.3). Jumlah penduduk di PPA Desa Rejang adalah lebih kurang 11,000 orang; terdiri daripada berbilang kaum. Dari segi komposisi kaum, 5,400 orang (49.1 peratus) merupakan orang Melayu, Cina adalah 2,500 orang (22.7 peratus) dan India terdiri daripada 2,700 orang (24.5 peratus) (Laporan Pejabat Pengurusan PPA Desa Rejang, 2011).



Rajah 4.3: Blok- blok Pangsapuri di PPA Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur

Setelah mendapat surat kebenaran menjalankan kajian di PPA Desa Rejang daripada Unit Komunikasi Korporat DBKL (Lampiran 1) melalui pemilihan lokasi kajian bersesuaian, kawasan perumahan awam yang lebih spesifik iaitu mempunyai Program Pengawasan Komuniti (*Community Policing*), dan dijangka terdapat kanak-kanak berisiko yang ramai, perkara seterusnya yang dilakukan oleh pengkaji adalah memilih sampel responden untuk kajian ini. Sampel responden untuk kajian ini ialah kanak-kanak yang berusia 13 hingga bawah 18 tahun. Kanak-kanak dalam kategori umur ini dipilih kerana:

- 1) Akta Kanak-kanak 2001 mengelompokkan individu yang berumur 18 tahun ke bawah sebagai kanak-kanak. Berbanding daripada kanak-kanak yang berumur bayi dilahirkan sehingga 12 tahun, kanak-kanak yang berumur 13-18 tahun mampu memberi jawapan yang “*real*” disebabkan oleh kematangan mereka. Kebanyakan program sosial yang dianjurkan oleh komuniti kediaman juga menyasarkan kanak-kanak yang berumur 13-18 tahun sebagai klien mereka. Ini membolehkan pengkaji menilai respons atau tindak balas mereka terhadap kewujudan sesuatu Program Pengawasan Komuniti yang dijalankan di kediaman mereka. Maklumat yang diperolehi oleh kanak-kanak ini mampu memberi gambaran jelas dan terperinci tentang keadaan ruang berbentuk struktur, interpersonal dan intrapersonal yang mempengaruhi pengetahuan dan penglibatan kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti yang terdapat dalam komuniti mereka.
- 2) Peringkat umur tersebut juga dikenali sebagai peringkat zaman remaja di mana pada peringkat ini kehidupan mereka diselubungi oleh harapan, cabaran dan ketegangan yang tertentu (Mohd Fadzil & Ahmad Rashid, 2006). Erikson (1963 dalam Mohd Fadzil & Ahmad Rashid, 2006) menjelaskan bahawa pada zaman remaja, seseorang berhadapan dengan satu cabaran kritis iaitu pembentukan dan pengembangan identiti diri. Kegagalan untuk mengatasi cabaran tersebut boleh menyebabkan remaja mengalami krisis kekeliruan tentang peranan hidup mereka. Oleh itu, pada peringkat umur ini, mereka mudah dilanda pelbagai penyakit sosial yang kronik sekiranya tidak dikawal dan diberi penjagaan yang sempurna oleh ibu bapa dan masyarakat khususnya.

Pejabat Pengurusan PPA Desa Rejang mempunyai rekod setiap keluarga yang mendaftar dan menghuni di rumah pangsa tersebut. Namun begitu, data penduduk mengikut komposisi umur penduduk tidak dibuat oleh Persatuan Penduduk Setempat dan Pengurusan PPA Desa Rejang. Limitasi untuk mendapatkan senarai kanak-kanak (13 hingga bawah 18 tahun) di PPA Desa Rejang menyebabkan pengkaji menggunakan unit rumah sebagai kerangka persampelan. Pengkaji mengandaikan sebuah unit rumah mewakili seorang kanak-kanak sebagai responden. Kekangan masa dan kewangan mendorong pengkaji mengambil sebahagian sahaja daripada jumlah sebenar unit rumah tersebut iaitu 1,290 (50.1 peratus) daripada 2575 unit rumah. Jumlah unit rumah tersebut adalah daripada enam buah blok rumah pangsa yang dipilih secara rawak mudah daripada 12 blok rumah pangsa. Blok yang terpilih/ tercabut hasil daripada teknik loteri adalah blok B, E, G, H, J, L. Bagi setiap blok rumah pangsa tersebut, pengkaji menetapkan 15 peratus unit rumah diambil sebagai sampel kajian.

Gay dan Airasian (2003) memberi panduan dalam memilih pembahagian persampelan berasaskan kepada aras keyakinan 95 peratus. Bagi populasi dengan saiz lebih kurang 1500 orang, mereka menyarankan 20 peratus seharusnya dijadikan sampel. Bagi populasi dengan saiz lebih daripada 5000 orang, 10 peratus seharusnya dijadikan sampel. Dalam kajian ini, pengkaji mengambil jalan tengah iaitu kiraan 15 peratus dalam mengambil saiz sampel. Menurut Raj (1981 dalam Hamdan & Abd. Rahim 2010), saiz sampel yang sesuai ialah sederhana iaitu tidak mengeluarkan perbelanjaan yang besar dan juga pada masa yang sama dapat mengukur apa yang diinginkan oleh pengkaji. Senarai sampel ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.2 di bawah.

Hasil daripada kiraan 15 peratus bagi setiap blok adalah sebanyak 32 isi rumah. Namun begitu, pengkaji telah menambah 3 bilangan unit rumah lagi dari 32 ke 35 unit rumah bagi setiap blok rumah pangsa tersebut sebagai simpanan, menjadikan jumlah bilangan sampel adalah 210. Ini bermakna, 210 orang kanak-kanak (setiap seorang mewakili satu rumah) terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

Jadual 4.2: Senarai Sampel (Bilangan Unit Rumah) bagi Enam Blok Rumah Pangsa untuk Kajian Soal Selidik

Bilangan	Blok rumah pangsa kos rendah	Bilangan rumah (unit)	Bilangan isi rumah untuk soal selidik
1	B	215	15% x 215 = 32
2	E	215	15% x 215 = 32
3	G	215	15% x 215 = 32
4	H	215	15% x 215 = 32
5	J	215	15% x 215 = 32
6	L	215	15% x 215 = 32
<b>Jumlah</b>		<b>1290</b>	<b>192=&gt; 210</b>

Selepas saiz sampel ditentukan, pengkaji telah menggunakan teknik persampelan sistematik (*systematic sampling*) untuk memilih 210 kanak-kanak yang menjadi responden untuk kajian ini. Teknik persampelan sistematik praktikal dan mudah digunakan apabila tidak terdapat rangka persampelan, khususnya kajian dalam kawasan perumahan (Syed Arabi, 1992). Dalam kajian ini, setelah mendapat bilangan unit rumah bagi satu blok rumah pangsa dan angka sampel yang diinginkan, pengkaji menggunakan sistem interval (jarak) yang telah ditentukan untuk setiap blok rumah pangsa tersebut untuk memilih kanak-kanak yang berusia 13 hingga bawah 18 tahun sebagai responden daripada isi rumah terpilih.

Formula pengiraan matematik untuk bilangan isi rumah mengikut formula sistem jarak persampelan sistematik; iaitu:

$$K = N/n$$

Di mana: **K** = saiz jarak,

**N** = jumlah populasi, dan

**n** = saiz sampel

Berdasarkan kiraan di bawah, saiz jarak untuk setiap blok rumah pangsa yang terpilih dalam kajian ini adalah 6; iaitu setelah kiraan berikut dilakukan:

$$\begin{aligned} K \text{ (saiz jarak)} &= 215/35 \\ &= 6 \end{aligned}$$

Setelah saiz jarak diperoleh, langkah seterusnya pengkaji melakukan prosedur persampelan rawak mudah; dengan menggunakan cabutan loteri iaitu kertas yang mengandungi angka 1 hingga 6 diletakkan dalam satu kotak dan dicampurkan tanpa sebarang pola (Syed Arabi, 1992). Kemudian, satu nombor dicabut. Nombor yang terpilih adalah angka 6 menjadikan unit rumah yang ke 6 dipilih sebagai responden pertama bagi sampel kajian ini. Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah “pintu ke pintu” untuk mendapatkan responden menggunakan nombor tersebut. Selepas soal selidik diedarkan kepada unit rumah nombor 6, unit rumah nombor 12 akan terpilih, kemudian unit rumah 18, 24, 30, 36, 42 dan seterusnya sehingga jumlah 35 responden tercapai bagi blok rumah pangsa B tersebut. Setelah selesai tinjauan dilakukan di blok rumah pangsa pertama, pengkaji menggunakan kaedah yang sama di lima buah blok rumah pangsa yang berikutnya (blok rumah pangsa E, G, H, J, dan L) sehingga jumlah 210 orang responden tercapai.



Pengkaji telah membahagikan sampel kajian kepada dua kumpulan iaitu kumpulan A yang mewakili responden yang tidak pernah terlibat dengan tingkah laku antisosial dan kumpulan B yang mewakili responden yang pernah terlibat dengan tingkah laku antisosial. Pengelompokan dua kategori ini penting untuk memberi gambaran kepada pengkaji tentang kewujudan angka gelap jenayah mengenai fenomena perlakuan antisosial atau jenis salah laku yang pernah dilakukan oleh kanak-kanak di PPA Desa Rejang. Kesempatan ini diambil memandangkan survei yang digunakan adalah berbentuk laporan sendiri (*self report study*). Selain itu, analisis dapatan kajian turut memaparkan perbezaan antara kanak-kanak yang terlibat dengan tingkah laku antisosial dan yang tidak terlibat dengan tingkah laku antisosial. Malah intervensi-intervensi susulan yang dicadangkan oleh pengkaji perlu disampaikan kepada ahli komuniti muda ini memandangkan mereka juga merupakan sebahagian daripada komuniti PPA Desa Rejang. Secara ringkasnya, profil responden kajian ini dipaparkan seperti dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Profil Responden Kajian

Pemboleh ubah	Kumpulan A (Tidak terlibat dalam tingkah laku antisosial) 54 orang		Kumpulan B (Terlibat dalam tingkah laku antisosial) 156 orang		Jumlah Keseluruhan N=210 orang	
	n	(%)	n	(%)	n	(%)
<b>Jantina</b>						
Lelaki	20	9.5	84	40	104	49.5
perempuan	34	16.2	72	34.3	106	50.5
<b>Struktur umur (tahun)</b>						
13	10	4.76	25	11.9	35	16.66
14	18	8.57	26	12.40	44	20.17
15	9	4.29	31	14.76	40	19.05
16	9	4.29	32	15.24	41	19.53
17-bawah 18	8	3.81	42	20.00	50	23.81
<b>Etnik</b>						
Melayu	13	6.19	95	45.24	108	51.43
Cina	20	9.52	12	5.71	32	15.23
India	18	8.57	45	21.43	63	30.00
Lain-lain	3	1.43	4	1.90	7	3.33

#### 4.4 Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini melibatkan pengumpulan data primer dan data sekunder. Tiga teknik pengumpulan data digunakan untuk mengumpul data primer. Pertama, pengkaji menggunakan teknik temu bual semuka daripada *'key informant'* di PPA Desa Rejang untuk mendapatkan maklumat sokongan mengenai pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti tersebut. Data sokongan ini diperlukan sebelum instrumen utama kajian diuji dan digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif sebenar. Pengumpulan data daripada *'key informant'* digunakan untuk menjelaskan perkara berkaitan latar belakang dan perkembangan Program Pengawasan Komuniti di lokasi kajian. Pengkaji juga memerlukan data mengenai status pelaksanaan/ kewujudan aktiviti-aktiviti kawalan dan penjagaan sosial berasas komuniti yang lazim dijalankan di dalam Program Pengawasan Komuniti di PPA Desa Rejang. Status pelaksanaan aktiviti-aktiviti prososial berasas komuniti dapat mengesahkan instrumen kajian utama khususnya dalam mengenal pasti pengetahuan dan tahap penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti prososial tersebut. *'Key informant'* penyelidikan ini terdiri daripada tiga orang individu yang boleh memberi maklumat mengenai perkembangan status Program Pengawasan Komuniti di lokasi kajian iaitu wakil Program Pengawasan Komuniti di PPA Desa Rejang, Setiausaha Persatuan Penduduk PPA Desa Rejang, dan Ketua Balai Polis Wangsa Maju. Pengkaji telah menemu bual ketiga-tiga *'key informant'* secara bersemuka di waktu dan lokasi yang berbeza mengikut temu janji yang telah diaturkan lebih awal.

Sebagai permulaan, pengkaji telah membuat temu janji dan berjumpa dengan Pelawat Perumahan di pejabat pengurusan PPA Desa Rejang untuk mendapatkan maklumat *'key informant'* tersebut. Setelah memperoleh nombor telefon untuk

dihubungi, satu temu janji diadakan di medan selera “*food court*” PPA Desa Rejang untuk sesi temu ramah bersama wakil Program Pengawasan Komuniti PPA Desa Rejang. Dengan diiringi oleh wakil Program Pengawasan Komuniti PPA Desa Rejang, pengkaji ke Balai Polis Wangsa Maju untuk menemu bual secara bersemuka dengan Ketua Balai Polis Wangsa Maju pada hari yang sama. Pengkaji juga berkesempatan meneliti dokumen berkaitan Program Pengawasan Komuniti (*Community Policing*) yang dijalankan di PPA Desa Rejang. Manakala temu bual secara bersemuka dengan Setiausaha Persatuan Penduduk PPA Desa Rejang diadakan di rumah beliau sendiri setelah hari dan waktu temujanji telah diaturkan. Temu bual bersama ketiga-tiga orang ‘*key informant*’ tersebut mengambil masa hampir satu jam bagi setiap individu. Antara maklumat yang pengkaji peroleh daripada ‘*key informant*’ adalah jenis-jenis aktiviti sosial yang berasas komuniti pengawasan komuniti yang sering dijalankan dalam komuniti PPA Desa Rejang, kemudahan-kemudahan awam yang disediakan, anggota komuniti yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti serta keadaan sambutan atau penglibatan kanak-kanak dan ahli keluarga mereka dalam aktiviti-aktiviti pengawasan komuniti yang dianjurkan. Selain itu, pengkaji juga menggunakan teknik ini bagi mendapatkan maklumat mengenai pengurusan Program Pengawasan Komuniti yang dijalankan di PPA Desa Rejang.

Teknik kedua adalah temu bual kumpulan fokus bersama kanak-kanak di PPA Desa Rejang. Temu bual kumpulan fokus hanya digunakan dalam kajian rintis (*pilot study*). Pengkaji memilih empat orang kanak-kanak yang tinggal di lokasi kajian dalam temu bual kumpulan fokus semasa kajian rintis kerana ingin mendapatkan gambaran pengetahuan mereka mengenai kewujudan Program Pengawasan Komuniti yang berfungsi menjaga dan mengawasi keselamatan kawasan perumahan mereka. Pemilihan

mereka dalam temu bual kumpulan fokus dibuat secara persampelan selesa. Maklumat yang diperoleh digunakan khusus untuk membina instrumen utama kajian ini.

Teknik ketiga adalah teknik *self-report* atau “lapor sendiri” daripada kanak-kanak semasa menjawab instrumen utama kajian. Teknik ini sering digunakan dalam kajian Kriminologi untuk mengukur penglibatan individu dalam tingkah laku delinkuen atau jenayah (Siegel, 2000). Secara asas, kaedah ini bertanyakan kepada individu sama ada mereka pernah terlibat dengan tingkah laku delinkuen/ jenayah atau tidak. Mereka menjawab atau memilih jawapan sendiri tanpa campur tangan pengkaji. Teknik ini membolehkan responden “mengaku” menyatakan dan melaporkan sendiri segala maklumat peribadi, personaliti, sikap, pandangan dan penglibatan mereka terhadap perkara, perlakuan atau tingkah laku yang dikaji (Hagan, 2010). Pengakuan sebenar yang dilakukan tanpa paksaan ini menyebabkan responden berasa tidak tertekan dan menjawab dengan jujur dengan soalan yang ditanya. Responden kajian telah diminta menjawab dan mengisi sendiri satu set soal selidik yang diedarkan. Namun begitu, pengkaji membacakan soalan dalam borang soal selidik pada responden yang tidak lancar membaca atau tidak tahu membaca. Sebelum borang soal selidik diedarkan, pengkaji menerangkan terlebih dahulu tentang kajian yang dijalankan supaya setiap ibu bapa atau penjaga dan kanak-kanak tersebut faham akan peranan mereka dalam kajian ini.

Dalam hal ini, menurut Frankfort-Nachmias dan Nachmias (1992), apabila peserta penyelidikan didedahkan kepada kesakitan, sama ada secara fizikal atau emosi, pencerobohan hak privasi, tekanan fizikal dan psikologi atau diminta menyerahkan hak autonominya (sebagai contoh, dalam penyelidikan yang melibatkan penyalahgunaan dadah), persetujuan termaklum haruslah dijamin sepenuhnya. Mematuhi etika

penyelidikan ini, pengkaji terlebih dahulu telah mengemukakan borang persetujuan (Lampiran 2) kepada ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak untuk membenarkan anak mereka mengambil bahagian dalam kajian ini. Borang persetujuan telah diedarkan kepada responden kajian untuk ditandatangani sebagai persetujuan mereka menyertai kajian ini secara sukarela. Kerahsiaan amat dititik beratkan dan pengkaji tidak menggunakan nama sebenar responden untuk dilaporkan dalam kajian ini. Pengkaji juga membuat temu janji sekiranya kanak-kanak tersebut tiada di rumah semasa tinjauan dilakukan.

Sebagai tambahan, pengkaji turut mengikuti aktiviti-aktiviti pengawasan komuniti yang dianjurkan Kontinjen Polis Kuala Lumpur dalam Program Pengawasan Komuniti (*Community Policing*). Misalnya, pengkaji telah menyertai Dialog/Kempen Kesedaran Pencegahan Jenayah bersama Ketua Polis Kuala Lumpur yang diadakan di pusat beli-belah Wangsa Walk, Wangsa Maju Kuala Lumpur pada 9 April 2011. Dalam kempen ini pengkaji telah ikut serta sesi dialog orang awam bersama pihak PDRM, Rakan COP dan YPJM. Mereka mengutarakan soalan-soalan yang berkaitan dengan situasi jenayah dan tahap keselamatan di kawasan kediaman mereka. Selain daripada sesi dialog, terdapat juga pameran-pameran berbentuk pendidikan yang memupuk kesedaran dan pengetahuan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti jenayah seperti *African Scam* wang haram, kad kredit dan wang palsu, jenis-jenis dadah sintetik, jenis-jenis senjata yang digunakan oleh penjenayah serta risalah-risalah dan pameran-pameran bergambar yang berkaitan dengan teknik-teknik pencegahan jenayah secara spesifik. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian di kawasan perumahan PPA Desa Rejang untuk mengenal pasti kewujudan kemudahan-kemudahan atau peralatan-peralatan fizikal pencegahan jenayah. Senarai ini turut mengandungi kemudahan atau peralatan nyata yang boleh diperhatikan dalam sesebuah komuniti yang sihat dan

selamat dan telah dibuat lebih awal untuk memudahkan pengkaji (Lampiran 5) menyemak kemudahan atau peralatan yang disediakan di lokasi kajian.

Bagi pengumpulan data sekunder pula, pengkaji melakukan kajian perpustakaan dan halaman jaring secara berterusan dari awal kajian. Pelbagai bahan akademik seperti buku-buku dan jurnal-jurnal sama ada dari dalam dan luar negara yang berkaitan dengan kajian ini dibaca dan dianalisis untuk melengkapkan pengetahuan dan kefahaman pengkaji mengenai topik yang dikaji. Di samping itu, pengkaji telah meneliti brosur-brosur program dan rekod-rekod aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti yang telah dianjurkan daripada pelbagai agensi masyarakat. Pengkaji juga menggunakan gambar-gambar aktiviti sosial yang direkodkan di dalam media sosial iaitu *Facebook Community Policing* dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Desa Rejang di samping gambar-gambar aktiviti yang diambil oleh pengkaji sendiri untuk menyokong penemuan hasil kajian.

#### **4.5 Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan dua instrumen untuk mengumpul data mentah. Instrumen pertama adalah senarai panduan temu bual untuk '*key informant*' dan kumpulan fokus (Lampiran 3). Instrumen kedua adalah borang soal selidik "Kajian Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal di PPA Desa Rejang" (Lampiran 4), yang digunakan untuk mengumpul data kuantitatif daripada responden kajian; iaitu kanak-kanak berumur 13 hingga bawah 18 tahun.

Borang soal selidik “Kajian Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal di PPA Desa Rejang” terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, dan E. Soalan-soalan dalam Bahagian A berkaitan dengan penglibatan responden dalam salah laku. Soalan penglibatan kanak-kanak dalam salah laku ini penting diwujudkan untuk pengkaji mendapatkan gambaran senario atau keadaan Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam kawasan kajian. Terdapat enam kategori salah laku yang disenaraikan iaitu salah laku keganasan fizikal, salah laku keganasan harta benda, salah laku seksual, salah laku penggunaan dadah atau ubat-ubatan, salah laku jenayah terancang dan salah laku “*non-utilitarian/ status offence*”. Pengkaji menyenaraikan 24 jenis salah laku dalam keenam-enam kategori salah laku tersebut. Jenis-jenis salah laku ini adalah selari dengan senarai salah laku dalam kes Kanak-kanak Tidak Terkawal yang dikeluarkan oleh STB dan JKMM.

Laporan kes Kanak-kanak Tidak Terkawal di Singapura juga menunjukkan jenis kesalahan yang sama seperti menghisap rokok, ponteng sekolah, minum arak, dan menganggotai kumpulan rahsia (app.msf.gov.sg, 16 Julai 2011). Jenis-jenis salah laku yang disenaraikan ini menjurus kepada salah laku delinkuen. Tingkah laku yang disenaraikan dalam kategori “*wayward Children*” dan “*ungovernable children*” juga menunjukkan tingkah laku ingkar atau tidak patuh kepada ibu bapa dan bersekutu dengan mereka yang tidak bermoral yang kemungkinan membawa kepada kegiatan jenayah jika tidak dilindungi dan dipulihkan. Tingkah laku-tingkah laku antisosial lain yang ditunjukkan seperti lari daripada rumah, mengambil dadah dan alkohol, menolak untuk menjalani terapi atau rawatan, menolak peraturan di rumah, mengancam untuk mencederakan diri dan orang lain dan ponteng sekolah (www.lancaster.ne.gov, 20 Julai 2011).

Responden dikehendaki menjawab pada ruangan yang disediakan (0-tidak pernah terlibat atau 1-pernah terlibat) dalam aktiviti-aktiviti salah laku atau antisosial secara jujur. Pengkaji mempraktikkan etika penyelidikan, di mana segala maklumat yang diberikan dalam kajian ini adalah sulit dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja.

Bahagian B pula diwujudkan bertujuan untuk mengukur objektif pertama kajian, iaitu tahap pengetahuan atau kesedaran kanak-kanak terhadap aktiviti-aktiviti prososial dalam Program Pengawasan Komuniti di PPA Desa Rejang. Aktiviti-aktiviti prososial tersebut terdiri daripada aktiviti riadah dan kesukanan, aktiviti pendidikan, aktiviti keselamatan dan aktiviti kemasyarakatan. Dalam mengukur kesedaran responden terhadap kewujudan aktiviti-aktiviti tersebut, pengkaji telah bertanya tentang apakah tahap pengetahuan responden dalam aktiviti-aktiviti prososial tersebut. Tahap pengetahuan responden telah diukur dengan menggunakan Skala Likert (0-tidak tahu, dan 1- tahu).

Seterusnya Bahagian C diwujudkan untuk mengukur objektif ke dua kajian, iaitu tahap penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti. Tahap penglibatan diukur dengan menggunakan skala Likert (0-tiada langsung, 1-pernah sekali (sekali sepanjang tinggal di PPA Desa Rejang), 2-sekali skala (2 hingga 3 kali sebulan), 3-selalu/ kerap (4 hingga 5 kali sebulan) dan 4-hampir setiap kali aktiviti diadakan (lebih dari lima kali sebulan). Dalam konteks kajian ini, tahap pengetahuan dan penglibatan responden terhadap aktiviti-aktiviti pengawasan komuniti adalah terbatas kepada kewujudan atau pelaksanaan aktiviti-aktiviti sosial di dalam komuniti mereka.



Bahagian D pula mengandungi item-item berkaitan dengan keadaan ruang struktur, intrapersonal dan interpersonal yang mempengaruhi pengetahuan dan penglibatan/ penyertaan kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti dalam komuniti mereka. Item-item tersebut dibentuk berasaskan pengubahsuaian daripada bacaan literatur akademik yang berkaitan dengan isu penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti. Misalnya, Crawford dan Godbey (1987) mengklasifikasikan kedua-dua ruang fizikal dan sosial ini kepada tiga faktor; iaitu struktural, intrapersonal dan interpersonal. Model ini digunakan oleh mereka untuk menjelaskan mengapa kanak-kanak kurang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial dalam kawasan komuniti mereka. Elemen-elemen dalam ruang fizikal dan ruang sosial yang dibincangkan di dalam skop kajian (Supra, halaman 14) telah dipadatkan kepada tiga aspek tersebut untuk memudahkan lagi pemahaman responden dalam menjawab soalan-soalan di bahagian ini. Tahap persetujuan responden terhadap ketiga-tiga aspek Ruang Boleh Dipertahankan tersebut diukur dengan skala Likert (1- sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-sederhana setuju, 4-setuju dan 5-sangat setuju). Akhirnya Bahagian E pula adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang demografi responden dan ibu bapa mereka. Maklumat latar belakang responden terdiri daripada umur, jantina, etnik, kaum, status ibu bapa, bilangan penghuni dan tempoh tinggal di PPA Desa Rejang. Manakala maklumat latar belakang ibu bapa atau penjaga terdiri daripada tahap pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan pendapatan bulanan ibu bapa.

#### **4.5.1 Ujian Rintis Instrumen Kajian**

Satu kajian rintis telah dijalankan oleh pengkaji pada 20 hingga 27 Februari 2011. Seramai 30 kanak-kanak yang berumur 13 hingga bawah 18 tahun di PPA Desa Rejang telah terlibat dengan kajian rintis ini. Moore, et al., (2012), Turner (2010), Teijlingen,

et al., (2001) menyatakan ujian rintis boleh atau perlu dijalankan ke atas sekelompok peserta yang semirip mungkin dan mempunyai kepentingan yang sama dengan populasi kajian sebenar. Kajian rintis yang mengambil peserta dari populasi kajian yang sama memberi faedah terutama apabila tujuannya adalah untuk menilai kebolehlaksanaan sesuatu program. Ujian rintis membantu pengkaji memurnikan soalan-soalan dalam instrumen kajian yang akan dibincangkan dalam analisis hasil kajian. Selain itu, tujuan ujian rintis juga adalah untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan, dan meneliti jangka masa yang diperlukan oleh responden untuk menjawab keseluruhan soal selidik.

Selepas ujian rintis dijalankan dan diuji kebolehpercayaan menggunakan ujian Alpha Cronbach (AC), didapati nilai AC untuk bahagian D adalah di bawah 0.05. Bahagian D pada mulanya dibahagikan mengikut indikator atau elemen-elemen dalam ruang fizikal dan ruang sosial. Setiap indikator pula mengandungi empat hingga lima item bagi mewakili elemen komuniti (kanak-kanak, ibu bapa, rakan sebaya, jiran dan multi agensi/ penganjur). Penyataan yang hampir sama itu menyebabkan kanak-kanak yang terlibat dalam kajian rintis keliru dan tidak memahami kehendak soalan atau penyataan tersebut. Justeru itu, instrumen kajian telah dimurnikan dengan cara mengelaskan indikator-indikator ruang fizikal dan sosial kepada tiga aspek; iaitu struktur, intrapersonal dan interpersonal. Setelah instrumen tersebut diperbaiki, sekali lagi kajian rintis dilakukan ke atas 30 orang kanak-kanak berumur 13 hingga bawah 18 tahun di PPA Desa Rejang pada 5 Mac hingga 12 Mac 2011. Setelah ujian kebolehpercayaan dilakukan, nilai AC di bahagian D telah meningkat. Nilai AC untuk semua bahagian adalah seperti dalam Jadual 4.4:

Jadual 4.4: Nilai Alpha Cronbach setiap Bahagian Soal Selidik

Bahagian soalan soal selidik	Nilai Alpha Cronbach yang diperoleh
Bahagian A	
- Tahap pengetahuan	0.865
- Tahap penglibatan	0.870
Bahagian B	
- Halangan struktur	0.580
- Halangan intrapersonal	0.700
- Halangan interpersonal	0.520

Nilai kebolehpercayaan semua pembolehubah yang diukur dalam instrumen ini menunjukkan nilai melebihi 0.5 sehingga melebihi 0.8. Ini menyimpulkan bahawa semua pembolehubah diandaikan mempunyai kebolehpercayaan pada tahap ‘boleh dipercayai’ dan ‘lebih boleh dipercayai’ seperti saranan Koa (2005) dalam Jadual 4.5:

Jadual 4.5: Julat Pekali Alpha Cronbach

Cronbach Julat Pekali	Kebolehpercayaan
$< \alpha \leq 0.30$	Tidak boleh dipercayai
$0.30 < \alpha \leq 0.40$	Boleh diterima, buat pengukuran baru
$0.40 < \alpha \leq 0.50$	Boleh dipercayai sedikit
$0.50 < \alpha \leq 0.70$	Boleh dipercayai
$0.70 < \alpha \leq 0.90$	Lebih boleh dipercayai
$0.90 < \alpha \leq 1.00$	Sangat boleh dipercayai

Sumber: Koa (2005) *“The Exploration of the Relationship between Taiwanese Executive Leadership Style and Knowledge Management Practice in Mainland China”* University of Incarnate Word (dalam Hamdan & Abd. Rahim 2010).

Mengikut Sekaran (1992), nilai AC di antara 0.5-0.8 boleh diterima. Konsistensi dalaman terletak di antara keadaan ‘baik’ dan ‘tinggi’ dapat mengukur bahagian apa yang sepatutnya diukur. Justeru itu, nilai AC sesuai digunakan untuk sampel kajian ini.

#### 4.6 Pemboleh ubah Kajian dan Teknik Analisis

Kejayaan Program Pengawasan Komuniti dalam mengawal tingkah laku tidak terkawal kanak-kanak dalam komuniti digambarkan oleh ketidaklibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti antisosial berikut:

Jadual 4.6: Kategori Salah Laku Tidak Terkawal

Keganasan fizikal	Keganasan harta benda	Seksual	Penggunaan dadah/ ubat-ubatan	Jenayah terancang	"Non-utilitarian/ status offence"	
Bergaduh/ bertumbuk	Vandalisme	Pornografi	Merokok	Membuli	Berpelesiran	
	Grafiti	Seks luar nikah	Menghidu gam	Peras ugut	Keluar hingga lewat malam	
	Mencuri	Homoseksual	Minum minuman keras	Menyertai kumpulan samseng	Menyertai lumba haram/ merempit	Ponteng kelas/ sekolah
		Melacur	Hamil tanpa nikah	Mengambil sebarang jenis dadah		Tidak mematuhi arahan ibu/ bapa/ penjaga/ pihak berkuasa (e.i., guru sekolah)
		Menggugurkan kandungan/ janin				Membawa kenderaan tanpa lesen
					Kemurungan	

Sumber: Diubah suai daripada Siti Hajar (2006)

Justeru itu, penglibatan kanak-kanak dalam tingkah laku tidak terkawal menjadi pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Pemboleh ubah bebas utama kajian ini pula adalah pengetahuan kanak-kanak terhadap kewujudan aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti dalam komuniti mereka. Aspek pengetahuan tersebut diukur secara umum yang meliputi kepekaan mereka terhadap penganjuran atau pelaksanaan aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti, masa dan lokasi aktiviti-aktiviti tersebut dianjurkan, agensi atau pihak yang menganjurkan aktiviti-aktiviti dan manfaat yang

boleh diperoleh apabila atau sekiranya mereka melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Pemboleh ubah bebas yang kedua adalah penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti. Penglibatan kanak-kanak ini memfokus kepada penglibatan atau penyertaan mereka dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh agensi-agensi yang terlibat. Hirshi (1969) menyatakan penglibatan aktif anggota komuniti; khususnya kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti prososial yang dianjurkan oleh komuniti mampu menghalang mereka daripada terlibat atau terpengaruh dengan aktiviti antisosial atau jenayah. Semakin banyak penyertaan individu atau kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti konvensional yang sah semakin kurang peluang mereka terlibat dengan aktiviti atau kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat.

Pemboleh ubah berikutnya adalah mengenai *Ruang Boleh Dipertahankan* iaitu ruang struktur, intrapersonal dan interpersonal. Ketiga-tiga ruang ini mempengaruhi kanak-kanak dalam aspek pengetahuan dan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam Program Pengawasan Komuniti. Malah ketiga-tiga ruang ini juga mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti antisosial. Ruang struktur meliputi aspek-aspek kemudahan-kemudahan yang disediakan dalam komuniti seperti kemudahan keselamatan, pendidikan, sukan dan rekreasi, pengangkutan, papan maklumat aktiviti, dan lokasi aktiviti. Faktor masa dan kewangan individu iaitu kanak-kanak itu sendiri juga adalah antara aspek yang dikaji dalam ruang struktur.

Ruang intrapersonal merujuk kepada keadaan psikologi iaitu berkait dengan faktor dalaman diri kanak-kanak itu sendiri yang meliputi aspek minat pengetahuan, kemahiran, bentuk pemikiran, kepercayaan atau tanggapan diri individu atau kanak-kanak tersebut untuk berkomunikasi dengan orang lain dan seterusnya melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti komuniti yang sihat. Manakala ruang interpersonal pula meliputi kemampuan kanak-kanak berinteraksi dan mengekalkan perhubungan dengan orang lain seperti dengan ibu bapa atau penjaga, rakan sebaya, jiran-jiran dalam komuniti tempat tinggal mereka. Pengaruh kemahiran intrapersonal dan interpersonal akan membina satu personaliti atau sahsiah diri individu. Dalam konteks kajian ini pengaruh interpersonal dan intrapersonal kanak-kanak bertindak mempengaruhi atau menghalang pengetahuan dan penglibatan mereka terhadap aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dalam Program Pengawasan Komuniti dan tingkah laku antisosial mereka.

Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS for Windows Version 21.0*. Ujian statistik deskriptif kekerapan dan peratusan dilakukan untuk menganalisis objektif pertama. Setiap pemboleh ubah bebas ini disilang jadual dengan pemboleh ubah bersandar bagi mengukur hubungan mereka dalam mempengaruhi pola tingkah laku antisosial dan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti sosial yang disenaraikan dengan menggunakan ujian inferensi Khi Kuasa Dua dan Cramer's V. Ujian yang sama juga digunakan untuk menganalisis objektif kedua kajian selepas pengiraan skor tahap penglibatan. Manakala, objektif ketiga dianalisis secara inferensi menggunakan ujian Min, Korelasi Pearson dan statistik Regresi Berganda untuk menentukan halangan-halangan struktural, intrapersonal dan interpersonal yang terdapat dalam "*Ruang Boleh Dipertahankan* yang mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti.

#### 4.7 Limitasi Kajian

Limitasi kajian ini banyak disumbangkan oleh metod yang digunakan bagi memilih sampel kajian. Pertama, kajian ini hanya dilakukan ke atas Program Pengawasan Komuniti di satu kawasan kediaman sahaja. Walaupun pengkaji telah menjelaskan yang penghuni Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdiri daripada mereka yang berasal dari semua negeri lain di seluruh Malaysia (Supra, halaman 126) sedikit sebanyak pemilihan satu kawasan kediaman di sebuah negeri ini tidak mungkin dapat menggambarkan kepelbagaian budaya dan cara hidup yang benar-benar menggambarkan senario praktis pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti dalam masyarakat Malaysia secara umum.

Selain itu, responden kajian ini hanya terdiri daripada kanak-kanak yang berusia 13-18 tahun. Kajian ini tidak meliputi kanak-kanak yang berumur sekolah rendah (7-12 tahun). Siti Hajar dan Abdul Hadi (2009) mendapati umur berisiko untuk kanak-kanak mula terlibat dengan tingkah laku antisosial adalah 10 tahun. Mereka mendapati umur paling muda kanak-kanak terlibat dengan aktiviti antisosial; khususnya merokok adalah 10 tahun. Mengikut perspektif pencegahan jenayah, pencegahan perlu bermula pada umur paling rendah lagi. “Peminggiran” responden dalam kategori umur sekolah rendah dalam kajian ini menyebabkan maklumat dari kumpulan sasar bagi Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal kurang menyeluruh; iaitu hanya pandangan kanak-kanak berusia 13-18 tahun sahaja. Kajian ini juga tidak melibatkan pandangan ibu bapa atau penjaga dan anggota komuniti yang lain seperti rakan sebaya, guru dan jiran tetangga serta kumpulan penggerak (*stakeholders*) atau agensi-agensi yang menganjurkan aktiviti-aktiviti tersebut. Perkara ini pasti membataskan maklumat daripada individu yang lebih dewasa yang bertindak menjaga

dan mengawasi keselamatan komuniti mereka. Penglibatan mereka dalam aktiviti sosial sudah pasti menjadi indikator bagi kejayaan sesuatu program dalam sama-sama menjaga dan mengawasi kanak-kanak berisiko dalam komuniti mereka.

Limitasi ketiga dalam kajian ini disumbangkan oleh skop kajian ini . Kajian ini hanya mengukur tahap pengetahuan dan tahap penglibatan responden tentang kewujudan program atau aktiviti-aktiviti pengawasan komuniti dalam komuniti mereka. Tahap pengetahuan responden terhadap program atau aktiviti pengawasan komuniti pula diukur secara umum sahaja. Pengetahuan responden terhadap objektif dan peranan sesebuah Program Pengawasan Komuniti sebagai alat untuk mengawal tingkah laku tidak diukur dalam kajian ini. Manakala, tahap penglibatan responden dalam program atau aktiviti sosial dalam komuniti diukur ke atas penglibatan mereka dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut sahaja. Aspek-aspek lain seperti penglibatan dalam aspek membuat keputusan, penglibatan dalam berkongsi matlamat dan penglibatan dalam penilaian seperti kajian-kajian dalam program pembangunan komuniti tidak disentuh oleh pengkaji dalam kajian ini. Dengan kata lain, aspek pengetahuan dan penglibatan telah terlepas pandang dalam kajian ini.



#### 4.8 Penutup

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif sepenuhnya dengan menggunakan persampelan berperingkat (*multistage*) bermula daripada pemilihan lokasi kajian sehinggalah kepada sampel kajian. Persampelan selesa dan bertujuan digunakan dalam pemilihan lokasi kajian yang melaksanakan Program Pengawasan Komuniti (*Community Policing*). Lokasi PPR Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur disyorkan oleh pihak DBKL dan seramai 210 sampel kanak-kanak telah dipilih untuk menyertai kajian ini melalui persampelan rawak mudah dan sistematik. Data kuantitatif dikumpul menggunakan instrumen kajian bertajuk “Kajian Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal di PPA Desa Rejang”. Temu bual ‘*key informant*’ juga dilakukan bersama wakil Program Pengawasan Komuniti dan Persatuan Penduduk PPA Desa Rejang juga Ketua Balai Polis Wangsa Maju serta kumpulan fokus yang terdiri daripada kanak-kanak yang tinggal di PPA Desa Rejang untuk mendapatkan data sokongan dalam kajian rintis. Data sekunder pula diperoleh menggunakan sumber perpustakaan dan internet. Hasil kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS 21.0 bagi menjawab objektif kajian. Data yang dianalisis akan diperihalkan dalam Bab Lima dan Enam.

## **BAB 5: PENGETAHUAN DAN PENGLIBATAN KANAK-KANAK BERISIKO DALAM PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI**

### **5.1 Pendahuluan**

Di dalam bab ini, pengkaji memaparkan dapatan kajian mengenai tahap pengetahuan kanak-kanak terhadap kewujudan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti sosial dalam Program Pengawasan Komuniti di dalam komuniti kediaman mereka. Selepas membincangkan dapatan ini, pengkaji memaparkan dapatan mengenai tahap penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Kedua-dua aspek yang dibentang ini merupakan respons bagi objektif pertama dan kedua kajian ini (Supra, halaman 14).

### **5.2 Pola Tingkah Laku Tidak Terkawal Responden**

Program Pengawasan Komuniti lazimnya diwujudkan di komuniti kejiranan atau perumahan berisiko. Kejiranan berisiko sering digambarkan dengan kadar jenayah yang tinggi di samping terdapat usaha untuk mewujudkan kejiranan yang selamat dan harmoni (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009; Siti Rasidah & Aldrin, 2008). Masyarakat menjadi tidak selamat sekiranya insiden jenayah berleluasa dan tidak terkawal dalam komuniti mereka. Keadaan sedemikian menjejaskan kehidupan masyarakat dan seterusnya kesejahteraan dan kualiti kejiranan. Dalam hal ini, aspek keselamatan menjadi asas kesejahteraan hidup komuniti kejiranan setempat. Program Pengawasan Komuniti merupakan pendekatan proaktif pencegahan jenayah bagi mengawal penularan aktiviti jenayah di kawasan kejiranan dan/ perumahan berisiko.

Pada umumnya, kejiwaan di PPA Desa Rejang boleh dianggap selamat walaupun masih ada insiden-insiden jenayah yang berlaku. Jadual 5.1 menunjukkan statistik jenayah indeks tahun 2009 dan tahun 2010 di PPA Desa Rejang. Laporan daripada Balai Polis Wangsa Maju (2011) melaporkan jumlah indeks jenayah bagi kawasan tersebut mencatatkan penurunan dari tahun 2009 ke tahun 2010 iaitu daripada 91 kes ke 67 kes.

Jadual 5.1: Perangkaan Jenayah Kekerasan dan Harta Benda di PPA Desa Rejang Tahun 2009-2010

<b>Jenis Jenayah</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>
Jenayah Kekerasan:		
i.    Samun Kawan Senjata Api	3	2
ii.   Samun Tanpa Senjata Api	3	1
iii.  Merusuh 147-148 Kanun	1	-
Keseksaan	2	2
iv.   Mencederakan 324-326 Kanun		
Keseksaan		
<i>Jumlah</i>	9	5
Jenayah Harta benda:		
i.    Pecah Rumah Siang	3	-
ii.   Pecah Rumah Malam	12	20
iii.  Curi Lori/ Van	4	-
iv.   Curi Kereta	5	8
v.    Curi Motosikal	50	28
vi.   Curi Ragut	3	2
vii.  Curi dari Bangunan	3	1
viii. Curi dari Kenderaan	2	3
<i>Jumlah</i>	82	62
<b>Jumlah Jenayah Indeks</b>	<b>91</b>	<b>67</b>

Sumber: Laporan Statistik, Balai Polis Wangsa Maju, Kuala Lumpur

Kebanyakan jenayah yang berlaku melibatkan orang persendirian sama ada dari dalam dan luar kawasan PPA Desa Rejang. Jenayah kekerasan dan jenayah harta benda adalah jenis jenayah yang sering berlaku di PPA Desa Rejang. Menurut Ketua Balai Polis Wangsa Maju, Chif Inspektor Mispani Hamdan (2011) peningkatan mendadak gejala sosial seperti ketagihan dadah, pengangguran, dan kebanjiran pekerja asing di kawasan kediaman tersebut menyumbang kepada peningkatan jenayah kekerasan dan

harta benda. Insiden jenayah seperti kecurian kereta, motosikal, pecah rumah dan kecurian harta benda yang lain meningkat. Walaupun kes curi motosikal mencatatkan penurunan iaitu daripada 50 kes pada tahun 2009 kepada 28 kes pada tahun 2010, jenayah pecah rumah waktu malam mencatatkan 12 kes pada tahun 2009 dan meningkat kepada 20 kes pada tahun 2010. Ketua Polis Daerah Sentul iaitu Asisten Komisioner Zakaria Pagan semasa merasmikan penubuhan Program Pengawasan Komuniti di Pangsapuri Mutiara Magna, Metro Prima Kepong, menyatakan kegiatan pecah rumah menjadi *trend* baru di kawasan perumahan bertingkat seperti rumah pangsa atau pangsapuri. Menurut beliau lagi, berbanding dulu kejadian jenayah pecah rumah sering berlaku di kawasan perumahan teres. Kini kegiatan pecah rumah tidak mengira lokasi kerana sesiapa sahaja terdedah menjadi mangsa jenayah terutamanya di kawasan persekitaran sosial berisiko. Antara ciri-ciri persekitaran sosial berisiko adalah kediaman yang terletak di pusat bandar yang sesak, komuniti kediaman yang miskin, dan komuniti kediaman yang mempunyai kawalan tidak formal dan sokongan sosial yang lemah terhadap aktiviti dan keperluan ahli-ahlinya (Abd. Hadi, 2004). Dalam hal ini, Ketua Polis Daerah Sentul menggalakkan suri rumah menyertai pertubuhan Program Pengawasan Komuniti (*Community Policing*) dan bekerjasama dalam memberi maklumat kepada pihak berkuasa (Harian Metro, 15 Mei 2011).

Indeks kes curi motosikal yang menurun di kawasan perumahan PPA Desa Rejang boleh dianggap sebagai kejayaan hasil aktiviti rondaan dan kawalan sukarela yang merupakan aktiviti utama Program Pengawasan Komuniti di PPA Desa Rejang. Penubuhan pengawasan komuniti dianggap sebagai pendekatan praktikal polis bekerjasama dengan Kawasan Rukun Tetangga, penduduk setempat, RELA dan sebagainya dalam usaha membanteras jenayah di kawasan ini. Hal ini dapat dijelaskan

melalui temu bual yang dijalankan kepada salah seorang wakil daripada persatuan

Program Pengawasan Komuniti melalui petikan berikut:

“..kami membuat rondaan hampir setiap malam mengikut kumpulan. Motor dan bangkai motor antara barang curi yang selalu dijumpai dalam rondaan. Semakin giat rondaan dilakukan semakin kurang kes curi motor dan jenayah lain.... kita perlu kerap lakukan rondaan..”  
(Wakil ahli Persatuan Program Pengawasan Komuniti PPA Desa Rejang (58 tahun)/ 17 Januari 2011/ 10 pagi).

Memang tidak dinafikan yang kawasan perumahan di PPA Desa Rejang Setapak Wangsa Maju merupakan kawasan “*hot spot*” tingkah laku jenayah dan antisosial (Laporan Balai Polis Wangsa Maju, 2011). Ini juga bermakna yang kanak-kanak yang membesar di kediaman ini berisiko tinggi terdedah dan terlibat dengan anasir-anasir negatif atau antisosial. Justeru itu, perkara pertama yang ingin pengkaji ketahui ialah pola tingkah laku antisosial kanak-kanak yang mendiami kawasan kediaman ini. Tingkah laku antisosial ini pula boleh menggambarkan tingkah laku tidak terkawal kanak-kanak (Supra, halaman 2).

Kajian ini melibatkan seramai 210 orang kanak-kanak berumur 13 hingga bawah 18 tahun. Sebelum Program Pengawasan Komuniti khususnya Program Pengawasan Komuniti diperkenalkan pihak Polis di komuniti kejiranan PPA Desa Rejang pada tahun 2009, keadaan tingkah laku kanak-kanak boleh dianggap serius. Ini telah pun digambarkan daripada indeks jenayah yang dilaporkan oleh Balai Polis Wangsa Maju. Hal ini dapat dijelaskan lagi melalui dua petikan temu bual di bawah:

“..sebelum ada *Community Policing* di PPA Desa Rejang, boleh dikatakan remaja di sini agak sosial, bebas naik motor laki (lelaki) perempuan sana sini. Suka melepak..merokok, tak hormat orang tua....ibu bapa sibuk bekerja, jadi tak ada yang mengawal.. Kes curi motor pula agak kerap, sampai ada (penduduk) bawa naik motor (dalam lif) sebab takut hilang.”  
(Wakil Persatuan Program Pengawasan Komuniti Desa Rejang (58 tahun)/ 17 Januari 2011/ 10 pagi).

“..orang luar dan pendatang asing senang keluar masuk dalam kawasan ini sebab kawasan dekat dengan pusat bandar, kawasan terbuka. Tak ada pagar. Lif pula memang kerap rosak, kes pecah rumah, mat pit memang berlaku. Kanak-kanak di sini memang berisiko terlibat dengan gejala sosial..”

(Wakil ahli Persatuan Program Pengawasan Komuniti Desa Rejang PPA Desa Rejang (58 tahun)/ 17 Januari 2011/ 11 pagi).

Bagi mendapatkan gambaran senario atau keadaan Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam kawasan ini, perkara pertama yang ditanya oleh pengkaji adalah mengenai penglibatan mereka dalam tingkah laku antisosial. Penglibatan responden dalam tingkah laku-tingkah laku antisosial yang disenaraikan dikutip melalui kaedah “*self report-study*” iaitu tinjauan lapor sendiri. Responden melaporkan sendiri atau dengan kata lain mereka secara jujur mengaku penglibatan mereka dalam pola salah laku yang disenaraikan. Tujuan soalan ini dikemukakan dalam instrumen kajian adalah untuk memberi gambaran kepada pengkaji tentang pengalaman salah laku responden dalam pelbagai tingkah laku antisosial dalam komuniti mereka.

Kategori tingkah laku antisosial dalam Jadual 5.2 dibuat mengikut jenis-jenis perlakuan antisosial kanak-kanak yang disyorkan oleh bidang-bidang ilmu kriminologi, pengadilan jenayah kanak-kanak dan bidang psikologi perkembangan kanak-kanak. Hoge (2001) dalam Siti Hajar (2009) misalnya, mendefinisikan tingkah laku antisosial sebagai salah satu daripada sindrom ketidakaturan tingkah laku atau kelakuan (*conduct disorders*) yang berkait rapat dengan aktiviti jenayah. Namun begitu, ia melibatkan konsensus budaya, moral, nilai dan agama yang dipegang oleh sesebuah masyarakat. Ini bermakna, tingkah laku antisosial adalah perlakuan jenayah yang mempunyai kaitan rapat dengan penyelewengan nilai-nilai moral, norma-norma sosial dan jangkaan-jangkaan sosial masyarakat.

McMohan dan McMohan (1983) berpendapat individu yang mempunyai personaliti atau tingkah laku yang bersifat antisosial adalah individu yang sering berkonflik dengan undang-undang. Tingkah laku antisosial adalah salah satu dari masalah personaliti individu yang lazimnya dirujuk sebagai kegagalan individu untuk membezakan tindakan atau tingkah laku yang salah atau betul (*lack of conscience*). Walaupun tingkah laku-tingkah laku antisosial yang disenaraikan dalam Jadual 5.2 tidak semuanya bersifat “*habitual*” yang lazim dikaitkan dengan Kanak-kanak Tidak Terkawal, pengakuan kanak-kanak dalam tingkah laku-tingkah laku tersebut, khususnya dalam tingkah laku yang “*weightage*”nya berat ke arah tingkah laku antisosial dan jenayah, ia cukup untuk melambangkan yang kanak-kanak tersebut tidak terkawal. Secara tidak langsung, status penglibatan mereka dalam perkara-perkara negatif tersebut boleh digunakan sebagai penunjuk awal tingkah laku tidak terkawal dalam kalangan mereka.

Data dalam Jadual 5.2, memperlihatkan kadar penglibatan responden dalam kebanyakan salah laku yang disenaraikan adalah tinggi; iaitu rata-ratanya melebihi 1 peratus. Perspektif Kriminologi melihat kadar penglibatan jenayah sebanyak 1 peratus bagi setiap 100,000 penduduk sudah ditafsirkan sebagai tinggi (Boyce et al., 2014). Manakala bagi populasi sebanyak 50,000 kadar penglibatan jenayah sebanyak 0.5 peratus sudah dilihat sebagai tinggi. Justeru itu, dapatan ini memaparkan yang penglibatan kanak-kanak dalam kajian ini dalam aktiviti antisosial memang membimbangkan.

Tingkah laku “*non-utilitarian/status-offence*” mencatatkan jumlah penglibatan yang tinggi berbanding jenis-jenis salah laku yang lain. “*Non-utilitarian status-offence*” adalah: “*an action that is prohibited only to a certain class of people, and most often*

*applied only to offences committed by minors. Involve offense where motive is not a consideration in determining guilt. (i.e, consumption of alcohol, truancy, running away from home)*". Suatu tindakan yang dilarang kepada kumpulan individu tertentu dan selalunya dalam kategori kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak di bawah umur (*juvenile status offenders*). Ia melibatkan pelanggaran di mana motif tidak menjadi pertimbangan dalam menentukan kesalahan. Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan adalah mencederakan diri sendiri bukan kepada orang lain seperti minum alkohol, ponteng sekolah, lari daripada rumah dan sebagainya. Lebih daripada separuh responden (56.2 peratus) mengaku pernah terbabit dalam aktiviti melepak atau berpelesiran di pelbagai lokasi. Manakala hampir separuh responden (46.67 peratus) tidak mematuhi arahan (contoh: ibu bapa atau penjaga dan/ atau pihak berkuasa). Ini diikuti dengan ponteng kelas atau sekolah (43.33 peratus) dan keluar sehingga lewat malam (40.95 peratus).

Kalau kita merujuk semula kepada maklum balas STB dan Pegawai Akhlak yang menguruskan kes-kes Kanak-kanak Tidak Terkawal ke dalam institusi jagaan, antara salah laku yang dilaporkan oleh ibu bapa atau penjaga mereka adalah sama seperti tingkah laku-tingkah laku "*Non-utilitarian status-offence*" ini. Keempat-empat jenis salah laku ini boleh dianggap sebagai langkah awal responden terjerumus dalam gejala-gejala sosial serius yang lain.

Kegiatan antisosial seperti melepak atau berpelesiran, tidak mematuhi arahan ibu bapa atau pihak berkuasa serta ponteng kelas atau sekolah adalah disebabkan kelemahan daripada aspek penjagaan dan kawalan sosial oleh pelbagai pihak termasuklah kurang aktiviti-aktiviti prososial. Susulan kurangnya kawalan sosial dan aktiviti-aktiviti yang berfaedah mengundang penglibatan kanak-kanak ini dengan pelbagai aktiviti negatif



seperti merokok, membawa kenderaan tanpa lesen, membuli, minum minuman keras, mencuri dan sebagainya. Merokok misalnya, mencatatkan penglibatan sebanyak (36.67 peratus). Tabiat merokok dalam kalangan kanak-kanak jika tidak dibendung dikhuatiri akan membawa kepada pelbagai lagi masalah sosial seperti penagihan dadah, alkohol dan lain-lain dalam masyarakat (Rokiah, 2013). Menurut Siti Hajar (2009), merokok merupakan “jalan masuk” (*gateway*) kepada penyalahgunaan ubat-ubatan dan/atau bahan-bahan yang lebih berbahaya. Dengan kata lain, tingkah laku tidak terkawal yang gagal dicelah boleh menolak kanak-kanak ini ke arah aktiviti salah laku yang lebih serius.

Data dalam Jadual 5.2 juga menunjukkan sebilangan kecil (18.5 peratus) responden mengaku pernah terlibat dengan salah laku keganasan harta benda seperti vandalisme salah laku keganasan fizikal dan harta benda iaitu bergaduh/ bertumbuk dan mencuri yang masing-masing mencatatkan penglibatan sebanyak 18.10 peratus. Salah laku seksual atau tidak bermoral seperti menonton gambar atau video lucah mencatatkan penglibatan sebanyak 13.33 peratus. Salah laku jenayah terancang seperti membuli mencatatkan penglibatan sebanyak 27.62 peratus. Angka-angka ini perlu diberi perhatian supaya kanak-kanak dalam komuniti tidak terus melakukan kesalahan jenayah atau kegiatan tidak bermoral yang lebih serius pada masa akan datang.

Abd. Hadi (2004) menegaskan bahawa kurangnya reaksi dari anggota masyarakat terhadap bentuk-bentuk salah laku tertentu yang dilakukan oleh anggota-anggota lain dalam masyarakat boleh melahirkan dan seterusnya membiakkan pelbagai jenis masalah sosial yang lebih serius. Tegasnya lagi, kurang atau ketiadaan reaksi ini merujuk kepada kelonggaran atau izin yang seolah-olah diberi kepada anggota masyarakat yang melakukan perbuatan-perbuatan tertentu yang melencong dari

peraturan-peraturan tertentu dalam masyarakat. Fenomena ini disebut oleh Robert Merton (1957; 1971) sebagai “*institutionalized evasion of institutional rules*” atau “pengelakan terlembaga daripada peraturan-peraturan yang terlembaga oleh institusi”. Ketiadaan atau kurangnya reaksi masyarakat secara langsung melonggarkan kapasitas kawalan anggota masyarakat terhadap anggota komuniti mereka; khusus anggota komuniti yang muda. Keadaan ini membenarkan anggota komuniti yang muda mencetus dan membiak perlakuan-perlakuan antisosial yang tanpa kawalan terperinci berpotensi menjadi tingkah laku jenayah.

Jadual 5.2: Pola Salah Laku Responden

Kategori dan Jenis Tingkah laku Antisosial	Terlibat	
	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
<b>“Non-utilitarian/status-offence”:</b>		
i. Melepak	118	56.2
ii. Keluar hingga lewat malam	86	40.95
iii. Ponteng kelas/ sekolah	91	43.33
iv. Tidak mematuhi arahan ibu bapa/penjaga/ pihak berkuasa	96	46.67
v. Membawa kenderaan tanpa lesen	72	34.29
vi. Lari dari rumah	27	12.86
<b>Tingkah laku keganasan fizikal:</b>		
i. Bergaduh/bertumbuk	38	18.10
<b>Tingkah laku keganasan harta benda:</b>		
i. Vandalisme	39	18.57
ii. Grafiti	35	16.67
iii. Mencuri	38	18.10
<b>Tingkah laku seksual:</b>		
i. Pornografi	28	13.33
ii. Seks luar nikah	16	7.61
iii. Homoseksual	12	5.71
iv. Melacur	8	3.81
v. Hamil tanpa nikah	15	7.14
vi. Menggugurkan kandungan	11	5.24
<b>Tingkah laku penggunaan dadah/ ubat-ubatan:</b>		
i. Merokok	77	36.67
ii. Menghidu gam	14	6.67
iii. Minum minuman keras	42	20.0
iv. Mengambil sebarang jenis dadah	19	9.05
<b>Tingkah laku jenayah terancang:</b>		
i. Membuli	58	27.62
ii. Peras ugut	27	12.86
iii. Menyertai kumpulan samseng	21	10.0
iv. Menyertai lumba haram/ merempit	23	10.96

N=210

Pengawasan komuniti merupakan satu alternatif untuk menaikkan sensitiviti ahli-ahli komuniti membendung masalah tingkah laku kanak-kanak atau remaja di dalam komuniti mereka. Ironinya, pengakuan jujur responden kajian ini secara tidak langsung menggambarkan sebilangan besar responden kajian boleh dikategorikan sebagai Kanak-kanak Tidak Terkawal. Ini kerana semua aktiviti yang mereka terlibat adalah aktiviti-aktiviti yang boleh dirujuk sebagai aktiviti antisosial, yang membolehkan mereka dimasukkan ke dalam jagaan institusi atas slot “Kanak-kanak Tidak Terkawal”, sekiranya dihantar oleh ibu bapa masing-masing.

Dapatan ini mendesak pengkaji untuk mencari penjelasan kepada persoalan mengapa terdapat sebilangan kanak-kanak yang tinggal dalam persekitaran tempat tinggal yang menyediakan Program Pengawasan Komuniti yang dianggap komprehensif tetapi masih terlibat dengan aktiviti salah laku atau antisosial. Perkara seterusnya yang dieksplorasi dengan lebih mendalam oleh pengkaji adalah tahap pengetahuan dan penglibatan kanak-kanak terhadap aktiviti-aktiviti sosial di bawah Program Pengawasan Komuniti dalam komuniti mereka.

### **5.3 Tahap Pengetahuan Responden terhadap Program Pengawasan Komuniti dalam Komuniti Mereka**

Kecenderungan individu atau anggota komuniti untuk melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti atau tidak, dipengaruhi oleh pengetahuan atau maklumat yang dimiliki olehnya. Pengetahuan tentang sesuatu aktiviti atau program akan memberi pendedahan dan maklumat mengenai aktiviti yang dilaksanakan oleh sesebuah badan agensi dan sebagainya. Pengetahuan dan pendedahan yang diterima oleh individu menggalakkan mereka menyertai dan berpeluang untuk menilai kebaikan sesuatu pembaharuan yang

diperkenalkan (Haris, 2007). Kwok (2014) dan Haris (2007) dalam kajian masing-masing mengenai penglibatan masyarakat dalam program pembangunan komuniti mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan tahap penglibatan. Kajian oleh Kwok (2014) misalnya, mendapati tahap pengetahuan masyarakat Iban di kawasan kajian mengenai program pembangunan komuniti yang dilaksanakan masih kurang memuaskan dan implikasinya penglibatan masyarakat Iban dalam program pembangunan komuniti adalah kurang aktif. Begitu juga Haris (2007) mendapati hanya segelintir sahaja masyarakat tani mengetahui peranan program pertanian yang disediakan oleh kerajaan di bawah program pembangunan komuniti. Implikasi penemuan ini, menyebabkan masyarakat tani tidak menggunakan kemudahan yang disediakan oleh program pertanian semaksimumnya. Jelas, semakin tinggi tahap pengetahuan masyarakat, maka semakin tinggi kadar penyertaan mereka dalam program pembangunan komuniti tersebut.

Pengetahuan juga berperanan sebagai teras kepada penentuan sikap (*attitude*), niat (*intention*) dan tingkah laku (*behaviour*) (Fiesbenin & Ajzen, 1975 dalam Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013). Komponen yang mempengaruhi sikap ialah kognitif yang mengandungi pengetahuan dan kepercayaan terhadap sesuatu isu atau maklumat. Oleh hal demikian, seseorang yang kerap terdedah kepada sesuatu mesej, individu berkenaan berkemungkinan akan dipengaruhi oleh mesej tersebut (Ferbach, 2002 dalam Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013). Mohd Hilmi dan Kamaliah (2013) juga menyatakan bahawa proses untuk berfikir (kognitif) akan mempengaruhi seseorang untuk bertindak mengikut perasaan terhadap sesuatu isu atau maklumat yang diperolehnya. Mohd Hilmi dan Kamaliah (2013) dalam kajian mereka mengenai hubungan pengetahuan, sikap dan amalan penduduk Timur Laut Pulau Pinang dalam kempen pencegahan H1N1 mendapati terdapat hubungan yang positif antara pengetahuan dan amalan individu

dalam mempraktikkan mesej kempen pencegahan H1N1. Kepercayaan penduduk terhadap mesej kempen pencegahan tersebut dapat dilihat apabila mereka mengamalkan saranan kempen pencegahan terutamanya amalan mencuci tangan setiap kali menyentuh permukaan tercemar.

Seperti mana yang telah dinyatakan, indikator utama yang boleh digunakan untuk mengukur kemampuan pengawasan komuniti menjaga Kanak-kanak Tidak Terkawal adalah menerusi tahap pengetahuan kanak-kanak mengenai kewujudan aktiviti-aktiviti pengawasan komuniti dalam komuniti mereka. Tahap pengetahuan atau sensitiviti kanak-kanak tentang kewujudan sesuatu aktiviti pengawasan komuniti turut mempengaruhi sikap mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tersebut.


Maka dalam konteks keadilan jenayah, pengkaji menyimpulkan pengaruh maklumat atau tahap pengetahuan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan tersebut sedikit sebanyak mempengaruhi dan mengawal sikap dan tingkah laku kanak-kanak untuk cenderung melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang prososial dalam komuniti tempat tinggal mereka. Ini sesuai dengan Model Ekologi Bronfenbrenner dalam perkembangan kanak-kanak.

Tahap pengetahuan responden terhadap Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kediaman mereka diuji dengan menyenaraikan aktiviti-aktiviti sosial di bawah pengawasan komuniti yang lazim dianjurkan di kawasan kejiranan mereka. Pengkaji telah mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut daripada Setiausaha Persatuan Penduduk PPA Desa Rejang dan Ketua Program Pengawasan Komuniti PPA Desa Rejang. Berikut merupakan antara hasil temu bual yang dijalankan ke atas Setiausaha Persatuan Penduduk PPA Desa Rejang:


“..di sini kami bersama DBKL dan persatuan NGO lain memang banyak anjurkan pelbagai aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan seperti gotong royong membersihkan kawasan...kempen Anti Denggi, aktiviti sukan seperti sukaneka...perlawanan futsal Aktiviti berbentuk kebudayaan.. seperti tarian tradisional yang melibatkan kanak-kanak. Selain itu aktiviti rondaan daripada SRS sendiri untuk rondaan keselamatan”.

(Setiausaha Persatuan Penduduk PPA Desa Rejang (36 tahun) /19 Januari 2011/ 11 pagi).

Respons tersebut menunjukkan komuniti kejuruan PPA Desa Rejang aktif menganjurkan pelbagai aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti mereka. Sebagai alternatif, pengkaji juga mendapatkan maklumat daripada laman sesawang agensi-agensi berkaitan. Antaranya seperti laman *Facebook*. Laman *Facebook* antara media sosial yang popular digunakan untuk memaparkan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh sesebuah organisasi sosial. Nama *Community Policing* Desa Rejang dan KRT Desa Rejang merupakan nama rasmi yang digunakan oleh pentadbir kumpulan dalam laman *Facebook* masing-masing. Di situ mereka memaparkan informasi pelaksanaan aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti yang dilaksanakan dan melaporkan kes jenayah atau vandalisme yang berlaku dalam persekitaran komuniti PPA Desa Rejang (Rajah 5.1 dan Rajah 5.2). Kedua-dua kumpulan ini didaftarkan di *Facebook* pada awal tahun 2011.



Rajah 5.1: Laman *Facebook* KRT Desa Rejang memaparkan gambar aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan di PPA Desa Rejang



Rajah 5.2: Laman *Facebook Community Policing* Desa Rejang saluran komuniti melaporkan kes-kes vandalisme dalam Komuniti PPA Desa Rejang

Pengetahuan responden terhadap kewujudan pelaksanaan aktiviti-aktiviti utama Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kediaman mereka dibentang dalam bentuk deskriptif iaitu bentuk kekerapan dan peratusan. Dalam konteks kajian ini, tahap pengetahuan responden diukur menerusi dua skala iaitu “tidak tahu” dan “tahu”. Pengkaji juga menganalisis perkaitan aspek demografi dan pola tingkah laku antisosial dengan tahap pengetahuan responden terhadap Program Pengawasan Komuniti dengan menggunakan Ujian Khi Kuasa Dua dan Cramer’s V.

Aktiviti-aktiviti utama dalam Program Pengawasan Komuniti di PPA Desa Rejang dibahagikan kepada empat aktiviti utama iaitu:

- 1) Aktiviti keselamatan,
- 2) Aktiviti kemasyarakatan,
- 3) Aktiviti sukan dan rekreasi, dan
- 4) Aktiviti pendidikan.

Salah satu elemen penting dalam perancangan program/ aktiviti berasas pembangunan komuniti ialah mengambil kira keperluan kumpulan sasaran (Haris, 2012). Secara amnya, aktiviti-aktiviti utama dalam Program Pengawasan Komuniti tersebut menyasarkan penglibatan daripada semua peringkat ahli-ahli komuniti. Secara khusus, aktiviti-aktiviti tersebut tertumpu kepada penglibatan kanak-kanak dengan galakan dan sokongan sosial daripada ahli-ahli komuniti lebih dewasa (Contoh: ibu bapa, penjaga, jiran, dan guru sekolah). Aktiviti-aktiviti utama tersebut saling berkait antara satu sama lain dan masing-masing mempunyai program/ aktiviti tersendiri yang sekurang-kurangnya dijalankan sekali dalam setahun di PPA Desa Rejang.

Aktiviti keselamatan berasas komuniti terdiri daripada lima jenis program/ aktiviti (Unit Sukarelawan Pencegahan Jenayah, Rakan COP, Skim Rondaan Sukarela, Dialog bersama Polis, dan Program Sekolah Selamat). Aktiviti kemasyarakatan terdiri daripada lima jenis program/ aktiviti (Hari Keluarga, gotong-royong, kenduri-kendara, aktiviti sukarelawan, dan sambutan atau jamuan perayaan mengikut kaum). Seterusnya, aktiviti sukan dan rekreasi terdiri daripada enam jenis program/ aktiviti (Rakan Muda, kesukanan, perkhemahan atau kembara, kebudayaan seperti menyanyi dan menari, seni mempertahankan diri, dan lawatan sambil belajar). Akhirnya, aktiviti pendidikan berasas komuniti terdiri daripada lima program /aktiviti (kempen keselamatan diri dan harta benda, kempen kesihatan, ceramah keagamaan, kelas mengaji atau membaca kitab agama, dan bengkel motivasi). Program-program/ aktiviti-aktiviti dalam Program Pengawasan Komuniti tersebut berjumlah 21 jenis aktiviti kesemuanya. Pengkaji telah meminta responden melaporkan aktiviti-aktiviti yang diketahui dalam Program Pengawasan Komuniti di tempat tinggal mereka. Tujuannya adalah untuk melihat adakah aktiviti-aktiviti yang disenaraikan oleh pengkaji dalam borang soal selidik disedari atau tidak kewujudan/ perlaksanaannya oleh kanak-kanak ini.



Pada keseluruhannya, kajian ini mendapati tahap pengetahuan responden terhadap kewujudan atau pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti yang terdiri daripada empat aktiviti utama seperti yang dinyatakan di atas menunjukkan keputusan yang memberangsangkan apabila hampir keseluruhan (95.7 peratus) responden tahu akan kewujudan pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kediaman mereka. Hanya segelintir (4.3 peratus) sahaja yang tidak tahu akan pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti di kediaman mereka (Jadual 5.3). Ini menunjukkan suatu perkembangan yang memberangsangkan dalam usaha komuniti melaksanakan aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti walaupun secara amnya aktiviti-aktiviti tersebut terbuka kepada semua orang awam dalam komuniti.

Jadual 5.3: Tahap Pengetahuan Responden tentang Pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti dalam Komuniti Mereka

Program Pengawasan Komuniti	Frekuensi	Peratusan
Tidak tahu	9	4.3
Tahu	201	95.7
<i>Jumlah</i>	210	100.0

Jadual 5.4 seterusnya menerangkan perkaitan antara tahap pengetahuan responden terhadap Program Pengawasan Komuniti dengan ciri demografi iaitu berdasarkan gender, kaum dan umur responden. Bagi kategori gender, hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dan Cramer's V menunjukkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 5.550 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.163 pada aras 0.05 ( $p=0.018$ ). Keputusan ini menjelaskan wujud perbezaan yang signifikan antara gender lelaki dan perempuan dengan tahap pengetahuan mereka terhadap pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kediaman mereka. Dari aspek bangsa pula, hasil ujian menunjukkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 28.829 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.371 pada aras signifikan 0.000 iaitu nilai  $p$  adalah lebih kecil daripada aras keertian

yang digunakan dalam analisis ini ( $p=0.05$ ). Ini menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara kategori kaum Melayu, Cina dan India dengan tahap pengetahuan mereka terhadap pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti yang dianjurkan dalam kawasan kediaman mereka.

Jadual 5.4: Perkaitan Demografi Responden dengan Tahap Pengetahuan Mereka tentang Pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti

Aspek Demografi	Tahap pengetahuan kewujudan Program Pengawasan Komuniti				Nilai $X^2$	$p$	Nilai Cramer's V	dk
	Tidak tahu		Tahu					
	n	%	n	%				
<b>Gender</b>								
Lelaki	1	0.5	103	49.0	5.550	0.018	0.163	1
Perempuan	8	3.8	98	46.7				
<i>Jumlah</i>	9	4.3	201	95.7				
<b>Kaum</b>								
Melayu	2	1.0	106	50.5	28.829	0.000	0.371	3
Cina	7	3.3	25	11.9				
India	0	0.00	63	30.0				
Lain-lain	0	0.00	7	3.3				
<i>Jumlah</i>	9	4.3	201	95.7				
<b>Umur (tahun)</b>								
13	0	0.00	35	16.7	26.666	0.000	0.356	4
14	8	3.8	36	17.1				
15	0	0.00	41	19.5				
16	1	0.5	39	18.6				
17 - bawah 18	0	0.00	50	23.8				
<i>Jumlah</i>	9	4.3	201	95.7				

Hasil kajian turut menunjukkan segelintir kanak-kanak Cina tidak tahu mengenai kewujudan Program Pengawasan Komuniti (3.3 peratus) berbanding kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak India. Ini mungkin disebabkan batasan bahasa yang menyebabkan mereka tidak mendapat maklumat sesuatu program dengan mudah dan

tepat. Lazimnya, agensi atau pihak penganjur menggunakan bahasa Melayu iaitu bahasa kebangsaan dalam sesuatu poster atau kempen bagi mempromosi sesebuah program/ aktiviti. Zulkifley (2014) menyatakan terdapat perbezaan tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu pelajar Melayu dengan pelajar Cina. Perbezaan yang signifikan ini adalah disebabkan pelajar Cina mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pengaruh persekitaran sosial yang kurang mempraktikkan bahasa Melayu seperti di sekolah mahupun di dalam komuniti menghalang kecekapan atau kemahiran pelajar atau kanak-kanak Cina berbahasa Melayu. Selain itu, Zulkifley menyatakan individu yang mempunyai keupayaan berbahasa (bahasa Melayu) mampu memahami input bahasa atau maksud yang cuba disampaikan oleh penutur dan bersesuaian dengan keperihalan keadaan. Justeru itu, kekangan dari segi penggunaan bahasa ibunda kaum Cina dalam mekanisme penyampaian info sama ada dari segi penutur atau promosi-promosi yang dijalankan sedikit sebanyak menyumbang kepada faktor tidak tahu atau terlepas info kanak-kanak Cina mengenai kewujudan Program Pengawasan Komuniti dalam tempat tinggal mereka.

Dari aspek umur responden pula, hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dan Cramer's V menunjukkan nilai 26.666 dan 0.356 pada aras keertian 0.000, iaitu nilai  $p$  lebih kecil daripada aras keertian ( $p=0.05$ ). Terdapat perkaitan yang amat signifikan antara kategori umur dengan tahap pengetahuan kanak-kanak terhadap Program Pengawasan Komuniti tersebut. Ini menggambarkan semakin meningkat umur seseorang semakin tinggi tahap pengetahuan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga kanak-kanak yang berusia 14 tahun yang tidak tahu mengenai Program Pengawasan Komuniti (3.8 peratus). Perkara ini mungkin boleh dikaitkan dengan perkembangan pemikiran dan personaliti kanak-kanak dalam peringkat umur tersebut.

Jas Laile (2008) menyatakan remaja yang berusia 12-14 tahun menunjukkan imej sendiri yang tidak stabil. Turun naik imej sendiri ini berlaku semasa awal remaja sahaja. Remaja perempuan dilihat lebih *vulnerable* dengan gangguan-gangguan dalam imej sendiri. Mereka menunjukkan imej sendiri yang lebih longgar dan mempunyai darjah kesedaran-kendiri yang tinggi. Azizi & Halimah, (2010) turut menyatakan kanak-kanak yang berumur 12 hingga 14 tahun berada dalam tempoh masa transisi atau krisis. Perkembangan pemikiran mereka dipengaruhi oleh pandangan orang atau pihak yang melihat dan menilai diri mereka. Ini menyebabkan mereka berpaling kepada dunianya sendiri dan perhatian hanya ditujukan kepada dirinya sendiri. Perasaan gelisah, ragu-ragu, timbul rasa malu dan beremosi berlaku dalam tempoh transisi tersebut. Krisis diri di peringkat umur ini yang berkemungkinan menyebabkan mereka tidak mengendahkan perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka.

Jadual 5.5 pula menerangkan perkaitan antara tahap pengetahuan responden terhadap Program Pengawasan Komuniti dengan penglibatan responden dalam pola tingkah laku. Keputusan ini menunjukkan wujud perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan responden terhadap pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti dengan penglibatan mereka dalam pola tingkah laku antisosial.

Jadual 5.5: Perkaitan Pengetahuan Responden terhadap Program Pengawasan Komuniti dengan Pola Tingkah Laku Antisosial Mereka

Tahap pengetahuan terhadap Program Pengawasan Komuniti	Tahap penglibatan dalam pola tingkah laku antisosial				Nilai $X^2$	$p$	Nilai Cramer's V	dk
	Tidak terlibat		Terlibat					
	n	%	n	%				
Tidak tahu	8	3.8	1	0.5	20.190	0.000	0.310	1
Tahu	45	21.4	156	74.3				
<i>Jumlah</i>	53	25.2	157	74.8				

Satu perkara yang ingin pengkaji nyatakan di sini adalah pengkaji mendapati walaupun majoriti daripada mereka tahu akan pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti tersebut namun penglibatan responden dalam tingkah laku antisosial turut mencatatkan jumlah yang agak tinggi iaitu sebanyak 74.3 peratus. Apa maknanya ini? Kanak-kanak tahu ada Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kediaman mereka, tetapi mereka masih melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan antisosial? Banyak kemungkinannya di sini. Pertama, kewujudan Program Pengawasan Komuniti tidak ada kesan untuk menyekat (*deterrence effect*) penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti antisosial. Kedua, kanak-kanak mungkin hanya tahu secara dasar ada Program Pengawasan Komuniti, tetapi tidak tahu dengan lebih mendalam mengenai matlamat, fungsi dan peranan Program Pengawasan Komuniti dalam menjaga keselamatan dan mengawasi tingkah laku mereka. Ketiga, Program Pengawasan Komuniti tidak “sampai” kepada kanak-kanak. Keempat, kanak-kanak berisiko ini sudah “terikat” dengan aktiviti-aktiviti antisosial dalam kumpulan atau gang mereka.

Apapun kemungkinannya, perkara ini menjelaskan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti antisosial bukan sahaja dipengaruhi oleh kewujudan atau pengetahuan mereka terhadap pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti dalam tempat tinggal mereka. Ia juga bergantung kepada pengaruh atau faktor lain. Perkara ini akan dibincang lebih lanjut pada Bab Enam (Infra, halaman 233).

Selanjutnya, pengkaji meneliti secara spesifik pengetahuan responden bagi setiap aktiviti-aktiviti utama dalam Program Pengawasan Komuniti iaitu aktiviti berbentuk keselamatan, kemasyarakatan, sukan dan rekreasi dan aktiviti berbentuk pendidikan yang dilaksanakan di kawasan kediaman mereka. Kemudian, pengkaji akan menerangkan beberapa contoh aktiviti-aktiviti atau program bagi setiap aktiviti utama

tersebut yang sering diaplikasi dalam Program Pengawasan Komuniti di peringkat antarabangsa dan peringkat tempatan (Supra, halaman 48).

### 5.3.1 Pengetahuan responden dalam aktiviti-aktiviti keselamatan

Jadual 5.6 menunjukkan sebilangan besar responden tahu mengenai pelaksanaan aktiviti-aktiviti berbentuk keselamatan dalam komuniti mereka. Sejumlah 69.0 peratus responden tahu mengenai program Unit Sukarelawan Pencegahan jenayah berbanding tidak tahu mencatatkan 31.0 peratus, 77.6 peratus responden tahu mengenai program Rakan COP berbanding tidak tahu sebanyak 22.4 peratus, 69.5 peratus responden tahu mengenai Skim Rondaan Sukarela berbanding yang tidak tahu sebanyak 30.5 peratus. Sejumlah 61.4 peratus responden tahu aktiviti Dialog bersama Polis berbanding 38.6 peratus yang tidak tahu, dan 73.8 peratus responden tahu mengenai Program Sekolah Selamat berbanding tidak tahu sebanyak 26.2 peratus. Dapatan ini merupakan satu perkembangan yang baik apabila sebilangan besar kanak-kanak di PPA Desa Rejang tahu akan kewujudan program/ aktiviti keselamatan di tempat mereka.

Jadual 5.6: Tahap Pengetahuan Responden tentang Pelaksanaan Aktiviti Keselamatan dalam Komuniti Mereka

Aktiviti keselamatan dalam komuniti	Tidak tahu		Tahu		Jumlah	
	n	%	n	%	n	%
Unit Sukarelawan Pencegahan Jenayah ( <i>Community Policing</i> )	65	31.0	145	69.0	210	100.0
Rakan COP	47	22.4	163	77.6	210	100.0
Skim Rondaan Sukarela	64	30.5	146	69.5	210	100.0
Dialog bersama Polis	81	38.6	129	61.4	210	100.0
Program Sekolah Selamat	55	26.2	155	73.8	210	100.0

Data dalam Jadual 5.7 pula menerangkan perkaitan antara pengetahuan responden mengenai pelaksanaan aktiviti-aktiviti keselamatan dalam komuniti dengan penglibatan responden dalam tingkah laku antisosial. Hasil analisis Ujian Khi Kuasa Dua dan Cramer's V memberi keputusan ke semua ítem/ aktiviti keselamatan menunjukkan hubungan yang signifikan pada aras keertian 0.05 ( $p < 0.05$ ).

Jadual 5.7: Perkaitan Tahap Pengetahuan Responden tentang Pelaksanaan Aktiviti Keselamatan dengan Pola Tingkah Laku Antisosial Mereka

Aktiviti keselamatan dalam komuniti	Penglibatan dalam pola tingkah laku antisosial				Nilai $X^2$	$p$	Nilai Cramer's V	dk
	Tidak Terlibat		Terlibat					
	Tidak tahu	Tahu	Tidak tahu	Tahu				
Unit Sukarelawan Pencegahan Jenayah ( <i>Community Policing</i> )	26 12.4%	27 12.9%	39 18.6%	118 56.2%	10.872	0.001	0.228	1
Rakan COP	20 9.5%	33 15.7%	27 12.9%	130 61.9%	9.621	0.002	0.214	1
Skim Rondaan Sukarela	24 11.4%	29 13.8%	40 19.0%	117 55.7%	7.335	0.007	0.187	1
Dialog bersama Polis	28 13.3%	25 11.9%	53 25.2%	104 49.5%	6.083	0.014	0.170	1
Program Sekolah Selamat	25 11.9%	28 13.3%	30 14.3%	127 60.5%	16.141	0.000	0.277	1

Dapatan ini menggambarkan semakin tinggi tahap pengetahuan kanak-kanak mengenai pelaksanaan aktiviti keselamatan dalam komuniti mereka semakin meningkat penglibatan mereka dalam pola tingkah laku antisosial. Perkara ini membimbangkan pengkaji kerana dapatan ini bertentangan daripada dapatan terdahulu yang menyatakan pengetahuan yang ada pada diri individu akan membentuk kognitif dirinya. Lazimnya, mereka akan melibatkan diri dalam aktiviti atau program sosial yang dibina khusus untuk mereka. Sekiranya kumpulan sasar iaitu kanak-kanak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti konvensional ini, sudah pasti mereka tidak terlibat dengan aktiviti antisosial yang jelas bertentangan dengan matlamat atau objektif program tersebut. Persoalannya, sejauhmanakah pengetahuan kanak-kanak ini dalam aktiviti-aktiviti

keselamatan dalam komuniti mereka? Adakah mereka faham tujuan sebenar aktiviti tersebut dijalankan? Perkara ini perlu dieksplorasi.

Dalam konteks kajian ini, sekiranya matlamat aktiviti keselamatan difahami dan dihadam oleh ahli-ahli komuniti, sudah tentu mereka memainkan peranan dengan bertindak sebagai ‘mata dan telinga’ pihak polis. Jal Zabdi (2010) menyatakan pengetahuan yang terhad ahli masyarakat terhadap isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak misalnya, menyebabkan mereka tidak boleh memainkan peranan sebagai *capable guardian* untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa dera. Dalam hal ini, kanak-kanak yang tahu dan faham akan matlamat program keselamatan ini sedikit sebanyak akan menggalakkan mereka menyertai aktiviti pencegahan jenayah. Mereka turut memainkan peranan mengawasi dan melaporkan keadaan atau situasi yang mencurigakan dalam komuniti mereka. Di samping itu, seandainya responden mempunyai cukup pengetahuan terhadap pelaksanaan aktiviti pengawasan dalam kawasan kejiranan mereka, sudah tentu mendorong rasa takut dan bimbang dalam diri mereka untuk melakukan aktiviti-aktiviti antisosial, kerana sedar tingkah laku mereka sentiasa diperhatikan. Perbuatan antisosial menjadi ancaman kepada kanak-kanak tersebut kerana takut terhadap reaksi atau hukuman yang bakal mereka terima daripada ibu bapa, penjaga atau pihak berkuasa sekiranya tertangkap. Justeru itu, perkara ini perlu diberi perhatian yang serius.

Limitasi kajian ini adalah pengkaji bertanya sama ada tahu atau tidak tahu mengenai pelaksanaan atau kewujudan aktiviti-aktiviti sedemikian di dalam komuniti kejiranan mereka. Pengkaji akan datang seharusnya menyelidiki perkara ini dengan lebih mendalam mengenai fahaman atau pengetahuan kanak-kanak mengenai fungsi, matlamat, objektif dan sebagainya mengenai setiap program atau aktiviti keselamatan



kerana secara lahiriahnya, mereka tidak tahu apa-apapun berkaitan aktiviti atau program keselamatan tersebut. Dalam konteks Kanak-kanak Tidak Terkawal/ berisiko, mereka tidak mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti keselamatan yang dijalankan kerana pengisian program-program tersebut gagal diserapkan di jiwa kanak-kanak dan akibatnya mereka masih terlibat dalam aktiviti-aktiviti antisosial. Apapun aktiviti keselamatan yang dijalankan matlamat utamanya adalah untuk mencegah jenayah. Dalam konteks kajian ini, sasaran utamanya adalah kanak-kanak yang bertingkah laku antisosial. Diharapkan aktiviti-aktiviti berbentuk keselamatan ini dapat mendidik dan melindungi kanak-kanak tentang bahaya jenayah dan seterusnya mengawasi anasir-anasir negatif di tempat tinggal mereka.

Antara aktiviti/ program keselamatan yang dilaksanakan menerusi Program Pengawasan Komuniti Desa Rejang dipaparkan dalam Rajah 5.3 hingga Rajah 5.6. Rajah 5.3 misalnya, menunjukkan gambar hasil rondaan atau serbuan oleh ahli-ahli SRS yang menjumpai barangan curi dalam sebuah rumah. Ahli-ahli SRS dianggotai oleh ahli-ahli KRT dan *Community Policing* Desa Rejang. Bangkai motosikal antara barang kes kecurian yang kerap dijumpai semasa rondaan atau serbuan dijalankan. Ahli-ahli SRS yang dianggotai oleh golongan belia hingga dewasa akan bergilir melakukan rondaan di blok perumahan masing-masing mengikut shif dalam jadual waktu rondaan yang disediakan.



Rajah 5.3: Aktiviti rondaan sukarela yang dijalankan di PPA Desa Rejang.

Dalam hal ini, kajian oleh Snook et al., (2011) mendapati terdapat sampel kajian mereka iaitu pelaku pecah rumah yang mengakui mereka tidak akan pecah masuk ke sesebuah bangunan jika terdapat kehadiran jiran tetangga. Ini menunjukkan pengawasan secara tidak formal atau bersifat natural seperti kehadiran jiran tetangga secara tidak langsung dapat mengawasi dan menjaga hal-hal persekitaran komuniti dan seterusnya boleh menghalang seseorang individu atau pelaku yang berpotensi untuk meneruskan niat salah laku mereka.

Namun begitu, aktiviti pengawasan tidak dapat melangkaui pergerakan individu atau pelaku jenayah tersebut kerana jenayah boleh berpindah dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain atas faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kegagalan sesuatu perlakuan jenayah itu. Menurut Teori Perpindahan Jenayah (*Displacement of Crime*), perpindahan jenayah berlaku disebabkan inisiatif atau program pencegahan jenayah telah diaplikasikan bagi sesebuah kawasan (Siti Rasidah & Aldrin, 2008). Justeru itu, ahli-ahli SRS dalam Program Pengawasan Komuniti PPA Desa Rejang perlu kerap melakukan aktiviti rondaan sukarela di blok-blok rumah pangsa mereka agar pelaku jenayah atau individu yang berpotensi melakukan jenayah tidak berpeluang untuk meneruskan aktiviti-aktiviti jenayah mereka. Pendek kata, rondaan keselamatan oleh

ahli-ahli Program Pengawasan Komuniti dapat membantu pihak PDRM untuk mengawasi aktiviti jenayah dalam kawasan geografi atau komuniti yang lebih kecil.

Rajah 5.4 pula memaparkan papan tanda “Anda berada di Wilayah *Community Policing* PPA Desa Rejang” yang diletakkan di jalan masuk utama PPA Desa Rejang. Dalam temu bual kumpulan fokus semasa kajian rintis dilakukan, agak mengecewakan apabila ada di antara kanak-kanak ini tidak tahu program *Community Policing* malah tidak menyedari kehadiran papan tanda *Community Policing* di jalan utama masuk ke kediaman mereka. Keadaan ini berlaku kerana mereka tidak mengetahui maksud di sebalik perkataan atau jargon “*community policing*” tersebut. Dalam hal ini, pengkaji turut mengambil kesempatan menunjukkan papan tanda tersebut untuk meningkatkan pengetahuan mereka dari aspek keselamatan yang dijalankan dalam komuniti PPA Desa Rejang.



Rajah 5.4: Papan tanda “*Community Policing*” di PPA Desa Rejang

Rajah 5.5 pula memaparkan program Dialog Bersama Polis yang dianjurkan oleh PDRM dan YPJM. Semasa kajian ini dijalankan, pengkaji berkesempatan menghadiri satu sesi Dialog Bersama Polis dalam program kempen Kesedaran Pencegahan Jenayah yang diadakan di Wangsa Walk Mall, Wangsa Maju Kuala Lumpur pada 9 April 2011. Program ini dirasmikan oleh Ketua Polis Kuala Lumpur

Datuk Pahlawan Zulkifli Abdullah. Antara yang turut hadir adalah Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Amar Singh Ishar Singh, Ketua Balai Polis Wangsa Maju iaitu Chif Inspektor Mispani Hamdan dan Naib Pengerusi YPJM, Tan Sri Datuk Seri Lim Lam Thye.

Program Dialog Bersama Polis pula merupakan perjumpaan atau tinjauan mesra pegawai-pegawai kanan PDRM yang berpangkat Inspektor ke atas di kawasan komersial dan kawasan perumahan. Pertemuan antara orang awam dan pihak polis secara terbuka adalah pendekatan rakan kongsi komuniti (*community partnership*) dalam Program Pengawasan Komuniti itu sendiri. Kehadiran mereka dapat meyakinkan rakyat tentang kesungguhan kepimpinan kanan PDRM dalam menangani jenayah (Jabatan Perdana Menteri, 2011a).



Rajah 5.5: Program Dialog Bersama Polis di pusat beli belah Wangsa Walk, Setapak

Apa yang menarik, orang awam dapat bertanya secara langsung kepada pegawai-pegawai atasan PDRM berhubung apa-apa kemusykilan berkenaan gejala sosial dan jenayah yang berlaku di kawasan mereka. Perbincangan yang kelihatan serius tetapi dalam suasana yang santai membantu pihak polis dan orang awam bersama-sama berkongsi idea dan pendapat dalam mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah yang berlaku di kawasan mereka. Maklumat yang diperoleh mampu

mengurangkan kebimbangan atau ketakutan mereka terhadap jenayah selain sama-sama bertanggungjawab menjaga keamanan keselamatan.

Rajah 5.6 pula memaparkan gambar kanak-kanak PPA Desa Rejang yang menjadi ahli kelab Rakan COP. Mereka menyertai Kempen Balik Kampung di pusat beli belah Jaya Jusco Wangsa Maju. Dalam kempen tersebut ahli-ahli Rakan COP ini mengedarkan risalah-risalah yang memberi maklumat tentang cara menjaga keselamatan rumah kepada orang awam sebelum pulang ke kampung berhari raya. Aktiviti sebegini mampu memperkasakan peranan kanak-kanak dalam aktiviti menjaga keselamatan diri dan harta benda terutamanya pada waktu-waktu perayaan. Mereka diberikan peranan dan tanggungjawab menyampaikan risalah kepada orang awam dalam meningkatkan kesedaran menjaga keselamatan dan mencegah jenayah.



Rajah 5.6: Remaja PPA Desa Rejang menyertai Program Rakan COP

#### ***5.3.1.1 Aktiviti-aktiviti keselamatan berasas komuniti***

Aktiviti keselamatan berasas komuniti merupakan intervensi pencegahan jenayah dan menjaga keselamatan kawasan kejiranan. Kajian terdahulu mendapati aktiviti pengawasan formal dalam sesebuah komuniti daripada pihak penguatkuasaan undang-undang/ polis seperti rondaan jalan kaki atau dengan kenderaan, tidak menunjukkan pencegahan yang efektif dalam mengurangkan jenayah. Ini bermakna, pencegahan

jenayah yang berkesan tidak boleh bergantung kepada pihak berkuasa semata-mata, sebaliknya pelbagai mekanisme diperlukan dan antaranya adalah kerjasama dan perkongsian daripada komuniti (Lawrence & McCarthy, 2013; Siti Rasidah & Aldrin, 2008; Schneider & Kitchen, 2007; Nor Eeda, 2006; Clarke, 1997; Bright, 1969).

Aktiviti rondaan sukarela merupakan suatu bentuk kawalan dan rondaan yang kerap dijalankan sama ada di peringkat antarabangsa atau tempatan. Di peringkat antarabangsa, aktiviti rondaan sukarela banyak diterapkan dalam intervensi perlindungan atau pencegahan jenayah dalam kawasan kejiranan seperti Skim Pemerhati Kejiranan (*Neighborhood Watch Scheme*) di United Kingdom dan Patrol Anti-Jenayah (*Anti-crime Patrols*) di Amerika Syarikat. Di peringkat tempatan, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dikendalikan di bawah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) atau Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) komuniti masing-masing. Aktiviti rondaan sukarela ini turut disertai oleh ahli-ahli *Community Policing* untuk mencegah jenayah dan menjaga keselamatan kawasan kejiranan. SRS bukan hanya sebagai pemantau tingkah laku masalah sosial dan kes jenayah tetapi turut mengawasi dan mengawal penggunaan kemudahan awam seperti lif, telefon awam dan sebagainya agar kes-kes penyalahgunaan dan kerosakan dapat dipantau. Dalam menubuhkan SRS dalam sesebuah komuniti, ia memerlukan permintaan sekurang-kurangnya daripada 20 orang penduduk yang tinggal dalam Kawasan Rukun Tetangga yang berumur 18 tahun ke atas.

Dalam intervensi pencegahan jenayah dalam komuniti, Program Pengawasan Komuniti bukan hanya memfokus kepada mengawasi masalah tingkah laku kanak-kanak atau jenayah. Program Pengawasan Komuniti turut berinisiatif memperkasakan (*empowerment*) kanak-kanak sebagai rakan kongsi komuniti (*community partners*)

dalam penyelesaian masalah. Pihak polis percaya kanak-kanak merupakan aset komuniti yang bernilai kerana mempunyai pelbagai idea yang segar dan kreatif (Miller & Hess, 2008). Polis di Kanada (*Royal Canadian Mounted Police*) misalnya, bekerjasama dengan kanak-kanak dalam membina program Rumah Selamat, Komuniti Selamat (*Safe Homes, Safe Communities*). Dalam program ini, kanak-kanak diberi peluang dalam membuat keputusan dan mempunyai kontak ahli-ahli dari kawasan atau daerah lain untuk memberi sokongan dalam kawasan masing-masing.

Program Remaja Meronda (*Teens on Patrol* atau TOP) dibangunkan di bawah program *Community Policing* di New York. Program khas untuk remaja ini dijalankan pada setiap musim panas (*summer*) di mana-mana mereka sedang bercuti sekolah. Remaja yang berminat menyertai program ini turut diberi sedikit insentif oleh pihak polis dan komuniti perumahan sebagai penghargaan kepada usaha mereka rondaan di taman-taman atau kawasan rekreasi setempat. Sukarelawan ini secara sukarela menolong pihak polis dan komuniti menjaga kawasan tersebut daripada gejala-gejala tidak sihat dan aktiviti vandalisme. Di samping itu, mereka juga diberi pendedahan dengan ilmu undang-undang jenayah dan penguatkuasaanya dan perkara-perkara berkaitan dengan tugas dan peranan seorang anggota polis. Dalam program TOP misalnya, ada sebilangan daripada sukarelawan berjaya menjadi pegawai Polis sebagai pekerjaan impian mereka (Siegel, 2000).

Di peringkat tempatan, Rakan COP dan Unit Sukarelawan Pencegahan Jenayah adalah satu program yang hampir serupa dengan program TOP. PDRM membangunkan kedua-dua program ini menggunakan pendekatan pengawasan berasaskan komuniti (*community oriented policing*) dan perkongsian pintar (*smart-partnership*). Rakan COP bererti rakan polis. Di Amerika Syarikat, panggilan COP kepada polis amat digemari



kerana lebih ringkas dan lebih mesra digunakan. Terdapat sistem interaktif yang cepat dan mesra untuk ahli-ahli Rakan COP, iaitu sistem SMS Rakan COP. Kemudahan sistem SMS Rakan COP memudahkan ahli-ahli Rakan COP memberi maklumat jenayah dengan segera kepada pihak polis (Rakan COP, 2011). Selain daripada perkongsian pintar mengenai maklumat jenayah melalui telefon bimbit, ahli-ahli Rakan COP dan Unit Sukarelawan Pencegahan Jenayah aktif dalam aktiviti kempen keselamatan misalnya menyertai kempen “Balik Kampung”. Kempen-kempen kesedaran ini dilakukan di kawasan-kawasan tumpuan umum seperti pusat beli belah dan kawasan perumahan. Dalam Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan, PDRM mahu memperkembangkan lagi Program Rakan COP melalui promosi luas untuk menggalakkan pendaftaran yang lebih serta mendidik orang ramai tentang jenis maklumat yang berguna kepada polis (Jabatan Perdana Menteri, 2011a). Kedua-dua program ini boleh menjadi satu asas kepada kanak-kanak atau remaja di Malaysia untuk menanam sikap dan nilai yang baik seterusnya memahami dan mematuhi undang-undang negara.

Program Sekolah Selamat (*Safe School*) merupakan salah satu inisiatif bagi pihak sekolah dalam menjayakan Program Pengawasan Komuniti. Program ini telah dilaksanakan di peringkat antarabangsa dan peringkat tempatan. Dalam hal ini, sekolah dilihat sebagai sebahagian daripada komuniti, bukan institusi pendidikan semata-mata. Di peringkat tempatan, Program Sekolah Selamat merupakan salah satu pendekatan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam mendedahkan tatacara kepada murid, ibu bapa, guru dan, individu yang mempunyai hubungan dengan sekolah mengenai keselamatan sekolah dari aspek fizikal, bangunan, aktiviti-aktiviti murid, bencana alam, sosial dan persekitaran atau lokasi (Shamsiah et.al., 2005). Program Sekolah Selamat ini telah menjadi satu kemestian perlaksanaannya di semua sekolah



seluruh negara semenjak tahun 2002 lagi. Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat. Warga sekolah dapat menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kegiatan kokurikulum dengan selamat tanpa gangguan dari mana-mana pihak. Program Sekolah Selamat ini berinspirasi menjadikan sekolah sebagai tempat bagi semua pihak (kakitangan sekolah, ibu bapa dan murid-murid) menghargai perbezaan budaya dan nilai setiap individu/kumpulan, di samping mempraktikkan amalan menjaga keselamatan dalam kehidupan seharian.

Shamsiah et.al., (2005) dalam artikel mereka bertajuk 'Konsep dan Pelaksanaan Sekolah Selamat' telah menggariskan 14 bentuk pendekatan pencegahan, perlindungan dan keselamatan yang harus difikirkan oleh pihak pentadbir sekolah atau pengetua dalam merancang Program Sekolah Selamat yang berkesan (Jadual 5.8). Melalui pendekatan-pendekatan tersebut, pihak sekolah dapat memainkan peranan bersama-sama para pelajar, ibu bapa, masyarakat sekitar sekolah, agensi-agensi sosial kerajaan, dan NGO dalam mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat melalui pelbagai program atau aktiviti keselamatan atas dasar semangat komuniti.

Jadual 5.8: 14 Bentuk Pendekatan Pencegahan, Perlindungan dan Keselamatan dalam Persekitaran Sekolah Selamat

No.	Pendekatan Pencegahan, Perlindungan dan Keselamatan	Peranan Sekolah dalam Merancang Program Sekolah Selamat
1.	Kepimpinan yang berkesan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/ pihak pentadbir harus mengamalkan ketelusan, mudah dihubungi, menggunakan piawai disiplin yang adil, pengharapan yang tinggi terhadap tingkah laku pelajar dan kakitangan.</li> <li>• Bersikap inovatif, iaitu mengadakan latihan dalam perkhidmatan dan menyediakan ruang untuk kakitangan dan pelajar menyelesaikan masalah dan menghapuskan konflik.</li> </ul>
2.	Memberi tumpuan kepada pencapaian akademik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan pendekatan pengajaran atau kurikulum yang memberi peluang kepada pelajar merasai kejayaan dalam kerjanya.</li> <li>• Berusaha meningkatkan tahap akademik dapat membibitkan rasa minat pelajar terhadap pelajaran sekaligus mengurangkan kekecewaan dan masalah disiplin.</li> </ul>
3.	Mewujudkan hubungan yang baik, rapat dan telus dengan komuniti sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan hubungan dengan ibu bapa atau penjaga pelajar, masyarakat sekitar sekolah, dan pihak polis, serta agensi-agensi kerajaan dan agensi-agensi bukan kerajaan (NGOs). Sebagai contoh, pihak sekolah mendapatkan kerjasama daripada pihak polis, RELA dan ibu bapa serta kejiranan untuk membuat rondaan-rondaan di kawasan yang difikirkan berisiko dari segi keselamatan. Memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga mengenai perkembangan sekolah.</li> </ul>
4.	Menekankan hubungan yang positif antara pelajar dan staf sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memupuk hubungan yang baik antara guru dan staf sekolah dengan pelajar sebagai amalan untuk mewujudkan iklim sekolah yang selamat. Kesediaan orang dewasa di sekolah memberi sokongan apabila diperlukan adalah satu daripada faktor kritikal dalam pencegahan keganasan pelajar.</li> </ul>
5.	Membincangkan isu keselamatan yang lebih terbuka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendidik pelajar mengenai keselamatan melalui pengajaran, peraturan, latihan, bimbingan, dan amalan-amalan di sekolah.</li> <li>• Menjalankan pelbagai program bagi memberi kefahaman dan kesedaran mengenai keselamatan seperti ceramah, pameran, demonstrasi, dan lain-lain aktiviti berkaitan.</li> </ul>
6.	Mengamalkan budaya "caring" dan layanan sama rata kepada pelajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi layanan yang sama rata bagi mengelak pelajar menjadi sasaran keganasan/ buli atau rasa tersisih sehingga boleh merendahkan rasa keyakinan diri.</li> <li>• Menerapkan komunikasi yang berkesan agar guru-guru dan para pelajar saling hormat-menghormati.</li> <li>• Mengimplementasikan dan menerapkan elemen-elemen pemberian ganjaran, memupuk dan menyuburkan nilai-nilai murni, hak untuk membela diri dalam kes-kes disiplin, rasionaliti dalam mengambil tindakan, konsep penyayang, dan menganggap semua pelajar berpotensi untuk berjaya.</li> </ul>
7.	Melakukan kawalan keluar masuk sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan suatu sistem kawalan dengan rekod yang kemas kini mengenai pergerakan keluar masuk orang awam ke dalam sekolah termasuk ibu bapa dan penjaga untuk membawa murid keluar ketika dalam waktu persekolahan.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan pondok keselamatan dengan pengawal keselamatan yang bertugas 24 jam bagi memudahkan proses kawalan.</li> <li>• Mewujudkan prosedur keluar masuk sekolah yang spesifik untuk mengawal dan mengesan pelawat atau penceroboh.</li> </ul>
8.	Menyediakan prasarana dan kawasan yang selamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan tempat berkumpul yang selamat dan terkawal bagi pelajar-pelajar yang sampai awal pagi sebelum permulaan kelas dan pelajar-pelajar yang menunggu kenderaan untuk pulang di sebelah petang selepas sesi persekolahan.</li> <li>• Membersihkan semak-samun kawasan sekolah dan laluan dan jalan yang digunakan seharian oleh para pelajar perlu lebih terbuka dan selamat.</li> <li>• Mengadakan kawalan dalaman sekolah seperti mengawal pergerakan pelajar di antara bangunan-bangunan, melakukan penyeliaan berterusan, dan menyediakan sistem kawalan terhadap khabar angin dalam sekolah.</li> <li>• Mengadakan kawalan luaran sekolah seperti penyediaan pagar di sekeliling sekolah, mengawal laluan keluar masuk sekolah dan memastikan risiko berlakunya kemalangan akibat unsur-unsur landskap seperti pokok tumbang atau pondok bacaan runtuh dan sebagainya.</li> </ul>
9.	Menyediakan sistem dan prosedur keselamatan pelajar dan sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjadikan peraturan mengenai keselamatan sebagai sebahagian daripada Peraturan Sekolah yang perlu difahami dan dipatuhi oleh semua pihak termasuk guru-guru, pekerja-pekerja dan ibu bapa.</li> <li>• Perlaksanaan prosedur keselamatan meliputi dalam aktiviti sukan dan kokurikulum, di bilik darjah, bengkel dan makmal, disiplin sekolah, lawatan dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar.</li> <li>• Bekerjasama dengan pihak polis untuk mewujudkan persekitaran selamat dengan melakukan rondaan berjadual di kawasan sekolah dan memberikan ceramah berkaitan hal-hal keselamatan kepada warga sekolah.</li> <li>• Bekerjasama dengan komuniti persekitaran untuk menjadi sukarelawan bagi mengawasi tingkah laku pelajar.</li> <li>• Menyediakan talian bantuan kecemasan yang menghubungkan sekolah dengan balai polis, jabatan perkhidmatan bomba dan penyelamat, dan hospital berhampiran seperti yang dilaksanakan oleh bank-bank perdagangan.</li> <li>• Menyediakan pengurusan pencegahan kebakaran di sekolah seperti menjalankan latihan kebakaran sekurang-kurangnya tiga kali setahun.</li> </ul>
10.	Penyataan misi dan peraturan sekolah yang mengutamakan keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Elemen keselamatan sekolah, pelajar dan guru perlu dimasukkan dalam misi sekolah agar amalan pengurusan sekolah mengambil kira keselamatan sebagai indikator piawai keberkesannya.</li> <li>• Pengetua atau pentadbir memastikan semua dokumen mengenai pekeliling, undang-undang, akta berkaitan keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak berwajib seperti Surat Pekeliling Ikhtisas, Kementerian Pendidikan Malaysia, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Pekeliling Perkhidmatan, surat-surat siaran dari Bahagian Sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri, Akta Pendidikan 1996, Buku Panduan Disiplin dan lain-lain disimpan dan didedahkan atau diberi taklimat kepada semua guru dan para pelajar serta difahami oleh semua pihak yang terlibat dengan sekolah.</li> </ul>
11.	Mewujud dan memanfaatkan jawatankuasa sokongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menubuhkan dan memanfaatkan sepenuhnya penubuhan Jawatankuasa Permuafakatan Sekolah, Jawatankuasa</li> </ul>

	sekolah	<p>Keselamatan Sekolah atau Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam merancang langkah-langkah keselamatan dan intervensi antisosial kepada para pelajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah pula berperanan mewujudkan hubungan kerjasama antara sekolah dan pihak polis dalam membanteras perbuatan jenayah seperti gangsterism sama ada di dalam atau di luar sekolah.</li> </ul>
12.	Mewujudkan sistem pelaporan dan aduan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan tatacara yang jelas mengenai cara membuat pelaporan mengenai insiden atau individu yang berniat jahat dengan mewujudkan sistem aduan dalaman untuk memberi peluang kepada warga sekolah selain masyarakat luar sekolah untuk membuat aduan, komen, dan pandangan-pandangan mengenai sekolah berkenaan. Maklumat yang diperolehi boleh dijadikan panduan untuk menambahbaikkan lagi pengurusan aktiviti-aktiviti yang melibatkan sekolah.</li> </ul>
13.	Mempertingkatkan mutu disiplin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan disiplin yang konstruktif dalam bilik darjah penting bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Struktur peraturan atau disiplin mendidik para pelajar bertanggungjawab terhadap setiap tingkah lakunya.</li> <li>• Sekolah juga perlu menangani masalah ketidakhadiran pelajar khususnya melibatkan kes ponteng yang serius bagi mengelakkan impak kepada pencapaian akademik pelajar. Kegagalan akademik mendorong pelajar berasa rendah diri, kecewa dan hilang minat belajar dan berisiko terlibat dengan aktiviti agresif dan merosakkan harta benda awam.</li> </ul>
14.	Menjadikan “ <i>administrative guide</i> ” sebagai panduan dalam pengurusan sekolah:	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/ pentadbir <i>mewujudkan “Administrative guide”</i> bagi menguruskan sekolah dengan lebih sistematik dan berkesan.</li> <li>• “<i>Administrative guide</i>” boleh diwujudkan berdasarkan peraturan-peraturan yang ada di sekolah, dokumen-dokumen rasmi dari Kementerian Pelajaran Malaysia seperti Surat Pekeliling Ikhtisas, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Pekeliling Perkhidmatan, Fail Meja, Manual Prosedur Kerja, Arahan Perbendaharaan, surat-surat siaran dan panduan-panduan yang dikeluarkan berkaitan disiplin dan sebagainya.</li> </ul>

Sumber: Diubahsuai daripada Shamsiah, Shahrulbanun, dan Azaiah. (2005). Konsep dan Pelaksanaan Sekolah Selamat. Jurnal Pendidikan (2005), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara (UTM).

Program Perintah Khidmat Masyarakat (*Community Services Order*) juga merupakan satu aktiviti keselamatan yang menawarkan program pemulihan dalam komuniti. Program ini semirip program keadilan restoratif (*restorative justice programs*) iaitu pesalah dan mangsa akan bersemuka, berbincang dan mengambil satu kata putus iaitu saling bermaaf sekiranya pesalah benar-benar insaf akan perbuatan negatifnya dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatan tersebut pada masa akan datang. Perintah Khidmat Masyarakat membantu komuniti memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat dan menjadikan mereka sumber tenaga yang baik untuk dipergunakan oleh kerajaan dan agensi yang tidak berorientasikan keuntungan (Mohd Al-Adib, 2012). Perintah-perintah sedemikian hanya boleh dilakukan dengan persetujuan mangsa atas nasihat mahkamah. Perkara ini memberi peluang kepada mangsa untuk bersuara dengan mencadangkan kepada mahkamah jenis aktiviti khidmat masyarakat yang pesalah perlu lakukan. Antara kandungan aktiviti khidmat masyarakat termasuklah membersihkan taman rekreasi, membantu program komuniti, bekerja di rumah perlindungan, kerja-kerja pembersihan seperti mengecat, menggilap lantai dan menghilangkan graffiti (Mohd Al-Adib, 2012). Pendek kata, program “pemulihan” dalam komuniti ini merupakan alternatif terbaik kepada pemulihan pesalah dalam institusi.

### **5.3.2 Pengetahuan responden dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan**

Jadual 5.9 menunjukkan frekuensi tahap pengetahuan responden terhadap kewujudan aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan dalam komuniti. Daripada jadual di bawah didapati sebilangan besar responden tahu akan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan di tempat tinggal mereka. Misalnya, 74.8 peratus responden tahu mengenai penganjuran aktiviti Hari Keluarga dalam komuniti mereka. Sebanyak 81.0

peratus responden tahu mengenai penganjuran aktiviti gotong royong, 81.4 peratus tahu mengenai adanya aktiviti kenduri kendara, 74.3 peratus tahu mengenai adanya aktiviti-aktiviti berbentuk kesukarelawan, 79.0 peratus pula responden tahu ada aktiviti sambutan perayaan dalam komuniti mereka. Dapatan ini menunjukkan satu perkembangan yang baik apabila sebilangan besar kanak-kanak tahu aktiviti-aktiviti tersebut ada dijalankan di kawasan kejiranan mereka.

Jadual 5.9: Tahap Pengetahuan Responden terhadap Perlaksanaan Aktiviti-aktiviti Kemasyarakatan dalam Komuniti Mereka

Aktiviti kemasyarakatan dalam komuniti	Tidak tahu		Tahu		<i>Jumlah</i>	
	n	%	n	%	n	%
Hari Keluarga	53	25.2	157	74.8	210	100
Gotong-royong	40	19.0	170	81.0	210	100
Kenduri kendara	39	18.6	171	81.4	210	100
Sukarelawan	54	25.7	156	74.3	210	100
Sambutan/ jamuan perayaan	44	21.0	166	79.0	210	100

Jadual 5.10 pula pengkaji memaparkan data mengenai perkaitan pengetahuan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dengan penglibatan responden dalam tingkah laku antisosial. Hasil analisis Ujian Khi Kuasa Dua dan Cramer's V memberi keputusan ke semua item aktiviti kemasyarakatan menunjukkan hubungan yang signifikan pada aras keertian 0.05 ( $p < 0.05$ ). Dalam hal ini pengkaji percaya yang kanak-kanak dalam kajian ini mempunyai tahap pengetahuan secara am sahaja. Mereka hanya tahu aktiviti-aktiviti tersebut ada berlangsung dalam komuniti. Tetapi, mereka tidak tahu secara khusus atau mendalam apa fungsi program/ aktiviti tersebut? Malah, mereka juga mungkin langsung tidak tahu apa objektif atau matlamat program/ aktiviti tersebut. Pengkaji juga percaya jika ditanya siapa penganjur kepada program/ aktiviti-aktiviti tersebut berkemungkinan besar ada di antara mereka tidak mengetahuinya. Tiada pengetahuan atau maklumat mengenai program/ aktiviti tersebut menyebabkan kanak-kanak ini tidak menjiwai program kemasyarakatan yang dilakukan di tempat

tinggal mereka. Itu sebabnya pengetahuan mereka hanya setakat tahu aktiviti-aktiviti/program tersebut ada dijalankan dalam komuniti mereka. Namun pada masa yang sama tetap melakukan aktiviti antisosial.

Jadual 5.10: Perkaitan Tahap Pengetahuan Responden terhadap Perlaksanaan Aktiviti Kemasyarakatan dengan Pola Tingkah Laku Antisosial Mereka

Aktiviti kemasyarakatan dalam komuniti	Penglibatan dalam pola tingkah laku antisosial				Nilai $X^2$	$p$	Nilai Cramer's $V$	dk
	Tidak Terlibat		Terlibat					
	Tidak tahu	Tahu	Tidak tahu	Tahu				
Hari Keluarga	23 11.0%	30 14.3%	30 14.3%	127 60.5%	12.388	0.000	0.243	1
Gotong-royong	21 10.0%	32 15.2%	19 9.0%	138 65.7%	19.463	0.000	0.304	1
Kenduri-kendara	21 10.0%	32 15.2%	18 8.6%	139 66.2%	20.774	0.000	0.315	1
Sukarelawan	22 10.5%	31 14.8%	32 15.2%	125 59.5%	9.259	0.002	0.210	1
Sambutan/jamuan perayaan	22 10.5%	31 14.8%	22 10.5%	135 64.3%	18.088	0.000	0.293	1

Antara aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di komuniti PPA Desa Rejang dipaparkan seperti dalam Rajah 5.7 hingga Rajah 5.10. Rajah 5.7 misalnya, menunjukkan aktiviti mesyuarat pengawasan komuniti (*community policing*) di bilik gerakan atau post pengawasan komuniti PPA Desa Rejang. Mesyuarat ini diketuai oleh Ketua Balai Polis Wangsa Maju dan dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan. Antara agenda utama mesyuarat adalah laporan kes-kes jenayah terkini yang berlaku dalam kawasan PPA Desa Rejang. Mereka turut membuat perancangan aktiviti pencegahan jenayah seperti serbuan "*ambush*" untuk kawasan-kawasan panas "*hotspot*" yang dilaporkan oleh ahli-ahli komuniti. Dalam mempromosikan semangat perkongsian komuniti, pihak polis turut berbincang

mengenai perancangan aktiviti-aktiviti sosial yang dilaksanakan mengikut tema atau hari perayaan bersama-sama ahli-ahli *community policing*.



Rajah 5.7: Mesyuarat *Community Policing* PPA Desa Rejang di bilik gerakan

Rajah 5.8 memaparkan gambar ahli-ahli komuniti PPA Desa Rejang berniaga dalam Karnival Perpaduan. Aktiviti sebegini merupakan peluang kepada para penduduk menambahkan pendapatan selain melatih kanak-kanak turut serta dalam bidang keusahawanan. Usaha murni ini selaras dengan fungsi Program Pengawasan Komuniti iaitu sebagai intervensi mendayaupayakan aset sosial komuniti bermula daripada peringkat institusi keluarga dan berkembang dalam persekitaran kejiranan.



Rajah 5.8: Aktiviti berniaga di Hari Karnival Perpaduan PPA Desa Rejang



Rajah 5.9 memaparkan aktiviti-aktiviti bergotong royong yang dijalankan di PPA Desa Rejang. Aktiviti bergotong royong menanam pokok merupakan satu usaha menghijaukan persekitaran di samping memupuk semangat kerja sama penduduk di PPA Desa Rejang.



Rajah 5.9: Aktiviti menanam pokok dalam program gotong royong di PPA Desa Rejang

Manakala aktiviti penyembelihan haiwan korban merupakan aktiviti utama dalam perayaan Aidil Adha dan daging-daging korban diagihkan kepada penduduk-penduduk Islam di PPA Desa Rejang. Rajah 5.10 memaparkan gambar anggota-anggota polis *Community Policing* Wangsa Maju bekerjasama dengan penduduk-penduduk Desa Rejang melapah daging haiwan korban. Jelas, peranan polis bukan sahaja menguatkuasakan undang-undang tetapi mereka bebas menjalankan tugas sosial dalam meningkatkan kepuasan masyarakat terhadap kualiti dan usaha pihak polis meningkatkan perkongsian dan kepercayaan komuniti.

Secara dasarnya aktiviti sebegini sudah tentu melibatkan penglibatan orang dewasa. Namun demikian, penglibatan orang dewasa iaitu ibu bapa/ penjaga kanak-kanak secara tidak langsung mempengaruhi minda anak-anak untuk mengetahui aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan dalam komuniti mereka. Dalam masa yang sama, pendedahan ini menarik minat kanak-kanak untuk turut serta dalam aktiviti-aktiviti konvensional berbanding aktiviti-aktiviti antisosial. Pendekatan ini juga secara

tidak langsung membantu kerajaan dalam menangani masalah gejala sosial dalam kalangan ahli komuniti (Rashid, 2004).



Rajah 5.10: Aktiviti bergotong royong penyembelihan haiwan korban pada Hari Raya Aidil Adha di PPA Desa Rejang

#### **5.3.2.1 Aktiviti-aktiviti kemasyarakatan**

Aktiviti kemasyarakatan dalam komuniti merupakan intervensi untuk memupuk keharmonian dan kemesraan anggota masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, berbeza latar belakang agama, kebudayaan dan cara hidup (Mashitah et.al.,2009). Program pencelahan komuniti yang berkesan melibatkan musyawarah dalam kalangan ahli-ahli komuniti. Ia melibatkan kerjasama semua agensi dalam komuniti yang bertanggungjawab ke atas kepentingan sosial kanak-kanak (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009).

Di peringkat antarabangsa, Projek *The Village* merupakan antara contoh projek kolaborasi masyarakat yang menawarkan pelbagai intervensi program berbentuk pendidikan berasaskan perkhidmatan komuniti (*community service*). *The Village* yang dilaksanakan di Amerika Syarikat menyediakan program intervensi kepada kanak-kanak berisiko dan ibu/ bapa tunggal demi kelangsungan hidup yang lebih baik dalam komuniti. Terdapat empat jenis perkhidmatan utama disediakan dalam projek *The*

*Village* iaitu; (i) intervensi awal, sokongan komuniti dan pencegahan (*prevention, community support and early intervention*); (ii) pusat trauma/ bimbingan kesihatan tingkah laku pesakit luar (*outpatient behavioral health/ trauma center*); (iii) rawatan kediaman dan komuniti intensif (*intensive community/ residential treatment*); dan (iv) penjagaan terapeutik, pengangkatan dan kelestarian keluarga (*therapeutic foster care, adoption and family preservation*) (*The Village: Prevention, Community Support and Early Intervention*, 2014).

Bagi perkhidmatan pertama iaitu intervensi awal, sokongan komuniti dan pencegahan, sukarelawan *The Village* menyediakan keperluan asas kepada keluarga yang menghadapi krisis. Mereka membantu individu atau keluarga yang menghadapi masalah kewangan dari segi keperluan makanan, pakaian dan kelengkapan atau perabot rumah. Sukarelawan terlatih *The Village* turut memberi sokongan dari segi akademik dengan menawarkan pusat pembelajaran awal untuk kanak-kanak prasekolah dan program pencegahan ponteng sekolah kepada para remaja berisiko. Selain itu, *The Village* menawarkan khidmat nasihat dan pendidikan kepada golongan ibu bapa yang berdepan dengan ketidakstabilan ekonomi. Program kemahiran keibubapaan turut dimasukkan dalam program-program mereka bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan.

Perkhidmatan kedua, iaitu pusat trauma/ bimbingan kesihatan tingkah laku pesakit luar menumpukan kepada pembangunan atau perkembangan kesihatan mental kanak-kanak. Mereka memberi rawatan psikoterapi secara intensif kepada kanak-kanak yang trauma akibat didera, kanak-kanak yang menghadapi tekanan akibat masalah keganasan rumah tangga, berhadapan dengan ibu bapa yang menghadapi masalah kesihatan mental akibat penggunaan dadah dan sebagainya. Rawatan trauma dan pengurusan kes secara komprehensif dijalankan dalam perkhidmatan yang dinamakan

“*Child First*” ini adalah untuk membina daya ketahanan kanak-kanak dalam menghadapi tekanan dalam kehidupan mereka. Sesi terapeutik ibu bapa atau penjaga bersama-sama kanak-kanak turut diadakan untuk menyokong dan mengeratkan hubungan antara ibu bapa/ penjaga dengan kanak-kanak. Program yang dinamakan sebagai “*Child-Parent Psychotherapy*” ini adalah salah satu cara untuk memulihkan kognitif, fungsi tingkah laku dan sosial kanak-kanak tersebut.

Program Multidimensi Terapi keluarga atau “*Multidimensional Family Therapy*”(MDFT) juga merupakan salah satu program yang unik dan berkesan kerana melibatkan remaja dan ahli keluarga mereka dalam mengurang atau menghapuskan ketagihan penyalahgunaan dadah. Program ini membangunkan gaya hidup yang sihat, dan meningkatkan fungsi keluarga secara keseluruhan dengan mengukuhkan hubungan dan memupuk komunikasi yang sihat antara kanak-kanak dan ibu bapa/ penjaga. Hal sedemikian mampu menaikkan keyakinan dan harga diri ibu bapa dalam menyokong anak-anak mereka untuk berjaya dalam pelajaran dan kehidupan. Kanak-kanak atau ibu bapa yang menghadapi masalah perlu berhubung dengan pusat sumber daya keluarga (*family resource center*) di sekolah-sekolah untuk meminta bantuan daripada *The Village*. Selain itu, kakitangan *The Village* juga membuat lawatan ke rumah (*home visit*) untuk mencari kanak-kanak yang berisiko dan memerlukan bantuan (*The Village: Prevention, Community Support and Early Intervention*, 2014).

Lazimnya dalam konteks tempatan, aktiviti kemasyarakatan sering dikaitkan dengan penubuhan KRT dan JKKK. Berbanding JKKK yang beroperasi di kawasan luar bandar, tumpuan operasi KRT adalah di kawasan bandar dan pinggir bandar. Program-program kemasyarakatan berbentuk sukarela ini diwujudkan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan NGO mahupun persendirian dalam membantu

pembangunan masyarakat setempat dari pelbagai aspek. Kerajaan menggalakkan KRT menganjurkan seberapa banyak kegiatan berbentuk kemasyarakatan, kebajikan, kesihatan dan alam sekitar, sosial, kesukanan, rekreasi, kesenian, keselamatan dan pendidikan selain program yang meningkatkan perpaduan dan intergrasi kaum (Mashitah et al., 2009). Dalam KRT, terdapat juga penubuhan Tunas Jiran dan Jiran Muda bagi memupuk semangat kejiwaan pada diri kanak-kanak.

Selain itu, di bawah konsep Pembangunan Komuniti, pendekatan pendampingan sosial (*social outreach*) telah diperkenalkan untuk membantu golongan-golongan yang terpinggir seperti anak yatim, golongan berisiko tinggi, ibu tunggal, remaja bermasalah, bekas penagih, orang kelainan upaya dan sebagainya di dalam komuniti Rukun Tetangga. Aktiviti gotong-royong antara aktiviti yang sering diadakan dalam sesebuah komuniti. Aktiviti ini bukan sahaja tertumpu pada aktiviti membersihkan kawasan kejiwaan tetapi juga aktiviti memasak juadah dalam menjayakan sesuatu program atau kenduri-kendara. Gotong-royong merupakan satu aktiviti kerjasama yang dilakukan oleh sesebuah masyarakat yang bertujuan untuk menjaga kebajikan (*communal support*) setiap individu dalam masyarakat tersebut (Zamri, 2004).

### **5.3.3 Pengetahuan responden dalam aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi**

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menyenaraikan program Rakan Muda, aktiviti kesukanan seperti bola sepak dan sukaneka, aktiviti perkhemahan, kebudayaan, seni mempertahankan diri, persatuan beruniform dan aktiviti lawatan sambil belajar sebagai aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi di PPA Desa Rejang. Aktiviti-aktiviti tersebut merupakan aktiviti lazim dijalankan di PPA Desa Rejang. Data dalam Jadual 5.11 menunjukkan frekuensi dan peratusan responden yang tahu akan pelaksanaan aktiviti-

aktiviti berbentuk sukan dan rekreasi dalam kawasan kediaman mereka mencatatkan jumlah yang lebih tinggi berbanding dengan aktiviti-aktiviti sosial yang lain.

Jadual 5.11: Tahap Pengetahuan Responden terhadap Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Rekreasi dalam Komuniti Mereka

Aktiviti sukan dan rekreasi dalam komuniti	Tidak tahu		Tahu		Jumlah	
	n	%	n	%	n	%
Rakan Muda	52	24.8	158	75.2	210	100.0
Sukan	35	16.7	175	83.3	210	100.0
Perkemahan/ Kembara	52	24.8	158	75.2	210	100.0
Kebudayaan	36	17.1	174	82.9	210	100.0
Seni mempertahankan diri	45	21.4	165	78.6	210	100.0
Persatuan beruniform	58	27.6	152	72.4	210	100.0
Lawatan sambil belajar	49	23.3	161	76.7	210	100.0

Sebanyak 83.3 peratus responden tahu mengenai aktiviti berbentuk kesukan seperti sukaneka, pertandingan bola sepak dan senam robik dalam komuniti mereka. 82.9 peratus responden tahu mengenai aktiviti berbentuk kebudayaan seperti aktiviti tarian dan nyanyian peringkat kanak-kanak dalam komuniti. Persembahan dan pertandingan aktiviti-aktiviti berbentuk kebudayaan lazimnya dibuat untuk majlis-majlis rasmi dalam PPA Desa Rejang. Sebanyak 78.6 peratus tahu mengenai aktiviti-aktiviti seni mempertahankan diri seperti aktiviti silat dan taekwando ada dilaksanakan dalam komuniti mereka. Sebanyak 76.7 peratus responden tahu mengenai anjuran aktiviti lawatan sambil belajar di dalam kediaman mereka. 75.2 peratus responden tahu mengenai aktiviti Rakan Muda dan aktiviti perkhemahan atau kembara. 72.4 peratus pula tahu mengenai kewujudan persatuan beruniform dalam komuniti mereka. Jadual 5.12 pula membentangkan keputusan perkaitan pengetahuan pelaksanaan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi dengan penglibatan responden dalam tingkah laku antisosial. Hasil analisis Ujian Khi Kuasa Dua dan Cramer's V memberi keputusan ke semua ítem/aktiviti kemasyarakatan menunjukkan hubungan yang signifikan pada aras keertian 0.05 ( $p < 0.05$ ).

Jadual 5.12: Perkaitan Tahap Pengetahuan Responden tentang Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Rekreasi dengan Pola Tingkah Laku Antisozial Mereka

Aktiviti sukan dan rekreasi dalam komuniti	Penglibatan dalam pola tingkah laku antisozial				Nilai $X^2$	$p$	Nilai Cramer's $V$	dk
	Tidak Terlibat		Terlibat					
	Tidak tahu	Tahu	Tidak tahu	Tahu				
Rakan Muda	23 11.0%	30 14.3%	29 13.8%	128 61.0%	13.213	0.000	0.251	1
Sukan	19 9.0%	34 16.2%	16 7.6%	141 67.1%	18.782	0.000	0.299	1
Perkemahan/ Kembara	23 11.0%	30 14.3%	29 13.8%	128 61.0%	13.213	0.000	0.251	1
Kebudayaan (tarian dan nyanyian)	21 10.0%	32 15.2%	15 7.1%	142 67.6%	25.221	0.000	0.347	1
Seni mempertahankan diri	24 11.4%	29 54.7%	21 10.0%	136 64.8%	23.959	0.000	0.338	1
Persatuan beruniform	24 11.4%	29 13.8%	34 16.2%	123 58.6%	11.065	0.001	0.230	1
Lawatan sambil belajar	22 10.5%	31 14.8%	27 12.9%	130 61.9%	13.092	0.000	0.250	1

Serupa dengan aktiviti kemasyarakatan dan keselamatan, dapatan ini turut menggambarkan semakin tinggi tahap pengetahuan kanak-kanak mengenai pelaksanaan aktiviti sukan dan rekreasi dalam komuniti mereka semakin meningkat penglibatan mereka dalam pola tingkah laku antisozial. Kewujudan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi yang dianjurkan dalam PPA Desa Rejang masih tidak mampu mencegah sebahagian kanak-kanak PPA Desa Rejang daripada terlibat dengan aktiviti antisozial. Rajah 5.11 hingga Rajah 5.14 pula memaparkan antara aktiviti atau program yang dilaksanakan di bawah anjuran Program Pengawasan Komuniti PPA Desa Rejang. Rajah 5.11 misalnya menunjukkan gambar kanak-kanak bersama orang dewasa berkesan iaitu AJK KRT PPA Desa Rejang dalam suatu pertandingan futsal. Pertandingan sukan atau aktiviti sukan dan rekreasi di komuniti PPA Desa Rejang lazimnya di bawah anjuran pihak pengurusan perumahan DBKL. Program yang

dirancang adalah berbentuk berkala dan berstruktur seperti Program Karnival Jom Sihat 1Malaysia dan Karnival Perpaduan.



Rajah 5.11: Aktiviti pertandingan sukan futsal kanak-kanak di PPA Desa Rejang

Rajah 5.12 menunjukkan “*banner*” bagi mempromosikan program “Anak-anakku Sayang”. Sepanjang penganjuran program tersebut pelbagai aktiviti menarik diadakan untuk komuniti dewasa dan kanak-kanak seperti pertandingan futsal, pertandingan mewarna, senam robik, pameran kesihatan, pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan, sukaneka, demo masakan, tarian tradisonal, tayangan wayang pacak dan sebagainya. Aktiviti sihat dan mesra sebegini bertujuan memberi pengetahuan dan merapatkan silaturahmi antara orang dewasa dan kanak-kanak dalam komuniti mereka.



Rajah 5.12: *Banner* mempromosi program “Anak-anakku Sayang” anjuran Tunas Jiran KRT PPA Desa Rejang



Aktiviti sukan dan rekreasi ini merupakan aktiviti lazim waktu senggang kanak-kanak. Kanak-kanak menghabiskan masa lapang mereka untuk keluar bermain bersama rakan-rakan di padang permainan. Aktiviti-aktiviti sebegini lebih berbentuk tidak berstruktur atau tidak formal iaitu mereka merancang mengikut kreativiti dan melakukan aktiviti-aktiviti atas kelapangan dan minat masing-masing seperti bermain bola sepak dan badminton. Aktiviti sukan yang berstruktur seperti senamrobik dirancang oleh ahli-ahli KRT dalam memupuk kesedaran menjaga kesihatan dalam kalangan penduduk PPA Desa Rejang (Rajah 5.13). Rajah 5.14 pula memaparkan gambar Ketua Balai Polis Wangsa Maju bergambar bersama kanak-kanak PPA Desa Rejang yang menyertai aktiviti tarian tradisional dari kelab kebudayaan *Community Policing* Desa Rejang. Implikasi daripada aktiviti sebegini ia dapat menjalinkan hubungan yang erat antara polis dan orang awam.



Rajah 5.13: Aktiviti senaman pagi KRT bersama ahli-ahli komuniti Desa Rejang



Rajah 5.14: Aktiviti kebudayaan *Community Policing* Desa Rejang

### **5.3.3.1 Aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi**

Sukan merupakan segala aktiviti atau kegiatan yang memerlukan ketangkasan atau kemahiran serta tenaga seperti permainan bola sepak, berenang, tenis, lumba lari, badminton dan sebagainya. Sukan dilakukan sebagai acara hiburan iaitu sama ada untuk tujuan pertandingan mahupun kegiatan untuk menyihatkan badan. Rekreasi pula adalah suatu kegiatan yang menyeronokkan yang boleh menyegarkan kembali kesihatan badan dan melapangkan fikiran. Sebagai contoh aktiviti perkhemahan, *rock climbing*, *scuba diving*, *abseiling* dan *jungle tracking* (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2012).

Program Rakan Muda adalah satu program pencelahan komuniti yang menonjol dan popular yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan sejak tahun 1994. Orientasi program Rakan Muda lebih menjurus kepada usaha-usaha menyediakan pelbagai sumber sosial untuk kanak-kanak berhadapan dengan faktor-faktor risiko yang ada dalam persekitarannya. Menurut Menteri Belia dan Sukan, YB Khairy Jamaludin, program Rakan Muda masih aktif dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan masih menjadi antara agenda penting bagi memenuhi aktiviti gaya hidup belia dan remaja di seluruh negara (Harian Metro, 3 Julai 2013). Aktiviti dan program sosial yang dirancang di bawah Program Rakan Muda menyediakan pelbagai kemudahan dan aktiviti sosial yang konvensional yang terancang dan bersepadu untuk mengisi waktu lapang atau terluang kanak-kanak. Pada tahun 2008, Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi (Perdana Menteri Malaysia ke-5) telah melancarkan program Rakan Muda Fasa II iaitu kesinambungan kepada program Rakan Muda yang pertama. Program yang dilaksanakan berasaskan transformasi falsafah pelaksanaan dari fokus individu kepada fokus komuniti (Kementerian Belia dan Sukan, 2014). Justeru itu, pelaksanaan program ini di peringkat komuniti perlu dirancakkan agar remaja dan belia dalam

sesebuah komuniti berpeluang menyertai aktiviti-aktiviti “*outdoor*” yang sihat dan berfaedah bagi mengelak mereka daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti antisosial.

### 5.3.4 Pengetahuan Responden dalam aktiviti-aktiviti pendidikan

Jadual 5.13, memaparkan data mengenai frekuensi pengetahuan responden terhadap kewujudan aktiviti-aktiviti berbentuk pendidikan dalam membentuk sahsiah dan jati diri serta ilmu berkaitan jenayah dan pencegahan jenayah dalam komuniti mereka. Aktiviti pendidikan yang dianjurkan dalam komuniti PPA Desa Rejang terdiri daripada kempen keselamatan diri dan harta benda, kempen kesihatan, ceramah keagamaan, kelas mengaji al Quran dan kitab dan bengkel-bengkel motivasi. Jadual 5.10 menunjukkan kempen kesihatan mencatatkan 79.5 peratus responden tahu berbanding 20.5 peratus tidak tahu, sebanyak 71.0 peratus responden tahu mengenai kempen keselamatan berbanding 29.0 peratus tidak tahu akan kewujudan aktiviti ini dalam komuniti mereka, 75.2 peratus tahu mengenai anjuran ceramah berbentuk keagamaan berbanding tidak tahu sebanyak 24.8 peratus, 70.0 peratus tahu mengenai kelas mengaji al Quran atau kitab agama dan 70.5 peratus tahu mengenai bengkel motivasi yang dianjurkan di PPA Desa Rejang.

Jadual 5.13: Tahap Pengetahuan Responden terhadap Pelaksanaan Aktiviti Pendidikan dalam Komuniti Mereka

Aktiviti pendidikan dalam komuniti	Tidak tahu		Tahu		Jumlah	
	n	%	n	%	N	%
Kempen keselamatan diri dan harta benda	61	29.0	149	71.0	210	100
Kempen kesihatan	43	20.5	167	79.5	210	100
Ceramah keagamaan	52	24.8	158	75.2	210	100
Kelas mengaji al-Quran/ Kitab	63	30.0	147	70.0	210	100
Bengkel motivasi	62	29.5	148	70.5	210	100

Jadual 5.14 pula memaparkan data mengenai perkaitan pengetahuan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendidikan dengan penglibatan responden dalam tingkah laku antisosial. Hasil analisis Ujian Khi Kuasa Dua dan Cramer's V memberi keputusan ke semua item/aktiviti pendidikan menunjukkan hubungan yang signifikan pada aras keertian 0.05 ( $p < 0.05$ ) kecuali untuk aktiviti bengkel keibubapaan yang tidak signifikan pada aras keertian 0.05 ( $p = 0.062$ ).

Jadual 5.14: Perkaitan Tahap Pengetahuan Responden tentang Pelaksanaan Aktiviti Pendidikan dan Pola Tingkah Laku Antisosial Mereka

Aktiviti pendidikan dalam komuniti	Penglibatan dalam pola tingkah laku antisosial				Nilai $X^2$	$p$	Nilai Cramer's V	dk
	Tidak Terlibat		Terlibat					
	Tidak tahu	Tahu	Tidak tahu	Tahu				
Kempen keselamatan diri dan harta benda	25 11.9%	28 13.3%	36 17.1%	121 57.6%	11.29 6	0.001	0.232	1
Kempen kesihatan	23 11.0%	30 14.3%	20 9.5%	137 65.2%	22.87 1	0.000	0.330	1
Ceramah keagamaan	22 10.5%	31 14.8%	30 14.3%	127 60.5%	10.67 3	0.001	0.225	1
Kelas mengaji al-Quran/ Kitab	22 10.5%	31 14.8%	41 19.5%	116 55.2%	4.472	0.034	0.146	1
Bengkel motivasi	21 10.0%	32 15.2%	41 19.5%	116 55.2%	3.475	0.062	0.129	1

Dapatan tersebut serupa dengan perkaitan tahap pengetahuan mereka terhadap aktiviti-aktiviti keselamatan, kemasyarakatan dan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi di tempat tinggal mereka dengan pola tingkah laku responden. Di mana pola tingkah laku antisosial masih tinggi walaupun pengetahuan responden terhadap kewujudan aktiviti-aktiviti pendidikan juga tinggi.

Rajah 5.15 hingga Rajah 5.18 memaparkan aktiviti-aktiviti pendidikan yang dianjurkan dalam komuniti PPA Desa Rejang. Aktiviti-aktiviti berbentuk pendidikan tersebut adalah seperti kempen Kesedaran Pencegahan Jenayah, pameran-pameran metod pembuatan jenayah (*modus operandi*), program rondaan polis atau “*omnipresence*” dan aktiviti berbentuk keagamaan. Aktiviti-aktiviti berbentuk pendidikan ini bertujuan untuk menyalurkan sebarang maklumat seiring dengan objektif kempen atau program tertentu. Rajah 5.15 misalnya, menunjukkan pelbagai pameran pencegahan jenayah yang dipamerkan seperti jenis-jenis dadah sintetik, aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah dan logistik-logistik terkini PDRM dan sebagainya.



Rajah: 5.15: Pameran-pameran dalam kempen kesedaran pencegahan jenayah di pusat beli belah Wangsa Walk, Setapak

Rajah 5.16 pula menunjukkan antara kanak-kanak yang hadir dan berminat untuk melihat pameran *African Scam* di program kempen kesedaran pencegahan jenayah di pusat beli belah *Wangsa Walk*, Setapak. Kempen kesedaran pencegahan jenayah ini merupakan aktiviti yang kerap dilakukan oleh YPJM bersama-sama PDRM, Kementerian dan agensi-agensi yang relevan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai bahawa memerangi jenayah adalah tanggungjawab bersama.



Rajah 5.16: Pameran “*African Scam*” dalam kempen pencegahan jenayah di pusat beli belah Wangsa Walk, Setapak

Rajah 5.17 pula memaparkan gambar aktiviti “*omnipresence*” polis dalam tinjauan mesra oleh anggota polis *Community Policing* bersama kanak-kanak di PPA Desa Rejang.



Rajah 5.17: Tinjauan mesra anggota polis *Community Policing* bersama kanak-kanak PPA Desa Rejang

Rajah 5.18 menunjukkan gambar ahli-ahli komuniti dewasa bersama kanak-kanak menyertai perarakan sempena sambutan “Maulidur Rasul di PPA Desa Rejang. Lazimnya terdapat aktiviti-aktiviti lain seperti ceramah keagamaan dan jamuan selepas mereka berarak dan berselawat ke atas Nabi. Aktiviti sebegini dapat menambah ilmu pengetahuan dan membentuk jati diri kanak-kanak Muslim di PPA Desa Rejang.





5.18: Perarakan sempena sambutan “Maulidur Rasul” di PPA Desa Rejang

#### **5.3.4.1 Aktiviti-aktiviti pendidikan**

Aktiviti atau program berbentuk pendidikan atau kempen kesedaran pencegahan jenayah merupakan inisiatif utama PDRM bersama YPJM dan agensi-agensi relevan yang lain dalam langkah awal mencegah jenayah. Jal Zabdi (2010) dalam bukunya bertajuk “Jenayah Penderaan Kanak-kanak” menyatakan pada tahap pencegahan primer, masyarakat harus didedahkan kepada isu-isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak sama ada mengenai kesannya terhadap mangsa atau pendera itu sendiri, keluarga dan negara. Di samping itu, maklumat mengenai bentuk hukuman yang dijatuhkan bagi sesuatu kesalahan atau jenayah yang dilakukan turut berfungsi sebagai ‘pencegahan umum’ atau ancaman kepada mereka yang berpotensi untuk melakukan kesalahan berkenaan (Jal Zabdi, 2010). Perkongsian maklumat tersebut melalui kempen-kempen kesedaran program pencegahan jenayah atau program-program lain dapat meningkatkan tahap kesedaran dan pendidikan orang awam dalam membanteras jenayah dan sebagainya.

Selain daripada penganjuran kempen-kempen, PDRM turut melancarkan program Sekolah Angkat Polis dalam usaha memberi pendidikan berkaitan jenayah dan pencegahannya. Program ini semirip dengan projek Sekolah Angkat Polis di Amerika Syarikat. Secara amnya, program ini bermatlamat merapatkan lagi hubungan antara polis dan pelajar sekolah. Antara aktiviti program Sekolah Angkat Polis adalah kemotivasi dan kepimpinan, pertandingan pidato, lawatan ke muzium Polis dan Penjara serta kursus Kepimpinan Pegawai Kor Kadet Polis. Malah terdapat Program Mentor Mentee oleh Pegawai Perhubungan Polis dan pihak sekolah bekerjasama mengenal pasti isu atau masalah tingkah laku pelajar-pelajar yang memerlukan perhatian dari segi disiplin dan sebagainya. Program ini menitik berat tentang pembangunan modal insan dengan memantapkan sahsiah dan jati diri pelajar-pelajar untuk menjadi generasi pelapis yang cemerlang dan bebas daripada jenayah. Di peringkat kontijen Kuala Lumpur terdapat 10 buah sekolah yang terpilih dalam program Sekolah Angkat Polis antaranya SMK (P) Pudu, SMK (L) Methodist, SMK Seri Sentosa, SMK Presint 14 (1), Putrajaya (PDRM, 2013).

Di peringkat antarabangsa, program/ projek Sekolah Angkat Polis terutamanya di Amerika Syarikat merupakan projek kondusif yang mengandungkan pegawai polis dan guru sekolah dalam membanteras penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah dan aktiviti antisosial lain. Projek tersebut disebut sebagai *Drug Abuse Resistance Education* (DARE) yang dilaksanakan di Amerika Syarikat semenjak tahun 1971. Projek berbentuk pendidikan ini dianggap unik dan istimewa kerana pegawai polis yang lengkap berpakaian uniform datang ke sekolah dan memberi maklumat dan mesej kepada murid-murid di dalam kelas mengenai bahaya penyalahgunaan dadah. Mereka memberi fokus kepada kanak-kanak peringkat sekolah rendah dengan mengajar kemahiran menolak tekanan atau ajakan rakan sebaya, kemahiran membuat keputusan



dan membantu membina konsep sendiri kanak-kanak. Program yang dibangunkan atas kerjasama agensi Polis dan jabatan pendidikan banyak memberi faedah kepada kanak-kanak di samping dapat menghilangkan stigma atau label negatif mengenai polis dalam minda kanak-kanak.

Penerapan aktiviti pendidikan konvensional berbentuk keagamaan seperti ceramah agama di surau/ masjid adalah bertujuan untuk pengisian rohani dalam pembentukan akhlak yang baik. Kelas mengaji al-Quran juga merupakan aktiviti konvensional bagi umat Islam. Lazimnya kanak-kanak ini mengaji al-Quran secara individu sebanyak lima kali seminggu di rumah-rumah ustad/ ustazah atau individu dewasa yang berkebolehan atau mengajar mengaji al-Quran. Amalan membaca al-Quran merupakan satu keperluan dan juga tanggungjawab secara *Fardu Ain* kepada umat Islam untuk mahir membaca al-Quran, apatah memahami dan mengamalnya. Justeru itu, bukan sahaja isi al-Quran yang menjadi panduan hidup manusia, malah membacanya juga dapat menenangkan jiwa dan merupakan suatu ibadat. Hal ini dapat dilihat dengan jelas menerusi hadis:

“ ...Tidak berhimpunnya satu-satu kaum itu di rumah Allah membaca ayat-ayat al-Quran dan mempelajarinya melainkan turun ke atasnya ketenangan, diliputi dengan rahmat Allah dan Allah sentiasa menyebut mereka”

(Engkizar, 2011).

Kanak-kanak digalakkan mempelajari dan mengaji al-Quran pada peringkat awal, kerana membaca al-Quran akan menanam benih-benih keimanan ke dalam jiwa kanak-kanak (Ibnu Khaldun (2002) dalam Engkizar, 2011). Nur Hanis (2012), dalam dapatan kajiannya mendapati murid-murid Tahun Empat mampu membaca kalimah al-Quran dengan baik dan betul serta lebih yakin melibatkan diri dan memberi kerjasama

yang baik dalam aktiviti yang dijalankan impak daripada transformasi kaedah pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam mata pelajaran al-Quran.

Pendek kata, program atau kempen pendidikan dan aktiviti-aktiviti konvensional yang berkesan berupaya memupuk nilai-nilai sosial yang positif dalam pembangunan jati diri individu serta menimbulkan kesedaran anggota masyarakat khususnya kanak-kanak dalam tanggungjawab bersama mencegah jenayah di samping mengekang diri mereka daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti antisosial atau menjadi mangsa jenayah.

#### **5.4 Tahap Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti di Komuniti Mereka**

Dalam mana-mana program sosial yang berasaskan pembangunan komuniti, penyertaan atau penglibatan anggota komuniti merupakan pra-syarat utama kejayaan program tersebut. Dalam konteks pembangunan komuniti, Haris dan Abd. Hadi (2012) menyatakan penglibatan dalam pelaksanaan ialah kerelaan seseorang yang menjadi ahli bertindak balas secara positif terhadap projek dan aktiviti yang ditawarkan dalam program pembangunan komuniti. Menurut beliau mungkin terdapat kekaburan antara penglibatan dalam pelaksanaan dengan penerimaan manfaat daripada program. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam sesuatu program tidak menjamin seseorang itu memperoleh manfaat (Haris & Abd. Hadi 2012). Namun, penglibatan individu dalam program-program sosial mempunyai kaitan dengan kejayaan pelaksanaan dan pencapaian matlamat program tersebut.

Banyak manfaat yang diperoleh hasil daripada penyertaan masyarakat setempat, antaranya menjangka dan menghindari persengketaan yang mungkin wujud, meramalkan impak daripada tindakan yang dicadang, mengumpul dan menyebarkan maklumat, mengetengahkan kepakaran tempatan supaya pihak berkuasa mempelajari idea-idea baru dan alternatif-alternatif untuk dicadang dan dipertimbangkan dalam rancangan dan tindakan mereka, dan menyelesaikan persengketaan yang berlaku (Applestrand, 2002 dalam Haliza, 2010). Dalam konteks penglibatan ibu bapa dalam aktiviti dan program sekolah, turut memberi kesan terhadap pencapaian pelajar dan mampu membendung masalah disiplin pelajar (Lee & Bowen, 2006 dalam Abd Razak & Noraini, 2011). Abd. Razak dan Noraini (2011) dalam kajian mereka mendapati penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah mempunyai hubungan yang signifikan dalam menjana kecemerlangan anak-anak. Dapatan analisis Regresi Pelbagai menunjukkan gabungan amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan menyumbang sehingga 41.1 peratus kepada penglibatan ibu bapa ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Rancangan Malaysia KeSembilan tahun 2006-2010, turut menyatakan galakan penglibatan yang lebih besar masyarakat tempatan dan badan bukan kerajaan dalam usaha memupuk pembangunan keluarga dan masyarakat.

Modul penglibatan kanak-kanak dalam sesuatu program sosial mencadangkan satu taksonomi aktiviti-aktiviti sosial, mengikut tahap-tahapnya, yang perlu ada dalam penyertaan sosial (Levasseur et al., 2010). Ringkasnya taksonomi ini bermula dari tahap pertama hingga tahap keenam iaitu aktiviti bermula dengan memenuhi keperluan asasi kanak-kanak sehinggalah berakhir dengan aktiviti-aktiviti di mana kanak-kanak tersebut memberi sumbangan yang lebih besar kepada masyarakat yang dianggotainya. Penjelasan terperinci mengenai taksonomi ini terdapat di dalam Bab Tujuh tesis ini.

Taksonomi penyertaan sosial kanak-kanak ini menyokong prinsip hierarki keperluan manusia oleh Maslow (1954) yang aturannya mempunyai impak yang besar terhadap proses perancangan, penyediaan, pengagihan dan penyampaian perkhidmatan kebajikan sosial (Siti Hajar, 2006). Aturan hierarki keperluan manusia adalah pertama; keperluan fisiologi: makanan, minuman yang berzat dan mencukupi, kesihatan yang baik dan sebagainya; kedua, keperluan keselamatan dan perlindungan: perlindungan daripada ancaman bahaya, tempat tinggal yang selamat dan sebagainya; ketiga, keperluan sosial: kasih sayang, diterima sebagai anggota masyarakat dan sebagainya; ketiga, keperluan sendiri: menghormati diri sendiri, keyakinan diri dan sebagainya; keempat, keperluan pemenuhan diri: keperluan untuk memajukan diri, kreativiti dan sebagainya; kelima, keperluan ilmu pengetahuan dan pemahaman: memenuhi sifat ingin tahu, menganalisis maklumat dengan berkesan dan sebagainya; dan; keenam, keperluan estetika: kesusasteraan, muzik dan kesenian (Siti Hajar, 2006).

Pendek kata, penglibatan kanak-kanak dalam program-program sosial memerlukan elemen fizikal dan sosial yang dapat memenuhi keperluan mereka seterusnya menggalakkan kanak-kanak menyertai dan menikmati manfaat yang disediakan dan akhirnya membolehkan mereka menyumbang sesuatu kepada masyarakat secara amnya.

Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, penglibatan kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti hanya diukur menerusi penglibatan mereka dalam bentuk perlaksanaan dan perkongsiaan manfaat. Berkaitan hal ini, pengkaji telah meminta responden menyatakan tahap penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan dalam Program Pengawasan Komuniti. Empat aktiviti utama iaitu aktiviti berbentuk kemasyarakatan, keselamatan, sukan dan rekreasi dan pendidikan

telah dianalisis menggunakan skala Likert 1= tidak aktif, 2= kurang aktif dan 3=aktif. Penglibatan tidak aktif di sini bermaksud responden tidak pernah atau hanya sekali melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan dalam komuniti mereka. Penglibatan kurang aktif pula bermaksud responden pernah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang disenaraikan lebih daripada sekali tetapi tidak selalu. Manakala penglibatan aktif pula bermaksud responden kerap melibatkan diri atau hampir setiap kali aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti dianjurkan di tempat tinggal mereka.

Kajian ini mendapati, secara keseluruhannya kanak-kanak dalam kajian ini terlibat dalam Program Pengawasan Komuniti. Majoriti responden iaitu 60.5 peratus memperoleh skor di antara 29 hingga 48, iaitu pada tahap kurang aktif (Jadual 5.15). Bilangan responden yang berada pada tahap aktif iaitu mendapat skor lebih daripada 49 sebanyak 21.0 peratus dan tidak aktif pula adalah sebanyak 18.6 peratus apabila mendapat skor kurang daripada 28. Keseluruhannya, penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti sosial di bawah Program Pengawasan Komuniti boleh dikatakan berada pada tahap yang agak memuaskan.

Jadual 5.15: Tahap Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti di Komuniti Mereka

Program Pengawasan Komuniti	Frekuensi	Peratusan
Tidak aktif (skor < 28)	39	18.6
Kurang aktif (skor 29 hingga 48)	127	60.5
Aktif (skor > 49)	44	21.0
<i>Jumlah</i>	210	100.0

Skor purata=39.10      Sisihan piawai=10.65  
 Skor minimum= 23      Skor maksimum=69

Maklumat dalam Jadual 5.16 pula menerangkan perkaitan antara tahap penglibatan responden dalam Program Pengawasan Komuniti dengan penglibatan responden dalam pola tingkah laku antisosial. Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dan Cramer's V menunjukkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 28.974 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.371 pada aras keertian 0.05 ( $p=0.000$ ). Keputusan ini menunjukkan wujud perkaitan yang signifikan antara tahap penglibatan responden dalam pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti dengan penglibatan mereka dalam pola tingkah laku antisosial. Dalam hal ini, pengkaji mendapati ketidak aktifan responden dalam aktiviti-aktiviti prososial mampu menyebabkan mereka cenderung terlibat dengan perlakuan antisosial. Hampir separuh (49.5 peratus) responden yang kurang aktif terlibat dalam aktiviti-aktiviti sosial terlibat dengan perlakuan antisosial.

Jadual 5.16: Perkaitan Tahap Penglibatan dalam Program Pengawasan Komuniti dengan Pola Tingkah Laku Antisosial Responden

Tahap penglibatan dalam Program Pengawasan Komuniti	Tahap penglibatan dalam pola tingkah laku antisosial				Nilai $X^2$	P	Nilai Cramer's V	dk
	Tidak terlibat		Terlibat					
	n	%	n	%				
Tidak aktif	23	11.0	16	7.6	28.974	0.000	0.371	2
Kurang aktif	23	11.0	104	49.5				
Aktif	7	3.3	37	17.6				
<i>Jumlah</i>	53	25.3	157	74.7				

Dapatan ini selari dengan dapatan Siti Hajar (2009), iaitu penglibatan kanak-kanak dalam tingkah laku antisosial mempunyai hubungan yang signifikan dengan penglibatan mereka dalam pertubuhan atau kelab sosial yang terdapat dalam komuniti. Responden yang terlibat dengan pertubuhan atau kelab sosial, kerja-kerja sukarela dan kemasyarakatan adalah kurang berisiko untuk terlibat dengan aktiviti antisosial. Penglibatan kanak-kanak dalam pertubuhan sosial mampu bertindak sebagai faktor pelindung yang mampu menghalang dan mengurangkan mereka terlibat dengan gejala

yang tidak sihat atau perlakuan antisosial. Hirschi (1969) menyatakan pengaruh keterlibatan (*involvement*) seseorang individu dalam aktiviti konvensional akan mendorong individu itu untuk berperilaku sesuai dengan harapan masyarakat dan tidak melakukan penyimpangan.

Walau bagaimanapun dapatan tersebut turut menunjukkan responden yang aktif dalam melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan kejurangan turut terlibat dengan aktiviti antisosial (17.6 peratus). Mengapa perkara ini berlaku? Adakah penglibatan mereka hanya sekadar mengisi waktu senggang tanpa dipandu atau diselia oleh orang dewasa berkesan? Adakah penglibatan ini secara tidak sengaja dan mereka tidak mengetahui matlamat atau objektif aktiviti yang dianjurkan tersebut? Atau adakah mereka tidak diberi panduan atau pengisian nilai-nilai murni dan pengajaran bagi setiap aktiviti tersebut? Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak penganjur dan orang persendirian agar matlamat sesebuah program dapat dicapai sepenuhnya dan bukanlah sekadar memenuhi tentatif aktiviti tahunan sesebuah agensi dan membazirkan dana negara.

Nissa (2009) dalam kajian “Pengaruh Kontrol Sosial terhadap Perilaku Buli Pelajar di Sekolah Menengah Pertama” mendapati kawalan sosial memainkan peranan yang penting dalam mengawal tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah pertama apabila hasil ujian korelasi dan regresi menunjukkan hubungan yang kuat, signifikan, positif antara pemboleh ubah kawalan sosial dengan pemboleh ubah perilaku buli. Ini selaras dengan teori Ikatan Sosial (*Social Bonding*) Hirshi sendiri iaitu ikatan atau kawalan sosial berpotensi menentukan perilaku seseorang individu agar sesuai dengan norma sosial di lingkungan tersebut. Misalnya dalam lingkungan sekolah iaitu kawalan sosial terdiri daripada perikatan (*attachment*) iaitu ikatan terhadap guru,

ikatan terhadap kawan-kawan dan ikatan terhadap guru, komitmen (*commitment*) iaitu komitmen pada sekolah, kepercayaan (*beliefs*) iaitu kepercayaan terhadap peraturan sekolah yang perlu dipatuhi dan keterlibatan (*involvement*) dalam aktiviti-aktiviti konvensional seperti aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan, persatuan, kegiatan keagamaan dan sebagainya.

Selanjutnya analisis tahap penglibatan responden mengikut aktiviti-aktiviti sosial utama iaitu aktiviti keselamatan, kemasyarakatan, sukan dan rekreasi serta pendidikan adalah seperti berikut:

#### **5.4.1 Penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti keselamatan**

Jadual 5.17 menunjukkan analisis penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti berbentuk keselamatan. Keputusan frekuensi menunjukkan sebilangan besar tahap penglibatan responden berada pada tahap tidak aktif berbanding penglibatan tahap kurang aktif dan aktif di setiap aktiviti keselamatan yang dianjurkan dalam komuniti mereka. Aktiviti Unit Sukarelawan Pencegahan Jenayah mencatatkan sebilangan besar (72.4 peratus) responden berada pada penglibatan tidak aktif berbanding dengan penglibatan kurang aktif sebanyak 18.1 peratus dan aktif sebanyak 9.5 peratus. Manakala aktiviti Rakan Cop mencatatkan 63.8 peratus responden berada pada tahap penglibatan tidak aktif. Skim Rondaan Sukarela (SRS) turut mencatatkan sebilangan responden (65.7 peratus) berada pada tahap penglibatan tidak aktif. Manakala Aktiviti Dialog bersama Polis mencatatkan penglibatan tidak aktif seramai 67.1 peratus berbanding kurang aktif seramai 19.0 peratus dan aktif seramai 13.8 peratus. Program Sekolah Selamat mencatatkan penglibatan tidak aktif seramai 59.5 peratus berbanding kurang aktif 21.0 peratus dan penglibatan aktif seramai 19.5 peratus. Apa yang jelas,



Program Rakan COP dan Program Sekolah Selamat merupakan program yang khusus untuk kanak-kanak sekolah, tetapi penglibatan mereka masih tidak aktif.

Jadual 5.17: Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti-aktiviti Keselamatan di Komuniti Mereka

Aktiviti	Tidak aktif		Kurang aktif		Aktif	
	n	%	n	%	n	%
Unit Sukarelawan Pencegahan Jenayah ( <i>Community Policing</i> )	152	72.4	38	18.1	20	9.5
Rakan COP	134	63.8	40	19.0	36	17.1
Skim Rondaan Sukarela	138	65.7	33	15.7	39	18.6
Dialog bersama Polis	141	67.1	40	19.0	29	13.8
Program Sekolah Selamat	125	59.5	44	21.0	41	19.5

Jadual 5.18 menerangkan perkaitan antara tahap pengetahuan dengan tahap penglibatan dalam aktiviti-aktiviti keselamatan. Hasil analisis Ujian Khi Kuasa Dua dan Ujian Cramer's V menunjukkan keputusan untuk aktiviti Unit Sukarelawan Pencegah Jenayah mencatatkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 19.760 dan nilai Cramer's V adalah sebanyak 0.307 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Bagi aktiviti Rakan COP keputusan nilai Ujian Khi Kuasa Dua adalah sebanyak 10.608 dan nilai Cramer's V adalah sebanyak 0.225 dan signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.005$ ). Aktiviti rondaan sukarela (SRS) mencatatkan nilai Ujian Khi Kuasa Dua adalah sebanyak 16.714 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.282 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Manakala aktiviti dialog bersama polis mencatatkan keputusan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 16.939 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.284 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Program Sekolah Selamat mencatatkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 2.841 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.116 tidak signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.242$ ). Dapatan ini menunjukkan kanak-kanak yang tahu mengenai kewujudan pelaksanaan aktiviti/ program keselamatan di tempat tinggal mereka tidak membantu mereka aktif melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Mengapa perkara ini berlaku? Adakah

semangat kesukarelawan mencegah jenayah masih rendah dalam kalangan diri mereka? Atau, mereka beranggapan bahawa menjaga keselamatan dan harta benda sendiri dan/atau kepunyaan awam bukanlah satu amalan dan tanggungjawab? Apatah lagi untuk mengawasi tingkah laku yang mencurigakan atau aktiviti jenayah yang berlaku di sekeliling mereka. Atau adakah mereka tidak diberi peluang dan kepercayaan oleh pihak tertentu sebagai rakan kongsi atau *partner* dalam perancangan aktiviti yang diminati dan hal membuat keputusan dalam menjaga keselamatan tempat tinggal mereka? Perkara-perkara ini perlu dieskplorasi dengan lebih mendalam.

Jadual 5.18: Perkaitan Tahap Pengetahuan dengan Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Keselamatan di Komuniti Mereka

Tahap pengetahuan	Tahap penglibatan						Nilai $X^2$	$p$	Nilai Cramer's V	dk
	Tidak aktif		Kurang aktif		Aktif					
	n	%	n	%	n	%				
<i>Sukarelawan Pencegahan Jenayah</i>	60	28.6	5	2.4	0	0.00	19.76	0.000	0.307	2
Tidak tahu	92	43.8	33	15.7	20	9.5	0			
Tahu										
<i>Rakan COP</i>	39	18.6	6	2.9	2	1.0	10.60	0.005	0.225	2
Tidak tahu	95	45.2	34	16.2	34	16.2	8			
Tahu										
<i>SRS</i>	55	26.2	4	1.9	5	2.4	16.71	0.000	0.282	2
Tidak tahu	83	39.5	29	13.8	34	16.2	4			
Tahu										
<i>Dialog Polis</i>	68	32.4	8	3.8	5	2.4	16.93	0.000	0.284	2
Tidak tahu	73	34.8	32	15.2	24	11.4	9			
Tahu										
<i>Sekolah Selamat</i>	38	18.1	9	4.3	8	3.8	2.841	0.242	0.116	2
Tidak tahu	87	41.4	35	16.7	33	15.7				
Tahu										

N=210

#### 5.4.2 Penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan

Jadual 5.19 menunjukkan analisis penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan. Responden berada pada tahap penglibatan tidak aktif berbanding penglibatan tahap kurang aktif dan aktif di setiap aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan dalam komuniti mereka. Analisis frekuensi mengikut aktiviti menunjukkan aktiviti bengkel atau seminar keibubapaan mencatatkan penglibatan tidak aktif lebih ramai (70.0 peratus) berbanding dengan penglibatan kurang aktif (35.2 peratus) dan aktif (21.9 peratus). Manakala aktiviti-aktiviti lain seperti aktiviti sambutan perayaan mencatatkan 43.8 peratus responden pada tahap penglibatan tidak aktif berbanding kurang aktif dan aktif yang masing-masing mencatatkan penglibatan seramai 28.1 peratus. Hari keluarga turut mencatatkan penglibatan tidak aktif paling ramai (42.9 peratus) berbanding kurang aktif (35.2 peratus) dan aktif (21.9). Program sukarelawan mencatatkan penglibatan tidak aktif seramai 42.4 peratus berbanding kurang aktif seramai 28.6 peratus dan aktif seramai 29.0 peratus, aktiviti gotong-royong pula mencatatkan penglibatan tidak aktif seramai 40.0 peratus berbanding kurang aktif 22.9 peratus dan aktif seramai 30.5 peratus.

Jadual 5.19: Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti-aktiviti Kemasyarakatan di Komuniti Mereka

Aktiviti	Tidak aktif		Kurang aktif		Aktif	
	n	%	n	%	n	%
Hari Keluarga	90	42.9	74	35.2	46	21.9
Gotong-royong	84	40.0	62	29.5	64	30.5
Kenduri-kendara	74	35.2	71	33.8	65	31.0
Program Sukarelawan	89	42.4	60	28.6	61	29.0
Sambutan/ jamuan perayaan	92	43.8	59	28.1	59	28.1

Begitu juga dengan aktiviti kenduri kendara mencatatkan 35.2 peratus penglibatan pada tahap tidak aktif dan kurang aktif seramai 33.8 peratus dan aktif seramai 31.0 peratus. Apa yang jelas, aktiviti yang melibatkan intergrasi kaum iaitu sambutan atau jamuan mengikut perayaan menunjukkan penglibatan yang paling tidak aktif. Perkara ini perlu diterokai dengan dengan lebih mendalam.

Walaupun aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sinonim dengan aktiviti kejiwaan yang paling popular namun kebanyakan aktiviti-aktiviti tersebut diurus dan disertai oleh ahli-ahli komuniti yang lebih dewasa. Lazimnya kanak-kanak tidak mencampuri hal dan tanggungjawab “orang tua” melainkan mereka diajak bersama-sama oleh ibu/ bapa atau penjaga untuk pergi ke aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sedemikian. Kerja-kerja aktiviti kemasyarakatan seperti bergotong royong, masak-memasak untuk kenduri kendara dan sebagainya dilihat sebagai kerja orang dewasa dan ini menghadkan penyertaan oleh kanak-kanak. Namun demikian, penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti kemasyarakatan masih diamalkan dalam membantu kerja-kerja ringan seperti mengangkat dan membasuh cawan dan pinggan kotor. Kebiasaannya aktiviti-aktiviti gotong royong atau rewang ini dilakukan dalam kenduri kahwin di kampung-kampung. Kekerapan aktiviti kemasyarakatan dianjurkan dalam sesebuah komuniti juga memainkan peranan penting kekerapan penglibatan atau penyertaan kanak-kanak. Aktiviti-aktiviti kemasyarakatan bukanlah aktiviti yang sering dilaksanakan dalam sesebuah komuniti PPA atau PPRT. Penganjuran aktiviti berskala besar misalnya Program Karnival Perpaduan yang memerlukan kerjasama KRT, *Community Policing* dan persatuan-persatuan NGO yang lain dalam sebuah komuniti PPA atau PPRT adalah mengikut takwim aktiviti tahunan DBKL. Ini bermaksud sebuah komuniti PPA atau PPRT akan melaksanakan Karnival Perpaduan hanya sekali dalam setahun. Perkara ini sudah tentu menghadkan penglibatan orang ramai terutamanya kanak-kanak.

Mohd Yusof et al., (2011) dalam kajian mereka mendapati beberapa aktiviti berbentuk kejiwaan seperti ceramah motivasi, sukaneka, ceramah keselamatan, kursus/program, rombongan sambil belajar dan khidmat masyarakat jarang sekali dianjurkan dan hanya melibatkan kumpulan sasaran tertentu sahaja. Penganjuran program seperti ini lazimnya memerlukan sumber kewangan daripada agensi atau badan-badan tertentu. Tambahnya lagi, aktiviti formal seperti ini diadakan kerana menyambut orang kenamaan, dihadiri oleh kumpulan, masa dan tempat tertentu sahaja. Ini menyebabkan hanya ahli jawatan kuasa, pemimpin dan ketua bagi sesuatu pertubuhan sahaja yang terlibat secara langsung. Perkara ini sudah tentu menghadkan penglibatan orang awam terutamanya kanak-kanak dalam komuniti. Namun demikian, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan berskala kecil seperti aktiviti gotong royong, kenduri-kendara dan sebagainya masih boleh dilaksanakan dalam komuniti masing-masing atas inisiatif dan keaktifan KRT, *Community Policing* dan badan bukan kerajaan yang lain serta kerjasama ahli-ahli komuniti dalam komuniti itu sendiri.

Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti kemasyarakatan boleh mempengaruhi perkembangan sosialisasi kanak-kanak. Edwin Sutherland (1940) menyatakan manusia akan mengalami proses sosialisasi asas iaitu sama ada belajar menaati peraturan, norma sosial ataupun bertindak devian. Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak yang menyertai atau melibatkan diri bersama ibu bapa atau penjaga dalam aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan mempelajari budaya dan norma sosial hidup bermasyarakat. Seperti kata Edwin, pembelajaran ini berlaku dengan menekankan kepada kumpulan mana kanak-kanak ini tergolong dan bagaimana mereka mempelajari serta menerima nilai-nilai yang terdapat dalam kumpulan itu. Kelakuan dan nilai-nilai baik seperti hormat orang tua, bersalaman dengan orang dewasa, cara percakapan, dan sikap bantu membantu dipelajari melalui interaksi dengan kumpulan "*significant others*" iaitu

individu yang mereka rapat seperti kawan-kawan dan ahli keluarga mereka yang rapat. Sebaliknya jika kanak-kanak tersebut berhubung dengan kumpulan devian contohnya kumpulan gangsterism, mereka akan mempelajari kelakuan jenayah atau delinkuensi melalui proses komunikasi dalam kumpulan “*intimate*” tersebut. Penyaluran budaya gangsterism seperti motif, nilai-nilai, teknik, dan tingkah laku dipelajari melalui proses komunikasi di antara mereka.

Jadual 5.20 memaparkan data mengenai perkaitan antara tahap pengetahuan dengan tahap penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Hasil analisis Ujian Khi Kuasa Dua dan Ujian Cramer’s V menunjukkan keputusan untuk aktiviti Hari Keluarga mencatatkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 35.720 dan nilai Cramer’s V adalah sebanyak 0.412 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Bagi aktiviti gotong-royong keputusan nilai Ujian Khi Kuasa Dua adalah sebanyak 33.122 dan nilai Cramer’s V adalah sebanyak 0.397 dan signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Aktiviti kenduri-kendara mencatatkan nilai Ujian Khi Kuasa Dua adalah sebanyak 32.410 dan nilai Cramer’s V sebanyak 0.393 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Manakala aktiviti sukarelawan mencatatkan keputusan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 10.080 dan nilai Cramer’s V sebanyak 0.210 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.006$ ). Aktiviti sambutan atau jamuan perayaan mencatatkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 25.525 dan nilai Cramer’s V sebanyak 0.349 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Bagi aktiviti bengkel keibubapaan Ujian Khi Kuasa Dua mencatatkan keputusan sebanyak 14.456 dan nilai Cramer’s V sebanyak 0.262 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.001$ ).

Jadual 5.20: Perkaitan Tahap Pengetahuan dengan Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Kemasyarakatan di Komuniti Mereka

Tahap pengetahuan	Tahap penglibatan						Nilai $X^2$	$p$	Nilai Cramer's V	dk
	Tidak aktif		Kurang aktif		Aktif					
	n	%	n	%	n	%				
<i>Hari Keluarga</i>										
Tidak tahu	41	14.5	10	4.8	2	1.0	35.720	0.000	0.412	2
Tahu	49	23.3	65	30.5	44	21.0				
<i>Gotong-royong</i>										
Tidak tahu	32	15.2	3	1.4	5	2.4	33.122	0.000	0.397	2
Tahu	52	24.8	59	28.1	59	28.1				
<i>Kenduri kendara</i>										
Tidak tahu	29	13.8	4	1.9	6	2.9	32.410	0.000	0.393	2
Tahu	45	21.4	67	31.9	59	28.1				
<i>Sukarelawan</i>										
Tidak tahu	32	14.8	7	3.3	16	7.6	10.080	0.006	0.219	2
Tahu	58	27.6	53	25.20	45	21.4				
<i>Sambutan perayaan</i>										
Tidak tahu	34	16.2	4	1.9	6	2.9	25.525	0.000	0.349	2
Tahu	58	27.6	55	26.2	53	25.2				

N=210

Penemuan-penemuan ini menggambarkan kanak-kanak yang tahu tentang kewujudan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di tempat tinggal mereka tidak berjaya menggalakkan penglibatan yang aktif dalam aktiviti tersebut. Sekiranya kanak-kanak melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan bermakna mereka tidak akan terlibat dengan aktiviti-aktiviti antisosial. Ini kerana hubungan sosial antara anggota komuniti dapat diwujudkan melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Mereka berinteraksi, mengenali antara satu sama lain dan belajar nilai-nilai murni seperti menghormati ibu bapa, orang tua dan orang berilmu, jujur, amanah, bersih dan rajin bekerja. Nilai-nilai umum ini dihormati dan dikongsi bersama anggota masyarakat dari semua kumpulan etnik. Dengan menekankan dan mengamalkan nilai-nilai sejagat serta mengelakkan penerapan nilai-nilai yang berkonflik akan memudahkan usaha memupuk

persefahaman dan perpaduan dalam kalangan anggota komuniti yang berlainan etnik (Zaliza & Norlin, 2009).

Mohd Yusof et.al., (2011) dalam kajian mereka menyatakan hubungan kekeluargaan dan kejiranan yang disepadukan akan membentuk kehidupan komuniti yang lebih sejahtera. Hubungan kejiranan yang baik pula, menjadi keutamaan bagi majoriti penduduk dalam mewujudkan dan meningkatkan nilai kesejahteraan hidup kawasan kejiranan mereka. Salmi (2006) dalam Mohd Yusof et. al., (2011) menyatakan hubungan kejiranan yang baik hasil daripada proses komunikasi mampu untuk meningkatkan kestabilan dalam politik, mengurangkan kadar jenayah, menjaga pembangunan ekonomi serta dapat menjaga kebajikan sosial masyarakat. Forrest (2001) pula menyatakan hubungan kejiranan boleh membina kepercayaan dan meningkatkan kefahaman khususnya kepada golongan muda tentang perasaan hormat-menghormati sesama sendiri. Forrest menyatakan adalah penting bagi golongan dewasa dan tua untuk memenangi hati golongan muda dalam usaha meningkatkan semangat kejiranan melalui aktiviti-aktiviti sebegini. Penghargaan atau ganjaran sosial sama ada berbentuk formal atau tidak formal seperti pemberian sijil ataupun berbentuk pujian akan menambahkan lagi keseronokan dan komitmen golongan muda untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kejiranan ini. Tambahan lagi, dalam aktiviti-aktiviti kejiranan atau kemasyarakatan ini, mereka boleh belajar cara bertoleransi dan bekerjasama dalam masyarakat setempat.

Pendek kata, Program Pengawasan Komuniti mampu menjaga kanak-kanak daripada tingkah laku antisosial melalui penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan. Justeru itu, mekanisme dalam meningkatkan pengetahuan kanak-kanak mengenai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dalam Program Pengawasan



Komuniti perlu diperbanyakkan sebagai langkah untuk menambah pengetahuan yang mendalam tentang pelaksanaan aktiviti dalam kalangan diri kanak-kanak ini.

### 5.4.3 Penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi

Jadual 5.21 memaparkan keputusan analisis ujian frekuensi bagi penglibatan responden dalam aktiviti sukan dan rekreasi didapati terdapat sedikit peningkatan pada tahap kurang aktif dan aktif walaupun penglibatan tidak aktif masih mencatatkan nilai yang lebih tinggi berbanding keduanya. Penglibatan aktiviti Rakan Muda mencatatkan 60.0 peratus pada tahap tidak aktif berbanding kurang aktif sebanyak 22.9 peratus dan aktif sebanyak 16.7 peratus. Pengkaji mendapati penglibatan responden dalam aktiviti sukan dan rekreasi mencatatkan jumlah yang hampir sama di ke tiga-tiga tahap iaitu tahap tidak aktif sebanyak 36.2 peratus, kurang aktif sebanyak 30.5 peratus dan aktif sebanyak 33.3 peratus. Manakala, untuk aktiviti perkhemahan lebih daripada separuh (52.4 peratus) tidak terlibat secara aktif.

Jadual 5.21: Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti-aktiviti Sukan dan Rekreasi di Komuniti Mereka

Aktiviti	Tidak aktif		Kurang aktif		Aktif	
	n	%	n	%	n	%
Rakan Muda	127	60.5	48	22.9	35	16.7
Sukan	76	36.2	64	30.5	70	33.3
Perkhemahan/ Kembara	110	52.4	61	29.0	39	18.6
Kebudayaan	94	44.8	49	23.3	67	31.9
Seni mempertahankan diri	100	47.6	64	30.5	46	21.9
Persatuan beruniform	92	43.8	60	28.6	58	27.6
Lawatan sambil belajar	107	51.0	64	30.5	39	18.6

Penglibatan kurang aktif mencatatkan 29.0 peratus dan aktif pula mencatatkan 18.6 peratus. Penglibatan dalam aktiviti kebudayaan seperti menyanyi dan menari mencatatkan penglibatan tidak aktif seramai 44.8 peratus. Manakala penglibatan pada

tahap aktif pula sebanyak 31.9 peratus dan kurang aktif seramai 23.3 peratus. Aktiviti seni mempertahankan diri pula mencatatkan penglibatan tidak aktif sebanyak 47.6 peratus, berbanding kurang aktif sebanyak 30.5 peratus dan aktif pula adalah sebanyak 21.9 peratus. Persatuan beruniform mencatatkan penglibatan tidak aktif sebanyak 43.8 peratus, berbanding kurang aktif sebanyak 28.6 peratus dan aktif sebanyak 27.6 peratus. Lawatan sambil belajar pula mencatatkan lebih daripada separuh responden (51.0 peratus) tidak aktif melibatkan diri, berbanding kurang aktif pula sebanyak 30.5 peratus dan aktif sebanyak 18.6 peratus. Apa yang jelas, aktiviti Rakan Muda yang dianggap aktiviti sukan dan rekreasi paling popular menunjukkan penglibatan paling tidak aktif. Anuar (2009) menyatakan pelaksanaan program belia (15 tahun hingga 40 tahun) yang berbentuk *top-down* nampaknya kurang berjaya menarik minat para belia. Malah beliau menyatakan program yang dianjurkan untuk pembangunan belia dilihat lebih bertujuan untuk meramaikan bilangan belia di dalam majlis semata-mata. Perkara ini perlu dieksplorasi dengan lebih mendalam agar

Walau bagaimanapun, aktiviti sukan (contoh: bermain bola sepak, sepak takraw, badminton, dan bermain kasut roda) dan kebudayaan (contoh: nyanyian dan tarian) merupakan aktiviti sukan dan rekreasi yang paling digemari oleh kalangan kanak-kanak berbanding aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi yang lain. Ini mungkin disebabkan aktiviti sukan dalam komuniti adalah berbentuk tidak berstruktur apabila kanak-kanak bebas melakukan aktiviti sukan yang mereka minati pada waktu senggang. Namun aktiviti sukan yang berbentuk berstruktur lebih kepada perlawanan antara pasukan yang diadakan oleh DBKL misalnya. Aktiviti sukan yang berbentuk perlawanan memerlukan individu yang mempunyai kemahiran seperti bermain bola sepak dan sebagainya. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi yang dianjurkan sama ada secara tidak berstruktur atau berstruktur berjaya menarik kanak-kanak untuk sama-sama

menggunakan infrastruktur yang disediakan oleh pihak pengurusan perumahan sekali gus infrastruktur tidak dicemari dengan perlakuan atau gejala yang tidak sihat.

Jadual 5.22 menerangkan perkaitan antara tahap pengetahuan dengan tahap penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi di tempat tinggal mereka. Hasil analisis Ujian Khi Kuasa Dua dan Ujian Cramer's V menunjukkan keputusan untuk aktiviti Rakan Muda mencatatkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 26.191 dan nilai Cramer's V adalah sebanyak 0.353 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Bagi aktiviti sukan keputusan nilai Ujian Khi Kuasa Dua adalah sebanyak 30.509 dan nilai Cramer's V adalah sebanyak 0.381 dan signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Aktiviti perkhemahan atau kembara mencatatkan nilai Ujian Khi Kuasa Dua adalah sebanyak 22.603 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.328 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Manakala aktiviti kebudayaan seperti menyanyi dan menari mencatatkan keputusan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 26.677 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.356 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.006$ ). Aktiviti seni pertahanan diri mencatatkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 31.939 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.387 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Bagi aktiviti persatuan beruniform Ujian Khi Kuasa Dua mencatatkan keputusan sebanyak 49.581 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.486 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Manakala aktiviti lawatan sambil belajar nilai Khi Kuasa Dua adalah sebanyak 32.177 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.391 signifikan pada aras 0.005 ( $p=0.000$ ). Penemuan ini menggambarkan pengetahuan yang ada oleh kanak-kanak tentang kewujudan pelaksanaan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi tidak berjaya mendorong mereka aktif melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tersebut di tempat tinggal mereka. Perkara ini perlu dieksplorasi dengan lebih mendalam.

Jadual 5.22: Perkaitan Tahap Pengetahuan dengan Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Sukan dan Rekreasi di Komuniti Mereka

Tahap pengetahuan	Tahap penglibatan						Nilai $X^2$	$p$	Nilai Cramer's $V$	dk
	Tidak aktif		Kurang aktif		Aktif					
	n	%	n	%	n	%				
<i>Rakan Muda</i>										
Tidak tahu	47	22.4	4	1.9	1	0.5	26.19 1	0.000	0.535	2
Tahu	80	38.1	44	21.0	34	16.2				
<i>Sukan</i>										
Tidak tahu	27	12.9	4	1.9	4	1.9	30.50 9	0.000	0.381	2
Tahu	49	23.3	60	28.6	66	31.4				
<i>Perkhemahan</i>										
Tidak tahu	42	20.0	5	2.4	5	2.4	22.60 3	0.000	0.328	2
Tahu	68	32.4	56	26.7	34	16.2				
<i>Kebudayaan</i>										
Tidak tahu	30	14.3	4	1.9	2	1.0	26.67 7	0.000	0.356	2
Tahu	64	30.5	45	21.4	65	31.0				
<i>Seni pertahankan diri</i>										
Tidak tahu	38	18.1	3	1.4	4	1.9	31.39 3	0.000	0.387	2
Tahu	62	29.5	61	29.0	42	20.0				
<i>Persatuan beruniform</i>										
Tidak tahu	48	22.9	4	1.9	6	2.9	49.58 1	0.000	0.486	2
Tahu	44	21.0	56	26.7	52	24.8				
<i>Lawatan sambil belajar</i>										
Tidak tahu	42	20.0	2	1.0	5	2.4	32.17 7	0.000	0.391	2
Tahu	65	31.0	62	29.5	34	16.2				

#### 5.4.4 Penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti pendidikan

Aktiviti pendidikan berasas komuniti mencatatkan penglibatan yang tidak memuaskan apabila lebih daripada separuh responden tidak melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pendidikan yang dianjurkan dalam komuniti mereka. Diteliti satu persatu memperlihatkan sebanyak 55.7 peratus tidak aktif melibatkan diri dalam kempen-

kempen berbentuk keselamatan diri dan mencegah jenayah berbanding sebanyak 24.8 peratus berada pada tahap kurang aktif dan 19.5 peratus pada tahap aktif (Jadual 5.23).

Jadual 5.23: Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti-aktiviti Pendidikan di Komuniti Mereka

Aktiviti	Tidak aktif		Kurang aktif		Aktif	
	n	%	n	%	n	%
Kempen keselamatan diri dan harta benda	117	55.7	52	24.8	41	19.5
Kempen kesihatan	107	51.0	51	24.3	52	24.8
Ceramah keagamaan	107	51.0	64	30.5	39	18.6
Kelas mengaji al-Quran/ Kitab	106	50.5	53	25.2	51	24.3
Bengkel motivasi	119	56.7	40	19.0	51	24.3

Manakala sebanyak 51.0 peratus tidak aktif dalam aktiviti kempen berbentuk kesihatan dan ceramah keagamaan berbanding 24.3 peratus pada tahap kurang aktif dan 24.8 peratus pada tahap aktif. Kelas mengaji al-Quran/ kitab turut mencatatkan penglibatan tidak aktif daripada separuh responden (50.5 peratus), bengkel motivasi pula mencatatkan 56.7 peratus penglibatan pada tahap tidak aktif berbanding 24.3 peratus berada pada penglibatan aktif dan 19.0 peratus pada tahap kurang aktif. Apa yang jelas, separuh daripada responden ini tidak aktif dalam aktiviti-aktiviti berbentuk pendidikan. Perkara ini perlu dieksplorasi.

Jadual 5.24 menerangkan perkaitan antara tahap pengetahuan dengan tahap penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti pendidikan berasas komuniti di kawasan kediaman mereka. Hasil analisis Ujian Khi Kuasa Dua dan Ujian Cramer's V menunjukkan keputusan untuk aktiviti kempen keselamatan diri dan harta benda mencatatkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 30.389 dan nilai Cramer's V adalah sebanyak 0.380 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Bagi aktiviti kempen kesihatan keputusan nilai Ujian Khi Kuasa Dua adalah sebanyak 34.179 dan nilai Cramer's V adalah sebanyak 0.403 dan signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Aktiviti ceramah

keagamaan mencatatkan nilai Ujian Khi Kuasa Dua adalah sebanyak 11.309 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.232 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.004$ ). Manakala aktiviti mengaji al Quran dan kitab agama mencatatkan keputusan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 49.615 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.486 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ). Aktiviti bengkel motivasi mencatatkan nilai Khi Kuasa Dua sebanyak 23.469 dan nilai Cramer's V sebanyak 0.334 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.000$ ).

Jadual 5.24: Perkaitan Tahap Pengetahuan dengan Tahap Penglibatan Responden dalam Aktiviti Pendidikan di Komuniti Mereka

Tahap pengetahuan	Tahap penglibatan						Nilai $X^2$	$p$	Nilai Cramer's V	dk
	Tidak aktif		Kurang aktif		Aktif					
	n	%	n	%	n	%				
<i>Kempen keselamatan</i>										
Tidak tahu	52	24.8	5	2.4	4	1.9	30.389	0.000	0.380	2
Tahu	65	31.0	47	22.4	37	17.6				
<i>Kempen kesihatan</i>										
Tidak tahu	39	18.6	2	1.0	2	1.0	34.179	0.000	0.403	2
Tahu	68	32.4	49	23.3	50	23.8				
<i>Ceramah keagamaan</i>										
Tidak tahu	37	17.6	9	4.3	6	2.9	11.309	0.004	0.232	2
Tahu	70	33.3	55	26.2	33	15.7				
<i>Kelas mengaji</i>										
Tidak tahu	55	26.2	2	1.0	6	2.9	49.615	0.000	0.486	2
Tahu	51	24.3	51	24.3	45	21.4				
<i>Bengkel motivasi</i>										
Tidak tahu	51	24.3	5	2.4	6	2.9	23.469	0.000	0.334	2
Tahu	68	32.4	35	16.7	45	21.4				

Penemuan ini menggambarkan semakin tinggi tahap pengetahuan kanak-kanak tentang kewujudan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendidikan di tempat tinggal mereka, semakin tidak aktif tahap penglibatan kanak-kanak dalam pelaksanaan aktiviti pendidikan di bawah Program Pengawasan Komuniti. Penglibatan dalam aktiviti bersifat kerohanian seperti kelas mengaji dan ceramah keagamaan mempunyai

hubungan yang signifikan dengan keterlibatan kanak-kanak dalam pola tingkah laku antisosial (Siti Hajar, 2009). Walau apapun jenis mekanisme pendidikan yang disalur, objektifnya adalah untuk memberi ilmu dan pengetahuan berguna kepada kanak-kanak. Justeru itu, perkara ini perlu dieksplorasi dengan lebih mendalam agar kanak-kanak yang tinggal dalam komuniti berisiko berminat menyertai program atau aktiviti-aktiviti pendidikan bersifat holistik.

Dalam menjawab objektif pertama dan objektif kedua kajian ini, pengkaji mendapati pertama; kanak-kanak tahu mengenai kewujudan kempen keselamatan diri dan harta benda tetapi masih terlibat dalam salah laku yang menjejaskan keselamatan dan telah merosakkan harta benda yang ada dalam komuniti (contoh: memandu tanpa lesen/ topi keledar, vandalisme, dan lain-lain). Kedua; tahu mengenai kewujudan aktiviti-aktiviti kesihatan tetapi masih terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang memudaratkan kesihatan mereka (contoh: merokok, pornografi, mengambil dadah, melakukan hubungan seksual, dan lain-lain). Ketiga; tahu mengenai aktiviti berbentuk keagamaan sebagai pembinaan moral dan pembangunan jati diri tetapi masih terlibat dengan aktiviti-aktiviti antisosial (contoh: menipu, ponteng sekolah, mencuri dan lain-lain). Keempat; tahu akan aktiviti-aktiviti dalam Program Pengawasan Komuniti di tempat tinggal mereka tetapi masih tidak mendorong kanak-kanak ini melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial tersebut. Persoalannya, adakah aktiviti antisosial lebih menarik daripada aktiviti-aktiviti sosial berbentuk riadah? Atau, adakah anggota komuniti muda ini tidak memahami intipati atau matlamat aktiviti atau kempen-kempen sosial tersebut? Atau, mereka hanya sekadar menghadiri atau melibatkan diri dalam kempen atau aktiviti-aktiviti tersebut tanpa pengisian yang boleh membina kesedaran dalam diri mereka? Atau, mereka sebenarnya tidak berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti sebegini? Di manakah kesilapannya? Adakah berpunca

daripada kurang sokongan ibu bapa? Atau, adakah tiada kehadiran orang dewasa berkesan dalam mendidik atau memandu kanak-kanak antisosial ini melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Atau adakah kelemahan dari segi strategi komunikasi atau penyampaian maklumat yang tidak berkesan daripada pihak penganjur? Atau, adakah kanak-kanak ini sudahpun terikat dengan aktiviti antisosial dalam kumpulan atau gang tertentu yang membentuk identiti mereka sebagai budak jahat atau nakal (dan dilihat sebagai budak jahat atau nakal oleh orang lain) menyebabkan mereka tidak mahu melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti konvensional ini? Walau apapun kemungkinan faktor-faktor yang menyebabkan kanak-kanak tidak aktif terlibat aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Kejiranan, ia perlu dieksplorasi.

## **5.5 Penutup**

Program Pengawasan Komuniti yang dianjurkan dalam kawasan kediaman responden masih boleh dianggap komprehensif apabila hampir keseluruhan responden tahu mengenai pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti dalam kediaman mereka. Namun, apabila diteliti secara khusus satu persatu aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan, responden yang tahu aktiviti sedemikian adalah tidak begitu menggalakkan. Manakala, penglibatan mereka dianggap tidak memuaskan apabila majoriti responden tidak aktif dalam setiap aktiviti prososial yang dianjurkan dalam kawasan komuniti mereka. Di dalam bab seterusnya, pengkaji memaparkan faktor-faktor dari segi struktur, intrapersonal dan interpersonal yang menjadi penghalang kepada penglibatan responden kajian ini dalam aktiviti-aktiviti pengawasan komuniti yang terdapat dalam komuniti mereka.



## **BAB 6: FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGLIBATAN KANAK-KANAK BERISIKO DALAM PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI**

### **6.1 Pendahuluan**

Pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* menyatakan persekitaran fizikal dan sosial yang disuntik dengan ciri-ciri keselamatan dan nilai-nilai sosial daripada ahli-ahli komuniti mampu menjaga dan mengawasi persekitaran tempat tinggal mereka daripada ancaman jenayah (Newman, 1973). Ciri-ciri keselamatan di sini merujuk kepada reka bentuk fizikal atau persekitaran yang selamat yang dilengkapi dengan kemudahan atau infrastruktur keselamatan, kesihatan, rekreasi dan pendidikan. Manakala nilai-nilai sosial pula merujuk kepada semangat perkongsian komuniti (*community partnership*) antara ahli-ahli komuniti dengan pihak polis dan agensi-agensi sosial melalui aktiviti-aktiviti prososial yang mengekalkan keamanan dan mengawal jenayah dan perlakuan jenayah dalam sesebuah kawasan kejiranan.

Mengikut pendekatan ini juga, *Ruang Boleh Dipertahankan* boleh dibahagi kepada dua iaitu; persekitaran fizikal dan persekitaran sosial yang berpotensi mematahkan peluang kepada si pelaku untuk melakukan jenayah. Elemen fizikal berupaya memberi kesan bukan sahaja kepada penjenayah malahan turut memberi pengaruh yang besar kepada ahli-ahli dalam komuniti. Persekitaran fizikal yang rapuh (*fragile*) memudahkan perlakuan jenayah berlaku kerana ia meningkatkan potensi atau memberi ruang kepada pelaku untuk melakukan sebarang perbuatan jenayah (Ainur et al., 2010). Sebaliknya, persekitaran fizikal yang kondusif dan bersifat protektif mengurangkan peluang penjenayah untuk melakukan aktiviti jenayah dalam sesebuah

komuniti atau kejiranan. Dalam masa yang sama, persekitaran fizikal yang kondusif membuka ruang mewujudkan persekitaran sosial yang harmoni kepada ahli-ahli komuniti dengan memupuk nilai-nilai murni melalui pelaksanaan aktiviti/ program-program sosial. Ahli-ahli komuniti sama-sama bertanggungjawab dan bekerjasama menjaga, melindungi dan mengawasi persekitaran mereka daripada ancaman bahaya.

Di dalam bab ini, pengkaji membentangkan dapatan-dapatan kajian mengenai faktor-faktor peramal iaitu cabaran-cabaran atau halangan-halangan struktural, intrapersonal dan interpersonal yang terdapat dalam pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* atau “*Defensible Space*” yang mempengaruhi penglibatan Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan di bawah Program Pengawasan Komuniti dalam kediaman mereka PPA Desa Rejang. Bagi memudahkan pembacaan, perbincangan dalam bab ini dimulakan dengan penjelasan mengenai pengaruh ruang struktur, intrapersonal dan interpersonal ke atas penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti Program Pengawasan Komuniti. Seterusnya, huraian mengenai perbincangan lanjut hasil dapatan kajian dilakukan.

## **6.2 Pengaruh *Ruang Boleh Dipertahankan* terhadap Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti**

Beberapa kajian terdahulu (contoh: Mohd Fareed & Mohd Yusof, 2013; Md Lias et al., 2012; Welsh & Farrington, 2011; Nor Eeda, 2006; Parnaby, 2007; Wilcox et al., 2006) memperlihatkan yang keadaan persekitaran fizikal dan sosial dalam komuniti mempunyai pengaruh yang amat kuat dalam mempengaruhi percambahan dan kejadian jenayah. Persekitaran fizikal dan sosial yang tidak terurus, dan tidak mengambil berat atau tidak mempedulikan aktiviti sosial memudahkan kegiatan jenayah berlaku kerana

persekitaran tersebut mengandungi sekumpulan karakteristik yang memberi peluang untuk individu atau penjenayah membiakkan perbuatan dan aktiviti antisosial dan jenayah.

Mohd Fareed dan Mohd Yusof (2013) mengkaji keupayaan Program Bandar Selamat dalam mengawal kegiatan jenayah dalam komuniti di bandar Kulaijaya, Johor. Program ini mengaplikasikan beberapa intervensi fizikal dan sosial bagi mengawal dan mencegah aktiviti jenayah dalam komuniti. Majlis Perbandaran Kulaijaya telah melaksanakan 15 langkah pencegahan jenayah seperti mana terkandung di dalam komponen Program Bandar Selamat. Bagi intervensi fizikal, mereka menggunakan strategi memperkasakan kawasan sasaran, misalnya menyediakan laluan khusus untuk penjalan kaki, pelaksanaan penanaman landskap yang selamat, pelaksanaan pencahayaan dan pemasangan CCTV di premis perniagaan dan tempat awam. Sebaliknya, bagi intervensi sosial pula mereka menggunakan strategi pengurusan, penyertaan komuniti dan kesedaran awam dalam merancang dan melaksanakan Program Bandar Selamat dengan mewujudkan, mengerak dan mengaktifkan jawatan kuasa atau Persatuan Penduduk. Secara keseluruhannya, mereka mendapati program ini telah berjaya mengawal aktiviti jenayah dalam komuniti.

Namun begitu, kajian mereka juga mendapati langkah pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran fizikal dan sosial dalam Program Bandar Selamat tidak berkesan dalam mengurangi masalah jenayah di Kulaijaya. Kewujudan lambakan pusat perjudian yang beroperasi secara terbuka di pusat membeli belah mempengaruhi percambahan dan kejadian jenayah di kawasan itu. Situasi ini menunjukkan bahawa komuniti mempunyai kepekaan terhadap permasalahan yang bakal berlaku disebabkan kewujudan aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada perlakuan jenayah.

Dapatan kajian Fareed dan Mohd Yusof agak berbeza daripada dapatan kajian Nor Eeda (2006) yang mengkaji program *Community Policing* di Shah Alam. Nor Eeda mendapati Program Pengawasan Komuniti di kawasan perumahan Bandar Bukit Jelutong, Shah Alam Selangor yang melaksanakan konsep Bandar Selamat telah mencapai tahap yang memuaskan dalam mengurangi jenayah apabila dikawal oleh pengawal keselamatan swasta dan dikawal selia oleh Persatuan penduduk Bukit Jelutong. Kejayaan program ini juga disokong oleh penglibatan pihak komuniti menerusi penubuhan beberapa persatuan sosial. Hasil kajian juga mendapati 100 peratus responden bersetuju bahawa penyertaan komuniti di dalam sesebuah kawasan perumahan memainkan peranan penting dalam mengawal kegiatan jenayah kerana komuniti merupakan ‘mata dan telinga’ kepada pihak keselamatan.

Kebanyakan kajian terdahulu mendapati persekitaran fizikal dan sosial yang “menggalakkan” kejadian atau aktiviti jenayah terdetus dan berlangsung lazimnya dicirikan oleh beberapa keadaan. Antaranya adalah persekitaran kawasan perumahan yang mempunyai kualiti reka bentuk yang tidak sesuai atau efisien, tiada tindakan atau usaha memperkasakan kawasan sasaran, dan persekitaran atau ruang-ruang awam tidak disuntik dengan pelbagai aktiviti sosial untuk menyemai semangat kemasyarakatan dan menyalurkan pendidikan mengenai kesedaran pencegahan jenayah dan masalah sosial. Menurut pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan*, keadaan-keadaan tersebut menggalakkan atau memudahkan kejadian atau aktiviti jenayah berlaku kerana tiada komponen pengawasan dalam persekitaran fizikal dan sosial tersebut.

Komponen pengawasan semula jadi merupakan idea asal pencegahan jenayah yang dipelopori oleh Newman (1972) dalam Teori *Defensible Space* selain komponen kewilayahan. Pengawasan semula jadi bermaksud keupayaan persekitaran mewujudkan

peluang pengawasan jelas dan luas dari pelbagai sudut sama ada dari luar atau dalam bangunan oleh residen atau pengawal keselamatan melalui reka bentuk dan lokasi tingkap, lobi atau pintu bangunan. Reka bentuk ini meningkatkan jarak penglihatan antara setiap unit rumah/ bangunan serta dilengkapi ruang awam yang membolehkan penghuni-penghuni bertemu dan berinteraksi.

Selain itu, pengawasan semula jadi menekankan kepentingan pengutilisasian atau penggunaan sumber-sumber yang ada dalam komuniti, yang merangkumi sumber fizikal (contoh: pembinaan pagar, pembinaan ruang keselamatan, pengwujudan aktiviti sosial) dan sumber sosial (contoh: pembentukan Persatuan Penduduk, Kawasan Rukun Tetangga) bagi menjaga keselamatan bersama. Tujuan utama pengawasan semula jadi adalah untuk meningkatkan tahap pengawasan ahli-ahli komuniti atau orang awam melalui pendekatan '*eyes on the street*' terhadap persekitaran yang menyebabkan pelaku jenayah atau penceroboh rasa tidak yakin untuk melakukan jenayah.

Komponen kewilayahan pula merupakan perasaan kepunyaan atau *sense of belonging* yang dimiliki oleh setiap individu apabila mendiami sesebuah lokasi. Konsep ini tidak terbatas dalam ruang lingkup ruang kediaman masing-masing; malah turut meliputi kehidupan di persekitarannya. Pengaruh fizikal atau imej yang lahir daripada reka bentuk persekitaran tersebut dapat melahirkan perasaan kepunyaan (kewilayahan) oleh penghuni-penghuninya. Melalui konsep kewilayahan, penghuni sesebuah tempat akan menganggap mereka adalah pemilik kepada kawasan yang didiaminya dan secara semula jadi mewujudkan perasaan tanggungjawab untuk memelihara serta mengawasi persekitaran kawasan (Ainur et al., 2010). Newman (1972) menjelaskan sesebuah kawasan itu akan lebih mudah terancam sekiranya tidak wujud perasaan kepunyaan dan semangat kejiranan dalam kalangan ahli komunitinya.

Ini kerana, jika hubungan antara jiran amat rapat, mereka secara semula jadi akan menjadi lebih peka terhadap orang asing yang hadir di dalam persekitaran mereka.

Jabatan Perpaduan Negara menerusi Skim Rukun Tetangganya telah menggariskan beberapa unsur kejiranan seperti berkenal kenalan, kerap bertemu dan tolong-menolong antara jiran, rasa bertanggungjawab terhadap keharmonian dan keamanan kawasan sejiran, bangga dan sayang dengan kawasan kediaman serta mempunyai semangat patriotik yang merangkumi sikap muhibah, persefahaman, toleransi, harmoni dan menghormati undang-undang. (Jabatan Penerangan Malaysia, 2013). Unsur-unsur kejiranan ini bertujuan untuk menanamkan sifat kewilayahan dalam kalangan penghuni. Pengawasan semula jadi ini merujuk kepada perasaan kekitaan yang mendalam dalam kalangan penduduk yang melambangkan identiti satu kejiranan serta kebolehan penduduk untuk mengenal pasti ruang-ruang dan peluang-peluang berunsurkan jenayah semasa menjalani kehidupan mereka seharian di kediaman mereka.

Dalam kajian ini, pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* dibahagikan kepada tiga jenis; iaitu struktural, interpersonal dan intrapersonal. Ketiga-tiga ruang ini merupakan pemboleh ubah bebas yang mempengaruhi penglibatan Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam aktiviti pengawasan komuniti. Ketiga-tiga ruang ini dibincangkan secara terperinci dalam subtopik masing-masing. Tetapi, sebelum itu, pengkaji melaporkan faktor-faktor yang menyumbang kepada penglibatan kanak-kanak berisiko dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti sosial dalam Program Pengawasan Komuniti, secara keseluruhan.

Dalam kajian ini, ujian Regresi Linear Bersandar kaedah “*Stepwise*” digunakan untuk menentukan item-item variabel tidak bersandar yang menjadi peramal kepada penglibatan kanak-kanak berisiko dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti sosial di bawah Program Pengawasan Komuniti. Beta ( $\beta$ ) menggambarkan kecerunan garis regresi di mana ia menerangkan kekuatan perhubungan antara variabel bebas dan variabel bersandar. Nilai Beta ( $\beta$ ) menunjukkan arah perkaitan positif dan negatif antara variabel. Perkaitan positif menunjukkan variabel bebas mempunyai pengaruh yang selari dengan variabel bersandar. Apabila nilai variabel bebas meningkat nilai variabel bersandar juga meningkat. Perkaitan negatif pula menunjukkan variabel bebas mempunyai pengaruh yang bertentangan dengan variabel bersandar. Jika nilai variabel bebas meningkat, maka nilai variabel bersandar akan menurun dan sebaliknya. Nilai  $R^2$  pula menjelaskan kekuatan sumbangan perubahan dalam variabel bebas terhadap perubahan dalam variabel bersandar. Ukuran statistik F menunjukkan sama ada atau tidak penjelasan varian yang disumbangkan variabel individu dalam model adalah signifikan. Sig  $F$  (*significance of F*) menunjukkan tahap kebarangkalian.

Jadual 6.1 menunjukkan perubahan varians dalam skor penglibatan [ $F(5, 204)=10.171, p<.05$ ] dan nilai signifikannya= 0.000 ( $p<0.05$ ) dalam model 5; iaitu merujuk kepada lima faktor yang menyumbang kepada penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti prososial yang berlangsung dalam komuniti.

Jadual 6.1: Analisis Varians

Model		Jumlah Kuasa Dua	dk	Min Kuasa Dua	F	Sig.
5	Regresi	4838.438	5	947.688	10.171	0.000
	Residual	19007.657	204	93.175		
	Jumlah	23746.095	209			

Signifikan pada aras 0.05

Jadual 6.2 memaparkan dapatan analisis Regresi Berganda item variabel bebas struktural, intrapersonal dan interpersonal terhadap penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti sosial. Keputusan analisis Regresi Berganda mendapati nilai  $R^2 = 0.20$  atau 20 peratus penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti sosial dalam Program Pengawasan Komuniti dapat diterangkan dalam halangan struktural, interpersonal dan intrapersonal. Terdapat 5 indikator yang meramal penglibatan kanak-kanak secara keseluruhan yang signifikan iaitu, tarikan melayari internet dan bermain permainan elektronik ( $\beta = .48, p < .01$ ), faktor lokasi yang jauh ( $\beta = .18, p < .01$ ), masalah kewangan ( $\beta = .19, p < .01$ ), tarikan untuk menonton televisyen ( $\beta = -.37, p < .01$ ) serta dibebani dengan kerja atau aktiviti sekolah ( $\beta = .17, p < .01$ ). Tarikan melayari internet dan bermain permainan elektronik didapati penyumbang atau halangan terbesar kepada penglibatan keseluruhan dalam aktiviti-aktiviti sosial dalam Program Pengawasan Komuniti. Ini kemudiannya diikuti dengan faktor lokasi yang jauh, masalah kewangan, tarikan menonton televisyen dan dibebani dengan kerja rumah/ aktiviti sekolah.

Jadual 6.2: Analisis Regresi Berganda Item Variabel Bebas Struktural, Intrapersonal dan Interpersonal terhadap Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti Mereka

Indikator variabel bebas	Variabel bersandar (penglibatan dalam aktiviti-aktiviti sosial)					
	Beta tak terpiawai	Ralat tak terpiawai	Beta terpiawai	t	R <sup>2</sup>	Sig.
Pemalar	22.36	2.80		8.01		.00**
Tarikan layari internet/permainan komputer	3.83	1.17	.48	3.27	.095	.00**
Faktor lokasi yang jauh	1.52	.55	.18	2.76	.140	.00**
Masalah kewangan	1.81	.60	.19	3.01	.166	.00**
Tarikan menonton tv	-3.10	1.24	-.37	-2.51	.182	.01*
Kerja/ aktiviti sekolah yang banyak	1.30	.62	.17	2.10	.200	.04*
Nilai F	10.171					.00*

\*\*signifikan pada aras  $p \leq 0.01$

\*signifikan pada aras  $p \leq 0.05$



Data dalam Jadual 6.2 menunjukkan model persamaan regresi yang sesuai untuk digunakan meramal penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti sosial ialah:

$$Y=22.36 + 3.83 X_1 + 1.17 X_2 + 1.17 X_3 - 3.10 X_4 + 1.30 X_5 + 2.80$$

Di mana:

Y = Penglibatan kanak-kanak

$X_1$  = Tarikan melayari internet/ bermain permainan elektronik

$X_2$  = Faktor lokasi yang jauh

$X_3$  = Masalah kewangan

$X_4$  = Tarikan menonton rancangan TV

$X_5$  = Dibebani kerja/ aktiviti sekolah yang banyak

Pemalar = 22.36

Ralat = 2.80

Persamaan regresi di atas menunjukkan bahawa analisis Regresi Berganda “*stepwise*” bagi populasi kajian (saiz sampel=210) ini mendapati lima variabel bebas atau peramal mempunyai korelasi dan memberi kesan serta sumbangan terhadap tahap penglibatan kanak-kanak yang berumur 13 hingga bawah 18 tahun dalam aktiviti-aktiviti sosial di bawah Program Pengawasan Komuniti di kediaman mereka.

### **6.3 Ruang Struktural dan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti**

Ruang struktural mengikut konteks penjenayahan dan pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* merujuk kepada reka bentuk persekitaran fizikal dan penyediaan prasarana fizikal dan sosial yang bersesuaian dengan keperluan penghuni-penghuni atau ahli-ahli komuniti di dalam ruang persekitarannya.

Reka bentuk persekitaran yang baik dilengkapi dengan pelbagai fasiliti awam yang mampu menjaga keselamatan ahli-ahli komuniti. Ruang awam yang digunakan juga mampu menggalakkan interaksi sosial yang boleh meningkatkan semangat

kejiranan. Situasi ini secara tidak langsung mewujudkan pengawasan semula jadi ke atas kawasan kediaman. Keller (1995) menyatakan usaha memenuhi ruang fizikal dengan kemudahan asas dan perkhidmatan bagi kepentingan bersama akan dapat merapatkan hubungan secara tidak formal antara penduduk, mengelakkan daripada berlaku pengasingan diri yang seterusnya dapat membantu mengagihkan keperluan dan memberikan perkhidmatan yang lebih cekap kepada penduduk atau ahli-ahli komuniti dalam sesebuah kawasan kediaman.

Ruang struktural sebegini penting dalam mempengaruhi tingkah laku jenayah kerana reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif boleh mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran jenayah.

Kajian-kajian terdahulu (contoh: Lee et al., 2013; Nor Ina et al., 2013; Siti Hajar et al., 2012; Ekblom, 2011; Wilkerson et al., 2011; Ainur & Jalaluddin, 2010; Parnaby, 2007; Wilcox et al., 2006) memperlihatkan yang ruang struktural mempunyai pengaruh dalam intervensi pencegahan jenayah. Contohnya, Ainur dan Jalaluddin (2010) mendapati dalam melaksanakan konsep Bandar Selamat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) amat bergantung kepada reka bentuk persekitaran fizikal. Terdapat 14 langkah pencegahan jenayah yang telah dilakukan di kawasan perumahan Bandaraya Shah Alam. Antaranya adalah pengasingan laluan pejalan kaki dari jalan bermotor, mengawal tanaman landskap di laluan penjalan kaki, menyediakan pondok polis, mengemaskan kawasan semak dan terlindung, tempat letak motosikal berkunci, pemasangan lampu, menjanakan aktiviti perniagaan, perkhidmatan pengawal keselamatan swasta, pendidikan dan meningkatkan rondaan kawasan perumahan.

Namun demikian, kajian tersebut juga mendapati penduduk tidak hanya bergantung kepada persekitaran fizikal semata-mata dalam menjaga keselamatan dan mencegah perilaku jenayah di persekitaran kediaman. Sebaliknya, tindakan-tindakan sosial yang diambil oleh penduduk setempat; umpamanya melaksanakan pelbagai kegiatan kemasyarakatan juga berkesan dalam mencegah perilaku jenayah di kawasan tempat tinggal mereka. Faktor-faktor sosial melalui pengawasan yang dilakukan oleh komuniti seperti rondaan oleh penduduk sendiri, aktiviti gotong royong, aktiviti rukun tetangga dan sebagainya didapati lebih menonjol dan berkesan dalam mengawal jenayah dan menjaga keselamatan komuniti setempat. Ini menunjukkan reka bentuk persekitaran fizikal dan sosial saling melengkapi antara satu sama lain, dan lebih berkeupayaan dalam memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan ahli komuniti di sesebuah kawasan untuk mengawasi dan menjaga kawasan mereka daripada ancaman jenayah.

Siti Hajar et al., (2012) turut menekankan perubahan persekitaran fizikal dan pola rutin harian yang berisiko kepada persekitaran fizikal dan pola rutin harian yang selamat sebagai remedi sosial untuk membantu komuniti tersisih. Antara contoh intervensi ini adalah memperkenalkan pelbagai aplikasi reka bentuk persekitaran sosial seperti zon bebas-dadah, zon bebas-jenayah, kawasan berkamera, kawasan khas penjalan kaki yang tidak boleh dimasuki oleh sebarang kenderaan, menukar arah laluan jalan-jalan tertentu agar tidak menuju ke jalan atau tempat yang berisiko tinggi, rondaan polis, menyediakan pelbagai pusat sehati untuk kumpulan tersisih dan kumpulan berisiko dan sebagainya. Begitu juga dengan tindakan membangunkan pengangkutan dan perkhidmatan sosial di kawasan-kawasan geografi terpencil membolehkan komuniti tersebut dan komuniti luar akses kepada geografi berkenaan yang seterusnya akan membantu memajukan kawasan tersebut dari aspek ekonomi dan sosial.

Antara indikator yang lazim digunakan untuk melihat pengaruh ruang struktur terhadap tingkah laku jenayah individu adalah menerusi pemeraksanaan kawasan sasaran dengan menyediakan kemudahan dan peralatan yang sesuai. Kemudahan dan peralatan dalam memperkasakan sasaran meliputi aspek keselamatan, pendidikan, sukan dan rekreasi, kesihatan, keagamaan dan kemudahan asas yang lain. Walaupun ia melangkaui langkah-langkah pencegahan jenayah, namun, kemudahan yang disediakan berpotensi meningkatkan kualiti hidup ahli-ahli komuniti. Kemudahan-kemudahan ini memberi peluang kepada ahli-ahli komuniti menganjurkan pelbagai aktiviti atau kegiatan sosial yang bermanfaat.

Crawford dan Godbey (1987) turut menjelaskan faktor struktur tidak terbatas kepada kemudahan dan peralatan sahaja tetapi juga melibatkan masa, wang dan maklumat. Masa merujuk kepada masa lapang individu yang boleh dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti berfaedah seperti aktiviti bersukan, beriadah juga aktiviti kemasyarakatan. Namun begitu, masa juga merupakan halangan terbesar individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti prososial. Kekangan masa sering dijadikan alasan kerana kesibukan dengan aktiviti-aktiviti harian. Namun, kurang atau tiada kemahiran dalam pengurusan masa juga menyebabkan individu sering membazir banyak masa yang berfaedah dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermanfaat dan tidak produktif. Kegagalan menguruskan masa dengan bijak juga menyebabkan seseorang individu menjadi tertekan, cemas, bimbang dan pemarah. Sebaliknya, seseorang yang mempunyai kemahiran atau bijak menguruskan masa akan menjadi lebih terurus dan produktif, kurang rasa tertekan dan mempunyai banyak masa untuk melakukan aktiviti yang lebih bermakna.

Wang pula merupakan elemen terpenting untuk pelaksanaan sesebuah aktiviti. Individu yang ingin melibatkan diri dalam aktiviti terutamanya aktiviti yang memerlukan kemudahan peralatan khusus dan kemudahan pengangkutan sering dikenakan bayaran. Individu yang kurang berkemampuan akan mengalami kekangan dari segi kewangan untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sedemikian.

Maklumat pula merujuk kepada maklumat yang bakal diketahui oleh individu yang boleh mendorong mereka menyertai aktiviti-aktiviti yang bakal dianjurkan oleh pihak penganjur. Antara maklumat yang penting adalah seperti nama program, tempat, tarikh, masa dianjurkan, objektif program serta pengisian aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan. Kesampaian maklumat ini sangat penting untuk menarik ahli-ahli komuniti menyertai aktiviti pihak penganjur. Justeru itu, mekanisme sistem penyampaian perlu dilakukan dengan mudah dan mesra kepada golongan sasaran.

Kemudahan prasarana dalam sesebuah kawasan kediaman dianggap penting bagi mendukung aktiviti seharian. Siti Hajar dan Abd Hadi (2009) menyatakan kawasan kediaman yang tiada atau kurang mempunyai prasarana sosial seperti gelanggang permainan, taman rekreasi dan ruang beraktiviti prososial boleh menyebabkan kanak-kanak lebih berisiko untuk terlibat dengan tingkah laku antisosial. Sebaliknya, Loftland (1969 dalam Siti Hajar, 2009), menegaskan jenis kediaman yang bersifat tertutup pula iaitu kawasan kediaman yang dihalangi oleh rintangan fizikal dan pelbagai sekatan atau peraturan yang menghalang kemasukan orang luar merupakan peluang alternatif untuk individu menyembunyikan perbuatan antisosialnya daripada diketahui pihak umum yang berkuasa. Ini merupakan alternatif dan peluang untuk kanak-kanak yang tinggal dalam situasi kediaman begini untuk melakukan aktiviti antisosial terutamanya jenayah

terancang seperti salah laku seksual, penyalahgunaan dadah/ ganja, kongsi gelap geng samseng dan perat ugut.

Kawasan perumahan awam Desa Rejang turut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan lain seperti sebuah dataran, 3 buah gelanggang permainan, sebuah dewan serba guna, sebuah gelanggang futsal, sebuah surau, sebuah pasar, sebuah medan makan, kelas KAFA, 4 buah kelas Tabika Perpaduan, sebuah klinik 1Malaysia, sebuah klinik swasta dan 8 buah badan bukan kerajaan (NGO) serta kemudahan atau peralatan awam yang lain seperti telefon awam, cermin keselamatan, papan tanda peringatan *Community policing*, lampu jalan, tempat letak kereta, bonggol jalan dan perkhidmatan balai polis bergerak. Antara contoh kemudahan-kemudahan tersebut dipaparkan dalam Rajah 6.1 –Rajah 6.5.



Rajah 6.1: Kemudahan dewan serbaguna di PPA Desa Rejang



Rajah 6.2: Kemudahan Klinik 1 Malaysia di PPA Desa Rejang



Rajah 6.3: Taman permainan di PPA Desa Rejang



Rajah 6.4: Kemudahan gelanggang permainan dan pasar pagi





Rajah 6.5: Kemudahan medan selera atau kedai makan (sebelah kanan)

Bagi ruang struktural, pengkaji telah mewujudkan 17 item/ pernyataan berkaitan dengan halangan struktural yang mempengaruhi kelancaran pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti. Halangan-halangan struktural ini telah dianalisis menggunakan skala Likert berikut: 1= sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=sederhana setuju, 4=setuju dan 5=sangat setuju. Jadual 6.3 menunjukkan perbezaan min berdasarkan item-item soalan-soalan yang dikemukakan dalam halangan struktural. Bagi faktor struktural, kajian ini mendapati item-item yang berkaitan dengan kekurangan kemudahan-kemudahan yang disediakan di PPA Desa Rejang menunjukkan bacaan min yang paling tinggi berbanding halangan-halangan struktur yang lain. Didapati item kemudahan keselamatan tidak mencukupi mencatatkan bacaan min tertinggi iaitu 3.6. Item Aktiviti/ program berbentuk kepimpinan dan kemahiran sosial remaja bersama rakan sebaya tidak banyak dianjurkan mencatatkan bacaan min yang sederhana iaitu 3.13. Item dikenakan yuran aktiviti yang mahal mencatatkan bacaan skor min yang paling rendah iaitu 2.71.



Jadual 6.3: Perbezaan Min dalam Faktor Halangan Ruang Struktural

No	Item	Min
1	Kemudahan keselamatan tidak mencukupi	3.67
2	Ada kemudahan rosak dan tidak selamat digunakan	3.43
3	Komuniti tidak menyediakan papan kenyataan aktiviti-aktiviti komuniti	3.33
4	Kemudahan pendidikan tidak mencukupi	3.31
5	Kemudahan komuniti hanya boleh digunakan pada waktu tertentu sahaja	3.30
6	Kemudahan sukan dan rekreasi tidak mencukupi	3.23
7	Aktiviti-aktiviti yang dijalankan jauh daripada rumah	3.20
8	Aktiviti / program kepimpinan untuk remaja tidak banyak dianjurkan	3.13
9	Aktiviti/ program kemahiran sosial remaja bersama rakan sebaya tidak banyak dianjurkan	3.13
10	Aktiviti/ program seperti sukan dan rekreasi tidak banyak dianjurkan	3.03
11	Komuniti tidak menyampaikan maklumat secara berkesan	3.01
12	Tiada orang dewasa berkesan untuk menyelia aktiviti-aktiviti	3.01
13	Aktiviti yang dijalankan tidak sesuai dengan masa	2.96
14	Masalah pengangkutan untuk pergi ke tempat aktiviti	2.90
15	Masalah kewangan untuk mengikuti aktiviti-aktiviti	2.80
16	Peralatan sukan atau lain-lain aktiviti mahal	2.80
17	Dikenakan yuran aktiviti yang mahal	2.71

Perumahan Awam Desa Rejang diakui mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan sering menghadapi masalah vandalism. Ini dikaitkan dengan persekitaran komuniti PPA Desa Rejang yang terbuka iaitu tidak berpagar, tiada disediakan pengawal keselamatan awam mahupun swasta atau pemasangan CCTV untuk memantau keselamatan awam dan harta benda. Keadaan ini menyebabkan kenderaan atau orang luar mudah untuk memasuki atau akses kawasan komuniti ini. Pengkaji telah mendapatkan maklumat tentang kemudahan atau peralatan keselamatan untuk mencegah masalah sosial ataupun jenayah daripada Ketua Balai Polis Desa Rejang. Berikut merupakan hasil temu bual yang dijalankan ke atas Ketua Balai Polis Desa Rejang:

“.....tidak dinafikan kawasan Desa Rejang adalah satu kawasan *hotspot* jenayah kerana kawasannya yang terbuka dan mudah diakses oleh orang luar. Kami sangat prihatin dengan keadaan ini dan bertindak balas dengan aduan-aduan masyarakat. Selain daripada aktiviti rondaan, pihak polis juga telahpun mencadangkan kepada DBKL memasang CCTV di

kawasan ini untuk memantau kawasan-kawasan yang sering bermasalah. Kawasan tersebut adalah di medan makan berhampiran blok B, laluan masuk utama berhampiran pejabat DBKL, laluan masuk hujung blok A, kawasan belakang hujung blok G, tempat *parking* kereta blok K, laluan masuk berhampiran blok F dan taman permainan berhampiran blok D...walau bagaimanapun penglibatan dan kerjasama daripada orang ramai amat penting untuk sama-sama menjaga keselamatan... ”  
(Ketua Balai Polis Wangsa Maju (46 tahun)/ 17 Januari 2011/ 11.30 pagi).

Respons di atas menunjukkan pihak berkuasa berusaha untuk mewujudkan kawasan perumahan awam yang selamat. Dalam memperkasakan pencegahan jenayah di PPA Desa Rejang, DBKL telah pun memasang palang keselamatan sebagai kawalan kenderaan keluar dan masuk. Di samping itu, pihak DBKL juga meneruskan program turun padang dan melaksanakan Program Kehidupan Murni dalam usaha memberi kesedaran berkaitan masalah vandalism dan lain-lain masalah sosial. Selain itu, DBKL meneruskan operasi membanteras aktiviti membawa motosikal ke dalam lif secara bersepadu dan berkala. Aktiviti rondaan sukarela oleh anggota-anggota SRS perlu dipergiatkan bagi menangani masalah vandalism dan kes-kes kecurian di komuniti Desa Rejang.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh komuniti PPA Desa Rejang dan DBKL ini sejajar dengan pandangan oleh Jacobs (1961) yang menyatakan keselamatan awam adalah hasil dari hubungan antara masyarakat yang mana saling mengetahui melalui pandangan dan pengamatan yang disebut oleh Jacobs sebagai “*eyes on the street*”. Ini meningkatkan kawalan tidak formal dalam kalangan komuniti.

Item dikenakan yuran aktiviti yang mahal mencatatkan bacaan skor min yang paling rendah iaitu 2.71. Ini menunjukkan kebanyakan aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan oleh DBKL dan agensi-agensi lain dalam kawasan komuniti PPA Desa Rejang adalah percuma atau hanya mengenakan bayaran yang amat minimum, misalnya

pendaftaran sebanyak RM15 bagi sesebuah pasukan bola sepak yang ingin menyertai pertandingan. Ini bermakna setiap individu diminta membayar sejumlah RM1 hingga RM2 untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan. Kos tersebut setimpal untuk aktiviti sukan yang berkumpul dan tidak memerlukan peralatan sukan yang khusus.

Walau bagaimanapun, pihak penganjur tidak boleh memandang ringan dalam hal kewangan kerana terdapat aktiviti-aktiviti sosial yang memerlukan peralatan atau kelengkapan khas dan melibatkan lokasi yang jauh daripada tempat tinggal kanak-kanak. Kos kewangan yang tinggi boleh membantutkan hasrat kanak-kanak untuk menyertai aktiviti-aktiviti sosial tersebut. Ini menjadikan halangan kewangan merupakan halangan utama untuk kanak-kanak miskin melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi (Sletten, 2010). Masalah kewangan menghalang mereka daripada menyertai aktiviti rekreasi seperti aktiviti/ program perkhemahan menyebabkan mereka disisihkan dan dibuli oleh rakan-rakan yang kemudiannya berisiko kepada perkembangan kesihatan mental mereka. Faktor kewangan juga selari dengan kajian Crawford dan Godbey (1987) dan Mohd Jaflus (2008) apabila mereka menyenaraikan lima halangan utama individu untuk menyertai aktiviti masa lapang atau rekreasi iaitu minat atau kecenderungan, masa, kewangan, kemudahan atau fasiliti dan kemahiran. Justeru itu, komuniti yang mesra dan membangun perlu merancang atau menyediakan aktiviti-aktiviti sosial (contoh: aktiviti sukan dan rekreasi) yang melibatkan kos yang berpatutan dan lokasi yang berdekatan untuk memberi peluang kanak-kanak dalam komuniti berisiko turut serta dalam aktiviti-aktiviti prososial.

Hasil analisis ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat 4 item halangan struktur yang mempunyai hubungan yang sangat signifikan ( $p < 0.01$ ) dan dua item yang mempunyai hubungan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) dengan penglibatan kanak-kanak dalam

aktiviti-aktiviti sosial dalam Program Pengawasan Komuniti di kediaman mereka (Jadual 6.4). Hubungan yang signifikan ini menunjukkan semakin kuat halangan-halangan tersebut wujud semakin kurang penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti sosial komuniti.

Jadual 6.4: Matrik Koefisien Korelasi antara Indikator-indikator Halangan Struktural dengan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti di Komuniti Mereka

Indikator-indikator halangan struktural	Nilai Korelasi Pearson	Nilai Signifikan
Variabel bebas halangan struktural		
1. Kemudahan pendidikan tidak mencukupi	.213**	.002
2. Ada kemudahan yang rosak dan tidak selamat digunakan	.180**	.009
3. Komuniti tidak menyediakan papan maklumat aktiviti komuniti	.227**	.001
4. Lokasi aktiviti-aktiviti yang dijalankan jauh daripada rumah	.295**	.000
5. Aktiviti / program kepimpinan untuk remaja tidak banyak dianjurkan	.157*	.023
6. Tiada orang dewasa berkesan/ menyelia aktiviti	.175*	.011

Nota: \*\*signifikan pada aras  $p \leq 0.01$

\*signifikan pada aras  $p \leq 0.05$

Kemudahan pendidikan tidak mencukupi mencatatkan nilai korelasi sebanyak 0.213 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.002$ ). Lazimnya, kanak-kanak lebih menumpukan kepada aktiviti pelajaran/ pendidikan seperti membuat kerja sekolah dan membaca buku. Berkaitan dengan hal ini, rata-rata responden memberitahu pengkaji mereka mahupun sebuah perpustakaan di dalam komuniti mereka untuk memudahkan membuat kerja sekolah dan mengulang kaji pelajaran. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan ruang rumah yang agak sempit yang menyebabkan mereka memerlukan tempat yang lebih selesa untuk membuat aktiviti atau kerja sekolah yang memerlukan perbincangan bersama rakan-rakan. Walaupun terdapat sebuah dewan serba guna disediakan di komuniti PPA Desa Rejang, lazimnya dewan tersebut digunakan untuk aktiviti

kemasyarakatan terutamanya majlis perkahwinan. Menurut Zainun dan Rosnah (2013) kemudahan perpustakaan dalam sebuah komuniti boleh membentuk ahli-ahli komuniti berfikiran kreatif dan inovatif melalui bahan bacaan dan aktiviti-aktiviti yang disediakan di dalam perpustakaan.

Kemudahan yang rosak dan tidak selamat digunakan mencatatkan nilai korelasi sebanyak 0.180 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.009$ ). Hal ini merujuk kepada perkhidmatan lif yang sering rosak di blok pangsapuri mereka. Ini menyukarkan mobiliti atau pergerakan penduduk terutamanya golongan yang lemah (*vulnerable*) seperti warga emas, OKU dan kanak-kanak untuk melakukan aktiviti sosial di ruang awam kediaman mereka. Roslah (2010) dalam Utusan Malaysia melaporkan kekerapan aduan lif rosak di PPA Desa Rejang adalah disebabkan perbuatan vandalisme iaitu kanak-kanak gemar bermain butang lif menyebabkan lif beroperasi tanpa henti sehingga menjadi rosak. Begitu juga dengan sikap segelintir penduduk PPA Desa Rejang yang melanggar peraturan DBKL iaitu membawa motorsikal ke tingkat atas. Lif yang rosak ini turut mengundang bahaya jenayah kepada golongan *vulnerable* ini. Dalam pada itu, pengkaji juga mendapati terdapat kemudahan peralatan permainan di taman permainan untuk kanak-kanak juga didapati rosak dan tidak selamat untuk digunakan (contoh: tali buaian yang telah putus, papan gelongsor yang lusuh dan tempat duduk jongkang jongkit yang tercabut). Kemudahan-kemudahan permainan ini tidak diselenggara dengan baik mengundang bahaya kepada kanak-kanak yang bermain. Malah kerosakan dan kecacatan kemudahan permainan memberi peluang kepada individu atau kumpulan individu melepak di taman permainan dan melakukan vandalisme atau contengan-contengan graviti serta aktiviti antisosial yang lain.

Chang & Liu (2001) mendapati 77 peratus responden dalam kajiannya tidak menyertai mana-mana aktiviti masa lapang. Shawn mengaitkan faktor utama berlakunya perkara tersebut kerana komuniti tidak menyediakan kemudahan sosial seperti padang bola manakala tempat bermain pula rosak dan tidak diperbaiki. Selain itu, Shan juga menyentuh kurangnya peluang dalam persekitaran tempat tinggal seperti tiada program-program sosial dijalankan menyebabkan responden lebih banyak menghabiskan masa dengan menonton televisyen dan melepak bersama rakan-rakan. Dapatan ini disokong oleh Anaby et al., (2013) yang menerangkan persekitaran memainkan peranan penting untuk menarik kanak-kanak melibatkan diri dalam aktiviti sosial atau riadah dalam kawasan tempat tinggal mereka. Anaby dan rakan-rakan menyenaraikan empat domain persekitaran yang mempengaruhi penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti riadah iaitu sikap individu, hubungan dan sokongan sosial, fizikal dan agensi atau institusi yang menganjurkan aktiviti riadah. Dari segi halangan domain fizikal, ia meliputi kurangnya aksesibiliti fizikal seperti kemudahan pengangkutan dan juga limitasi dari segi peralatan/ kemudahan sukan dan rekreasi.

Ahmad Nazri (2002) menyatakan kediaman atau rumah yang selesa bukanlah penyelesaian terhadap masalah remaja. Sebaliknya, peranan kawasan kediaman yang selesa dapat membantu mengurangkan permasalahan sosial dalam kalangan remaja. Ahmad Nazri menyatakan kawasan kediaman yang mewujudkan taman permainan yang dilengkapi dengan kemudahan yang mesra lagi selamat menjadi “*setting*” untuk jiran tetangga khususnya kanak-kanak berkumpul untuk bermain dan gembira. Di situ, remaja belajar untuk berinteraksi dan menerima nilai-nilai positif dengan rakan sebaya dan jiran tetangga. Interaksi yang berlaku menjadikan hubungan antara penghuni-penghuninya menjadi lebih mesra dan terjalin rapat. Menurutnya lagi, kawasan kediaman seharusnya mampu menjadi pusat kegiatan sosial dan budaya penghuninya

dengan menyediakan ruang dan prasarana sebagai seperti ruang legar, tanah lapang dan ruang sosial seperti dewan orang ramai, prasarana ibadah dan acara keagamaan lainnya, kemudahan kesihatan dan sebagainya sebagai wadah untuk keperluan kontak atau interaksi dan untuk mendukung aktiviti sosial.

Item tidak menyediakan papan maklumat untuk memaklumkan maklumat-maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti yang ingin dilaksanakan atau yang sedang berlangsung dalam komuniti mereka mencatatkan nilai korelasi adalah sebanyak 0.227 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.001$ ). Pengkaji mendapati pihak penganjur sesuatu program menampal poster-poster aktiviti/ program di dinding atau tiang-tiang bangunan yang berlainan seperti di pejabat pengurusan perumahan dan di gerai/ medan makan. Mereka tidak menampal di sudut khas seperti di papan kenyataan/ maklumat di setiap tempat menunggu lif. Sejauh mana maklumat aktiviti/ program tersebut disedari oleh ahli-ahli komuniti turut diragui kerana ada poster-poster yang dikoyak oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Malah koyakan dan tampalan poster-poster atau kertas bersilih ganti turut meninggalkan kesan yang buruk dan merosakkan cat dinding bangunan. Keadaan ini jelas memberi impak kepada defisit pengetahuan dan aksesibiliti maklumat ahli-ahli komuniti terhadap pelaksanaan sesebuah aktiviti atau program di dalam komuniti PPA Desa Rejang. Keadaan ini selari dengan Grace et al., (2010) yang menyatakan limitasi mendapatkan maklumat sesebuah aktiviti yang dilaksanakan dalam komuniti telah menghalang penglibatan kanak-kanak mahupun ibu bapa kerana mereka tidak mengetahui pelaksanaan aktiviti tersebut, tidak mengetahui bagaimana untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut dan akhirnya tidak mendapat manfaat daripada pelaksanaan aktiviti atau program itu.

Item lokasi aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah jauh daripada rumah mencatatkan nilai korelasi sebanyak 0.295 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.000$ ). Ini merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang memerlukan tempat yang bersesuaian dengan aktiviti misalnya aktiviti kembara atau perkhemahan semestinya memerlukan lokasi yang sesuai. Begitu juga aktiviti-aktiviti kempen kesedaran pencegahan jenayah yang berskala besar yang menumpukan penduduk-penduduk di Setapak kebiasaannya dianjurkan di kawasan orang ramai seperti di kompleks membeli belah. Lokasi yang jauh yang memerlukan kewangan dan pengangkutan menghalang kanak-kanak di PPA Desa Rejang untuk menyertai aktiviti-aktiviti sebegini.

Kajian ini mendapati kawasan kediaman PPA Desa Rejang tidak menghadapi kekurangan pelaksanaan aktiviti-aktiviti sosial kecuali aktiviti atau bengkel kemahiran sosial remaja bersama-sama rakan sebaya yang mencatatkan nilai korelasi sebanyak 0.157 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.023$ ). Dalam hal ini, pengkaji tidak menafikan apabila *Facebook* KRT Desa Rejang sentiasa memaparkan aktiviti-aktiviti sosial yang berlangsung di tempat tinggal mereka. Malah, kanak-kanak sentiasa menggunakan kemudahan sukan yang sedia ada untuk bermain bola sepak, sepak takraw, badminton dan sebagainya. Namun begitu, aktiviti-aktiviti sosial tersebut lebih tertumpu kepada penyertaan orang dewasa manakala aktiviti sukan atau riadah pula lebih bersifat tidak berstruktur. Menurut kajian-kajian yang lepas, program kemahiran hidup yang komprehensif untuk kanak-kanak antisosial perlu meliputi kemahiran interpersonal, kemahiran kognitif dan kemahiran daya tindak mengatasi tekanan (Search Institute, 2014; Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009; Komro & Toomey, 2003). Program-program ini menawarkan antaranya kemahiran komunikasi yang berkesan, kemahiran membentuk dan mengekalkan hubungan mesra dan membangun dengan individu lain, dan kemahiran kognitif. Pendek kata, Program Pengawasan Komuniti perlu menyediakan



program lebih berstruktur untuk pengembangan sahsiah diri Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti.

Item ketiadaan orang dewasa berkesan untuk menyelia aktiviti-aktiviti yang dijalankan mencatatkan nilai korelasi adalah sebanyak 0.175 signifikan pada aras 0.05 ( $p=0.011$ ). Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian Siti Hajar dan Abd Hadi (2009) yang menyatakan komuniti yang mampu menyediakan pelbagai kemudahan sosial di kawasan kediaman untuk anak mereka, tetapi gagal untuk menyelia dan memantau aktiviti anak semasa menggunakan kemudahan tersebut sebenarnya menyediakan pelbagai peluang untuk anak-anak menyalah gunakan kemudahan sedia ada dalam melakukan aktiviti antisosial. Dalam hal ini, pengkaji mendapati terdapat kanak-kanak di PPA Desa Rejang yang melakukan aktiviti sukan atau aktiviti yang tidak berstruktur selepas waktu persekolahan sehingga menjelang waktu senja. Malah tidak kelihatan ibu bapa kanak-kanak ini memanggil anak-anak mereka pulang ke rumah pada waktu yang sepatutnya. Berkemungkinan ibu bapa mereka masih belum pulang ke rumah kerana komitmen atau desakan kerja. Desakan bekerja mempengaruhi masa yang mampu diperuntukkan oleh ibu bapa kepada keluarga, sekali gus mempengaruhi peranan penjagaan anak oleh ibu bapa (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009). Hal ini menyebabkan tiada individu yang mengambil peduli tentang tingkah laku kanak-kanak ini. Kanak-kanak yang tinggal di rumah tanpa seliaan orang dewasa berkesan telah menyediakan ruang dan pelbagai peluang yang luas untuk mereka terlibat dengan pelbagai pengaruh negatif. Mereka bebas keluar rumah, bebas mencari rakan-rakan senasib, dan bebas melakukan aktiviti antisosial kerana tiada individu yang mengawasi mereka.

Dalam konteks komuniti PPA Desa Rejang, orang dewasa berkesan boleh terdiri daripada individu-individu separa profesional yang tinggal di kawasan PPA Desa Rejang. Mereka boleh terdiri daripada ahli-ahli Program Pengawasan Komuniti, ahli-ahli jawatankuasa KRT dan Persatuan Penduduk, imam/ ahli-ahli surau, ketua tingkat/ blok, dan jiran-jiran tetangga yang mempunyai ciri-ciri peribadi yang prososial dan berakhlak tinggi. Ahli-ahli separa profesional setempat boleh bekerjasama dengan ahli-ahli profesional seperti anggota atau pegawai polis yang dilantik dalam unit *Community Policing*, pegawai-pegawai sosial dari agensi-agensi kerajaan dan NGO, pegawai kebajikan, pekerja-pekerja sukarela dari kelab/ persatuan persendirian, guru-guru dan para pensyarah yang masih berkhidmat atau yang telah bersara untuk menyediakan pelbagai bentuk sokongan dan bantuan kepada Kanak-kanak Tidak Terkawal atau berisiko ini. Mahasiswa-mahasiswa universiti berhampiran turut boleh melibatkan diri secara sukarela dalam intervensi sosial berasas komuniti di PPA Desa Rejang dengan berperanan sebagai fasilitator atau mentor kepada kanak-kanak ini. Kehadiran orang dewasa berkesan dalam program atau aktiviti sosial berstruktur atau separa struktur dapat menjaga, mengawasi dan menyelia tingkah laku kanak-kanak dalam komuniti.

Kembali kepada perihal kanak-kanak yang masih bermain dan tidak pulang ke rumah walaupun sudah masuk waktu senja, individu yang berkesan dalam komuniti boleh ‘menggantikan’ peranan ibu bapa kanak-kanak tersebut dengan menyuruh kanak-kanak itu pulang ke rumah, mandi dan datang ke surau untuk bersembahyang jemaah bagi kanak-kanak beragama Islam. Begitu juga, dengan kanak-kanak bukan Islam, mereka juga sepatutnya diajak untuk pulang ke rumah sebelum waktu malam dan menjalankan rutin ibadah dan harian masing-masing. Pendek kata, atas semangat kejiiran, orang dewasa berkesan ini boleh “membantu”, “mengawal”, “membimbing”

dan “mengasuh” kanak-kanak sesuai dengan peranan mereka sebagai “mata dan telinga” dalam Program Pengawasan Komuniti.

Newman (1972) sendiri mengakui bahawa pengawasan semula jadi sebenarnya lebih banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial berbanding faktor-faktor reka bentuk fizikal sesebuah kawasan. Justeru itu, *Ruang Boleh Dipertahankan* bukan hanya bergantung kepada persekitaran fizikal yang berupaya menjadi peluang kepada peri laku jenayah tetapi sebenarnya bergantung kepada komuniti itu sendiri untuk mengenal pasti kegunaannya dan seterusnya bertindak untuk mengatasi masalah tersebut (Lab, 1988). Pendek kata, elemen-elemen fizikal dan sosial perlu diperkasakan dalam mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat untuk perkembangan sosial kanak-kanak dalam komuniti.

#### **6.4 Ruang Intrapersonal dan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti**

Ruang intrapersonal merujuk kepada keadaan psikologi individu yang bertindak mendorong atau menghalang penglibatan diri mereka dalam aktiviti-aktiviti sosial (Crawford dan Godbey (1987). Mohd Najib (2003 dalam Chan dan Rodziah, 2012) menyatakan dalam model Kecerdasan Emosi (*Emotional Intelligence*) atau EQ, konstruk intrapersonal mengandungi tiga elemen iaitu keupayaan mengenal pasti emosi sendiri, keupayaan mengurus emosi sendiri dan motivasi sendiri. Kemahiran intrapersonal adalah keupayaan kognitif seseorang untuk memahami dan mengenali diri sendiri. Kemahiran ini membolehkan individu mempelajari siapa dirinya, apakah perasaannya, apa yang ingin dilakukannya, apa yang perlu dielakkannya dan mengapa dirinya begitu. Mereka sangat pasti tentang kehendak dan tahap keupayaan sendiri.

Kemahiran interpersonal dikaitkan dengan trait atau sifat sahsiah seseorang individu yang merangkumi gaya hidup, kepercayaan, harapan, nilai, motif, pemikiran, perasaan, budi pekerti, persepsi, tabiat, sikap dan watak seseorang.

Bagi konteks kajian-kajian kriminologi, komponen interpersonal merangkumi tiga sistem yang wujud dalam diri manusia iaitu *id*, *ego* dan *superego* yang diperkenalkan dalam Teori Psikodinamik oleh Sigmund Freud (1974). Setiap satu daripada komponen interpersonal tersebut mempengaruhi tingkah laku jenayah individu dengan cara yang berbeza. *Id* adalah sistem asal dalam setiap individu sejak dilahirkan. *Id* dianggap sebagai komponen biologi. Ia merupakan punca utama bagi tenaga jiwa dan pusat bagi naluri. *Id* bertindak secara tidak normal dan tidak mempunyai sistem organisasi yang teratur. *Id* hanya tahu mendesak dan memaksa. Umpamanya, kanak-kanak selalunya tidak sabar dan mahukan kepuasan yang segera. Oleh kerana itu ia bertindak melulu tanpa berfikir panjang. Setelah sesuatu tindakan diambil oleh *id*, ketegangan yang dirasakan akan hilang. Satu ciri tentang *id* ia tidak pernah matang dan membesar walaupun individu yang memilikinya sudah bertambah umur dan bertambah matang pemikirannya. Kerana itu didapati *id* ini bertindak secara tidak logik, tidak bermoral dan hanya memuaskan naluri nafsu semata-mata (Zakaria *et. al.*, 2012).

*Ego* pula adalah komponen psikologi yang merupakan tenaga jiwa yang berasal dari *id* walaupun ianya amat berbeza dengan *id*. Ia merupakan eksekutif yang mengawal jenis-jenis tindakan yang hendak dilakukan oleh seseorang dan memilih persekitaran-persekitaran yang sesuai serta menentukan naluri mana yang akan dipuaskan dan caranya. *Ego* dipandu oleh prinsip realiti dan kerana itu segala tindak tanduknya mestilah dilakukan dengan menimbang secara mendalam terhadap segala yang wujud di dalam realiti. Bagi melaksanakan tugasnya dengan baik ia haruslah

berfikiran waras, logik dan rasional. Dengan itu barulah ia mampu mengendalikan urusan-urusan *id* di alam nyata, serta memberi perhatian kepada penentuan-penentuan *superego* (Zakaria et al., 2012).

Seterusnya, *superego* pula dianggap sebagai komponen sosial dan nilai-nilai moral masyarakat. Ia merupakan cabang moral atau kehakiman bagi sesuatu personaliti. Ia bertanggungjawab menentukan sesuatu tingkah laku sama ada baik atau buruk, betul atau salah. Ia bersifat idealistik dan bertanggungjawab untuk mengawal *ego* daripada kehendak *id*, di samping mendorong *ego* untuk menerima nilai-nilai dan matlamat moral. Oleh kerana ia bersifat sebagai hakim, ia menentukan denda dan ganjaran. Ganjaran yang diberikannya berbentuk perasaan bangga, manakala denda pula berbentuk perasaan bersalah dan rendah diri (Zakaria et al., 2012).

*Ego* dan *superego* adalah punca daripada tenaga *id* yang sejak kecil sudah mula menerima penentuan-penentuan masyarakat melalui didikan ibu bapa atau pengasuh. Ketiga-tiga tenaga ini sering berinteraksi. *Id* mendesak, *ego* mengatur manakala *superego* bertindak menyelia dan mengawal gelagat *id* dan *ego*. Jika *ego* gagal mengawal kehendak *id* atau gagal menyalurkan kehendak *id* menurut batasan-batasan realiti dan nilai-nilai moral, ia akan didenda dalam bentuk perasaan risau. Jika berjaya, ia akan diberi ganjaran dalam bentuk perasaan tenaga dan kepuasan (Zakaria et al., 2012).

Pendek kata, ketiga-tiga komponen psikologi ini berkait rapat dengan pengembangan sahsiah diri individu iaitu bagaimana individu itu memahami kelemahan dan kekuatan diri mereka, seterusnya dapat mengawal dan mengurus diri mereka

terhadap persekitaran dan mempengaruhi sikap mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial.

Mengikut teori *Labeling*, reaksi negatif dari masyarakat juga mendorong seseorang individu membina konsep sendiri yang negatif dan menambahkan kekerapan pembabitannya dalam tingkah laku antisosial atau devian (Lemert, 1972; Becker, 1963; Gove, 1975 dalam Haris et al., 2013). Teori *Labeling* ini menjelaskan kesan tindak balas masyarakat terhadap seseorang individu yang terlibat dalam tingkah laku yang bertentangan dengan norma dan nilai hidup masyarakat menerusi label, stigma dan diskriminasi. Label yang dikenakan akan menyebabkan individu berkenaan dijauhi dan disisih dari kumpulan. Stigma merupakan imej atau tanda negatif yang akan merendahkan maruah dan membawa rasa malu kepada individu tersebut. Manakala, diskriminasi akan menyebabkan individu tersebut diberi layanan berbeza dan dinafikan hak dan peluang yang sepatutnya diperoleh dalam sistem masyarakat. Tindakbalas-tindakbalas ini akan membina konsep sendiri yang negatif dalam diri individu tersebut jika tidak dikawal. Keadaan-keadaan ini cenderung menimbulkan masalah sosial yang lebih serius dalam masyarakat jika dibiarkan berterusan (Haris et al., 2013).

Beberapa kajian terdahulu menunjukkan kanak-kanak yang tidak mempunyai kemahiran pengembangan sahsiah diri yang baik lebih berisiko untuk terlibat dengan aktiviti antisosial, bersikap agresif ataupun lebih cenderung untuk melakukan aktiviti antisosial atau jenayah berbanding terlibat atau menyertai aktiviti-aktiviti konvensional (Fareeda & Musaddiq, 2014; Diamantopoulou et al., 2008; Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009; Donnellan et al., 2005, Kadish et al., 2001). Manakala, kanak-kanak yang mempunyai kemahiran pengembangan sahsiah dan penilaian sendiri yang baik pula mampu memantau perlakuan mereka sendiri dan menguatkuasakan perlakuan masing-

masing. Mereka juga lebih “pandai”, lebih cepat dan lebih rasional menstrukturkan semula persepsi-persepsi kognitif yang bersifat negatif kepada persepsi yang lebih positif atau prososial dan mengikut norma, nilai dan peraturan sosial (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009). Justeru itu, pengembangan sahsiah diri kanak-kanak perlu diberi perhatian supaya tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor risiko dan cenderung bertingkah laku antisosial.

Siti Hajar dan Abd. Hadi (2009) menyatakan penglibatan kanak-kanak dalam tingkah laku antisosial tidak berlaku secara tiba-tiba. Penglibatan mereka dalam aktiviti tersebut didahului oleh pendedahan kepada faktor risiko yang lebih dominan daripada faktor pelindung yang terdapat dalam persekitaran sosial mereka. Dalam aspek sahsiah, Siti Hajar dan Abdul Hadi menghuraikan tiga peringkat keadaan berisiko yang mendedahkan kanak-kanak terlibat dalam perlakuan antisosial. Setiap peringkat keadaan sosial tersebut mempunyai komponen masing-masing. Misalnya, pendedahan kanak-kanak kepada pelbagai keadaan sosial yang berisiko secara am komponen-komponennya terdiri daripada harga diri, kesempatan hidup yang ada dalam persekitaran sosial kanak-kanak dan tingkah laku mengambil risiko yang dipegang atau diamalkan oleh kanak-kanak. Manakala, komponen-komponen sahsiah diri di peringkat pendedahan kepada faktor-faktor risiko yang boleh mempengaruhi kecenderungan mereka untuk bertingkah laku antisosial adalah kecelaruan dalam harga diri dan kesempatan hidup yang ada dalam persekitaran mereka serta kecenderungan ke arah tingkah laku mengambil risiko. Peringkat ketiga pula adalah penglibatan sebenar kanak-kanak dalam tingkah laku atau sebarang aktiviti antisosial di mana komponen sahsiah dirinya terdiri daripada kerendahan harga diri, tahap toleransi kekecewaan yang rendah dan daya tindak mengatasi tekanan negatif/ antisosial. Pendek kata, personaliti

atau sahsiah diri kanak-kanak masih boleh dibentuk dan dilindungi dengan kehadiran faktor-faktor pelindung dalam persekitaran sosial mereka.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengaitkan halangan intrapersonal dengan pembangunan sahsiah diri kanak-kanak itu sendiri seperti minat, pengetahuan, kemahiran, bentuk pemikiran, kepercayaan atau tanggapan diri individu/ kanak-kanak tersebut terhadap persekitaran sosialnya. Indikator- indikator ini telah diwujudkan bagi mengukur ruang interpersonal dengan melihat hubungan antara ruang atau cabaran interpersonal kanak-kanak dengan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti sosial Program Pengawasan Komuniti. Dalam hal ini, pengkaji telah mewujudkan 21 pernyataan yang berkaitan dengan faktor halangan intrapersonal. Jadual 6.5 menunjukkan perbezaan min bagi setiap kanak-kanak berdasarkan item-item soalan-soalan yang dikemukakan mengikut faktor interpersonal.

Keputusan analisis min menunjukkan item responden dibebani dengan kerja/ aktiviti sekolah yang banyak dan tidak mempunyai rakan yang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti mencatatkan skor min yang paling tinggi iaitu 3.45. Item yang mencatatkan bacaan min yang sederhana iaitu 2.96 adalah tidak mempunyai kemahiran untuk melibatkan diri dan takut gagal dalam peperiksaan. Manakala item tidak berminat untuk berinteraksi atau bercampur gaul dengan ahli-ahli komuniti atau jiran-jiran yang berlainan bangsa atau agama mencatatkan bacaan min yang paling rendah iaitu 2.69. Dalam hal ini, semakin tinggi halangan dalam ruang interpersonal dalam diri individu semakin kurang mereka melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti prososial kerana faktor-faktor tersebut.



Jadual 6.5: Frekuensi dan perbezaan Min dalam Halangan Ruang Intrapersonal

No	Item	Min
1	Dibebani dengan kerja/ aktiviti sekolah yang banyak	3.45
2	Tidak mempunyai rakan yang berminat melibatkan diri dalam aktiviti	3.45
3	Tertarik untuk menonton program TV	3.34
4	Tertarik untuk melayari internet/ bermain permainan elektronik	3.31
5	Tertarik untuk melepak bersama-sama rakan-rakan	3.23
6	Tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri	3.21
7	Kelas tuisyen menghalang penglibatan	3.20
8	Tidak memahami matlamat untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut	3.15
9	Tidak cukup pengetahuan tentang pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut	3.02
10	Tidak mempunyai kemahiran untuk melibatkan diri	2.96
11	Takut gagal dalam peperiksaan sekiranya melibatkan diri	2.96
12	Komitmen diri terhadap aktiviti-aktiviti tersebut rendah	2.93
13	Dipulaukan oleh rakan-rakan sekiranya menyertai aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti	2.84
14	Malu untuk melibatkan diri	2.80
15	Sering mendapat masalah kesihatan	2.80
16	Tidak suka atau berminat dengan aktiviti-aktiviti sosial	2.77
17	Tidak diberi peluang untuk menentukan/ mencadangkan aktiviti yang sesuai/ diminati dalam komuniti	2.75
18	Tidak suka atau berminat dengan kerja-kerja sukarelawan	2.71
19	Beranggapan negatif terhadap aktiviti-aktiviti tersebut	2.70
20	Tidak berminat untuk berinteraksi dengan ahli-ahli komuniti	2.69
21	Tidak berminat untuk bercampur gaul dengan ahli komuniti berlainan bangsa	2.69

Hasil analisis ujian Korelasi Pearson menunjukkan daripada 15 item halangan intrapersonal terdapat 11 item yang mempunyai hubungan yang sangat signifikan ( $p < 0.01$ ) dan 4 item yang mempunyai hubungan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) dengan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti sosial di bawah program pengawasan mereka (Jadual 6.6). Tarikan untuk melayari internet atau bermain permainan elektronik mencatatkan nilai korelasi sebanyak 0.308 signifikan pada aras 0.01 ( $p = 0.001$ ). Dapatan ini selari dengan kajian Abdullah dan Mawaddah (2010) yang mendapati permasalahan tingkah laku atau akhlak remaja dapat dilihat melalui kecenderungan pelajar menghabiskan masa untuk berhibur dan kurang menjalankan kerja-kerja berfaedah. Penyalahgunaan media elektronik boleh mengundang berlakunya pelbagai kesan negatif terhadap masyarakat terutamanya golongan remaja yang terdiri

daripada para pelajar. Kajian Abdullah dan Mawaddah (2010) mendapati sebanyak 89.6 peratus pelajar lebih suka meluangkan masa menonton rancangan televisyen serta melayari internet atau *chatting* serta bermain “*game*” komputer berbanding bersemuka dengan ibu bapa atau ahli keluarga apatah lagi melibatkan diri dengan ahli-ahli komuniti. Secara tidak langsung, keasyikan melayari internet, menonton televisyen dan sebagainya menyebabkan pelajaran, kerja rutin harian dan tanggungjawab lain diabaikan. Perkara ini disokong oleh Arifah (2012) yang menyatakan media internet mempunyai peranan yang sangat berpengaruh terhadap kenakalan remaja yang boleh memacu kepada perilaku yang lebih negatif. Memiliki gadget atau teknologi (contoh: komputer, telefon pintar dan permainan elektronik) juga menjadi penyebab kanak-kanak banyak menghabiskan masa lapang mereka di dalam rumah. Kanak-kanak yang terlalu terdedah kepada teknologi berpotensi untuk mengalami masalah motor (pergerakan fizikal) (Utusan Malaysia, 1 Mei 2014). Kanak-kanak ini juga cenderung untuk tidak bergaul atau berinteraksi dengan orang luar.

Nazirah (2012) menyatakan pengaruh penggunaan laman jaringan sosial oleh remaja turut mempengaruhi pengasingan (*isolation*) kerana remaja berasa terasing daripada orang sekitarnya seperti keluarga dan kawan-kawan kerana memberi tumpuan yang lebih kepada laman jaringan sosial. Mereka rapat secara fizikal, tetapi tidak secara psikologi. Remaja tidak mendapat sokongan sosial sama ada dari segi emosi atau fizikal dan mempengaruhi konsep sendiri dan estim sendiri mereka. Tambahnya lagi, penggunaan laman jaringan sosial remaja akan mengurangkan masa berkomunikasi yang ditumpukan sebelumnya iaitu berkomunikasi interpersonal dengan ibu bapa dan rakan-rakan. Impaknya, kekurangan dua bentuk komunikasi ini menjadi penghalang mereka terlibat dalam aktiviti prososial.

Jadual 6.6: Matriks Koefisien Korelasi antara Indikator-indikator Halangan Intrapersonal dengan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti di Komuniti Mereka

Indikator-indikator Halangan Intrapersonal	Nilai Korelasi Pearson	Nilai Signifikan
1. Lebih tertarik untuk melayari internet	.308**	.000
2. Lebih tertarik untuk melepak bersama kawan	.252**	.000
3. Kekangan masa lapang	.241**	.000
4. Dibebani dengan kerja/ aktiviti sekolah	.236**	.001
5. Ada masalah kesihatan	.234**	.001
6. Lebih tertarik untuk menonton rancangan televisyen	.221**	.001
7. Tidak cukup pengetahuan tentang program yang dianjurkan.	.205**	.002
8. Tidak mempunyai rakan yang berminat	.203**	.003
9. Sibuk dengan kelas tambahan/ tuisyen	.189**	.006
10. Malu melibatkan diri	.190**	.006
11. Tiada kemahiran untuk melibatkan diri	.179**	.009
12. Tidak memahami matlamat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial komuniti	.165*	.017
13. Dipulaukan oleh rakan-rakan	.161*	.019
14. Beranggapan negatif terhadap aktiviti-aktiviti sosial	.139*	.045
15. Tidak diberi peluang untuk menentukan/ mencadangkan aktiviti yang sesuai/ diminati dalam komuniti	.163*	.018

Nota: \*\*signifikan pada aras  $p \leq 0.01$

\*signifikan pada aras  $p \leq 0.05$

Miller dan Hess (2008) menyatakan internet sememangnya merupakan sumber yang penting dan berkuasa dalam memperkayakan (*enrich*) kehidupan rakyat Amerika. Tetapi dalam pada masa yang sama ia juga menimbulkan bahaya baru dan berkembang kepada kanak-kanak. Kanak-kanak menjadi mangsa sasaran dalam talian oleh pemangsa seksual. Malah mereka dieksploitasi menjadi mangsa pornografi apabila imej mereka dihasilkan dan dikongsi secara meluas melalui internet atau teknologi komunikasi lain. Jaringan internet membekalkan berbagai informasi baik yang memberikan manfaat mahupun berdampak negatif yang sememangnya boleh melalaikan jika tidak dikawal. Penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak perlu dilindungi dan dikawal agar ia tidak mengundang padah atau bahaya yang tidak disedari.

Item yang melibatkan pengaruh rakan sebaya iaitu tertarik untuk melepak bersama rakan-rakan ( $r=.252, p<.000$ ) dan tidak mempunyai rakan yang berminat ( $r=.203, p<.003$ ) menunjukkan hubungan yang signifikan dengan penglibatan responden dalam aktiviti prososial yang berlangsung dalam komuniti. Dapatan ini menyokong dapatan kajian-kajian yang terdahulu dalam membincangkan faktor risiko yang wujud dalam persekitaran sosial objektif kanak-kanak. Siti Hajar (2009) misalnya menyatakan rakan sebaya mampu menjadi pembimbing rakan dan mampu membantu mengatasi masalah kanak-kanak berisiko. Menurutnya penyertaan aktif rakan sebaya yang prososial dalam pelbagai aktiviti latihan kemahiran interpersonal dan kognitif menyokong keperluan dan kepentingan bersama kanak-kanak berisiko. Namun, kemahiran interpersonal yang lemah dalam kalangan kanak-kanak berisiko ini menyebabkan jaringan sosial mereka terdiri daripada rakan sebaya yang antisosial yang mengamalkan tingkah laku risiko sebagai satu cara hidup mereka. Mereka turut mencari rakan yang senasib dan melakukan aktiviti antisosial yang dilihat sebagai satu keseronokan, mencabar dan mampu meningkatkan penghormatan diri dan mereka menolak rakan sebaya yang prososial (Arthur et al., 2002, dalam Siti Hajar, 2009).

Kekangan masa lapang mencatatkan nilai korelasi 0.241 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.001$ ). Dapatan kajian ini sama dengan laporan Gleave (2009) yang menyatakan masa untuk kanak-kanak keluar bermain atau terlibat dalam aktiviti-aktiviti sosial di luar rumah (*outdoor*) semakin terhad. Terdapat pelbagai komitmen dalam jadual atau rutin harian mereka (*over-scheduled*) (contoh: pelajar sekolah menengah mempunyai beban kerja sekolah yang lebih banyak, kanak-kanak perempuan yang lebih dewasa diberi tanggungjawab menjaga adik dan menguruskan kerja rumah, menghadiri kelas tambahan untuk mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan). Hal ini boleh dikaitkan dengan item responden dibebani dengan kerja atau aktiviti sekolah yang

mencatatkan nilai korelasi adalah sebanyak 0.236 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.001$ ). Dapatan ini turut selari dengan hasil kajian Mohd Jaflus (2008) yang mendapati item dibebani kerja sekolah menghalang pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kesukanan. Perkara ini disebabkan kebanyakan sekolah terlalu mementingkan pencapaian akademik daripada kegiatan kokurikulum sukan. Dalam memastikan pelajar cemerlang dalam bidang pendidikan pihak sekolah memperbanyakkan kerja sekolah atau latihan kepada pelajar. Aslan (2002) mendapati faktor kekurangan masa oleh pelajar turut menyumbang sebanyak 12.5 peratus daripada jumlah bentuk halangan yang menghalang pelajar daripada melakukan aktiviti masa lapang. Pelbagai komitmen yang perlu dipegang pada usia muda memberi tekanan dan kesan negatif dalam perkembangan kesihatan mental kanak-kanak.

Mempunyai masalah kesihatan turut mempengaruhi kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial berbentuk rekreasi dan sebagainya. Item ini mencatatkan nilai korelasi sebanyak 0.234 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.001$ ). Masalah kesihatan seperti penyakit asma dan kegemukan menghalang mereka terlibat aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial ini. Kaji selidik Pemakanan Asia Tenggara (SEANUTS) mendapati satu daripada 20 orang kanak-kanak Malaysia mengalami kurang berat badan, satu daripada lima kanak-kanak adalah obes dan hampir separuh daripada populasi mereka rendah vitamin D dan tidak memenuhi keperluan tenaga harian (Utusan Malaysia, 1 Mei 2014). Kesannya kanak-kanak kurang aktif dalam melakukan aktiviti-aktiviti luar rumah. Malah agak mengejutkan apabila ada sebahagian ibu bapa yang tidak membenarkan anak-anak mereka bermain di luar rumah kerana khuatir perubahan warna kulit anak mereka akibat selaran cahaya matahari (Utusan Malaysia, 1 Mei 2014).

Tarikan untuk menonton televisyen mencatatkan nilai korelasi adalah sebanyak 0.221 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.001$ ). Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Wan Anita dan Azizah (2013) yang menyatakan hampir semua kanak-kanak dari semua peringkat umur menghabiskan masa menggunakan media elektronik (3-5 jam menonton tv setiap hari) berbanding membuat kerja lain semasa waktu lapang. Ini menunjukkan media elektronik khususnya televisyen mempunyai kesan secara langsung atau tidak langsung dalam perkembangan diri dan moral kanak-kanak. Tarikan pelbagai program hiburan ini turut menyebabkan remaja pada hari ini tidak aktif melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial berbentuk fizikal dan rekreasi, hal ini juga mendorong masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak. Mereka lebih suka menonton rancangan atau program kegemaran mereka daripada melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial.

Wan Norina et al., (2013) menyatakan program dan drama televisyen yang memaparkan pergaulan bebas, realiti televisyen, cerita ganas yang berbentuk kekerasan serta banyak rancangan yang bersifat hiburan semata-mata memberi kesan terhadap penampilan akhlak atau tingkah laku pelajar yang bertentangan dengan syariat Islam. Dapatan ini menyokong dapatan Francis (1997) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara menonton televisyen dengan perkembangan sosio-psikologi remaja. Kajian beliau mendapati pelajar yang dikategorikan sebagai ketagih menonton televisyen menghadapi berbagai masalah sosio-psikologi seperti kesedaran diri yang rendah, kerisauan dalam perhubungan, kurang menerima perhatian daripada keluarga, kurang berminat terhadap kerja sekolah, kurang mantap keyakinan agama dan lebih percaya kepada perkara tahyul dan masalah dalam gejala seks dan keganasan berbanding dengan rakan-rakan mereka yang kurang menonton televisyen. Ahmad Munawar dan Mohd Nor (2011) pula mendapati pengaruh media dalam pembentukan tingkah laku remaja adalah pada tahap sederhana. Namun, kajian mereka mendapati

semakin meningkat penggunaan media semakin rendah akhlak dalam kalangan remaja. Televisyen turut memupuk sifat kepasifan dalam diri.

Pengkaji mendapati ramai responden memberi alasan dari segi kekangan masa untuk tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti mereka. Mereka menyatakan tiada masa untuk menyertai aktiviti-aktiviti sebegini kerana dibebani dengan kerja sekolah yang banyak dan aktiviti-aktiviti sekolah/ kurikulum yang perlu diikuti. Sebaliknya, masih berkesempatan untuk melayari internet, melepak bersama rakan-rakan atau menonton rancangan televisyen. Jika diteliti perkara-perkara ini boleh dikaitkan dengan kemahiran intrapersonal kanak-kanak. Mereka tidak mempunyai sahsiah diri yang positif dan lemah dari segi kemahiran pengurusan masa kerana lebih banyak terdedah dengan aktiviti berbentuk hiburan dan aktiviti antisosial berbanding aktiviti-aktiviti prososial dalam komuniti. Persoalannya adakah komuniti ini sendiri cukup membekalkan aktiviti-aktiviti atau program yang membangunkan kemahiran sosial kanak-kanak ini? Jika ada sejauh mana ia sampai ke sasarannya?

Hal tersebut boleh dikupas lebih lanjut berkaitan item tiada pengetahuan yang mencukupi oleh responden tentang pelaksanaan aktiviti-aktiviti prososial yang dianjurkan dalam komuniti mereka. Item ini mencatatkan nilai korelasi sebanyak 0.205 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.002$ ). Walaupun Setiausaha Persatuan Penduduk Desa Rejang menyatakan banyak aktiviti-aktiviti sosial dilaksanakan di komuniti ini (Supra, halaman 166), ini tidak bermakna jika ia tidak sampai kepada kumpulan sasarannya. Perkara ini boleh dikaitkan dengan halangan struktural iaitu komuniti tidak menyediakan papan maklumat. Kurang pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu aktiviti atau program sosial dalam komuniti telah menghalang kanak-kanak menyertai atau melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti atau program tersebut. Persekitaran

komuniti yang tidak kondusif ini boleh mendorong kepada perkembangan kemahiran intrapersonal kanak-kanak. Mereka lemah dalam pengurusan masa, lebih suka membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah dan enggan mengeksplorasi aktiviti baru disebabkan rasa rendah diri kerana tidak memiliki kemahiran. Perasaan malu untuk melibatkan diri mencatatkan nilai korelasi sebanyak 0.190 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.006$ ).

Tiada kemahiran untuk melibatkan diri mencatatkan nilai korelasi adalah sebanyak 0.179 signifikan pada aras 0.01 ( $p=0.009$ ). Martens (1993) mendapati remaja yang kurang atau tidak mempunyai kemahiran (*skill*) untuk melibatkan diri (contoh: bermain bola sepak) dan rasa diri dipulaukan daripada rakan sebaya merupakan halangan yang boleh menurunkan keyakinan dan esteem sendiri mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukanan dan aktiviti prososial yang lain. Individu atau kanak-kanak yang diberi banyak peluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti prososial dalam komuniti akan menunjukkan rasa minat yang tinggi untuk menyertai aktiviti-aktiviti tersebut. Sebaliknya, kanak-kanak yang kurang diberi peluang untuk aktiviti-aktiviti prososial akan menunjukkan sikap tidak berminat atau sering memberi alasan tidak mempunyai masa (Arthur et al., 2002). Hal ini berkait dengan penghargaan diri seseorang. Keyakinan dan esteem sendiri tinggi yang terbina hasil daripada penglibatan aktiviti-aktiviti prososial menunjukkan rasa bimbang kognitif yang rendah dan personaliti ini menyumbang kepada kualiti persembahan yang baik dalam sesuatu pertandingan (Woodman & Hardy, 2003).

Penyertaan dalam aktiviti prososial mendorong perkembangan intrapersonal atau sahsiah diri yang baik. Mereka menanam sikap-sikap positif seperti bekerjasama dalam kumpulan, pergaulan yang sihat, kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri. Sahsiah



diri yang baik membolehkan kanak-kanak memilih dan mengutamakan aktiviti-aktiviti konvensional berbanding aktiviti-aktiviti antisosial (contoh: menghabiskan kerja sekolah, mengulangkaji pelajaran bersama rakan-rakan dan menyertai aktiviti kurikulum). Mereka bijak dalam pengurusan masa dan perkara ini akan mendorong mereka cemerlang dalam peperiksaan. Peranan orang dewasa berkesan dalam intervensi komuniti untuk kanak-kanak bermasalah atau berisiko perlu memandang serius dalam hal pengurusan masa kanak-kanak agar kanak-kanak ini menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang prososial.

Dari sudut pengadilan jenayah, kanak-kanak yang memberi komitmen terlibat dengan aktiviti prososial seperti pertubuhan atau kelab sosial belia, rakan muda, rekreasi, kerja-kerja sukarela dan kemasyarakatan, anggota beruniform dan lain-lain adalah kurang berisiko untuk terlibat dengan aktiviti antisosial. Dengan kata lain, penglibatan kanak-kanak dalam pertubuhan sosial mampu bertindak sebagai faktor pelindung sekali gus menghalang dan mengurangkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti antisosial (Siti Hajar, 2009). Menurut laporan *United Nation* dalam Hak Konvensyen Kanak-Kanak/ CRC (2013) kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti waktu lapang (*leisure*) berpotensi mengembangkan kreativiti, daya imaginasi, keyakinan dan keupayaan diri dan meningkatkan kemahiran fizikal, sosial, kognitif dan emosional.

Pendek kata, kanak-kanak yang menghadapi masalah atau halangan interpersonal mempengaruhi penglibatan atau penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti sosial. Kurangnya pengalaman dan kemahiran sosial dan fizikal berkait rapat dengan kelemahan mereka memahami sikap dan hasrat orang lain. Kegagalan tersebut turut mempengaruhi pemikiran tingkah laku mereka terhadap persekitaran mereka. Individu ini sukar mewujudkan interaksi berkesan dan sukar bekerjasama dengan orang lain

secara praktikal untuk menghasilkan sesuatu yang berfaedah kepada diri sendiri dan kepada ahli-ahli komuniti secara amnya.

## **6.5 Ruang Interpersonal dan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti**

Salah satu kemahiran utama yang perlu dipelajari sepanjang perkembangan seseorang kanak-kanak ialah membentuk kemahiran berkomunikasi yang berkesan dengan orang lain (Hollin, 1993 dalam Azizi, 2002). Dalam konteks kajian ini, ruang interpersonal merujuk kepada kemahiran interpersonal iaitu kemampuan kanak-kanak berinteraksi dengan individu atau kumpulan individu lain. Komunikasi interpersonal ini merupakan tingkah laku yang dipelajari yang akan membentuk imej sendiri melalui hubungannya dengan orang lain terutama dengan individu yang penting bagi diri kanak-kanak (*significant others*) seperti ibu dan/ atau bapa atau penjaga, rakan sebaya, guru-guru, jiran-jiran dan sebagainya. Chan dan Rodziah (2012) menyatakan konstruk kemahiran interpersonal mengandungi dua elemen iaitu keupayaan mengendalikan perhubungan yang berkesan dan mengenal pasti emosi orang lain.

Jas Laile (2008) menerangkan seseorang tidak boleh berkembang tanpa berinteraksi. Perkembangan fizikal dan sosial kanak-kanak bermula semenjak kecil iaitu bersama-sama dengan ibu bapa dan keluarganya dan berkembang apabila masuk ke alam persekolahan iaitu bersama-sama rakan sebaya dan guru-guru sekolah. Perkembangan intimasi ini akan wujud dalam kalangan kanak-kanak dengan individu yang mereka saling berhubung. Jas Laile menyatakan bagi mengekalkan intimasi ini, kanak-kanak itu mesti bertanggungjawab kepada individu-individu di sekelilingnya (contoh: mematuhi arahan ibu bapa, bermain bersama rakan sebaya, membuat kerja

sekolah). Pengaruh persekitaran sosial ini akan meresapi ke dalam diri kanak-kanak tersebut dan membentuk satu personaliti. Sekiranya persekitaran sosial itu bersifat mesra dan membangun, kanak-kanak akan mempunyai kemahiran interpersonal yang mesra dan terbuka. Sebaliknya persekitaran sosial yang tidak mesra, menjadikan kanak-kanak tersebut berpersonaliti tidak mesra dan dingin.

Persekitaran komuniti mempunyai peranan yang signifikan dalam pembentukan perlakuan sosial ahli-ahlinya. Bagi konteks kriminologi, Sutherland (1947) menyatakan cara utama mempelajari tingkah laku antisosial ialah menerusi interaksi dengan orang lain yang antisosial semasa berkomunikasi, khususnya menerusi hubungan dengan kumpulan personal yang rapat. Hubungan berisiko ini akan mencetuskan motif, dorongan, rasional serta sikap-sikap yang khusus untuk kanak-kanak melakukan antisosial. Maka begitu juga kita andaikan kanak-kanak yang prososial ialah kanak-kanak yang berinteraksi dengan kumpulan atau personal yang prososial melalui komunikasi dan akan mencetuskan motif, dorongan, rasional serta sikap-sikap yang positif untuk kanak-kanak melakukan aktiviti-aktiviti prososial.

Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti antisosial dicituskan oleh kewujudan pelbagai peluang dan alternatif untuk bertingkah laku antisosial yang wujud dalam komuniti kediaman mereka (Siti Hajar & Haris, 2005). Dalam konteks kajian ini, tiada peluang dan alternatif yang wujud dalam persekitaran komuniti menghalang penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti prososial dalam Program Pengawasan Komuniti. Sekali gus mencetuskan tingkah laku antisosial atau tidak terkawal dalam kalangan kanak-kanak.

Jadual 6.7: Perbezaan Min dalam Halangan Ruang Interpersonal

No	Item	Min
1	Ibu bapa/ penjaga lebih mementingkan akademik berbanding aktiviti sosial	3.29
2	Ibu bapa tidak mendapat cukup maklumat tentang sesuatu aktiviti	3.22
3	Ibu bapa/ penjaga sibuk bekerja dan tiada masa lapang	3.14
4	Ibu bapa/ penjaga tidak memahami matlamat sesuatu aktiviti	3.10
5	Ibu bapa/ penjaga tidak memberi galakan	3.05
6	Agensi berkaitan lambat bertindak balas dengan sesuatu masalah yang berlaku dalam komuniti	3.03
7	Jiran-jiran bersikap tidak ambil peduli	2.95
8	Kakitangan agensi tidak membina hubungan yang mesra dan berpanjangan	2.95
9	Ketua/ pemimpin kejrangan tidak mesra dengan ahli-ahli komunitinya	2.93
10	Komuniti hanya memberi perhatian kepada individu yang berkebolehan sahaja	2.92
11	Jiran-jiran beranggapan negatif terhadap aktiviti	2.90
12	Agensi berkaitan tidak memberi komitmen yang tinggi	2.90
13	Jiran-jiran tidak menggunakan kemudahan komuniti pada masa lapang	2.81
14	Jiran-jiran tidak memberi galakan	2.77
15	Ikatan atau hubungan kejrangan rendah	2.71

Bagi halangan kemahiran interpersonal atau kebolehan berinteraksi dan saling berhubung antara individu dengan individu lain, pengkaji telah memfokuskan kepada pengaruh persekitaran komuniti responden yang meliputi hubungan sosial dengan ibu bapa atau penjaga, rakan sebaya, jiran-jiran, pihak penganjur dan juga media massa dan media elektronik. Dalam hal ini, pengkaji telah mewujudkan 15 pernyataan yang berkaitan dengan faktor halangan interpersonal responden yang boleh mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti. Jadual 6.7 menunjukkan perbezaan min bagi setiap kanak-kanak berdasarkan item-item soalan-soalan yang dikemukakan mengikut faktor interpersonal. Item ibu bapa/ penjaga lebih mementingkan akademik berbanding aktiviti sosial mencatatkan bacaan min tertinggi iaitu 3.29. Jiran-jiran bersikap tidak ambil peduli dan kakitangan agensi tidak membina hubungan yang mesra dan berpanjangan mencatatkan bacaan min

sederhana iaitu 2.95 dan item ikatan kejiranan yang rendah mencatatkan bacaan skor yang rendah iaitu 2.71.

Analisa ujian korelasi Pearson yang dilakukan terhadap item-item halangan ruang interpersonal mendapati 5 item menunjukkan hubungan yang sangat signifikan ( $p < 0.01$ ) dengan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti sosial tersebut dan 3 item mempunyai hubungan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) (Jadual 6.8). Hubungan yang sangat signifikan ini menunjukkan semakin tinggi halangan dalam ruang interpersonal semakin kurang penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti dalam kehidupan seharian mereka. Item yang melibatkan ibu bapa tidak memberi galakan ( $r = .255, p < .000$ ) dan tidak memahami matlamat ( $r = .273, p < .000$ ) boleh dikaitkan dengan keberkesanan ibu bapa memainkan peranan dalam perkembangan mental, fizikal dan sosial menerusi interaksi bersama anak-anak.

Jadual 6.8: Matriks Koefisien Korelasi antara Indikator-indikator Halangan Interpersonal dengan Penglibatan Responden dalam Program Pengawasan Komuniti di Komuniti Mereka

Indikator-indikator Halangan Interpersonal	Nilai Korelasi Pearson	Nilai Signifikan
1. Ibu bapa tidak memberi galakan	.255**	.000
2. Ibu bapa tidak memahami matlamat atau faedah aktiviti/ program	.273**	.000
3. Ikatan kejiranan rendah	.187**	.007
4. Agensi berkaitan lambat bertindak balas dengan masalah yang wujud	.194**	.005
5. Ketua pemimpin komuniti tidak mesra	.221**	.001
6. Komuniti hanya memberi perhatian kepada individu yang berkebolehan sahaja	.143*	.038
7. Agensi berkaitan tidak mempunyai komitmen yang tinggi	.169*	.014
8. Kakitangan agensi tidak membina hubungan yang mesra dan berpanjangan	.164*	.017

Nota: \*\*signifikan pada aras  $p \leq 0.01$

\*signifikan pada aras  $p \leq 0.05$

Azizi et al., (2013) menyatakan kesibukan ibu bapa dalam pekerjaan atau tidak mempunyai pengetahuan dalam mendidik dan mengawasi anak-anak menyebabkan mereka tidak begitu prihatin akan perkembangan kanak-kanak di sekolah, tidak mengetahui rakan-rakan mereka dan tidak menghiraukan bagaimana anak-anak mereka menghabiskan masa lapang. Kanak-kanak yang dibiarkan tanpa perseliaan ibu bapa atau orang dewasa berkesan berhadapan dengan masalah kesunyian di rumah dan menjadi kanak-kanak lebih mudah berasa tidak puas hati dengan keadaan sosial atau persekitaran mereka (Demir & Tarhan, 2001). Lazimnya, mereka meluahkan perasaan kecewa, marah dan tekanan perasaan dengan ponteng sekolah, merokok dan menghisap ganja.

Gaya keibubapaan turut mempengaruhi perkembangan tingkah laku kanak-kanak. Kajian Azizi et al., (2013) mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar sekolah rendah dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar sekolah. Gaya keibubapaan yang menerapkan ketegasan dan disiplin yang ketat akan melahirkan kanak-kanak yang bertingkah laku agak agresif. Mohammad Mohsin dan Nasruddin (2008) menyatakan sistem pendidikan negara yang masih berorientasikan peperiksaan menjadikan ibu bapa lebih mementingkan akademik berbanding aktiviti-aktiviti sosial. Perkara ini menjadi penghalang kepada pelajar-pelajar berfikiran kreatif yang merupakan antara aspek kemahiran modal insan yang cemerlang (Mohammad Mohsin & Nasruddin, 2008). Ibu bapa yang bersikap sebegini lebih mengutamakan keperluan dan kehendak mereka dengan bersikap tidak mesra, sentiasa menolak permintaan anak-anak dan tidak mengambil peduli tentang hal mereka. Hal ini berbeza dengan ibu bapa yang mempunyai gaya dan kemahiran keibubapaan yang autoratif. Gaya keibubapaan yang autoratif (dicirikan oleh kemesraan dan autonomi) menjadikan kanak-kanak

mendapat manfaat yang lebih berbanding dengan gaya keibubapaan yang lain (Cth: autoritarian, kemanjaan, atau ketidakpedulian) (Baumrind, 1991 dalam Wan Anita & Azizah, 2013).

Kanak-kanak dilayan dengan mesra dan terbuka, prihatin dan lebih cakna akan keperluan anak-anak dalam tempoh membesar. Saifuddin (2007 dalam Azizi et al., 2013) menerangkan ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan autoratif mempunyai keseimbangan antara responsif dan permintaan. Mereka akrab dengan anak-anak, sering berkomunikasi dan mengalakkan anak-anak bersuara. Ibu bapa turut menentukan disiplin dan memberi panduan atau hala tuju yang rasional agar kanak-kanak menjadi individu yang bebas, berdikari, bertanggungjawab, dan berakhlak mulia dalam mencapai potensi diri. Sementara itu, gaya keibubapaan yang terlalu memanjakan anak atau yang langsung tidak ambil peduli tentang aktiviti anak cenderung melahirkan anak yang agresif atau bersikap antisosial (Loeber & Farrington, 2000 dalam Azizi et al., 2013). Pendek kata, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam perkembangan sosial kanak-kanak.

Item halangan interpersonal Item yang melibatkan persekitaran komuniti lain ialah ikatan jiran yang rendah ( $r=.187, p<.007$ ), komuniti hanya memberi perhatian kepada individu yang berkebolehan sahaja ( $r=.143, p<.038$ ), agensi berkaitan tidak mempunyai komitmen yang tinggi ( $r=.169, p<.014$ ), kakitangan agensi yang tidak membina hubungan yang mesra dan berpanjangan ( $r=.164, p<.017$ ), agensi lambat bertindak balas ( $r=.194, p<.005$ ) dan ketua pemimpin komuniti yang tidak mesra ( $r=.221, p<.001$ ). Dapatan-dapatan yang signifikan ini menunjukkan halangan-halangan interpersonal dalam komuniti turut mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti prososial yang dianjurkan.

Halangan-halangan tersebut selari dengan dapatan pengkaji-pengkaji terdahulu yang menyatakan komuniti kediaman yang tidak sensitif dengan perubahan dan kewujudan keperluan berisiko ahli-ahlinya menyediakan peluang dan alternatif untuk ahli-ahlinya bersalah laku sosial (Siti Hajar & Abd. Hadi 2009; Siti Hajar & Haris, 2005; Abd. Hadi, 2004; Atkinson & Kintrea, 2001; Siegel, 2000). Ciri-ciri risiko spesifik dalam persekitaran sosial meliputi komuniti kediaman yang kejiannya tidak atau kurang mesra, komuniti kediaman yang mempunyai kawalan tidak formal dan sokongan sosial yang lemah terhadap aktiviti dan keperluan ahlinya, komuniti kediaman yang mempunyai ramai model-peranan antisosial, komuniti kediaman yang menyokong aktiviti jenayah dan antisosial sebagai satu perbuatan yang tidak bercanggah dengan norma dan peraturan hidup mereka, komuniti kediaman yang tidak mempedulikan keperluan dan kepentingan setiap ahlinya, dan komuniti kediaman yang tiada reaksi terhadap kelakuan antisosial anggotanya.

Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (2012) melaporkan program pengawasan kejiannya masih signifikan dalam mengurangkan jenayah. Secara purata program pengawasan kejiannya mencatatkan kejayaan apabila terdapat penurunan 16 peratus kes jenayah di kawasan yang mengaplikasikan pengawasan kejiannya berbanding kawasan kawalan (*control area*) daripada pihak polis. Walau bagaimanapun, selepas penilaian dibuat terdapat hasil yang tidak konsisten dalam program tersebut. Wihbey (2012) mendapati masalah utama yang dikesan ialah kesukaran atau keengganan ahli-ahli komuniti mengadakan aktiviti-aktiviti program pengawasan kejiannya di dalam komuniti yang mencatatkan kes jenayah tinggi. Ahli-ahli komuniti tersebut menolak untuk menjadi hos atau menghadirkan diri dalam mesyuarat kerana mereka tidak mempercayai jiran mereka. Sifat saling percaya sesama mereka belum berjaya dipupuk menyebabkan mereka enggan bekerjasama mengadakan aktiviti keselamatan ini.



Berbanding kawasan kelas menengah yang secara umumnya menghadapi masalah kejadian jenayah yang rendah, mereka mempunyai rasa percaya yang tinggi antara ahli-ahli komuniti dan berjaya mengadakan program kejiranan ini.

Mohd Yusof et al., (2011) menyatakan selain daripada hubungan kekeluargaan, hubungan kejiranan yang baik dianggap sebagai penentu kesejahteraan hidup bermasyarakat 'kampung bandar' (*urban village*). Hubungan kejiranan boleh membina kepercayaan dan meningkatkan pemahaman ahli-ahli komuniti tentang hidup bermasyarakat. Ciri kehidupan ini adalah berlandaskan hubungan sosial yang wujud antara individu-individu dalam kehidupan kolektif yang dibina berdasarkan semangat kejiranan (Siti Hajar, 2006; Forrest, 2001; Pereira, 1997). Sheau, 2006 (dalam Mohd Yusof et al., 2011) menyatakan hubungan kejiranan yang mesra menghasilkan tahap kepercayaan yang tinggi berbanding kejiranan yang kurang mesra. Hubungan kejiranan yang baik dan mesra boleh dizahirkan melalui interaksi antara ahli-ahli komuniti dan semangat perpaduan menerusi pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan keselamatan.

Oleh itu, dalam mengalihkan halangan dalam ruang interpersonal, ibu bapa dan kanak-kanak perlu saling berkomunikasi dalam memahami hasrat kanak-kanak dan juga memenuhi hasrat ibu bapa. Mereka perlu memberi galakan dan sokongan moral agar kanak-kanak menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti konvensional yang sememangnya memberi manfaat kepada perkembangan fizikal dan sosial kanak-kanak. Penggunaan ruang awam dalam komuniti penting untuk membina interaksi yang berkualiti antara ahli-ahli komuniti yang akhirnya dapat merapatkan ikatan atau hubungan kejiranan yang merupakan syarat utama Program Pengawasan Komuniti dalam mengawasi keselamatan dan mencegah jenayah.

## 6.6 Penutup

Hasil kajian ini membawa implikasi halangan-halangan berbentuk struktural, intrapersonal dan interpersonal perlu dipandang serius oleh ahli-ahli komuniti agar kanak-kanak dapat memenuhi masa lapang mereka dengan melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti sosial yang berbentuk prososial dalam komuniti. Program Pengawasan Komuniti yang berjaya perlu membangunkan pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* untuk menyediakan persekitaran fizikal dan sosial komuniti yang sihat dan selamat daripada tingkah laku antisosial dalam kalangan Kanak-kanak Tidak Terkawal. Komuniti yang menganggap kanak-kanak adalah aset negara akan memberi ruang dan peluang untuk kanak-kanak atau ahli komuniti melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti prososial. Penglibatan kanak-kanak berisiko dalam aktiviti prososial aktiviti yang mesra dan membangun bersama lapisan masyarakat membina keterikatan dalam komuniti yang dapat mengurangkan peluang mereka dalam aktiviti-aktiviti antisosial. Semua perkara ini dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab seterusnya.

## **BAB 7: PERBINCANGAN DAN INTERVENSI-INTERVENSI SOSIAL**

### **7.1 Pendahuluan**

Perbincangan dalam bab ini adalah mengenai intervensi-intervensi sosial yang mampu memperkasa ruang struktur, intrapersonal dan interpersonal yang terdapat di dalam *Ruang Boleh Dipertahankan*. Pemerksaan ini penting bagi memastikan kanak-kanak; khususnya Kanak-kanak Tidak Terkawal, tahu dan dapat menyertai aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti yang berlangsung dalam komuniti secara aktif. Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti Program Pengawasan Komuniti pula adalah sangat penting bagi memastikan program pengawasan berasas komuniti ini mampu mengawal, menjaga, dan melindungi Kanak-kanak Tidak Terkawal yang berada di dalam komuniti.

### **7.2 Interversi-intervensi Sosial Susulan**

Kajian ini telah berjaya mengenal pasti perkara-perkara berikut:

#### **7.2.1 Tahap pengetahuan responden terhadap Program Pengawasan Komuniti**

Dapatan kajian ini secara nyata menunjukkan hampir keseluruhan responden tahu akan pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti di kawasan kejranaan mereka. Kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini tahu mengenai kewujudan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, keselamatan, sukan dan rekreasi, serta aktiviti pendidikan Program Pengawasan Komuniti yang sedang berlangsung di dalam komuniti perumahan mereka.

Namun begitu, tahap pengetahuan mereka terhadap kewujudan aktiviti-aktiviti tersebut hanya di takat permukaan atau “*surface*” aktiviti sahaja. Mereka tidak mengetahui secara mendalam mengenai manfaat atau faedah program/ aktiviti yang dijalankan, atau tidak tahu apakah manfaat yang bakal mereka peroleh sekiranya mereka menyertai aktiviti-aktiviti tersebut. Malah, ada di antara mereka yang beranggapan aktiviti-aktiviti tersebut disediakan untuk golongan dewasa; bukannya untuk mereka.

Antara dapatan yang perlu diberi perhatian dalam bahagian ini adalah tahap pengetahuan kanak-kanak dalam aktiviti keselamatan berasas komuniti adalah rendah; berbanding aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti yang lain. Ketirisan ilmu dan kurang pendedahan menyebabkan ahli-ahli komuniti khususnya kanak-kanak tidak mengetahui atau tersalah anggap mengenai konsep Pengawasan Komuniti. Penggunaan *jargon* yang pelbagai dalam memperkenalkan konsep ini juga sedikit sebanyak menyumbang kepada kekeliruan dalam kalangan kanak-kanak mengenai Program Pengawasan Komuniti. *Jargon Community Policing* ini tidak menarik untuk kanak-kanak. *Jargon* ini juga kelihatan begitu “serius” untuk kanak-kanak sehinggakan mereka mengangap yang Program Pengawasan Komuniti ini adalah urusan orang dewasa; bukannya urusan mereka.

### **7.2.2 Tahap penglibatan responden dalam Program Pengawasan Komuniti**

Kajian ini mendapati penglibatan kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti yang berlangsung dalam komuniti adalah tidak berapa menggalakkan. Hanya sebilangan kecil daripada responden dalam kajian ini yang aktif melibatkan diri atau turut serta dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Tahap penglibatan yang tidak memberangsangkan ini

pula berkaitan rapat dengan keadaan kualiti ruang struktural, intrapersonal dan interpersonal mereka yang terdapat dalam diri dan persekitaran sosial mereka.

***(a) Halangan dalam ruang struktural***

Terdapat enam faktor dalam ruang struktural yang mempunyai hubungan signifikan dengan penglibatan kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti. Faktor-faktor tersebut adalah kemudahan pendidikan yang tidak mencukupi, kemudahan awam yang rosak dan tidak selamat digunakan, ketiadaan papan maklumat aktiviti-aktiviti dalam komuniti, jarak lokasi aktiviti-aktiviti yang jauh daripada rumah, kekurangan penganjuran aktiviti/ program kemahiran sosial untuk remaja bersama rakan sebaya; dan ketiadaan orang dewasa berkesan dalam komuniti untuk menyelia aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

***(b) Halangan dalam ruang intrapersonal***

Terdapat 15 faktor dalam ruang interpersonal yang mempunyai hubungan signifikan dengan penglibatan kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti. 15 faktor tersebut adalah pengaruh TV, pengaruh internet, bebanan kerja dan/ aktiviti sekolah, lebih tertarik untuk melepak bersama kawan-kawan, tidak mempunyai rakan yang berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti sosial, limitasi pengetahuan dan penglibatan kanak-kanak dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti yang terdapat dalam komuniti, kekangan masa lapang, keadaan kesihatan yang tidak/ kurang baik, perasaan malu untuk melibatkan diri, kekurangan/ defisit kemahiran sosial, tidak memahami matlamat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial komuniti, dipulaukan rakan-rakan sekiranya menyertai aktiviti-aktiviti sosial, beranggapan negatif terhadap aktiviti-aktiviti sosial dan tidak diberi peluang untuk menentukan/ mencadangkan aktiviti yang sesuai/ diminati dalam komuniti.

***(c) Halangan dalam ruang interpersonal***

Terdapat lapan faktor dalam ruang interpersonal yang mempunyai hubungan signifikan dengan penglibatan kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti. Faktor-faktor tersebut adalah ibu bapa tidak memberi galakan untuk menyertai aktiviti-aktiviti sosial dalam komuniti, ibu bapa tidak memahami matlamat atau faedah, ikatan atau hubungan jiran rendah, reaksi agensi-agensi sosial yang agak perlahan untuk bertindak balas dengan masalah yang wujud, ketua atau pemimpin tidak mesra, komuniti hanya memberi perhatian kepada individu yang berkebolehan sahaja dan agensi berkaitan tidak mempunyai komitmen yang tinggi dan, kaki tangan agensi tidak membina hubungan yang mesra dan berpanjangan.

Halangan-halangan yang terdapat dalam ketiga-tiga *Ruang Boleh Dipertahankan* di atas menyebabkan ruang-ruang tersebut tidak berupaya untuk menyediakan landasan yang cukup baik untuk kanak-kanak berpartisipasi sosial dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti. Dengan kata lain, halangan-halangan tersebut menyebabkan *Ruang Boleh Dipertahankan* dalam komuniti gagal mengutilisasi seoptimum mungkin aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam Program Pengawasan Komuniti sebagai usaha untuk melindungi, menjaga, mengawal, atau mencegah kanak-kanak daripada terlibat dengan aktiviti antisosial secara berkesan. Pendek kata, *Ruang Boleh Dipertahankan* yang terdapat dalam komuniti tersebut tidak cukup efektif dalam mencegah pencetusan dan pembiakan tingkah laku atau aktiviti jenayah. Justeru itu, satu tindakan susulan yang mampu mengukuhkan *Ruang Boleh Dipertahankan* di dalam komuniti, khususnya ruang struktur, intrapersonal, dan interpersonal, perlu diambil.

Perkara pertama yang ingin dicadangkan oleh kajian ini adalah satu modul Program Pengawasan Komuniti yang spesifik untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal yang berada dalam komuniti. Modul ini merupakan satu modul pencegahan alternatif (*The New Penology*) yang relevan diperkenalkan bagi bertindak balas dengan dapatan-dapatan utama kajian ini, yang telah dinyatakan di bahagian terdahulu. Modul ini dibina berdasarkan pengalaman dari negara luar yang ada program seumpamanya seperti “*Neighborhood Watch*” di Australia, “*Community Oriented Policing Services*” (COPS) di Amerika Syarikat, “*Base Team Policing*” di Kanada, dan sistem “*Koban*” di Jepun. Pendekatan yang digunakan adalah menggunakan operasionalisasi teori pencegahan jenayah peringkat primer dan sekunder. Pencegahan jenayah peringkat primer menumpu kepada keadaan-keadaan persekitaran fizikal dan sosial yang mencetuskan peluang berlakunya tingkah laku jenayah dalam kalangan kanak-kanak. Pencegahan jenayah peringkat sekunder pula mengenal pasti individu atau kumpulan kanak-kanak yang berisiko menjadi pelaku jenayah dan melakukan intervensi atau inisiatif-inisiatif sosial supaya dapat menghalang mereka melakukan aktiviti antisosial.

Strategi-strategi yang diguna pakai dalam pencegahan peringkat primer adalah reka bentuk persekitaran, pemerksaan sasaran, pengawasan kejiranan dan pendidikan melalui perkongsian dan penyaluran maklumat. Pencegahan peringkat sekunder pula mengguna pakai strategi mengenal pasti individu yang berisiko dan melakukan intervensi yang spesifik mengikut situasi risiko dalam komuniti. Manakala dari segi perlaksanaan kurikulumnya mestilah berkaitan semula dengan pendekatan atau teori *Ruang Boleh Dipertahankan (Defensible Space)* iaitu melibatkan tiga komponen utama iaitu; pertama, pengetahuan anggota komuniti; kedua, penglibatan atau penyertaan anggota komuniti dan; ketiga, keadaan struktur, intrapersonal dan interpersonal yang terdapat dalam ruang fizikal dan sosial komuniti. Modul Program Pengawasan

Komuniti ini berkesan untuk mengawasi, melindungi dan mencegah tingkah laku tidak terkawal dalam kalangan kanak-kanak.

Modul ini perlu merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Inisiatif menghapuskan halangan-halangan struktural,
- (ii) Program memperkasakan ruang intrapersonal kanak-kanak, serta,
- (iii) Program memperkasakan ruang interpersonal kanak-kanak.

### **7.3 Inisiatif-inisiatif Menghapuskan Halangan-halangan Struktural**

Dapatan kajian ini dengan jelasnya menunjukkan yang kelangsungan dan keberkesanan Program Pengawasan Komuniti dalam mencapai matlamatnya untuk melahirkan satu sistem keselamatan yang bersifat semulajadi dalam komuniti kediaman bergantung kepada pengetahuan kumpulan sasaran mengenai kewujudan program tersebut. Justeru itu, usaha asas yang perlu dilakukan oleh pasukan penggerak (*stakeholders*) yang terlibat dalam Program Pengawasan Komuniti adalah memastikan kumpulan sasaran sedar (*social awareness*) dan tahu (*know*) mengenai kewujudan program tersebut dalam komuniti. Bukat setakat tahu mengenai program tersebut sahaja; malah kumpulan sasaran perlu dibantu untuk mengetahui perkara-perkara asas berkaitan program tersebut; umpamanya objektif dan matlamat program, pendekatan program, aktiviti-aktiviti program, serta apakah manfaat yang boleh diperolehi oleh kumpulan sasaran sekiranya mereka menyertai program tersebut.



Antara intervensi-intervensi yang boleh dilakukan untuk menghapuskan halangan-halangan berbentuk struktural bagi menyalurkan maklumat yang berkesan kepada kumpulan sasar mengenai kewujudan Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kediaman adalah seperti berikut:

### **7.3.1 Menjalankan promosi atau pemasaran Program Pengawasan Komuniti**

Kempen kesedaran sosial (*social awareness*) dalam menjaga keselamatan perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum melancarkan promosi mengenai Program Pengawasan Komuniti. Program Pengawasan Komuniti melibatkan sekumpulan *stakeholders*; iaitu sekumpulan penggerak yang terdiri daripada semua agensi atau badan kerajaan, swasta dan persendirian yang boleh menyumbang perkhidmatan dan bantuan untuk menjayakan aktiviti-aktiviti sosial dalam Program Pengawasan Komuniti ini. Pemilihannya adalah mengikut keperluan sesuatu aktiviti atau program yang akan dilaksanakan. Peranan sekumpulan *stakeholders* ini adalah sebagai pemangkin (*catalyst*) kerana mereka adalah sebahagian daripada ahli komuniti yang dapat merapatkan kerjasama polis dengan komuniti dalam mengawal dan mencegah jenayah. Di antaranya adalah Agensi-agensi Penguatkuasaan Undang-Undang seperti PDRM, YPJM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan Malaysia, sekolah dan sebagainya. Semua kumpulan penggerak (*stakeholders*) ini perlu beriltizam bekerjasama dalam memastikan program ini disampaikan kepada kumpulan sasaran. Pihak polis bersama-sama agensi atau kumpulan penggerak (*stakeholders*) berkaitan perlu menjalankan strategi promosi dalam usaha memperkenalkan Program Pengawasan Komuniti untuk masyarakat Malaysia amnya dan khusus untuk kanak-kanak dalam

sama-sama menjaga keselamatan dan kesejahteraan hidup daripada jenayah dan perlakuan jenayah.

Aktiviti mempromosi sesuatu program memerlukan sistem penyampaian maklumat yang berkesan. Perkongsian dan penyaluran maklumat sangat penting untuk memastikan kumpulan sasaran mendapat maklumat dan manfaat atau faedah daripada sesuatu program yang dirancang. Pengetahuan yang disalurkan secara formal dan tidak formal penting untuk menukar sikap masyarakat dan menanam sikap positif dalam kalangan kanak-kanak agar mereka mempunyai keupayaan untuk menilai dan peka terhadap maklumat dan aktiviti-aktiviti sosial yang dilaksanakan.

Rokiah (2013) dalam kajiannya mengenai strategi pemasaran sosial kempen anti merokok dari perspektif kanak-kanak menyatakan pemberian pendidikan kesihatan sebagai medium penyebaran maklumat untuk mempromosikan kesihatan merupakan pendekatan yang lebih efektif bagi meningkat kesedaran dan membantu usaha individu supaya tidak merokok. Promosi kesihatan yang dilakukan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga kesihatan sekaligus membawa masyarakat ke arah amalan cara hidup sihat. Menurut beliau lagi, penyebaran maklumat anti merokok yang menggunakan saluran televisyen, surat khabar dan papan iklan jalan raya dilihat menepati sasaran objektif promosi kempen kesihatan anti merokok apabila majoriti responden sering melihat iklan anti-merokok disiarkan dalam saluran tersebut. Rokiah (2013) menegaskan penambahbaikan dalam menyalurkan sebarang maklumat atau promosi perlu dipertingkatkan lagi supaya setiap medium komunikasi (termasuk panggung wayang) dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Iklan/ poster/ risalah sesebuah kempen seharusnya dikeluarkan secara konsisten dan berterusan dan bukannya secara

bermusim. Risalah dan poster yang lengkap dan jelas mengenai bahaya merokok perlu disebarakan dengan meluas terutama kepada ibu bapa dan kanak-kanak.

Dalam konteks kajian ini, kempen kesedaran dalam menjaga keselamatan dan mencegah jenayah merupakan strategi pencegahan awal jenayah. Pendidikan mengenai keselamatan dan pencegahan jenayah mampu menyediakan masyarakat yang prihatin dan memahami risiko jenayah. Sikap keprihatinan masyarakat sekeliling terhadap jenayah dan perlakuan perlu dibentuk dari peringkat keluarga, komuniti dan seterusnya kepada seluruh lapisan masyarakat. Pihak *stakeholders* perlu bekerjasama dalam memberi nasihat kepada masyarakat untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran yang lebih luas mengenai keselamatan dan perlakuan jenayah. Dalam pada masa yang sama, berusaha menangkis persepsi awam tentang ketakutan terhadap jenayah dengan meningkatkan penyertaan awam dalam aktiviti-aktiviti kesedaran dan pencegahan jenayah yang sekaligus mampu menyumbang terhadap menambahkan kesedaran serta rasa selamat yang menyeluruh.

Sistem penyampaian (*delivery system*) bagi sesebuah perkhidmatan dan/atau program sosial merujuk kepada sejarangan aktiviti yang memberi dan mengagihkan bantuan, perkhidmatan, program, manfaat dan skim sosial yang bersepadu kepada individu dan masyarakat (Siti Hajar 2007). Terdapat dua jenis infrastruktur dalam penyampaian perkhidmatan manusia iaitu infrastruktur fizikal penyampaian perkhidmatan dan infrastruktur sosial penyampaian perkhidmatan. Infrastruktur fizikal penyampaian perkhidmatan adalah seperti prasarana, sistem komunikasi, dan kewangan atau modal. Manakala manusia atau personel yang menjalankan program terletak dalam infrastruktur sosial penyampaian perkhidmatan. Defisit infrastruktur-infrastruktur tersebut boleh menjadi penggugat kelancaran Program Pengawasan Komuniti kerana

berlaku ketidak sampaian maklumat menyebabkan ahli-ahli komuniti tidak menyedari sebarang kewujudan atau aktiviti yang ingin dijalankan dalam sesebuah komuniti. Penyediaan prasarana dan sistem komunikasi yang sesuai dapat memenuhi keperluan kanak-kanak yang terdapat dalam komuniti di mana kanak-kanak membesar dan berinteraksi sosial bersama ahli komuniti dan personel yang menjalankan sesebuah program atau aktiviti.

Berkaitan infrastruktur fizikal penyampaian perkhidmatan, *stakeholders* perlu mempunyai dana untuk tujuan promosi melalui media massa ataupun media elektronik. Dalam kawasan kejiranan PPA Desa Rejang misalnya, DBKL boleh menyedia dan menyelia papan-papan maklumat di setiap ruang awam yang menjadi tumpuan umum, agar badan-badan persatuan atau organisasi dapat mengiklankan atau menyampaikan maklumat aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan dalam komuniti mereka. Papan-papan maklumat ini perlulah diletakkan di lokasi strategik ahli-ahli komuniti sering bertemu seperti berdekatan dengan lif bangunan dan pintu masuk utama blok bangunan. Pergantungan *banner* juga berkesan dalam memaklumkan jenis program yang akan diadakan dalam komuniti. *Banner* tersebut perlu memaklumkan maklumat yang ringkas dan padat seperti jenis program, tarikh, lokasi. Penggunaan risalah untuk memaklumkan jenis program atau mesyuarat boleh dipraktikkan dan diedarkan dari rumah ke rumah. Risalah tersebut boleh juga dimasukkan ke dalam peti surat setiap rumah di kawasan kejiranan. Pihak *stakeholder* juga boleh mendirikan papan tanda di kawasan masuk perumahan/ kejiranan yang menunjukkan kawasan perumahan tersebut diawasi dengan Program Pengawasan Komuniti.

Penggunaan media elektronik seperti televisyen dan radio turut memainkan peranan yang sangat penting dalam mempromosi dan menyalurkan maklumat yang tepat mengenai Program Pengawasan Komuniti. Pihak pentadbiran sesebuah badan persatuan juga boleh memaklumkan maklumat aktiviti pengawasan komuniti menggunakan pelbagai saluran halaman jaring atau media sosial. Misalnya, melancarkan Laman Web Persatuan PPA Desa Rejang. Laman web persatuan perlulah sentiasa dikemas kini dan menyediakan ruang keahlian baru dan lama, ruang setiap persatuan yang ditubuhkan, ruang program yang akan dan telah dijalankan, ruang kejayaan, ruang memberi komen, ruang memberi pendapat dan sebagainya. Selain daripada laman web rasmi, penyaluran maklumat aktiviti komuniti boleh dijalankan menerusi saluran-saluran komunikasi maya yang kerap digunakan oleh ahli-ahli komuniti termasuk kanak-kanak; misalnya *Facebook*. Semasa kajian dilakukan, KRT Desa Rejang dan Persatuan *Communtty Policing* Desa Rejang telahpun menggunakan laman sosial *Facebook* untuk penubuhan kumpulan masing-masing. Namun didapati hanya melibatkan ahli-ahli komuniti dewasa dan jarang dikemas kini. Mereka perlu memanfaatkan media sosial ini untuk perkara-perkara yang berfaedah seperti bertanya khabar kepada ahli-ahli komuniti, melaporkan kes-kes jenayah yang berlaku, mempromosi aktiviti-aktiviti pengawasan komuniti dalam kawasan kejiranan mereka dan menarik penyertaan ahli-ahli muda. Dengan cara ini, kanak-kanak tahu mengenai kewujudan Program Pengawasan Komuniti khasnya yang membabitkan program atau aktiviti khas untuk kanak-kanak. Secara tidak langsung dapat menarik mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Penyaluran maklumat menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS) dan sistem pemesejan mudah alih seperti *WhatsApp* boleh digunakan juga kerana kebanyakan ahli komuniti kini menggunakan telefon mudah alih atau telefon pintar. Jawatan kuasa

pentadbiran boleh menghantar maklumat mesyuarat, aduan, cadangan oleh ahli-ahli komuniti kepada ketua persatuan mahupun menyampaikan ilmu secara tidak formal atau sekadar berinteraksi. Setiap kumpulan *WhatsApp* yang ditubuhkan perlu menyediakan etika dan panduan supaya platform tersebut menjadi sumber saluran maklumat yang benar dan tidak disalahgunakan oleh ahli-ahlinya. Penglibatan kedua-dua media di atas, akan memberi penyelesaian terhadap kurang pengetahuan atau maklumat serta manfaat mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Infrastruktur sosial penyampaian perkhidmatan pula boleh dilaksanakan oleh personel daripada badan agensi penguatkuasa dan sosial dengan mendampingi masyarakat secara dekat. Antara usaha yang boleh dilaksanakan untuk mendampingi masyarakat dan menakutkan mereka atas kehadiran pihak polis mencegah jenayah adalah seperti kerap menganjurkan pelbagai kempen kesedaran, pameran pencegahan jenayah dan program dialog bersama polis dengan orang awam di lokasi umum seperti kawasan sekolah, kawasan perumahan dan pusat membeli belah. Kaedah ini akan memberi peluang kepada pegawai dan anggota polis bersama-sama agensi-agensi atau *stakeholder* lain berinteraksi secara terus dengan ahli-ahli masyarakat. Di samping itu, aktiviti-aktiviti dalam perjumpaan atau sesi dialog tersebut boleh diselitkan dengan pelbagai aktiviti dan pameran yang menarik seperti pameran kes-kes jenayah, kes-kes kemalangan jalan raya, penyalahgunaan dadah, pertunjukkan pemanduan selamat dan pemberian *goodies* atau cenderamata untuk menarik kedatangan ibu bapa atau penjaga bersama anak-anak dalam aktiviti mempromosi Program Pengawasan Komuniti. Langkah-langkah ini dapat meningkatkan promosi dengan sistem penyaluran maklumat yang berkesan.

Bertholomen dan Bruce (1993 dalam Mariani, 2008) mencadangkan garis panduan kurikulum pra sekolah dan sekolah rendah yang ada menyelitkan unsur kawalan sosial, khususnya bagi melindungi kanak-kanak daripada anasir-anasir negatif di persekitaran mereka. Cadangan ini sesuai juga diaplikasi di peringkat sekolah menengah. Cadangan garis panduan kurikulum pra sekolah dan sekolah tersebut adalah pertama; kanak-kanak mudah terpengaruh dengan personaliti. Personaliti merujuk kepada gaya penampilan atau penyampaian tenaga pengajar contohnya dapat menimbulkan minat pelajar untuk mempelajari apa yang hendak disampaikan. Dengan cara ini, kanak-kanak mudah untuk mengaplikasikan apa yang dipelajari dan akan menjadi amalan atau hobi mereka. Kedua; isi kandungan dalam bacaan. Ini merujuk kepada ‘apa kanak-kanak telah tahu’ dan “apa yang mereka nak tahu” iaitu bermaksud pengetahuan asas akan mengembangkan lagi pengetahuannya dan seterusnya ini dapat menarik minat kanak-kanak terhadap sesuatu perkara misalnya kempen kesedaran pencegahan jenayah.

Kedua-dua komponen utama dalam kurikulum tersebut boleh diterapkan ke dalam kurikulum promosi Program Pengawasan Komuniti yang sesuai dengan kanak-kanak. Berkaitan dengan komponen yang pertama, kandungan program promosi ini seharusnya dipenuhi dengan maklumat-maklumat bersifat akademik berkaitan dengan pengawasan komuniti. Rokiah (2013) menyatakan pandangan kurikulum promosi bagi sesebuah program sosial yang bersifat akademik adalah efektif dalam menyalurkan maklumat yang tepat kepada kumpulan sasaran mengenai maklumat utama (*core contents*) (contoh: objektif program, matlamat program, strategi program, manfaat program, aktiviti-aktiviti dalam program) bagi sesebuah program sosial. Bagi komponen kedua pula, program promosi ini perlu sentiasa menyediakan ruang yang luas untuk kumpulan sasaran bertanya (*inquiry*) pelbagai soalan dan kemusykilan mereka mengenai program

tersebut. Bukan setakat ruang bertanya sahaja, malah program promosi ini juga dilengkapi dengan akses yang mudah untuk kumpulan sasar menerima justifikasi yang jelas mengenai program. Pendek kata, sistem penyampaian maklumat yang berkesan akan melahirkan kanak-kanak yang bermaklumat (*knowledgeable and informed children*) seterusnya menarik minat mereka untuk melibatkan diri atau turut serta dalam aktiviti-aktiviti dalam Program Pengawasan Komuniti.

### **7.3.2 Penggunaan perkataan atau jargón yang mudah dan mesra**

Penggunaan perkataan dan ayat atau boleh dirujuk penggunaan jargon. Dalam menyampaikan maklumat kepada kanak-kanak, perlu menggunakan perkataan dan ayat yang mudah difahami oleh mereka. Misalnya, jargon *Community Policing* yang digunakan oleh PDRM dalam memperkenalkan falsafah/ konsep atau Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kejiranan mereka menyebabkan kanak-kanak tidak mengetahui akan kewujudan program tersebut dilaksanakan di komuniti mereka.

Secara tidak langsung, jargon program sosial melambangkan aktiviti-aktivitinya. Bagi konteks Program Pengawasan Komuniti misalnya, jargon tersebut secara seriusnya melambangkan peranan dan tanggungjawab orang dewasa; bukannya kanak-kanak. Perkara ini kemudiannya diterjemahkan pula ke dalam bentuk-bentuk aktivitinya yang memang secara jelas menunjukkan ia adalah hal-ehwal sosial orang dewasa; bukannya kanak-kanak. Contohnya, aktiviti keselamatan seperti bermesyuarat dan rondaan sukarela hanya melibatkan orang dewasa. Mereka sering meminggirkan penyertaan daripada kanak-kanak, kerana menganggap mereka tidak layak memegang tanggungjawab menjaga keselamatan atau dengan kata lain tanggung jawab menjaga keselamatan bukan terletak di atas bahu mereka disebabkan faktor umur yang masih



mentah. Ketidakbukaan ini menyebabkan kanak-kanak tidak tahu akan aktiviti-aktiviti SRS seperti serbuan “*ambush*” kawasan *hot spot* yang sememangnya dirahsiakan oleh pihak berkuasa dan mereka yang terlibat secara langsung dengan aktiviti tersebut.

Namun begitu, sekiranya kanak-kanak benar-benar faham makna *jargon* Pengawasan Komuniti, sudah pasti sedikit sebanyak mereka akan mengawal diri mereka atau menjauhkan diri mereka daripada terjebak dengan tingkah laku negatif atau tidak terkawal kerana tahu pergerakan mereka sentiasa diawasi oleh ahli-ahli komuniti. Pembinaan jargon yang mesra kumpulan sasaran dan sesuai dengan daya pemikiran kumpulan sasaran sangat penting bagi memastikan mereka merasakan program tersebut adalah dibina untuk mereka. Rasa kepunyaan ini amat penting dalam mempengaruhi penyertaan mereka dalam program sosial terbabit. Justeru itu, anggota komuniti harus memikirkan satu jargon lain yang lebih mesra dengan pemahaman dan persepsi kanak-kanak, sehinggakan mereka dapat menerima yang program tersebut juga melibatkan mereka sebagai anggota komuniti.

Di Amerika Syarikat, mereka menggunakan perkataan yang mesra dan mudah difahami seperti *Teen Patrols*, iaitu merujuk kepada pasukan rondaan sukarela yang terdiri dalam kalangan remaja. Kanak-kanak ini diberi tanggungjawab dan kepercayaan daripada pihak berkuasa untuk sama-sama terlibat menjaga dan mengawasi komuniti mereka. Penglibatan mereka digalakkan pada musim panas atau musim cuti sekolah. Mereka bukan sahaja membuat rondaan kawasan-kawasan taman rekreasi tetapi juga pelbagai aktiviti kemasyarakatan bersama pihak polis. Malah penglibatan mereka diberi pengiktirafan dan penghargaan daripada pihak polis. Kepercayaan, tanggungjawab dan pengiktirafan atau penghargaan yang diberi kepada kanak-kanak nescaya mereka akan mendisiplinkan diri dan akur dengan peraturan, nilai dan norma yang diterapkan oleh

ahli komuniti. Malah kanak-kanak ini akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang prososial, mesra dan membangun kerana mereka tahu diri mereka dihargai dan dihormati sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat. Terdapat beberapa contoh intervensi kanak-kanak yang menggunakan istilah atau jargon yang sesuai dan bersifat mesra kepada kanak-kanak seperti *Safe Homes Safe Community* yang jelas lagi nyata intervensi ini menekankan rumah yang selamat akan menghasilkan komuniti yang selamat. Dalam program *Safe Homes Safe Community* ini, pihak polis menjadikan kanak-kanak sebagai rakan kongsi komuniti (*community partner*) dengan memberi mereka peluang untuk membuat keputusan dalam merancang sesuatu aktiviti keselamatan di tempat tinggal mereka. Selain itu, projek *Safe Childhood* di Amerika Syarikat menumpukan intervensi pendidikan untuk melindungi kanak-kanak dalam penggunaan internet agar tidak menjadi mangsa siber. Begitu juga dengan projek *Safe Start* menumpukan intervensi atau pencegahan di peringkat awal kanak-kanak bermula kelahiran bayi hinggalah berumur enam tahun bagi melindungi diri mereka dari keganasan dan penderaan. Projek *Building Blocks for Youth* pula merupakan inisiatif dalam sistem pengadilan juvena (pesalah kanak-kanak) yang dianggotai oleh penasihat advokasi, penyelidik, penguatkuasa undang-undang profesional dan penganjur/ agensi aktiviti kemasyarakatan. Antara misi mereka adalah untuk meningkatkan sistem pengadilan yang adil, rasional dan berkesan untuk pesalah juvena (Miller & Hess, 2008). Apa yang ingin pengkaji tekankan di sini adalah penggunaan nama atau istilah/ jargon sesebuah projek atau program yang dilihat sesuai, mesra dan difahami oleh kanak-kanak.

Dalam konteks tempatan, jargon yang mungkin sesuai dan boleh diikuti adalah seperti 'Rumah Selamat Komuniti Selamat', 'Program Pengawasan Komuniti/Kejiranan', atau 'Komuniti/Kejiranan Selamat' atau 'Kanak-kanak Selamat'.

Perkataan ‘selamat’ itu ditonjolkan bagi memudahkan kanak-kanak memahami bahawa sesebuah program/ projek atau aktiviti-aktiviti intervensi itu adalah untuk memberi rasa selamat kepada diri sendiri, ahli keluarga, rumah, dan kejiranan mereka daripada gejala sosial atau tingkah laku jenayah. Pendek kata, istilah yang sesuai dan mudah difahami penting untuk menarik perhatian dan penglibatan kanak-kanak dalam sesebuah program.

### **7.3.3 Penentuan manfaat dalam kalangan kumpulan sasaran**

Selain daripada tidak mengetahui dengan baik mengenai Program Pengawasan Komuniti, pengkaji juga mendapati antara punca yang menyebabkan responden tidak mahu menyertai atau melibatkan diri dengan aktiviti Program Pengawasan Komuniti yang terdapat dalam komuniti mereka adalah mereka tidak pasti dengan manfaat menyertai program tersebut. Sekiranya pengetahuan kanak-kanak ini mengenai aktiviti pengawasan komuniti ditingkatkan maka kemungkinan jumlah kanak-kanak yang terlibat dengan aktiviti sosial anjuran Program Pengawasan Komuniti akan menjadi lebih tinggi dan mereka tidak membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah.

Levasseur et al., (2010) menyatakan penyertaan individu dalam sebarang aktiviti sosial menjadi lebih bermakna sekiranya mereka faham dengan jelas enam dimensi penyertaan sosial; iaitu dengan atau bersama siapa mereka melakukan aktiviti sosial tersebut, bagaimana aktiviti-aktiviti tersebut berlangsung, apa tujuan atau fungsi utama aktiviti-aktiviti sosial tersebut dijalankan, di mana aktiviti-aktiviti tersebut berlangsung, bila aktiviti-aktiviti sosial tersebut berlangsung, dan mengapa aktiviti sosial tersebut perlu disertai. Ringkasnya taksonomi ini bermula dengan memenuhi keperluan asasi

kanak-kanak sehinggalah berakhir dengan aktiviti-aktiviti di mana kanak-kanak tersebut memberi sumbangan yang lebih besar kepada masyarakat yang dianggotainya.

Kadar penyertaan dalam kalangan kumpulan sasaran mungkin meningkat sekiranya Program Pengawasan Komuniti dapat menyediakan semua maklumat tersebut dengan jelas, boleh diterima oleh Kanak-kanak Tidak Terkawal yang menjadi kumpulan sasarannya, dan disebarkan menerusi satu sistem maklumat program yang mudah diakses oleh semua kanak-kanak ini.

Perkara yang paling penting ialah kanak-kanak yang menjadi kumpulan sasaran program harus dapat menerima dengan jelas bahawa penyertaan atau penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti tersebut mampu memberi manfaat yang tidak ternilai kepada diri mereka, dan juga kepada komuniti mereka secara keseluruhan. Berkaitan dengan hal ini, Levasseur et al., (2010) juga telah mencadangkan satu taksonomi aktiviti-aktiviti sosial, mengikut tahap-tahapnya, yang perlu ada dalam penyertaan sosial; iaitu:

- (1) *Aktiviti tahap pertama*; iaitu aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan keperluan asasi (*basic needs activities*) dan/atau keperluan perlanjutan individu (*survival activities*), serta aktiviti-aktiviti harian yang selalunya dibuat oleh individu dalam kehidupan sehariannya (*solitary activities*) yang boleh menghubungkannya dengan individu lain. Aktiviti-aktiviti ini adalah aktiviti-aktiviti asas yang merupakan aktiviti-aktiviti perlanjutan kewujudan individu. Aktiviti-aktiviti dalam kategori ini boleh jadi aktiviti yang mudah (makan dan cara berpakaian) kepada aktiviti yang lebih rumit (seperti menyediakan makanan dan aktiviti-aktiviti upacara

keagamaan). Aktiviti-aktiviti *solitary* seperti mendengar radio atau menonton televisyen membantu individu membina maklumat mengenai apa yang berlaku dalam kehidupan masyarakatnya, dan juga membantunya dalam membina komunikasi dengan individu lain yang berada dalam persekitaran yang sama.

- (2) *Aktiviti tahap kedua*; iaitu aktiviti-aktiviti yang wujud menerusi jaringan komputer (*on-line internet*) antara individu dalam komuniti yang sama; walaupun mereka tidak pernah bersemuka.
- (3) *Aktiviti tahap ketiga*; iaitu aktiviti-aktiviti di mana individu berhubung dan mempunyai hubungan sosial dengan individu lain menerusi jaringan internet atau medium-medium teknologi lain (seperti telefon) tanpa tujuan khusus. Contohnya adalah apabila individu masuk ke saluran kumpulan (*group*) memasak atau membuat resepi di dalam *Facebook*, individu berinteraksi dengan individu lain bagi mengetahui apa yang ingin mereka masak atau bertanya bahan-bahan dan cara bagaimana membuat resepi yang mereka minati.
- (4) *Aktiviti tahap keempat*; iaitu tahap di mana individu berkolaborasi dan mencapai kata sepakat dengan individu lain bagi menjalankan sesuatu aktiviti. Contoh aktiviti tahap ini boleh terlihat dalam aktiviti-aktiviti penganjuran aktiviti berstruktur (seperti Program Jagaan Orang Tua) dan separa struktur (seperti pertandingan bola sepak, futsal, lawatan).
- (5) *Aktiviti tahap kelima*; iaitu aktiviti-aktiviti di mana individu menolong individu-individu lain dalam komuniti. Contohnya adalah

individu menjadi penjaga tidak formal (*caregivers*) sukarela kepada individu uzur yang memerlukan penjagaan dalam komuniti.

- (6) *Aktiviti tahap keenam*; iaitu aktiviti-aktiviti di mana individu memberi sumbangan yang lebih besar kepada masyarakat yang dianggotainya. Aktiviti-aktiviti sivik ini merangkumi penglibatan individu dalam pertubuhan dan organisasi politik setempat dan/atau negara.

Pihak yang terlibat dalam perancangan aktiviti-aktiviti sosial untuk Program Pengawasan Komuniti khusus untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal mungkin boleh mengambil kira taksonomi berkenaan dalam merancang dan mereka bentuk aktiviti-aktiviti untuk kanak-kanak ini.

#### **7.3.4 Penentuan bentuk penyertaan kumpulan sasaran**

Berkaitan dengan bentuk penyertaan pula, perancang yang merancang Program Pengawasan Komuniti khusus untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal harus menjelaskan kepada mereka bentuk-bentuk penyertaan yang dijangkakan oleh komuniti untuk mereka. Penyertaan sosial secara sukarela oleh komuniti setempat merupakan indikator penting kejayaan sesebuah program perkhidmatan sosial.

Haris (2009) menjelaskan proses penglibatan penduduk setempat dalam sesuatu program pembangunan komuniti akan berlaku apabila mereka terlibat dalam proses membuat keputusan mengenai sesuatu aktiviti yang hendak dilaksanakan. Penyertaan secara sukarela mengizinkan penduduk setempat bertindak sendiri, mengenal pasti kehendak dan masalah serta merangka rancangan untuk tindakan secara bersama.

Selain itu, mereka juga turut menerima manfaat daripada aktiviti berkenan dan terlibat dalam menilai keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan.

Dalam konteks kajian ini, bentuk penyertaan yang paling relevan untuk kanak-kanak dalam Program Pengawasan Komuniti adalah mengikut kemampuan dan tahap kematangan mereka. Misalnya, mereka boleh menyumbang idea atau memberi cadangan tentang aktiviti-aktiviti sosial yang mereka inginkan dan menjemput individu atau ikon yang mereka minati atau sanjungi datang ke Program Pengawasan Komuniti dalam komuniti mereka. Mereka juga boleh terlibat dalam pelaksanaan membuat banner atau pameran bagi kempen-kempen mengikut kreativiti mereka. Kanak-kanak wajar dan perlu diberi peluang terlibat dalam pelaksanaan, memberi idea atau pendapat mengenai aktiviti yang mereka minati. Penyertaan mereka pada tahap tersebut penting kerana mereka yang menikmati atau berkongsi manfaat daripada aktiviti yang dianjurkan kelak. Ini selaras dengan objektif Dasar Kanak-kanak Negara iaitu antaranya setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk bersuara, menyertai (turut serta) dan melibatkan diri mengikut tahap keupayaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka. Secara tidak langsung tanggungjawab sosial ini melatih kanak-kanak menjadi sebahagian pemimpin muda. Pelantikan formal boleh menaikkan semangat kanak-kanak untuk sama-sama menjaga ketenteraman awam dan penglibatan mereka akan membina ikatan dalam sesebuah komuniti.

### **7.3.5 Penyediaan lebih banyak kemudahan sosial bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak**

Kajian ini menggunakan pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan (Defensible Space)* bagi menjelaskan halangan-halangan yang wujud dalam ruang komuniti dalam

menentukan kelancaran pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti. Pendekatan ini memberi penekanan khusus terhadap kualiti ruang fizikal atau ruang struktural dalam menjaga, melindungi atau mengawal keselamatan komuniti.

Kajian ini juga dengan jelasnya memperlihatkan yang halangan struktural berperanan kritikal dalam mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti Program Pengawasan Komuniti di kawasan perumahan mereka. Justeru itu, usaha-usaha untuk menggalakkan atau mempertingkatkan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti Program Pengawasan Komuniti perlu melibatkan usaha-usaha menghapuskan sebarang bentuk halangan struktural yang menyekat atau menghalang penglibatan kanak-kanak dalam program sosial tersebut.

Penyediaan kemudahan asas menjadi aspek penting dalam meningkatkan kesejahteraan sosial komuniti (Haris, 2011). Menurut Siti Hajar (2009) persekitaran komuniti yang mesra dan membangun seharusnya menyediakan dua perkara. Pertama, kaedah dan strategi yang boleh diguna pakai oleh setiap institusi yang terdapat di dalam sesebuah komuniti bagi melindungi kebajikan dan kesejahteraan hidup golongan kanak-kanak dan memastikan mereka menjadi orang dewasa yang bertanggungjawab dan prososial. Kedua, cara bagaimana kanak-kanak melindungi hak-hak keperluan dan hak-hak kepentingan setiap ahli komunitinya dan menyokong proses pengembangan yang sejahtera untuk komunitinya. Fatimah Abdullah dan Noraziah Ali (2004) pula menghuraikan penunjuk kesejahteraan isi rumah dan keluarga ialah melalui penyediaan prasarana tertentu yang mana mestilah mencukupi, mudah didapati dan sesuai. Penyediaan prasarana ini bagi memastikan keluarga dapat hidup dalam keadaan sejahtera dan tidak meninggalkan kesan-kesan negatif terhadap komuniti setempat, masyarakat, dan persekitaran.



Kejayaan pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal perlu diberi penekanan seimbang di antara aspek pembangunan komuniti yang menyediakan persekitaran komuniti yang mesra dan membangun dengan penyediaan kemudahan atau prasarana sosial yang kondusif. Kemudahan-kemudahan sosial dalam komuniti perlulah meliputi aspek keselamatan, rekreasi, pendidikan, kesihatan, keagamaan, dan perumahan itu sendiri.

Kawasan perumahan PPA Desa Rejang ini dilengkapi dengan sebuah dataran, sebuah dewan serba guna, sebuah gelanggang futsal, sebuah surau, sebuah pasar, sebuah medan makan, kelas KAFA, 4 buah kelas Tabika Perpaduan, Klinik 1Malaysia, 1 klinik swasta. Walau bagaimanapun rata-rata responden mengatakan mereka memerlukan sebuah perpustakaan atau bilik untuk aktiviti selepas persekolahan.

Dalam hal ini, pengkaji berpendapat DBKL perlu menyediakan sebuah perpustakaan mini atau menyediakan sebuah pusat untuk kegunaan kanak-kanak selepas waktu persekolahan. Pusat Komuniti Permata Perkasa yang dibangunkan dalam Projek Permata Negara misalnya perlu dipraktikkan di setiap perumahan awam, bukan di kawasan tertentu sahaja atau mengikut aliran politik tertentu. Pusat ini menyediakan ruang untuk remaja meluangkan masa lapang dengan menyertai pelbagai aktiviti dan kemahiran seperti kelab vokal dan muzik, bersukan, kelab fotografi, kelab membuat dan menghias kek, kelas andaman dan kecantikan, juga kelab kerja sekolah (*homework club*). Semua aktiviti ini memberi peluang kepada remaja di dalam komuniti mencungkil bakat yang telah sedia ada dan pada masa yang sama dapat mengurangkan budaya melepak dan gejala sosial dalam kalangan mereka. Pendek kata, ruang yang disediakan ini membuka interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa berkesan (*significant adults*) yang merupakan asas kepada pencelahan jenayah peringkat

primer. Orang dewasa berkesan boleh memainkan peranan sebagai fasilitator atau mentor kepada kanak-kanak dalam suasana tempat (*setting*) awam yang lebih selesa dan berhampiran dengan rumah-kanak tersebut. Siti Hajar dan Abd Hadi (2009) menyatakan *setting* komuniti merupakan tempat yang selamat dan selesa untuk kebanyakan kanak-kanak berisiko menghabiskan masa lapang bersama rakan sebaya. Program pencelahan berasas komuniti atau kejiiran ini mampu meningkatkan ikatan kejiiran kerana fungsi orang dewasa berkesan mampu membina hubungan mesra dan membangun antara kanak-kanak, ibu bapa dan jiran-jiran. Di samping itu, semua jaringan agensi yang boleh didapati di dalam komuniti menyediakan sumber untuk perjalanan operasi program menjadikan program yang dirancang menjadi realiti.

Justeru itu, penyediaan perpustakaan mini atau pusat komuniti khusus untuk kanak-kanak memberi ruang kepada kanak-kanak menghabiskan masa selepas waktu persekolahan atau waktu senggang mereka dengan program/ aktiviti yang disediakan. *Setting* ini juga memudahkan jaringan agensi dalam komuniti menyediakan pelbagai program bagi meningkatkan kemahiran intrapersonal dan interpersonal kanak-kanak dan/ atau ibu bapa yang menghadapi masalah Kanak-kanak Tidak Terkawal.

### **7.3.6 Meningkatkan perkongsian (*partnerships*) kumpulan penggerak (*stakeholders*) dalam Program Pengawasan Komuniti**

Perkongsian (*partnerships*) di antara polis dan agensi-agensi sosial lain bersama-sama ahli-ahli komuniti setempat penting dalam melaksanakan Program Pengawasan Komuniti yang bersepadu. Kolaborasi ini dapat dicapai dengan keberadaan sumber-sumber sokongan tempatan yang merupakan mekanisme utama dalam mencapai kejayaan sebuah Program Pengawasan Komuniti (Ratcliffe, 2011). Nur Saadah (2013)

menyatakan dalam bidang kerja sosial sumber sokongan sosial adalah salah satu intervensi psikososial yang melibatkan sumber sumber sokongan dalam sistem sosial; individu, keluarga, komuniti (termasuklah organisasi dan pemerintah).

Bagi membantu ahli-ahli komuniti atau penduduk sebuah kejuranan atau blok perumahan mencapai keseimbangan dalam pengurusan dan pengawasan serta penjagaan, pengurus penjagaan (*care manager*) diperlukan. Thomas dan Pierson (2002) dalam Nur Saadah (2013) mendefinisikan pengurus penjagaan sebagai individu yang bertanggungjawab menguruskan sesuatu intervensi sosial berdasarkan keperluan golongan sasaran. Dalam Program Pengawasan Komuniti, usaha sama terdiri daripada komuniti dan pihak polis serta kumpulan penggerak (*stakeholders*) yang mempunyai kepentingan bersama terhadap situasi tertentu dalam sesebuah komuniti. Jadi dalam hal Program Pengawasan Komuniti, pengurus pengawasan boleh terdiri daripada segolongan orang dewasa berkesan atau kumpulan profesional pengawasan komuniti yang boleh jadi adalah polis, ahli lembaga sekolah, ahli perniagaan, ketua penduduk yang dilantik, ahli-ahli jawatan kuasa persatuan pengawasan kejuranan/ blok, agensi penguatkuasaan undang-undang persekutuan (Agensi Dadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen dan sebagainya). Di Jepun umpamanya, Program Pengawasan Komuniti yang dikenali sebagai sistem Koban menempatkan anggota-anggota polis pengawasan komuniti di pondok-pondok polis/ kawasan perumahan dan pasukan peronda kereta. Mereka berfungsi membantu penduduk setempat dalam pengawasan keselamatan serta menyediakan sokongan psikososial kepada ahli-ahli komuniti dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan kehidupan harian dan keselamatan penduduk setempat (Agensi Polis kebangsaan Jepun, 2016).

Pelan pengawasan diperlukan dalam setiap pengurusan kes atau intervensi. Mengambil contoh praktis dalam pelan penjagaan tidak formal, pelan pengawasan ialah pernyataan bertulis yang menjelaskan dengan terperinci matlamat masa hadapan yang dipersetujui oleh pengamal (golongan profesional terlatih) seperti pekerja sosial, dan penjaga tidak formal atau keluarga, serta menyenaraikan sebab-musabab matlamat tersebut perlu dirangka (Nur Saadah, 2013). Pelan tindakan pengawasan komuniti turut mengandungi draf pelan jangka panjang yang terperinci, dengan tugas dan garis masa serta pegawai yang ditugaskan untuk melaksanakan pelan tersebut. Pelan pengawasan ini menggariskan satu set strategi dan tindakan yang perlu diambil bagi bertindak balas dengan masalah yang dialami oleh sesebuah komuniti. Cara-cara melaksanakan intervensi yang telah dikenal pasti oleh pegawai polis pengawasan komuniti dan dipersetujui oleh ahli-ahli komuniti serta kumpulan penggerak yang terlibat dalam pelaksanaan pelan intervensi tersebut. Sebagai contoh, projek untuk mengurangkan gejala buli di sekolah, kumpulan penggerakannya boleh terdiri daripada para pelajar, pihak pentadbir, guru-guru sekolah, ibu bapa dan polis dengan pelan atau garis panduan mencegah dan menangani perbuatan buli dalam kalangan pelajar di sekolah. Kumpulan penggerak ini berubah bergantung kepada masalah atau perkara yang sedang ditangani. Kolaborasi ini harus menggambarkan kepelbagaian masyarakat dalam komuniti tersebut.

Perkongsian (*partnerships*) kumpulan penggerak (*stakeholders*) dalam Program Pengawasan Komuniti harus digerakkan melalui salah satu pendekatan pembangunan komuniti iaitu pendekatan perancangan “bawah-atas” yang terbukti berjaya mengubah dan membangunkan komuniti sasaran. Pendekatan ini menggalakkan komuniti itu sendiri berusaha dan berinisiatif menjayakan kemajuan dan perubahan dalam kawasan tempat tinggal atau komuniti mereka (Haris & Abd. Hadi, 2012). Terdapat lapan elemen

penting yang digariskan sekiranya Program Pengawasan Komuniti mengamalkan pendekatan perancangan “bawah-atas”, iaitu:

- i. Kumpulan sasar mempunyai keinginan untuk berubah.
- ii. Perlaksanaan aktiviti pembangunan berasaskan keperluan kumpulan sasaran.
- iii. Masalah kumpulan sasar dikenal pasti dan diselesaikan secara konsensus untuk tindakan bersama selanjutnya.
- iv. Kepentingan majoriti lebih diutamakan daripada kepentingan peribadi.
- v. Kewujudan semangat tolong-menolong antara kumpulan sasar.
- vi. Penyertaan secara sukarela kumpulan sasar dalam program yang dilaksanakan.
- vii. Mempunyai maklumat mengenai keadaan hidup kumpulan sasar.
- viii. Program dilaksanakan dalam jangka masa panjang.

Dari segi strategi, komuniti bersama kumpulan penggerak (*stakeholders*) perlu menangani pengaruh-pengaruh risiko melalui pencelahan-pencelahan yang ditawarkan oleh mereka. Siti Hajar dan Abd. Hadi (2009) menyatakan antara komponen strategi komuniti berkesan yang dijalankan di Amerika Syarikat termasuklah:

- i. Menyedia dan mengukuhkan peraturan komuniti berkaitan salah laku antisosial kanak-kanak. Ini termasuklah memberi lebih autoriti kepada pertubuhan-pertubuhan komuniti seperti pertubuhan kejiranan, pertubuhan kawasan kediaman, persatuan ibu bapa dan guru, organisasi ibu bapa dan majlis perbandaran untuk sentiasa memantau polisi pencegahan dan kurikulum kemahiran hidup yang diamalkan oleh pihak sekolah. Pada masa yang sama pertubuhan itu boleh menyelia kawasan kediaman “tertutup” seperti kondominium dan pangsapuri, tempat-tempat, premis rekreasi dan hiburan awam atau yang dibina di kawasan kediaman komuniti.

- ii. Mengukuhkan mekanisme penguatkuasaan kepada komuniti untuk mengawal akses kanak-kanak terhadap premis-premis yang menyediakan pelbagai alternatif dan peluang berisiko yang terdapat di dalam komuniti.
- iii. Mengukuhkan kapasiti organisasi komuniti sebagai komuniti kawalan dan komuniti pencegahan.
- iv. Menawarkan pelbagai bentuk latihan kemahiran kepada para ketua atau pemimpin komuniti yang dapat membantu memperkasa ahli lain dalam komuniti, khususnya dalam menangani masalah yang menimpa komuniti mereka.
- v. Membuat liputan meluas oleh pihak media berkaitan dengan sebarang aktiviti serta program pencegahan komuniti yang dianjurkan.

Aspek kepercayaan (*trust*) sangat dititik beratkan dalam setiap komponen perkongsian (*partnerships*) dalam Program Pengawasan Komuniti; iaitu, kumpulan penggerak (*stakeholders*), berkongsi visi dan matlamat yang sama, keahlian, strategi kerja berpasukan, ahli-ahli yang bermotivasi, kecukupan alat/ cara, dan pelan tindakan (Linda, et.al., 2013). Kepercayaan yang diterapkan dalam kalangan ahli-ahli komuniti semasa menjalankan tugas penting bagi mencapai perubahan dan kemajuan dalam tingkah laku Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam komuniti.

#### **7.4 Program Pemerksaan Ruang Intrapersonal Kanak-kanak Berisiko**

Selain halangan struktural, kajian ini juga mendapati yang kualiti aset intrapersonal yang dimiliki oleh kanak-kanak berperanan dalam mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti Program Pengawasan Komuniti. Siti Hajar dan Abd. Hadi (2009) mendapati kanak-kanak berisiko rata-ratanya mempunyai aset atau komponen sahsiah diri yang *fragile*; iaitu tidak cukup kuat untuk melawan pengaruh faktor risiko dalam

lingkaran hidup mereka, yang seterusnya menyebabkan mereka berpotensi tinggi untuk melibatkan diri dalam aktiviti antisosial. Berkaitan dengan hubungan ini, Siti Hajar dan Abd. Hadi juga mengesyorkan agar sebarang program sosial yang berkaitan dengan penjagaan sosial untuk kanak-kanak berisiko perlu menjadikan inisiatif memperkukuhkan sahsiah diri mereka sebagai teras utama program.

Justeru, program-program intervensi yang mampu mendayaupaya atau memperkasakan sahsiah diri atau personaliti kanak-kanak perlu dilaksanakan seganding dengan Program Pengawasan Komuniti. Antara intervensi pemeraksanaan yang boleh dilakukan adalah seperti berikut:

#### **7.4.1 Menyediakan program kemahiran hidup yang komprehensif**

Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti antisosial bukan sahaja dipengaruhi oleh pengetahuan kanak-kanak terhadap Program Pengawasan Komuniti dan penyediaan kemudahan dalam kejiranan mereka. Ia juga bergantung kepada pengaruh faktor psikologi atau personaliti seseorang. Jas Laile (2008) menyatakan konsep sendiri amat penting dalam mempengaruhi tingkah laku remaja. Remaja mengalami peningkatan kekuatan fizikal dan tahap autonomi menyebabkan mereka mempunyai darjah kebebasan tertentu. Menurut beliau lagi, jika semasa ini remaja mempunyai konsep sendiri yang tidak betul, ia amat merbahayakan kepada diri mereka dan orang lain. Mereka mungkin menjadi devian, tiada keyakinan diri, tersisih dan lain-lain.

Menurut Azizi et al., (2010) konsep sendiri yang tinggi atau positif mendorong remaja tersebut meletakkan dirinya di tempat yang sepatutnya dia berada. Mereka penuh dengan keyakinan dan berketrampilan. Manakala remaja yang mempunyai konsep sendiri yang rendah atau negatif sering disingkirkan dalam pergaulan, kurang berinteraksi, datang daripada golongan kelas sosial yang rendah, sukar belajar dan tidak peka dengan perasaan orang lain.

Konsep sendiri boleh dibina dalam kalangan kanak-kanak menerusi penglibatan aktif mereka dalam aktiviti prososial. Menurut Dawes dan Vest (2013) kanak-kanak yang terlibat dengan aktiviti sihat dan aktif lebih cenderung mempunyai keyakinan diri yang tinggi; berbanding mereka yang tidak berbuat apa-apa atau hanya menonton televisyen. Manakala kanak-kanak yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti "*after school program*" terbukti dapat mengurangkan masalah tingkah laku antisosial (Rorie et.al., 2011). Aktiviti-aktiviti yang diselia dan distruktur dengan baik menggalakkan kawalan sosial dan mengurangkan peluang kanak-kanak atau individu untuk berkelakuan antisosial atau bersikap devian.

Siti Hajar (2009) telah menjelaskan kanak-kanak yang tidak mempunyai kemahiran hidup yang komprehensif lazimnya berisiko tinggi dalam tingkah laku antisosial. Kanak-kanak berisiko ini memerlukan kemahiran hidup yang komprehensif yang terdiri daripada pertama; kemahiran interpersonal, khususnya kemahiran untuk membentuk hubungan yang mesra dan membangun, dan kemahiran komunikasi berkesan, kedua; kemahiran kognitif, khususnya kemahiran pengembangan sahsiah diri dan ketiga; kemahiran daya tindak iaitu kemahiran untuk mengatasi tekanan, terutamanya kemahiran pengenduran dan kemahiran pengurusan tekanan.



Keadaan kognitif individu akan mempengaruhi tingkah laku mereka. Keadaan kognitif ini dipengaruhi oleh persekitaran sosial yang didiaminya. Justeru itu, kanak-kanak berisiko memerlukan kemahiran kognitif untuk membolehkan mereka mengembang dan memperkasa sistem kawalan diri mereka. Siti Hajar dan Abd. Hadi (2009) menerangkan sekurang-kurangnya terdapat tujuh alasan utama mengapa kemahiran kognitif yang meliputi kemahiran menyelesaikan masalah, membuat keputusan, pengurusan sendiri dan kawalan sendiri perlu dibekalkan dalam diri kanak-kanak. Alasan-alasan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kemahiran tersebut mampu mengubah kognitif dan seterusnya tingkah laku berisiko kanak-kanak,
- ii. Kemahiran tersebut membantu kanak-kanak berisiko mengembang dan memperkasa sistem sekatan dalaman mereka terhadap reaksi dan tingkah laku sendiri,
- iii. Kemahiran tersebut mengajar kanak-kanak berisiko teknik dan strategi untuk mencari, mengenal pasti, menilai, dan menganalisis maklumat yang diperoleh atau situasi yang berlaku dengan lebih rasional dan prososial,
- iv. Kemahiran tersebut mengajar kanak-kanak berisiko teknik dan strategi untuk mencari dan memilih penyelesaian yang terbaik kepada masalah yang dihadapi daripada pelbagai pilihan dan alternatif yang ada,
- v. Kemahiran tersebut mengajar kanak-kanak berisiko teknik-teknik dan strategi-strategi untuk mengawal diri bagi mengekalkan tingkah laku yang prososial atau mengubah tingkah laku agar selari dengan nilai, norma, dan peraturan masyarakat,
- vi. Kemahiran tersebut mengajar kanak-kanak berisiko teknik-teknik dan strategi-strategi untuk menilai, memantau, dan menguatkuasakan

tingkah laku sendiri ke arah tingkah laku yang murni dan prososial,  
dan

- vii. Kemahiran tersebut mampu menstrukturkan semula persepsi kognitif kanak-kanak mengenai keadaan berisiko kepada persepsi yang lebih rasional dan bersifat prososial.

Justeru itu, program pencelahan memperkasakan ruang intrapersonal kanak-kanak harus diperbanyakkan supaya kanak-kanak dapat membina kecerdasan emosi yang positif dan matang. Penyaluran kemahiran ini kepada kanak-kanak mempengaruhi keadaan kognitif mereka untuk melibatkan diri atau menyertai aktiviti-aktiviti prososial dalam komuniti mereka. Program pencelahan yang digunakan untuk bertindak balas dengan halangan intrapersonal yang wujud harus dijalankan dalam konteks sosial kanak-kanak yang dikoordinasikan sebaik mungkin dalam konteks komuniti. Sebagai contoh, komuniti harus bekerja sama dengan kejurangan, sekolah, keluarga dan kanak-kanak serta agensi-agensi yang relevan untuk memastikan semua program pencelahan primer (contoh: program-program asas kemahiran hidup, program interpersonal, bengkel pengurusan masa, program pengukuhan nilai sendiri dan pelbagai program daya tindak positif) serta program pencelahan sekunder (contoh: kelas bimbingan dan tuisyen khas untuk kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran, program kemahiran sosial yang sesuai dengan keperluan kanak-kanak dan kelas kaunseling khas) boleh ditawarkan kepada semua kanak-kanak dalam *setting* komuniti atau kejurangan mereka. Kecerdasan emosi (EQ) yang baik akan melahirkan individu yang mantap dari segi kemahiran sosial, kesedaran diri, motivasi, empati dan kawalan diri yang boleh mendorong pencapaian akademik mereka dan mengawal tingkah laku mengikut nilai-nilai dan norma-norma yang ditetapkan oleh masyarakat.

#### 7.4.2 Mengawal pengaruh media massa dan peralatan teknologi

Hasil kajian ini turut membuktikan betapa besar pengaruh internet ke atas kehidupan kanak-kanak atau remaja khususnya dalam pengisian masa lapang mereka. Laporan akhbar tempatan melaporkan kegiatan jenayah pelajar sekolah yang berumur 15-18 tahun di Pulau Pinang meningkat sebanyak 231 peratus bagi tempoh Januari hingga awal April tahun 2014 berbanding tempoh yang sama tahun 2013 di negeri Pulau Pinang. Antara faktor yang dilaporkan adalah disebabkan terpengaruh dengan rakan sebaya selain mahu memperoleh kehidupan mewah salah satunya adalah memiliki telefon bimbit pintar. Kebanyakan pelajar yang terlibat dalam aktiviti jenayah mempunyai sifat materialistik yang seterusnya memaksa mereka terjerumus ke dalam kancan jenayah terutamanya setelah terbabit dengan kumpulan yang tidak baik (Utusan Malaysia, 9 April 2014).

Keputusan Kementerian Pelajaran untuk mengekalkan peraturan larangan membawa dan menggunakan telefon bimbit oleh murid dan pelajar di seluruh sekolah sememangnya suatu tindakan yang bijak ekoran ia boleh menimbulkan banyak masalah di sekolah termasuk mengurangkan tumpuan pelajar terhadap pembelajaran (Utusan Malaysia, 3 Oktober 2012). Ini menunjukkan telefon bimbit pintar atau gajet-gajet yang boleh mengakses internet lebih banyak membawa kesan negatif.

Namun perkara ini tidak berhenti di sini sahaja, kewujudan *cyber café* juga turut melalaikan pelajar menghabiskan masa selepas habis sekolah atau ponteng dengan bermain permainan komputer, *berchatting* mahupun melayari laman-laman yang berunsur seks. Justeru itu, pengaruh internet perlu dikurangkan dalam kalangan kanak-kanak dengan pemantauan yang ketat daripada ibu bapa atau penjaga, pihak sekolah,

dan ahli-ahli komuniti yang lain. Tidak dinafikan internet juga memberi kebaikan kepada kita dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang berguna. Namun ketiadaan adab untuk melayari internet secara berhemah dan berintelektual menyebabkan kanak-kanak ini mudah atau alpa dan seterusnya menjadi mangsa jenayah siber seperti menghabiskan masa ber*chatting*, mengakses laman-laman web lucah atau menggunakan laman sosial untuk memerangkap mangsa, menipu dan sebagainya.

Oleh hal demikian, pada peringkat awal ibu bapa perlu bijak mengawal anak-anak mereka dalam melayari internet, misalnya tahu selok belok penggunaan laman sosial seperti *Facebook* agar dapat memantau segala perbualan atau perbuatan anak-anak mereka bersama-sama kawan-kawan alam maya. Strategi sekolah menutup laman sosial seperti *Facebook* juga adalah langkah yang bijak dalam menangani pelajar sekolah yang leka dengan medium tersebut hingga mengabaikan pembelajaran dan seterusnya menimbulkan gejala-gejala sosial lain seperti ponteng sekolah, seks bebas dan hamil luar nikah. Pihak *stakeholders* atau agensi-agensi penguat kuasa perlu banyak memantau pusat-pusat siber. Di samping itu, usaha Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dalam menyekat laman web lucah perlu diperhebatkan lagi seperti mana kejayaan mereka menyekat 1,074 laman web lucah sehingga Oktober 2015 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (SKMM, 2016). Tindakan ini dapat menghalang kanak-kanak terjebak dengan gejala pornografi dan/ atau menjadi mangsa penjenayah pedofilia.

### **7.5 Program Pemerksaan Ruang Interpersonal Kanak-kanak Berisiko**

Brofenbrenner (1979) menerusi Teori Ekologi Sosialnya menyatakan persekitaran sosial di mana individu hidup mempengaruhi tingkahlaku individu. Antara persekitaran

sosial yang mempengaruhi tingkah laku individu adalah sfera keluarga, rakan-sebaya, komuniti dan negara. Ekologi sosial yang berkualiti, yang dicirikan oleh keadaan seperti keluarga yang menyokong, kejiranan yang prihatin, rakan sebaya yang prososial dan kerajaan yang penyayang dan komited dengan kebajikan hidup rakyat lazimnya menyumbang kepada bentuk tingkah laku yang prososial. Ekologi sebegini juga lazimnya mendorong individu untuk menyertai aktif dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang terdapat dalam kehidupannya.

Kajian ini juga mendapati yang keadaan ruang interpersonal kanak-kanak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyertaan mereka dalam aktiviti Program Pengawasan Komuniti. Atas hubungan yang penting ini, pengkaji mengesyorkan agar intervensi-intervensi yang mampu mengukuhkan aset dan ruang intrapersonal kanak-kanak dalam komuniti perlu diambil. Antaranya adalah:

#### **7.5.1 Menyediakan program kemahiran interpersonal ibu bapa dan anak-anak**

Kemahiran interpersonal khususnya kemahiran untuk membentuk hubungan yang mesra dan membangun, dan kemahiran komunikasi yang berkesan mampu memperbaiki, memupuk dan meningkatkan kualiti hubungan kasih sayang, corak interaksi dan berkomunikasi antara kanak-kanak dengan ibu bapa mereka. Menurutnyanya dua jenis kemahiran interpersonal yang amat diperlukan adalah untuk membentuk kemahiran yang mesra dan membangun, dan kemahiran komunikasi yang berkesan. Kemahiran ini diperlukan daripada kedua-dua pihak iaitu kanak-kanak dan ibu bapa itu sendiri. Kemampuan hubungan yang mesra, kohesif, positif, dan membangun antara kanak-kanak dengan ibu bapa dalam melindungi kanak-kanak daripada faktor-faktor risiko di sekitarnya boleh dilihat sekurang-kurangnya menerusi tiga aspek iaitu, pertama;

kemampuan dan rasa tanggungjawab kanak-kanak untuk melihat dan menjaga kepentingan individu lain, kedua; keberkesanan ibu bapa menjalankan proses sosialisasi moral terhadap kanak-kanak, dan ketiga; keberkesanan ibu bapa membentuk nilai-kendiri (*self esteem*) dan konsep sendiri (*self-concept*) yang positif ke dalam diri kanak-kanak mampu mengukuhkan mekanisma sekatan atau kawalan dalaman kanak-kanak (Siti Hajar, 2006).

Dalam konteks kriminologi, keterikatan atau keamatan (*attachment*) dapat mempengaruhi dan mengawal sikap dan tingkah laku kanak-kanak supaya cenderung melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang prososial dalam komuniti tempat tinggal mereka. Menurut Teori Ikatan Sosial (disebut juga Teori Kawalan Sosial) oleh Travis Hirschi (1969), terdapat empat elemen utama yang mengekalkan ikatan sosial seseorang individu dengan komuniti atau masyarakat iaitu keterikatan, komitmen, penglibatan dan kepercayaan. Keempat-empat elemen ini bergabung untuk membentuk satu ikatan atau hubungan sosial yang kukuh yang mampu mengawal tingkah laku sosial individu (Siti Hajar, 2006). Keterikatan merujuk kepada sensitiviti seseorang terhadap kepentingan orang lain. Bagi membolehkan keluarga yang sejahtera dibentuk, kanak-kanak dan ahli keluarga mereka, khususnya ibu bapa seharusnya sensitif dengan kepentingan dan keperluan setiap ahlinya, komited dan terlibat dengan segala tanggungjawab, fungsi dan peranan sosial keluarga serta percaya kepada nilai, norma dan peraturan sosial konvensional yang mampu meningkatkan kualiti kehidupan ahli keluarganya (Siti Hajar, 2006).

Penerimaan dan keakuran seseorang individu terhadap norma-norma sosial bergantung pada hubungan psikologikal dan perasaan emosi individu tersebut dengan individu lain. Hirschi menerangkan ibu bapa, rakan sebaya dan komuniti merupakan

institusi-institusi sosial yang sangat penting seseorang individu mengekal keterikatan tersebut. Individu atau kanak-kanak yang mempunyai ikatan yang kukuh dengan kelompok primer ini merasakan diri mereka diberi perhatian dari segi kasih sayang dan pandangan serta pendapat mereka terhadap sesuatu perkara. Perasaan kasih sayang dan hormat-menghormati mempengaruhi sikap dan tingkah laku individu atau diri kanak-kanak untuk tidak melanggar norma dan nilai konvensional yang dipegang oleh masyarakat.

Komitmen pula merujuk kepada masa, tenaga dan usaha yang digunakan seseorang individu untuk mendapatkan ganjaran sosial mengikut peraturan konvensional yang ditetapkan oleh masyarakat. Lazimnya komitmen diberikan kepada keluarga, kerjaya, cita-cita dan impian seseorang. Misalnya, seseorang pelajar perlu memberi komitmen dalam persekolahannya untuk mencapai cita-cita menjadi seseorang pelajar yang cemerlang dan seterusnya berjaya dalam kerjaya. Komitmen yang diberikan bukan sahaja kepada pelajaran tetapi juga komitmen terhadap aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan juga menjaga disiplin diri. Komitmen yang dibina dalam mengikut peraturan konvensional masyarakat tersebut dapat mengurangkan diri individu daripada melanggar peraturan atau norma-norma masyarakat. Semakin kurang komitmen yang diberikan atau tidak patuh dengan peraturan-peraturan sosial yang ditetapkan oleh masyarakat semakin berisiko diri individu tersebut terlibat dengan pelanggaran sosial seperti melakukan jenayah untuk mendapatkan ganjaran sosial melalui cara yang salah.

Seterusnya, keterlibatan merujuk kepada penyertaan di dalam aktiviti-aktiviti yang konvensional. Semakin banyak penyertaan individu tersebut dalam aktiviti-aktiviti konvensional yang sah seperti aktiviti bersama keluarga, sekolah, kelab atau

persatuan sosial, organisasi dalam komuniti dan sebagainya semakin kurang individu tersebut terlibat dengan aktiviti atau kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan norma-norma sosial. Akhir sekali, elemen kepercayaan merujuk kepada keyakinan terhadap sistem nilai tradisional yang dikongsi oleh masyarakat. Dalam satu kelompok masyarakat yang sama, mereka percaya, sensitif dan mematuhi nilai-nilai sosial yang dipegang bersama. Jika kepercayaan seseorang individu itu kurang atau tiada terhadap sistem nilai yang ada seperti sikap kejujuran, moraliti, keadilan, patriotik, sikap tanggungjawab dan sebagainya individu tersebut cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti antisosial.

Hirschi (1969) menegaskan, sesebuah komuniti mampu mengawal tingkah laku ahlinya sekiranya keempat-empat elemen kawalan sosial ini diamalkan secara konsisten atau hadir dalam sesebuah persekitaran sosial. Sebagai contoh, sekiranya individu mementingkan ikatan persaudaraan dan mempunyai sikap sensitiviti terhadap ibu bapa dan rakan-rakan mereka, individu tersebut akan dapat mengawal dirinya daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan salah laku untuk mencapai matlamat hidupnya dengan mematuhi peraturan-peraturan konvensional yang ditetapkan oleh masyarakat. Sebaliknya, individu yang menolak ikatan atau hubungan sosial tersebut, komitmen terhadap nilai-nilai konvensional juga akan berkurangan dan individu cenderung untuk tidak mematuhi nilai-nilai dan peraturan sosial masyarakat dalam mencapai matlamat sosialnya.

Siti Hajar (2006), menyatakan program kemahiran sosial yang berkesan perlu melibatkan kanak-kanak berisiko dan ahli keluarga mereka. Khususnya ibu bapa mereka. Negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, dan Hongkong menekankan tiga prosedur dalam program pembinaan kemahiran interpersonal iaitu:



- (i) Mengenal pasti faktor-faktor risiko yang wujud dalam diri kanak-kanak berisiko dan ahli keluarga mereka,
- (ii) Mengenal pasti faktor-faktor risiko yang wujud dalam ekologi keluarga yang menjadi punca kepada masalah tingkah laku kanak-kanak; dan,
- (iii) Merawat dan mengubah faktor-faktor risiko yang telah dikenal pasti dengan cara memberi input kemahiran interpersonal serta bantuan dan sokongan yang diperlukan secara berkesan.

Di Amerika Syarikat, program pembinaan kemahiran interpersonal yang paling berkesan untuk mengenal pasti ke tiga-tiga prosedur di atas adalah pendekatan terapi yang berasaskan keluarga (*family-based therapy*). Program terapi ini merangkumi Program Terapi Multi keluarga Berkumpulan, Program Terapi keluarga Multidimensi, Pencelahan Pendidikan Multifamili dan Program Terapi Jaringan Kerja Keluarga (Siti Hajar, 2006). Program-program tersebut hanya berbeza dari segi nama tetapi persamaan paling ketara bagi semua program tersebut adalah mereka merupakan program pencelahan komuniti yang diwujudkan atas inisiatif pertubuhan sukarela yang terdapat dalam komuniti. Siti Hajar (2006) telah menerapkan kesemua aktiviti-aktiviti dalam modul program kemahiran interpersonal yang mampu membina sahsiah diri kanak-kanak dan ahli keluarga terutamanya ibu bapa dalam mewujudkan ikatan atau hubungan sosial yang berkesan. Modul tersebut terdiri daripada tiga modul iaitu Modul program kemahiran membina hubungan kasih-sayang berkesan antara ahli keluarga. Kedua, Modul program kemahiran membina keadaan interaksi dan komunikasi berkesan antara ahli keluarga dan ketiga; Modul program kemahiran membina komitmen dan penglibatan yang prososial dalam aktiviti keluarga (Jadual 7.1).

Jadual 7.1: Modul Program Kemahiran Interpersonal untuk Kanak-kanak Berisiko dan Keluarga Mereka

<b>Program Kemahiran Interpersonal</b>		
Modul program kemahiran membina hubungan kasih sayang berkesan antara ahli keluarga	Modul program kemahiran membina keadaan interaksi dan komunikasi berkesan antara ahli keluarga	Modul program kemahiran membina komitmen dan penglibatan yang prososial dalam aktiviti keluarga
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti membina dan mengukuh perasaan dan sikap saling menghargai antara setiap ahli keluarga,</li> <li>• Aktiviti membina dan mengukuh sikap saling menghormati antara setiap ahli keluarga,</li> <li>• Aktiviti membina dan mengukuh sikap saling mengambil berat antara setiap ahli keluarga,</li> <li>• Aktiviti membina dan mengukuh sikap saling sayang-menyayangi antara setiap ahli keluarga,</li> <li>• Aktiviti membina dan mengukuh sikap saling memahami antara setiap ahli keluarga, dan;</li> <li>• Aktiviti membina dan mengukuh kemesraan antara setiap ahli keluarga.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti dan latihan meluahkan perasaan, idea dan kritikan secara individual atau secara bersama secara terbuka yang berkesan antara, setiap ahli keluarga,</li> <li>• Aktiviti dan latihan mendengar berkesan antara setiap ahli keluarga,</li> <li>• Aktiviti dan latihan membuat keputusan secara bersama yang berkesan antara setiap ahli keluarga,</li> <li>• Aktiviti dan latihan berbincang, mengurus dan menyelesaikan masalah yang berkesan antara setiap ahli keluarga,</li> <li>• Aktiviti dan latihan membina sikap terbuka yang berkesan dalam perbincangan antara setiap ahli keluarga; dan,</li> <li>• Aktiviti dan latihan membina sikap dan personaliti untuk berinteraksi yang berkesan dan menggalakkan dalam perbincangan keluarga.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti dan latihan membina dan mengukuhkan sikap bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi dan peranan konvensional keluarga dalam diri remaja dan ahli keluarga mereka,</li> <li>• Aktiviti dan latihan membina dan mengukuhkan penglibatan dan komitmen semua ahli keluarga dalam semua aktiviti sosial keluarga,</li> <li>• Aktiviti dan latihan membina dan mengukuhkan sikap bertanggungjawab setiap ahli keluarga dalam membincang dan merancang kejayaan masa hadapan keluarga; dan,</li> <li>• Aktiviti dan latihan membina dan mengukuhkan komitmen dan penglibatan yang positif dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh setiap ahli keluarga.</li> </ul>

Sumber: Siti Hajar dan Abd. Hadi (2009)

### 7.5.2 Meningkatkan ikatan kehiranan

Komuniti yang sensitif dan mengambil berat terhadap kebajikan anggota mudanya lazimnya mempunyai ciri-ciri tertentu. Antaranya wujud interaksi sosial yang baik antara ahli-ahli komuniti. Interaksi sosial yang baik boleh membina hubungan sosial yang akrab kerana individu dapat saling mengenali antara satu sama lain.

Sebelum menghuraikan beberapa strategi untuk meningkatkan hubungan atau ikatan kehiranan, pengkaji menghimpunkan beberapa ayat al-Quran yang menuntut kita menjalinkan hubungan sesama jiran seperti mana yang dijelaskan dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“... dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki” (An-Nisaa’: 36)

Allah SWT juga menyuruh umatNya saling berkenalan dengan jiran berbeza latar belakang seperti pekerjaan, pendidikan, agama, keturunan, budaya, adat resam dan sebagainya seperti mana Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenali (Al-Hujuraat:13).

Selain jiran sebagai tempat memohon bantuan apabila berlaku kecemasan atau ditimpa masalah, jiran juga digalakkan untuk berbuat kebaikan dan berperanan untuk menjaga keselamatan dan keharmonian masyarakat seperti mana Firman Allah SWT yang bermaksud:

“bertolong-tolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan bertaqwa dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.” (Al-Maaidah:2).

Jiran juga berperanan dalam sama-sama menjaga kebajikan penduduk setempat dengan melaksanakan pelbagai aktiviti yang boleh menyumbang kepada kebajikan dan pembangunan komuniti. Perkara ini persepakatan dan persefahaman yang mantap sesama jiran sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“..dan urusan mereka dijalankan secara bermusyawarah sesama mereka....” (Al-Syura:38)

Pelbagai pendekatan dan amalan Islam yang boleh dibuat bagi memupuk semangat atau meningkatkan ikatan kejiiran. Mohd Zamir (2015) menyatakan beberapa amalan untuk memupuk hubungan kejiiran antaranya:

- i. Amalan bertegur sapa. Amalan bertegur sapa adalah titik permulaan terjalinnya hubungan yang erat dan mesra,
- ii. Amalan bertanya khabar. Amalan bertanya khabar dan kesihatan diri serta anak-anak jiran dapat menjadi penghubung kepada amalan bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman sesama jiran apabila berhadapan dengan masalah atau kesulitan yang akhirnya memberi jalan penyelesaian kepada sesuatu masalah,
- iii. Amalan kunjung mengunjung juga dapat mengeratkan dan menghidupkan semangat hidup berjiran. Sekurang-kurangnya amalan berkunjung ke rumah jiran dilakukan pada hujung minggu atau sempena hari-hari perayaan.,
- iv. Amalan bergotong royong membersihkan kawasan tempat tinggal, masjid, balai raya, longkang dan sebagainya dapat memupuk dan menyemai hubungan baik dan semangat kejiiran, dan

- v. Mengadakan program sosial dalam kawasan kejiranan seperti hari keluarga, program lawatan sambil belajar, mengadakan kelas kemahiran seperti jahitan, masakan, mengadakan rumah/ jamuan terbuka dan sebagainya

Siti Hajar dan Abd. Hadi (2009) juga menyentuh kepentingan musyawarah dalam kalangan ahli komuniti bagi pencelahan berasas komuniti untuk kanak-kanak berisiko. Misalnya dalam program Persidangan Kumpulan Keluarga (*FGC*) di Amerika Syarikat, program ini melibatkan kerjasama semua agensi dalam komuniti yang bertanggungjawab ke atas kepentingan sosial kanak-kanak iaitu ahli keluarga, pegawai kebajikan yang bertanggungjawab dalam membincang, merancang, mereka bentuk dan melaksanakan program atau pelan penjagaan dan perlindungan sosial yang sesuai dan diperlukan oleh kanak-kanak.

Pendek kata, hubungan sosial yang wujud daripada interaksi yang berkesan dalam lingkungan keluarga dan kejiranan membolehkan kanak-kanak mempunyai kasih sayang, penghargaan, perhatian, dapat berkongsi masalah dan mempunyai keyakinan diri serta bermotivasi untuk melakukan sesuatu perkara yang positif dan cemerlang.

### **7.5.3 Meningkatkan peranan orang dewasa berkesan dalam komuniti**

Kehadiran orang dewasa berkesan dalam Program Pengawasan Komuniti mampu bertindak balas dengan masalah dan keperluan responden dalam komuniti PPA Desa Rejang. Orang dewasa berkesan adalah individu dewasa dalam komuniti berisiko yang berwibawa, mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi tingkah laku anggota komuniti, dihormati, disegani dan boleh dijadikan pakar rujuk setempat dalam hal-hal kemasyarakatan (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009). Di negara maju (contoh: Amerika

Syarikat, Britain, Australia dan Jepun), individu inilah yang menyelia program pencelahan bagi kanak-kanak bermasalah. Mereka terdiri daripada pekerja-pekerja sosial keluarga, pegawai kebajikan, kaunselor, guru sekolah, pekerja kesihatan, dan/atau pekerja sukarela daripada pertubuhan sukarela yang ditubuhkan oleh komuniti. Pekerja sukarela ini biasanya dilatih untuk membantu kanak-kanak dan keluarga yang bermasalah dan berisiko (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009). Kehadiran orang dewasa berkesan ke dalam kehidupan kanak-kanak berisiko mampu (McWhirter et al., 1993 dalam Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009):

- i. Membentuk persekitaran yang responsif, penyayang, mesra dan membangun,
- ii. Membantu ibu bapa menjaga anak semasa ketiadaan mereka,
- iii. Mengenal pasti defisit keperluan yang dialami dan diperlukan oleh kanak-kanak,
- iv. Mengawas, mengawal dan “merawat” tingkah laku atau keperluan kanak-kanak berisiko dengan lebih berkesan,
- v. Membantu ibu bapa mengenal pasti aset sosial yang dimiliki oleh anak-anak mereka,
- vi. Membantu menyokong dan menyelia kanak-kanak memperkasakan aset pengembangan yang dimiliki dalam memenuhi keperluan mereka, dan
- vii. Memastikan respons kanak-kanak terhadap program pencelahan yang dianjurkan oleh orang dewasa berkesan dipatuhi secara sukarela oleh kanak-kanak berisiko.

Siti Hajar juga menerangkan beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan sekiranya peranan orang dewasa berkesan ingin diserapkan dalam intervensi sosial kanak-kanak di Malaysia iaitu:

- i. Ciri-ciri peribadi orang dewasa berkesan yang seharusnya bersifat prososial, seorang yang boleh dihormati oleh ahli komunitinya (khususnya oleh kanak-kanak dalam komunitinya), seorang yang boleh menjadi model peranan

positif dalam komuniti, berilmu, beriman, mempunyai nilai komitmen yang baik terhadap kesejahteraan hidup ahli komunitinya (khususnya terhadap kesejahteraan dan kebajikan hidup kanak-kanak dalam komunitinya), boleh dipercayai, mudah didekati, mesra, bersikap menyokong, dan seorang patuh pada nilai, norma dan peraturan sosial.

- ii. Separa profesional yang mampu menjadi orang dewasa berkesan dalam komuniti. Individu tersebut boleh terdiri daripada ahli-ahli komuniti yang dilatih oleh para profesional dari agensi-agensi perkhidmatan kanak-kanak tertentu. Orang dewasa berkesan separa profesional ini boleh bekerjasama dengan para profesional (contoh: pekerja sosial keluarga, para pegawai JKM, guru sekolah, polis, pekerja kesihatan) yang menyediakan pelbagai bentuk sokongan dan bantuan yang diperlukan oleh kanak-kanak dalam komuniti masing-masing. Orang dewasa separa profesional ini boleh mengumpul dan menyediakan pelbagai maklumat mengenai kanak-kanak berisiko di dalam komuniti masing-masing untuk diambil tindakan selanjutnya oleh para profesional. Ringkasnya, orang dewasa berkesan separa profesional boleh berfungsi sebagai pengantara kanak-kanak dengan para profesional.
- iii. Walaupun mana-mana ahli komuniti boleh menjadi orang dewasa berkesan secara sukarela, dia sekurang-kurangnya secara relatif harus mempunyai kemahiran sosial, kemahiran hidup, dan latar belakang pengetahuan yang lebih baik daripada kanak-kanak berisiko.
- iv. Orang dewasa berkesan separa profesional ini berkemampuan membina satu jaringan sokongan sosial yang bermanfaat untuk kanak-kanak berisiko.

Dalam hal ini, pencelahan orang dewasa berkesan dalam Program Pengawasan Komuniti mampu membantu Kanak-kanak Tidak Terkawal atau antisosial ini dari segi perkembangan aset kemahiran intrapersonal dan interpersonal; seperti, kemahiran komunikasi berkesan dan kemahiran pengurusan masa serta mengutamakan hal atau perkara yang lebih penting berbanding melakukan sesuatu perkara tanpa seliaan atau panduan yang akhirnya merugikan aset sosial kanak-kanak ini. Perkembangan aset yang sihat membolehkan mereka menjadi orang dewasa yang produktif dari segi sosial dan ekonomi.

## **7.6 Penutup**

Secara keseluruhan, keberkesanan intervensi-intervensi sosial Program Pengawasan Komuniti yang dinyatakan di atas adalah bergantung kepada kerjasama dan gabungan tenaga dan sumber dari semua agensi-agensi dalam komuniti yang menawarkan pencelahan penjagaan dan pengawasan untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal atau berisiko dalam komuniti. Gabungan ini mampu meningkatkan pengetahuan dan menarik penyertaan kanak-kanak berisiko dalam aktiviti-aktiviti prososial dalam komuniti, mampu menyekat kanak-kanak berisiko daripada terpengaruh dengan peluang dan alternatif antisosial, mengukuhkan ruang intrapersonal dan interpersonal diri kanak-kanak, mampu menyekat dan mengawal tingkah laku tidak terkawal kanak-kanak dan mewujudkan persekitaran komuniti yang mesra, sejahtera dan membangun.



## BAB 8: KESIMPULAN

Kanak-kanak merupakan sebahagian daripada ahli dalam komuniti. Mereka perlu diberi penghargaan dan pengiktirafan sosial yang sewajarnya daripada komuniti setempat. Mereka perlu dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti prososial yang dijalankan oleh komuniti setempat; termasuklah diberi peluang untuk memberikan pendapat berkait dengan keperluan dan perkembangan mereka. Persekitaran komuniti yang mesra dan membangun merupakan mekanisme paling penting dalam menarik penyertaan aktif setiap ahli komuniti dalam menjaga dan mengurus kebajikan kanak-kanak dalam komuniti mereka. Persekitaran sosial yang selamat ini perlu dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti atau program-program yang mesra kanak-kanak. Keadaan ini penting bagi membolehkan komuniti menjadi mekanisme pencelahan yang berkesan untuk menangani masalah Kanak-kanak Tidak Terkawal yang terdapat dalam komuniti. Pencelahan penjagaan dan pengawasan berasas komuniti penting agar perilaku kanak-kanak berisiko ini dapat dikawal, dilindungi, dan diawasi daripada terus terlibat dengan tingkah laku antisosial dan jenayah yang lebih serius.

Program Pengawasan Komuniti (*Community Policing*) merupakan pendekatan kontemporari pihak polis membanteras jenayah. Pendekatan ini memperlihatkan pihak polis sahaja tidak mampu untuk membanteras jenayah secara berkesan, khususnya apabila melibatkan konflik yang serius dalam komuniti. Ramai melihat konsep atau program ini hanya melibatkan pihak polis secara mutlak dalam bertindak balas dengan kes salah laku dan aktiviti jenayah dalam masyarakat. Sebenarnya, pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti melibatkan kerjasama daripada kumpulan penggerak (*stakeholders*) badan-badan bukan kerajaan (NGO's), Persatuan-persatuan Peniaga/

pekilang, Persatuan-persatuan Penduduk dan lain-lain agensi kerajaan yang boleh membantu pelaksanaan aspek pencegahan jenayah dari akar umbi.

Program Pengawasan Komuniti ini sebenarnya telah lama dilaksanakan di negara kita. Masyarakat menganggap program ini sebagai satu program yang baru kerana namanya sahaja. Semenjak Tanah Melayu diperintah oleh Jepun lagi, komuniti sekejiranan; khususnya di kawasan luar bandar telah mengamalkan program pencegahan jenayah yang dipanggil sebagai “Sistem Salleh” dan Rukun Tetangga. Program-program pencegahan jenayah yang berasaskan komuniti ini kemudiannya disegarkan lagi dengan nama-nama baru seperti Persatuan Penduduk, RELA, Skim Pengawasan Kejiranan, Skim Rondaan Sukarela (SRS), dan Rakan Cop. Falsafah penubuhan dan modus operandi semua program ini mempunyai ciri-ciri yang amat sinonim; iaitu menggunakan sumber-sumber yang sedia ada dalam komuniti itu sendiri iaitu dengan membabitkan ahli-ahli komuniti untuk mengawasi keselamatan jiran-jiran dan harta benda mereka.

Dari segi amalannya, Program Pengawasan Komuniti merupakan satu tindakan sukarela oleh inisiatif penduduk setempat atau sekejiranan. Penglibatan sukarela ahli-ahli komuniti bukan setakat dalam aspek perlaksanaan tetapi juga dari aspek perancangan dan penyelarasan. Komuniti setempat akan menubuhkan kumpulan-kumpulan kecil untuk menjalankan pengawasan amnya. Selain itu, ia mempunyai hubungan atau kolaborasi agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan khususnya pihak polis dan ahli-ahli komuniti dalam usaha mengekang jenayah. Program ini menegaskan bahawa tanggungjawab untuk mewujudkan persekitaran komuniti yang selamat bukan sahaja terletak pada bahu agensi kerajaan tetapi ahli-ahli komuniti itu sendiri. Program-program pencegahan jenayah berasas komuniti bertujuan untuk meringankan beban

polis dengan menyerahkan sebahagian tanggungjawab menjaga keamanan atau ketenteraman kepada orang ramai. Fungsi utama Program Pengawasan Komuniti adalah sebagai intervensi pencegahan jenayah dan gejala sosial dalam komuniti. Selain itu, program ini juga bertindak sebagai intervensi pemulihan jenayah seperti Program Khidmat Masyarakat yang seterusnya dapat mengurangkan peranan institusi (*deinstitutionalization*). Program Pengawasan Komuniti turut memberi manfaat kepada ahli-ahli komuniti melalui intervensi membangunkan semula kawasan-kawasan perumahan dan juga intervensi mendayaupayakan aset komuniti. Dengan erti kata lain, program ini memperkasakan (*empowerment*) ahli-ahli komuniti atau orang ramai dengan berkongsi tanggungjawab dengan meningkatkan kesedaran, dan pendidikan serta kerjasama dalam kalangan mereka.

Pendek kata, Program Pengawasan Komuniti adalah satu program pencegahan jenayah berasas komuniti yang bersifat holistik dengan melibatkan kerjasama semua lapisan masyarakat khususnya ahli-ahli sesebuah komuniti dengan agensi-agensi kerajaan serta bukan kerajaan terutamanya pihak polis. Program Pengawasan Komuniti adalah salah satu medium perantaraan untuk merapatkan jurang antara polis dan masyarakat. Matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat dengan mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif, hasil kesedaran, pendidikan dan usaha anggota komuniti sendiri.

Pelan dan mekanisme tindakan pencegahan Program Pengawasan Komuniti adalah berasaskan kepada pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan (Defensible Space)*. Pendekatan ini merupakan pendekatan khusus dalam bidang Kriminologi. Pendekatan ini merupakan operasionalisasi strategi pencegahan jenayah peringkat primer dan sekunder dalam Program Pengawasan Komuniti yang tertumpu kepada masyarakat

secara keseluruhannya. Pencegahan jenayah primer bermatlamat untuk mengelak berlakunya jenayah buat pertama kali dengan mengenal pasti keadaan atau persekitaran fizikal dan sosial yang boleh mencetuskan peluang berlakunya tingkah laku jenayah. Manakala, pencegahan jenayah sekunder melibatkan usaha-usaha awal untuk mengenal pasti individu yang berpotensi terlibat dalam tingkah laku antisosial. Komuniti setempat akan mengenal pasti faktor-faktor risiko yang berpotensi tinggi membiak menjadi masalah jenayah dan mengambil tindakan pencelahan dari aspek fizikal dan sosial mengikut situasi risiko tersebut. Strategi Pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* meliputi aspek fizikal dan sosial; iaitu, melalui reka bentuk fizikal atau persekitaran yang selamat, pemerkasaan sasaran (*target hardening*), pengawasan kejuruan, dan perkongsian atau penyaluran maklumat mengenai jenayah dan pencegahan jenayah, serta membangunkan pencelahan yang spesifik mengikut situasi tertentu yang dikenali sebagai “*Situational Crime Prevention*” atau pencegahan jenayah Model Situasi.

Kajian yang dijalankan mendapati Program Pengawasan Komuniti di PPA Desa Rejang Setapak, Kuala Lumpur meliputi aspek fizikal dan sosial kawasan persekitaran tersebut. Secara keseluruhan, Program Pengawasan Komuniti di PPA Desa Rejang masih bersifat generik iaitu tidak khusus kepada kanak-kanak berisiko atau yang berkelakuan antisosial/ tidak terkawal. Pelaksanaan program ini meliputi semua bentuk aktiviti-aktiviti prososial yang terbuka kepada orang dewasa dan juga kanak-kanak yang tinggal di kejuruan tersebut. Penglibatan atau penyertaan ahli-ahli komuniti khususnya responden kajian ini masih pada tahap sederhana. Dari aspek fizikal, kawasan perumahan ini adalah agak luas iaitu terdiri daripada 12 blok rumah pangsa kos rendah. Kawasan perumahan ini dilengkapi dengan kemudahan awam seperti sebuah dataran, 3 buah gelanggang permainan, sebuah dewan serba guna, sebuah

gelanggang futsal, sebuah surau, sebuah pasar, sebuah medan makan, kelas KAFA, 4 buah kelas Tabika Perpaduan, sebuah klinik 1Malaysia, sebuah klinik swasta dan 8 buah badan bukan kerajaan (NGO) seperti yang telah dibincangkan dalam Bab Enam. Dari aspek sosial pula, mereka melaksanakan pelbagai program atau aktiviti prososial yang meliputi aspek keselamatan, kemasyarakatan, pendidikan dan rekreasi dengan kerjasama agensi-agensi sosial kerajaan dan NGO mahupun persendirian seperti yang dibincangkan dalam Bab Lima. Amalan ini terbukti melahirkan interaksi sosial antara ahli-ahli komuniti dan meningkatkan hubungan sosial dalam kalangan kanak-kanak dengan keluarga, rakan sebaya, sekolah, kejiwaan serta komuniti setempat.

Pra-syarat utama kejayaan mana-mana program sosial berasas komuniti adalah melalui penyertaan atau penglibatan daripada ahli-ahli komuniti. Penglibatan mereka secara aktif mahupun pasif bergantung kepada usaha kedua-dua belah pihak iaitu di antara kumpulan penggerak (*stakeholders*) dan kumpulan sasaran di dalam komuniti. Dalam konteks kajian ini, Program Pengawasan Komuniti dapat bertindak sebagai intervensi tidak formal komuniti dalam mengawasi Kanak-kanak Tidak Terkawal dari terlibat dengan perilaku antisosial atau jenayah yang lebih serius, sekiranya terdapat peningkatan pengetahuan dan penglibatan kumpulan sasaran iaitu kanak-kanak (serta ibu bapa dan penjaga) dalam program tersebut. Selain itu, usaha untuk mengalihkan halangan-halangan dalam ruang struktural, intrapersonal dan interpersonal yang terdapat dalam persekitaran fizikal dan sosial komuniti akan melancarkan lagi pelaksanaan Program Pengawasan Komuniti di PPA Desa Rejang.

Dari sudut pengetahuan, ibu bapa dan penjaga serta kanak-kanak yang mempunyai cukup pengetahuan berkaitan misi dan objektif program tersebut dapat menarik penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti prososial dalam komuniti.

Penyertaan Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam Program Pengawasan Komuniti memberi peluang untuk mereka melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah sebagai alternatif dalam memenuhi masa lapang atau selepas waktu persekolahan. Mereka turut mempelajari nilai, norma dan peraturan sosial sebuah komuniti. Penglibatan Kanak-kanak Tidak Terkawal dalam Program Pengawasan Komuniti mampu meningkatkan pengetahuan, merubah sikap dan tingkah laku serta meningkatkan kemahiran sahsiah diri mereka dan mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat.

Kelancaran Program Pengawasan Komuniti yang menggunakan aplikasi pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan* sebagai intervensi penjagaan dan pengawasan berasas komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal bergantung kepada aspek fizikal dan sosial persekitaran komuniti tersebut. Kajian ini mendapati kemudahan awam dan program/aktiviti sosial yang disediakan di kawasan PPA Desa Rejang masih tidak mencukupi untuk menarik penglibatan atau penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti prososial dalam ruang awam. Kerapuhan pencilahan berasas komuniti ini mempengaruhi kanak-kanak terlibat dengan aktiviti-aktiviti antisosial atau negatif. Situasi ini turut dipengaruhi dengan kelemahan sistem penyampaian maklumat dalam PPA Desa Rejang untuk berkongsi dan menyalurkan maklumat mengenai Program Pengawasan Komuniti yang bakal dilaksanakan oleh kumpulan penggerak (*stakeholders*) atau agensi-agensi sosial serta ketiadaan orang dewasa berkesan dalam memimpin dan menyelia kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti tersebut. PPA Desa Rejang masih memerlukan beberapa kemudahan awam bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak PPA Desa Rejang iaitu perpustakaan mini dan pusat aktiviti harian. Kedua-dua kemudahan ini membolehkan kanak-kanak menghabiskan masa senggang mereka dalam ruang yang lebih selesa bersama rakan sebaya melakukan aktiviti-aktiviti prososial di bawah penyeliaan orang dewasa yang berkesan. Kemudahan rekreasi

seperti alatan-alatan dalam taman permainan juga perlu diseliasa dan diperbaiki serta dipantau oleh pihak pengurusan DBKL supaya selamat digunakan dan tidak rosak akibat perbuatan vandalisme. Kemudahan yang disediakan haruslah diguna secara berhemah selari dengan konsep pemilikan ruang atau perasaan kepunyaan yang diterapkan dalam pendekatan *Ruang Boleh Dipertahankan*. Dalam proses penyaluran maklumat sesebuah program/aktiviti prososial pula, Program Pengawasan Komuniti perlu menyediakan sistem penyaluran maklumat yang berkesan untuk berkongsi informasi bersama-sama ahli-ahli komuniti PPA Desa Rejang berkaitan program yang bakal dilaksanakan. Orang dewasa berkesan dalam komuniti perlu digerakkan dalam program penjagaan dan pengawasan komuniti yang mesra dan membangun. Mereka boleh terdiri daripada ahli-ahli profesional dalam pelbagai bidang (seperti pendidikan, kesukanan, keagamaan, dan keselamatan) dan ahli-ahli separa profesional iaitu ahli-ahli komuniti yang dilatih oleh para profesional dari agensi-agensi perkhidmatan kanak-kanak tertentu.

Dari aspek sosial, kelancaran Program Pengawasan Komuniti bergantung kepada personaliti ahli-ahli komuniti. Dalam hal ini, Program Pengawasan Komuniti perlu memperkasakan ruang intrapersonal dan interpersonal ahli-ahli komuniti khususnya kanak-kanak. Secara ringkas, ruang intrapersonal merujuk konsep diri kanak-kanak itu sama ada menilai dirinya sebagai seorang yang positif atau negatif. Manakala ruang interpersonal merujuk kepada hubungan sosial yang terbentuk hasil daripada interaksi sosial kanak-kanak dengan individu yang signifikan seperti ibu bapa, penjaga, rakan-rakan sebaya, jiran-jiran dan guru-guru. Halangan-halangan dalam ruang intrapersonal dan interpersonal dalam persekitaran kanak-kanak tersebut harus dialihkan dan digantikan dengan keperluan-keperluan yang dapat memenuhi kedua-dua aspek tersebut. Berkaitan aspek ini, keperluan utama yang perlu diberi perhatian serius

adalah meningkatkan kemahiran hidup yang komprehensif untuk kanak-kanak dan mengawal pengaruh media massa dan penggunaan peralatan teknologi daripada kanak-kanak serta menyediakan program kemahiran interpersonal ibu bapa atau penjaga serta kanak-kanak. Perkara ini perlu diberi perhatian serius dalam pembinaan model penjagaan dan pengawasan komuniti kerana kedua-duanya mempengaruhi kecerdasan intelektual (IQ) dan kecerdasan emosi (EQ) kanak-kanak tersebut. Program-program untuk kanak-kanak dan ibu bapa atau penjaga ini berkesan sekiranya dijalankan dalam persekitaran komuniti yang mesra dan membangun.

Walaupun tiada bukti empirikal kajian ini yang menyatakan Program Pengawasan Komuniti berjaya mengawasi atau menghalang Kanak-kanak Tidak Terkawal daripada terlibat dengan tingkah laku jenayah, Program Pengawasan Komuniti ini masih dilihat signifikan sebagai intervensi perlindungan atau pencegahan jenayah dan gejala sosial kerana berjaya mengurangkan kes curi motosikal dan juga kes-kes jenayah lain di kawasan tersebut (Rujuk Jadual 5.1) hasil daripada aktiviti rondaan sukarela yang dijalankan di PPA Desa Rejang.

Program Pengawasan Komuniti merupakan satu inisiatif pencegahan jenayah primer yang secara simboliknya memperlihatkan tanggungjawab dan keprihatinan setiap sektor sosial dalam sesebuah masyarakat di dalam menjaga kebajikan hidup kanak-kanak. Ini adalah konsisten dengan Cabaran ke tujuh Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat penyayang atau Dasar Masyarakat Penyayang (*Community Care Policy*) yang telah diimplementasi oleh kerajaan kita semenjak dari tahun 1994 lagi. Mengikut dasar ini, masyarakat penyayang dan budaya menyayangi boleh diwujudkan apabila sistem sosial yang mementingkan kebajikan masyarakat berbanding dengan kepentingan diri sendiri dapat diwujudkan. Dengan kata lain, kebajikan individu tidak berkisar



kepada orang perseorangan semata-mata tetapi di sekeliling sistem komuniti yang kukuh. Pelaksanaan sebuah Program Pengawasan Komuniti spesifik untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal menggambarkan keprihatinan dan komitmen semua anggota masyarakat dalam memikul tanggungjawab menjaga kanak-kanak, bukan diserahkan bulat-bulat atau bahu keluarga dan kerajaan.

Kajian ini mempunyai limitasi iaitu pertama tidak menyatakan jenis-jenis manfaat dan jenis-jenis penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti sosial seperti yang dinyatakan awal dalam limitasi kajian. Manakala hasil kajian melibatkan respon atau pandangan jujur kanak-kanak sahaja. Oleh demikian, komponen-komponen persekitaran lain seperti ibu bapa, jiran-jiran, pihak sekolah dan agensi-agensi pasukan penggerak (*stakeholders*) juga merupakan cabaran kepada kajian-kajian yang akan datang. Kerjasama dan sokongan serta rasa kepercayaan ahli-ahli komuniti dalam Program Pengawasan Komuniti menjamin kelangsungan program ini bertahan dalam tempoh yang panjang. Kajian ini juga dijalankan di perumahan awam atau rumah kos rendah yang sememangnya berhadapan dengan limitasi-limitasi dari segi kemudahan awam dan dana atau sumber kewangan dan hanya berharap daripada sokongan dan bantuan agensi-agensi sosial lain terutama DBKL sendiri dalam meneruskan pelaksanaan aktiviti atau program dalam Program Pengawasan Komuniti. Cabaran bagi pengkaji akan datang untuk mengkaji kejayaan Program Pengawasan Komuniti yang dilaksanakan di kawasan perumahan menengah dengan menerokai apakah bentuk kekuatan-kekuatan sumber yang ada dalam komuniti tersebut dan bagaimana sistem jaringan sokongan sosial yang dipunyai mereka dapat menguruskan model penjagaan dan pengawasan sosial komuniti yang berkesan. Selain itu, penjagaan dan pengawasan komuniti berasas komuniti yang berkesan turut bergantung kepada koordinasi dan keupayaan daya kepimpinan kumpulan penggerak (*stakeholders*) dalam mengurus

pelbagai perkhidmatan, bantuan dan sokongan kepada Kanak-Kanak Tidak Terkawal dan keluarga mereka. Berkait dengan cara ini, bagaimana kerajaan boleh membantu mewujudkan koordinasi daripada kumpulan penggerak tersebut dalam menawarkan perkhidmatan, bantuan dan sokongan tersebut spesifik untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal. Keupayaan daya kepimpinan kumpulan penggerak dalam menguruskan tanggungjawab secara efisien dan berkarisma juga merupakan cabaran kepada kajian akan datang.

Akhir sekali, pengkaji memetik sedikit mengenai pindaan Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta 1511) yang telah diwartakan pada 25 Julai 2016. Pindaan ini disifatkan lebih menyeluruh dengan merangkumi aspek perlindungan, pemeliharaan, pemulihan, perkembangan dan penyertaan (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2016). Terdapat empat kandungan utama dalam pindaan Akta Kanak-kanak ini yang diantaranya adalah mengenai Perintah Khidmat Masyarakat dan penjagaan berasaskan keluarga. Perintah Khidmat Masyarakat adalah sangat relevan dan penting memandangkan aspek hukuman bukanlah satu-satunya proses akhir untuk menghukum kanak-kanak atau ibu bapa. Perintah Khidmat Masyarakat ini memberi ruang baik pulih sikap, kaunseling, akhlak dan pendidikan keibu bapaan khususnya kepada ibu bapa yang didapati bersalah mengabaikan/ cuai dalam penjagaan anak-anak. Falsafah dan hikmah di sebalik perintah khidmat masyarakat ini sangat tinggi dan masyarakat mesti memberi sokongan dan dukungan dalam pelaksanaan perintah ini kerana ia melibatkan khidmat sosial dan peranan komuniti bagi melahirkan masyarakat yang prihatin dan komuniti yang mampu mendidik masyarakat. Manakala pindaan kedua menyentuh penjagaan berasas keluarga mengukuhkan kembali institusi keluarga dan memastikan fungsi, peranan dan tanggungjawab ahli keluarga terhadap satu sama lain khususnya yang melibatkan proses melindungi kanak-kanak.

Penghantaran kanak-kanak ke institusi JKMM adalah jalan terakhir kerana keutamaan akan diberikan kepada keluarga untuk terus melindungi anak-anak ini. Penjagaan berasaskan keluarga dilihat memberi ruang kepada kanak-kanak untuk terus membesar dalam institusi keluarga dan tidak dipinggirkan (Fadhlina, 2016).

Dalam hal ini, intervensi penjagaan dan pengawasan Kanak-kanak Tidak Terkawal atau berisiko berasas komuniti merupakan satu pencelahan berasas komuniti yang signifikan kerana keberadaan sumber-sumber sosial dalam komuniti tersebut yang menggabungkan sistem sokongan atau kawalan formal (seperti polis, sekolah, agensi kesihatan, dan agensi kebajikan sosial) dan sistem sokongan atau kawalan tidak formal (seperti keluarga, rakan sebaya, jiran, pertubuhan sosial sukarela atau pertubuhan berbentuk keagamaan) yang terdapat dalam komuniti kanak-kanak itu tinggal. Strategi Program Pengawasan Komuniti yang mengutamakan kerjasama semua sektor sosial dalam memainkan peranan masing-masing mampu membentuk perkongsian pintar jaringan sosial sokongan bersepadu untuk bertindak balas dengan keperluan dan masalah kanak-kanak dalam persekitaran yang sihat dan selamat. Program Pengawasan Komuniti adalah langkah pencegahan bersifat kondusif dalam bidang pengadilan jenayah kerana mampu menghalang Kanak-kanak Tidak Terkawal atau berisiko daripada terlibat dengan aktiviti jenayah. Kanak-kanak merupakan modal insan terpenting dalam sesebuah negara. Perancangan Program Pengawasan Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal harus direncanakan dengan lebih teliti dan berkesan. Ini merupakan cabaran paling utama negara pada masa hadapan.

## SENARAI RUJUKAN

- Abd. Hadi Zakaria. (2004). Ketiadaan reaksi masyarakat terhadap kelakuan antisosial. *Jurnal Pentadbiran Sosial Malaysia*, 3 (1), 71-82.
- Abd. Hadi Zakaria. (2009). Mengapa ada pesalah dikenakan hukuman penjara. *Jurnal Pentadbiran Sosial Malaysia*, 6, 87-102.
- Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah. (2010). Pengaruh media elektronik terhadap keruntuhan akhlak pelajar. *Jurnal Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia*, 1-9. Dimuat turun dari [http://eprints.utm.my/10835/1/Pengaruh\\_Media\\_Elektronik\\_Terhadap\\_Keruntuhan\\_Akhlak\\_Pelajar.pdf](http://eprints.utm.my/10835/1/Pengaruh_Media_Elektronik_Terhadap_Keruntuhan_Akhlak_Pelajar.pdf) pada 2 Oktober 2010.
- Abdul Aziz Abdul Majid & Nawli Abdullah. (2009). Kawalan sosial dan curi motosikal dalam kalangan remaja di Kuala Lumpur. *Jurnal Pentadbiran Sosial Malaysia*, 6, 55-66.
- Abdul Aziz Hussin, Wan Hazimah Wan Hariri & Nazri Zakaria. (2004). *Setinggalan: Isu pengurusan, undang-undang dan pembangunan harta benda*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2007). *Pembangunan negara, komuniti dan insan melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh. (2011). Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak sekolah menengah, *Jurnal Pendidikan*, 36 (1), 35-44. Dimuat turun dari [http://www.ukm.my/jurfpemd/jurnal%202012/JP36\(1\)%20Chap%204new.pdf](http://www.ukm.my/jurfpemd/jurnal%202012/JP36(1)%20Chap%204new.pdf) pada 13 Februari 2012.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2011). Media penyiaran: Implikasinya dalam pembentukan akhlak penuntut-penuntut Melayu di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *Jurnal AKADEMIKA*, 81(3): 3-8. Dimuat turun dari

<http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA81-3/jademik81-3Bab%201-lock.pdf> pada 14 Februari 2012.

Ahmad Nazri Jai. (2002). Pengaruh kediaman dalam kehidupan remaja. *Jurnal Pentadbiran Sosial Malaysia*, 1, 61-78.

Ahmad Syukri Mohd. Nain & Rosman Md Yusoff. (2003). *Konsep, teori, dimensi dan isu pembangunan*. Skudai Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

Ainur Zaireen Zainuddin & Jalaluddin Abdul Malik. (2010). Keberkesanan program bandar selamat dari persepsi penduduk. Kajian kes di Bandaraya Shah Alam. *Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia*, 53, 13-34. Dimuat turun dari [http://eprints.utm.my/1559/1/AinurZaireenZainudin2010\\_KeberkesananProgramBandarSelamatDari.pdf](http://eprints.utm.my/1559/1/AinurZaireenZainudin2010_KeberkesananProgramBandarSelamatDari.pdf) pada 5 Mei 2011.

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Petaling Jaya: International Law Book Services, 2007.

Akta Polis 1967 (Akta 344). Undang-undang Malaysia. (2011). Dimuat turun dari <http://www.agc.gov.my/Akta/Vol.%207/Akta%20344%20-%20Akta%20Polis%201967.pdf> pada 2 November 2009.

Alcock. P., Erskine. A. & May. M. (2002). *The Blackwell Dictionary of Social Policy*. Oxford: Blackwell Publishers.

Al Quran (terjemahan Bahasa Melayu). Dimuat turun dari <http://www.surah.my/> pada 8 Ogos 2014.

Anaby, D., Law, M. & Teplicky, R. (2013). *Children and youth participation in leisure activities. Does the environment make a difference?* Mc Master University: CanChild Centre for Childhood Disability Research. Dimuat turun dari [participation-environment.canchild.ca/en/resourcesGeneral/KeepingCurrent\\_Environment.pdf](http://participation-environment.canchild.ca/en/resourcesGeneral/KeepingCurrent_Environment.pdf) pada 3 Mac 2014.

Arifah Budhyati. (2012). Pengaruh internet terhadap kenakalan remaja. *Prosiding Seminar Nasional Aplikasi Sains dan Teknologi. Yogyakarta*. Dimuat turun dari [http://repository.akprind.ac.id/sites/files/conference-proceedings/2012/mz\\_15451.pdf](http://repository.akprind.ac.id/sites/files/conference-proceedings/2012/mz_15451.pdf) pada 12 Mei 2013.

Ariff Omar. (2008). *Pencegahan jenayah berkonsepkan "community-policing"*. Dimuat turun dari <http://arifomar.blogspot.my/2008/12/pencegahan-jenayah-berkonsepkan.html> pada 3 Januari 2010.

Asnarulkhadi Abu Samah. (2005). Pendayaupayaan komuniti melalui penglibatan: satu penilaian umum terhadap pembangunan komuniti di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, (2), 75-91.

Atkinson, D. (2001). *The common sense of community*. London. DEMOS.

Azhar Mad Aros. (2009). Militerisme Jepun: polisi dan pelaksanaannya di Tanah Melayu 1941-1945. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Azizi Yahaya & Halimah Ma'alip. (2010). *Estim sendiri remaja*. Skudai Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

Azizi Yahaya, Sharin Hashim, Yusof Boon, Jamaluddin Ramli & Nurul Ezzati Azizi. (2012). *Penyelewengan tingkah laku remaja: punca dan rawatan*. Skudai Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

Barnes, J., Katz, I. B., Korbin, J. E. & O'Brien, M. (2006). *Children and families in communities: Theory, research, policy and practice*. United States of America: John Wiley & Sons Inc.

Bell, C. & Newby, H. (1971). *Community Studies*, London: Unwin.

- Bernama. (2010). *Kementerian sasar turunkan kadar banduan berulang kali masuk penjara*. Dimuat turun dari [http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news\\_lite.php?id=505558](http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=505558) pada 5 Mac 2011).
- Bronfenbrenner, U., (1994). *Ecological models of human development*. Dimuat turun dari <http://www.psy.cmu.edu/~sieglar/35bronfenbrenner94.pdf> pada 15 April 2010.
- Backburn, R. (1993). *The psychology of criminal conduct: theory, research, and practice*. Chichester, England: John Wiley and Sons.
- Bartol, C. R. (2001). Introduction to the special issues, psychopathy and risk assesment. *Journal of Criminal Justice and Behaviour*, 28 (4), 3-26.
- Bornat, J. (1997). "Representations of community". In Bornat, J., Johnson, J., Pereira, C., Pilgrim, D. & Williams, F. (1997). *Community care*. Houndmills: MacMillan. 22-34.
- Boyce, J., Cotter, A. & Perreault, S. (2014). Police-reported crime statistic in Canada 2013. Canadian Centre for Justice. Dimuat turun dari <http://www.statcan.gc.ca/pub/85-002-x/2014001/article/14040-eng.pdf> pada 6 Mac 2015.
- Brangtingham, P. J. & Faust, F. L. (Eds.). (1981). *Enviromental criminology*. Beverly Hills, CA: Sage,
- Brangtingham, P. J. & Faust, F. L. (1975). "A conceptual model of crime prevention" *Journal of Crime and Delinquency*, 22, 284-296.
- Bright, J. A. (1969). *The beat patrol experiment*. London: Home Office Police Research and Development Branch.
- Buku Tahunan Perangkaan Malaysia. (2011). Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.
- Chan, S. G. & Rodziah Mohamad Noor. (2012). Kecerdasan emosi dan perhubungannya dengan perilaku dan prestasi akademik pelajar sekolah menengah di Bachok, Kelantan. *Jurnal AKADEMIKA*, 82(2), 109-118. Dimuat turun dari [http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA82-2/Akademika%2082\(2\)Chap%2011-locked.pdf](http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA82-2/Akademika%2082(2)Chap%2011-locked.pdf) di 25 Jun 2014.

- Chang, S-J., & Liu, Y-L. (2001). An investigation into book finding strategies and its influential factors in the context of reading for pleasure: A case study of the virtual community of the online forum on reading at National Taiwan University. *Journal of Information, Communication, and Library Science*, 8(2), 23–37.
- Chriss, J. J. (2013). *Social control an introduction* (2<sup>nd</sup> ed). United Kingdom and United States of America: Polity Press.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Kaedah dan statistik penyelidikan buku 1*. Kuala Lumpur: McGrawHill Education.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Kaedah dan statistik penyelidikan buku 2*. Kuala Lumpur: McGrawHill Education.
- Chua, Y. P. (2009). *Statistik penyelidikan lanjutan: ujian regresi, analisis faktor dan analisis sem buku 5*. Kuala Lumpur: McGrawHill Education.
- Chong, S. F. (1985). Yap Ah Loy sebagai kapitan cina Kuala Lumpur. *Jurnal Jabatan Sejarah*, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 13, 93-117. Dimuat turun dari <http://pkukmweb.ukm.my/jebat/images/upload/Chong Soon Fook.pdf> pada 23 Julai 2012.
- Clinard, M. B. & Meier, R. F. (1992). *Sociology of deviant behavior*. Forth Worth: Harcourt Brace Jovanovich: College Publishers.
- Cohen, L., Chavez. V. & Chehimi, S. (2007). *Prevention is primary strategies for community well-being*. United States of America: Prevention Institute.
- Community Policing “Toward A Safer Community” (The Official Website). (2011). Utusan daripada ketua polis negara. Dimuat turun dari <http://www.cops.org.my/BM/cpo.php> pada 3 April 2012.
- Cozens, P. M., Hillier, D., & Prescott, G. (2001). Crime and the design of residential property: Exploring the perceptions of planning professionals, burglars and other users. *Property Management*, 19(4), 222-248.
- Crawford, D. & Godbey, G. (1987). Reconceptualizing barriers to family recreation. *Leisure Sciences: An Interdisciplinary Journal*, 9 (3), 119-127.



- Dale, O., Smith, R., Norlin, J. M. & Chess, W. A. (2009). *Human behavior and the social environment: Social systems theory* (6<sup>th</sup> ed). United States of America: Pearson Education.
- Demir, A. & Tarhan, N. (2001). Loneliness and social dissatisfaction in Turkish adolescents. *Journal Psychological*, 135(1), 113-123.
- Department of Justice United States (2012). *Community policing defined*. Dimuat turun dari <http://www.cops.usdoj.gov/pdf/vets-to-cops/e030917193-cp-defined.pdf> pada 16 April (2013).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. Definisi "*policing*". Dimuat turun dari <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=policing> pada 2 Mei 2010.
- Diamantopoulou, S., Rydell, A., Henricsson, L. (2008). Can both low and high self-esteem be related to aggression in children? *Social Development*, 17 (3): 682-698.
- Donnellan, M. B., Trzesniewski K.H., Robins R.W., Moffitt, E.T & Caspi, A. (2005). "Low self-esteem is related to aggression, antisocial behavior, and delinquency". *American psychology society*, 16 (4), 328-335.
- Effat. (2001). *Two Approaches to Organizational Analysis*. Beacon Press: Rosten.
- Eklblom, P. (2011). *Crime prevention, security and community safety using the 5is framework*. New York: Palgrave Macmillan.
- Engkizar Siq. (2011). Konsep pengajaran dan pembelajaran membaca al-Quran dalam pendidikan Islam. Dimuat turun dari <https://engkizarquran.wordpress.com/2011/11/05/konsep-pengajaran-dan-pembelajaran-membaca-al-quran-dalam-pendidikan-islam/> pada 28 Mei 2013.
- Erickson. (1963). In Mohd Fadzil Che Din & Ahmad Rashid. (2006). Menangani gejala sosial melalui pendekatan psiko-sosial dan model alternatif. *Prosiding Seminar Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM* (pp. 166-176). Hotel Renaissance Kuala Lumpur.
- Etzioni, A. (2001). "The Third Way is a triumph". *Community involvement, market and government cooperation*". *New Statesman*, 130, 454: 25 (4)

Ezhar Tamam, Jusang Bolong, Mohamad Rezal Hamzah & Zamree Yaakob. (2007). Masalah sosial dan kesedaran sivik generasi muda daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar. *Laporan penyelidikan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia*. Dimuat turun dari <http://www.ippbm.gov.my/jdownloads/Penyelidikan/masalah-sosial-dan-kesedaran-sivik-di-kalangan-generasi-muda-drp-d-keluarga-miskin-di-bandar.pdf> pada 17 Mei 2010.

Facebook Community Policing Desa Rejang. Dimuat turun dari <https://www.facebook.com/groups/cpolicing.dr/?fref=ts> pada 5 Mac 2011.

Facebook KRT Desa Rejang. Dimuat turun dari <https://www.facebook.com/krt.desa.rejang?fref=ts> pada 5 Mac 2011.

Fadhlina Sidek. (2016). Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta 1511). Dimuat turun dari <https://www.facebook.com/fadhlinasidek.sidek/posts/10209973374986629> pada 27 Julai 2016.

Fatimah Abdullah & Noraziah Ali. (2004). "Penunjuk Kesejahteraan Isi Rumah dan Keluarga" in A. Latif, J. J. Pereira, Hezri Adnan & A. A. Aldrie (ed). *Indicators of sustainable development: Assessing challenges in environmental conditions*, Bangi: Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, 149-157.

Fareeda Shaheen & Musaddiq Jahan. (2014). Role of self-esteem in development of aggressive behavior among adolescent. *International Journal of Education and Psychological Research*, 3(4), 54-57.

Ferguson, R. F. & Dickens, W. T. (1999). *Urban problems and community development*. (eds). Massachusetts Avenue, New York: The Brooking Institution.

Forrest, R. (2001). Social cohesion, social capital and the neighborhood. *Urban Studies*, 38, (12), 2125–2143.

Francis, L.J. (1997). The socio-psychological profile of the teenage television addict. *Muslim Education Quarterly*, 15(1),6-19.

- Frankfort-Nachmias, & Nachmias. (1992). In Cohen, L, Manion, L. & Morrison, K. (2011). *Research methods in education*. United States & Canada: Routledge. Dimuat turun dari <http://knowledgeportal.pakteachers.org> pada 3 Oktober 2012.
- Gay, L. R. & Airasian, P. (2003). *Educational research competencies for analysis and applications* (7<sup>th</sup> ed). Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Gilling, D. (1997). *Crime prevention theory, policy and politics*. London and New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Gleave, J. (2009). *Children's time to play: A literature review*. Dimuat turun dari [www.playday.org.uk/media/2640/children%E2%80%99s\\_time\\_to\\_play\\_a\\_literature\\_review.pdf](http://www.playday.org.uk/media/2640/children%E2%80%99s_time_to_play_a_literature_review.pdf) pada 13 Jun 2014.
- Gough, A.R.C. (1977). Beyond-control youth in the juvenile court-the climate for change. In Tettelbaum, L. E (ed). *Beyond control: status offenders in the juvenile court*. Ballinger. Cambridge, Massachusetts, 271-296.
- Grace, R., Bowes, J., Trudgett, M., McFarlane, A., & Honig, T., (2010). *Barriers to participation the experience of disadvantaged young children, their families and professionals in engaging with early childhood services*. New South Wales: Department of Human Services. Dimuat turun dari [file:///C:/Users/zaiton/Downloads/barriers\\_to\\_participation%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/zaiton/Downloads/barriers_to_participation%20(1).pdf) pada 18 Jun 2014.
- Green, G. P. & Haines, A. (2012). *Asset building and community development* (3<sup>rd</sup> ed). United States of America: Sage Publication, Inc.
- Hagan, F. E. (2010). *Introduction to criminology: theories, methods and criminal behavior*. United States: Sage Publications.
- Halal Ismail & Muzium Polis Diraja Malaysia. (2004). (Contributors). *Sejarah bergambar institusi polis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Polis Malaysia.
- Haliza Abdul Rahman. (2010). Penglibatan masyarakat peribumi dalam isu berkaitan persekitaran: Tinjauan terhadap suku Mah Meri di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. *KEMANUSIAAN*, 17 (2010), 111–134. Dimuat turun dari [http://web.usm.my/kajh/KAJH%2017/KAJH%20Art%206%20\(111-134\).pdf](http://web.usm.my/kajh/KAJH%2017/KAJH%20Art%206%20(111-134).pdf) pada 19 Jun 2014.
- Harian Metro. (2011, 11 Mei). *Trend baru pecah rumah*. Dimuat turun dari [www.hmetro.com.my/articles/.../Article](http://www.hmetro.com.my/articles/.../Article) pada 17 Mei 2014.

- Haris Abd. Wahab, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Zaiton Azman & Ezarina Zakaria. (2013). Reaksi masyarakat dan tindak balas individu yang mengalami masalah kecelaruan identiti jantina. *Jurnal SARJANA*, 28(2), 99-112.
- Haris Abd. Wahab & Abd. Hadi Zakaria. (2012). Penilaian keperluan dalam pembangunan komuniti. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haris Abd. Wahab. (2009). *Penilaian keperluan dalam pembangunan komuniti: kajian kes di negeri Kelantan*. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Haris Abd. Wahab. (2007). *Penglibatan masyarakat tani dalam pembangunan komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hamdan Abdul Kadir & Abd Rahim Mohd Mustiman. (2010). *Tingkah laku asertif dalam kalangan pelajar tingkatan lima aliran sains dan sastera*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. Dimuat turun dari [http://eprints.utm.my/10839/1/Tingkah\\_Laku\\_Asertif\\_Dalam\\_Kalangan\\_Pelajar\\_Tingkatan\\_Lima\\_Aliran\\_Sains\\_Dan\\_Sastera\\_Di\\_Sekolah\\_Menengah\\_Kebangsaan\\_Dato\\_Bentara\\_Dalam.pdf](http://eprints.utm.my/10839/1/Tingkah_Laku_Asertif_Dalam_Kalangan_Pelajar_Tingkatan_Lima_Aliran_Sains_Dan_Sastera_Di_Sekolah_Menengah_Kebangsaan_Dato_Bentara_Dalam.pdf) pada 19 Mei 2014.
- Hirschi, T. (1969). *Causes of delinquency*. Berkeley: University of California Press.
- Ho, H. L. (2003). Keadaan sosial di Tanah Melayu, 1948-1960. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Hoge, R.D. (2001). *The juvenile offender: Theory, research and applications*. Norwell, Massachusetts: Kluwer Academic Publishers.
- Hood, R. & Sparks, R. (1970). Key issues in criminology. London: Weidenfeld and Nicolson.
- Hudson, B. (2003). *Understanding justice: An introduction to ideas, perspectives and controversies in modern penal theory*. Buckingham: Open University Press.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, (2012).
- Ishak Mad Shah. (2007). Perbandingan konsep sendiri staf di bawah kepimpinan wanita. *Jurnal Teknologi*, (46), 73-84.

- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). (2010). *Kemasukan Kanak-kanak Tidak Terkawal ke institusi JKMM*. Dimuat turun dari [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=kemasukan\\_kanak-kanak\\_tidak\\_terkawal\\_ke\\_institusi\\_jkmm&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=kemasukan_kanak-kanak_tidak_terkawal_ke_institusi_jkmm&lang=bm) pada 17 Mac 2011.
- JKMM. (2010a). *Program pemulihan dalam komuniti*. Dimuat turun dari [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=program\\_pemulihan\\_dalam\\_komuniti\\_pdk&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=program_pemulihan_dalam_komuniti_pdk&lang=bm) pada 17 Mac 2011.
- JKMM. (2012). *Perkhidmatan perintah khidmat masyarakat*. Dimuat turun dari [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=perkhidmatan\\_perintah\\_khidmat\\_masyarakat&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=perkhidmatan_perintah_khidmat_masyarakat&lang=bm) pada 28 April 2013.
- JKMM. (2014). *Pengurusan aset dan stor: Penyediaan laporan jawatankuasa pengurusan kewangan dan akaun dan jawatan kuasa pengurusan aset alih kerajaan: Sekolah Tunas Bakti (Perempuan) Marang Terengganu*. Dimuat turun dari [http://www.jkm.gov.my/file/file/BankInovasi/2013/Anugerah%20Inovasi%20Pengurusan%20Kewangan/STB\\_Marang-Terengganu.pdf](http://www.jkm.gov.my/file/file/BankInovasi/2013/Anugerah%20Inovasi%20Pengurusan%20Kewangan/STB_Marang-Terengganu.pdf) pada 12 November 2014.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenjung Malaysia. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2013). *Reka bentuk bandar selamat: Panduan perlaksanaan*. Dimuat turun dari [http://www.mpn.gov.my/c/document\\_library/get\\_file?uuid=64cb8288-f846-4fc4-8c54-93ad2d1d9613&groupId=82677](http://www.mpn.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=64cb8288-f846-4fc4-8c54-93ad2d1d9613&groupId=82677) pada 20 Mei 2014.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2013). *Terikut budaya barat terhakis kejiranan*. Dimuat turun dari <http://www.pmr.penerangan.gov.my/.../15441-terikut-budaya-bar> pada 24 Mei 2014.
- Jabatan Perdana Menteri (PMO). (2011). *Program transformasi kerajaan pelan hala tuju-ringkasan eksekutif*. Dimuat turun dari <http://www.pmo.gov.my/GTP/documents/Pelan%20Hala%20Tuju%20GTP%20-%20Ringkasan%20Eksekutif/Pelan%20Hala%20Tuju%20GTP%20-%20Ringkasan%20Eksekutif.pdf> pada 28 Januari 2012.
- Jabatan Perdana Menteri (PMO). (2011a). *Bab enam: Mengurangkan jenayah. Pelan hala tuju program transformasi kerajaan. Program transformasi kerajaan pelan hala tuju-ringkasan eksekutif*. Dimuat turun dari [http://www.pmo.gov.my/GTP/documents/Pelan%20Hala%20Tuju%20GTP/Pelan%20Hala%20Tuju%20GTP\\_Bab06.pdf](http://www.pmo.gov.my/GTP/documents/Pelan%20Hala%20Tuju%20GTP/Pelan%20Hala%20Tuju%20GTP_Bab06.pdf) pada 30 Januari 2012.

- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Jabatan Perdana Menteri). (2011). *Rukun Tetangga*. Dimuat turun dari [http://www.jpnin.gov.my/latar\\_rt](http://www.jpnin.gov.my/latar_rt) pada 30 Mac 2013.
- Jacobs, J. (1961). *Death and life of great American cities*. New York, NY: Vintage Books
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2010). *Jenayah penderaan kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2000). *Psikologi kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2008). *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Arah Publication.
- Jeffery, C. R. (1971). *Crime prevention through environmental design*. Beverly Hills: Sage Publications.
- Jessor, R. (Ed). (1998). *New perspectives on adolescent risk behaviour*. United States of America: Cambridge University Press.
- Kadish, T. E., Glaser, B A., Calhoun, G. B., Ginter, E. J. (2001). "Identifying the developmental strength of juveniles offenders: Assessing four life-skills dimensions." *Journal of Addictions and Offender Counselling*, 21(2), 85-96.
- Kassim Ahmad & Noriah Mohamed. (1997). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katiman Rostam. (2006). *Migrasi ke kawasan pinggiran wilayah metropolitan Lembah Klang*. *Akademika*, 68, 3-27. Dimuat turun dari [http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA68/akademi\\_ka68\[01\].pdf](http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA68/akademi_ka68[01].pdf) pada 25 Julai 2011.
- Kementerian Belia dan Sukan. (2014). *Rakan Muda*. Dimuat turun dari <http://www.kbs.gov.my/my/web-personalization-fix/80-pembangunan-rakan-muda.html> pada 14 Jun 2015.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2013). *Keperluan kesihatan mental kanak-kanak*. Dimuat turun dari <http://www.myhealth.gov.my/index.php/kesihatan->

mental/kesihatan-mental-kanak-kanak/keperluan-kesihatan-mental-kanak-kanak pada 15 Mac 2015.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Surat pekeliling pelaksanaan Sekolah Selamat*. Dimuat turun dari <http://www.moe.gov.my/v/pekeliling-ikhtisas-view?id=713&page=1&keyword=&year=2002&subcat=5> pada 3 Jun 2011.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2016). *Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 (A1511) diwartakan pada 25 Julai 2016*. Dimuat turun dari <https://www.facebook.com/kpwkm/photos/a.427272221789.212150.120357611789/10153605293156790/?type=3&theater> pada 25 Julai 2016.

Kemshall, H. & Wilkinson, B. (Eds). (2011). *Good practice in assessing risk current knowledge, issues and approaches*. Philadelphia USA: Jessica Kingsley Publishers.

Klien, C.R. (1998). *Between community and class: The black experience in early twentieth century*. Davenport: Iowa.

Komro, K. A. & Toomey, T. (2002). Strategies to prevent underage drinking. University of Minnesota. Dimuat turun dari <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/12154652> pada 5 April 2012.

Kwok, C. H. (2014). *Penglibatan masyarakat Iban dalam program kemiskinan: Kajian kes di Daerah Song, Sarawak*. Tesis Sarjana, Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Koa. (2005). In Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A skill building approach* (2nd ed). United States of America: John Wiley & Sons, Inc.

Kurniawati Kamarudin. (2012, 5 Mei). *Budaya setinggalan di kejiranan rumah pangsa*. Dimuat turun dari [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0522&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0522&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm) pada 12 Mac 2013.

Lab, S. P. (2007). *Crime prevention approaches, practices and evaluations* (6<sup>th</sup> ed) United States of America: Anderson Publishing.

Lancaster Juvenile Division. (2011) Dimuat turun dari <http://www.lancaster.ne.gov/attorney/juvenile.htm> pada 11 Jun 2012.

- Lawrence, S. & McCarthy, B. (2013). What works in community policing? The Chief Justice Earl Warren Institute On Law and Social Policy. Dimuat turun dari [https://www.law.berkeley.edu/files/What\\_Works\\_in\\_Community\\_Policing.pdf](https://www.law.berkeley.edu/files/What_Works_in_Community_Policing.pdf) pada 14 Januari 2014.
- Levasseur, M., Richard, L., Gauvin, L., & Raymond, E. (2010). Inventory and analysis of definitions of social participation found in the aging literature: Proposed taxonomy of social activities. *Social Science and Medicine*. 71:2141-2149.
- Lofland, J. (1969). *Deviance and identity*. Englewood Cliffs: Prentice Hill.
- Mashitah Sulaiman, Mohd Azmir Mohd Nizah, & Mohammad Aizuddin Abdul Aziz. (2009). Memupuk kesedaran tanggungjawab sosial melalui penglibatan dalam aktiviti kejiwaan dari kaca mata Islam. *Seminar Kebangsaan kemahiran Insaniah dan Kerja Sosial, Melaka*. Dimuat turun dari [https://www.academia.edu/4631424/MEMUPUK\\_KESEDARAN\\_TANGGUNG\\_JAWAB\\_SOSIAL\\_MELALUI\\_PENGLIBATAN\\_DALAM\\_AKTIVITI\\_KEJIWANAN\\_DARI\\_KACA\\_MATA\\_ISLAM](https://www.academia.edu/4631424/MEMUPUK_KESEDARAN_TANGGUNG_JAWAB_SOSIAL_MELALUI_PENGLIBATAN_DALAM_AKTIVITI_KEJIWANAN_DARI_KACA_MATA_ISLAM) pada 23 Jun 2014.
- Matthews, R. (2009). Prisons. In Hale, C., Hayward, K., Wahidin, A. & Wincup, E. (2009). *Criminology* (2<sup>nd</sup> ed), 513-530. United Kingdom: Oxford University Press.
- McWhirter, J. J., McWhirter, B. T., McWhirter, A. M. & McWhirter, E. H. (2013). *At-risk youth: A comprehensive response for counselors, teachers, psychologist, and human services professionals* (5<sup>th</sup> ed). Pacific Grove: Brooks/ Cole Publishing Company.
- McLaughlin, E. & Munchie, J. (Eds). (2001). *The sage dictionary of criminology*. Sage Publication. London.
- McMohan, F. B. & McMohan, J. W. (1983). *Abnormal behavior. Psychology's view*. Homewood, Illinois: The Dorsey Press.
- Md Lias, S.F., Tawil, N.M., Usman, I.M., & Tahir, M. M. (2012). Lorong belakang: kajian awalan keberkesanan hubungan sosial-ruang di perumahan teres, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. *Journal Design + Built*, 5. Dimuat turun dari [file:///C:/Users/zaiton/Downloads/44-66-1-SM%20\(3\).pdf](file:///C:/Users/zaiton/Downloads/44-66-1-SM%20(3).pdf) pada 13 Julai 2014.
- Merton, R. K. (1957). *Social theory and social structure*. Glencoe: The Free Press.



- Merton, R. K. (1971). "Social problems and Sociological theory." In Merton, R. & Nisbet, R. (eds). (3<sup>rd</sup> ed). New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Miller, L. S. & Hess, K. M. (2008). *Community policing partnerships for problem solving* (5<sup>th</sup> ed). United States of America: Thomson Wadsworth.
- Mohamad Mohsin Bin Mohamad Said & Nasruddin Yunus. (2008). Halangan-halangan kepada usaha memupuk kreativiti di kalangan pelajar. *Prosiding SKIKS*, 89-149. Dimuat turun dari [http://eprints.uthm.edu.my/131/1/mohamad\\_mohsin.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/131/1/mohamad_mohsin.pdf) pada 29 Ogos 2014.
- Mohd. Al-Adib Samuri. (2012). Community services order for juvenile offenders: Theoretical and legal framework. *Research Journal of Applied Sciences*, 7 (2): 126-131. Dimuat turun dari <http://docsdrive.com/pdfs/medwelljournals/rjasci/2012/126-131.pdf> pada 16 Julai 2014.
- Mohd Fadzil Che Din & Ahmad Rashid (2006). Menangani gejala sosial melalui pendekatan psiko-sosial dan model alternatif. *Prosiding Seminar Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM*, (167-177). Hotel Renaissance Kuala Lumpur.
- Mohd Fareed & Mohd Yusof Hussain. (2013). Keberkesanan program Bandar Selamat: persepsi komuniti di Bandar Kulaijaya, Malaysia. *Journal AKADEMIKA*, 83(1), 25-34. Dimuat turun dari <http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/4424/2417> pada 5 Januari 2015.
- Mohd Hilmi Mahmud & Kamaliah Siarap. (2013). Kempen pencegahan H1N1: Kajian tentang pengetahuan, sikap dan amalan penduduk di Timur Laut Pulau Pinang. *Malaysia Journal of Communication*. Dimuat turun dari [http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf\\_files/2013/V29\\_1\\_127-140.pdf](http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2013/V29_1_127-140.pdf) pada 17 Ogos 2014.
- Mohd Jaflus Bahari. (2008). Faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan di kalangan Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban. *Jabatan Pendidikan dan Kesihatan. Maktab Perguruan Islam. Bangi: Selangor*. Dimuat turun dari <http://www.ipislam.edu.my/index.php/research/read/18/faktor-faktor-yang-menghalang-penglibatan-pelajar-dalam-kegiatan-kokurikulum-sukan-di-kalangan-pelajar-sekolah-menengah-kebangsaan-daerah-seremban> pada 15 Mac 2011.
- Mohd Razali Agus. (2001). *Perumahan awam di Malaysia: Dasar dan amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn.Bhd.

- Mohd Razali Agus (2005). *Persetingganan di Malaysia: Penduduk dan penempatan semula*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Taib Dora & Mohd Razali Agus. (1998). In Mohd Razali Agus. (2005). *Persetingganan di Malaysia: Penduduk dan penempatan semula*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Reduan Aslie & Mohd Radzuan Ibrahim. (1984). *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, peranan, dan cabaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Karangraf.
- Mohd Zamir Bahall. (2015). Hidup berjiran membawa bahagia. *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. Dimuat turun dari <https://m.islam.gov.my/artikel-umum?page=2> pada 12 Mei 2015.
- Moore, Carter, Nietert & Stewart. (2011). Recommendations for planning pilot studies in clinical and translational research. Dimuat turun dari <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3203750/> pada 25 Mei 2016.
- Morash, M. & Ford, J. K. (2002). *The move to community policing. Making change happen*. Thousands Oaks, London: Sage Publication.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1992). *The Malay sultanate of Malacca: A study of various aspects of Malacca in the 15th and 16th centuries in Malaysian history*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazirah Nasir. (2012). Pengaruh penggunaan laman jaringan sosial terhadap komunikasi intrapersonal dan interpersonal remaja luar bandar. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*. (22): 15-32.
- Newman, O. (1973). *Defensible space: people and design in the violent city*. London, UK: Architectural Press.
- Nissa Adilla. (2009). Pengaruh kontrol sosial terhadap perilaku *bullying* pelajar di sekolah menengah pertama. *Jurnal Kriminologi Indonesia*, 5(1), 56-66. Dimuat turun dari <http://download.portalgaruda.org/article.php?article=18757&val=1192> pada 25 Julai 2014.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGrawHill Education.

- Normila Illias. (2012). *Peraturan kelayakan dalam bantuan sosial awam: Kajian kes ke atas skim Bantuan Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Tesis Sarjana, Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Nor Eeda, A. (2006). *Pembangunan komuniti dalam pelaksanaan konsep bandar selamat*. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Noorliana Safian, Nurul Hanis Mohd Sabri, Shawal Sahid Hussain, Nurul Akma Kamarudin & Siti Melinda Haris. (2012). Bandar Selamat: Satu kajian literatur. *Proceedings of International Conference on Public Policy and Social Science*, UiTM Melaka Malaysia, November 2012 ISBN 978-983-44499-2-6. Dimuat turun dari <http://versys.uitm.edu.my/prisma/view/viewPdf.php?pid=20314> pada 3 Julai 2014.
- Nur Hanis Mohd Hatta. (2012). Keberkesanan penggunaan kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran asuhan tilawah al-Quran tahun 4. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL (27 & 28 September 2012), 34-44. Dimuat turun dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/PA/4.%20NUR%20HANIS%20MOHD%20HATTA.pdf> pada 5 Jun 2014.
- Oliver, W. M. (1998). *Community oriented policing: A systematic approach to policing*. Upper Saddle River, NJ: Prentice-Hall.
- Parnaby, P. (2007). Crime prevention through environmental design: financial hardship, the dynamics of power, and the prospects of governance. *Crime Law Soc Change*, 48, 73-85.
- Pathmanathan R. N. & Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2013). *Hak kanak-kanak dalam jagaan institusi awam*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Polis Diraja Malaysia (PDRM). (2011). *Sistem Salleh*. Dimuat turun dari <http://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/sistem-salleh> pada 8 Ogos 2013.
- PDRM. (2012). Hala tuju dan tekad integriti PDRM. Dimuat turun dari <http://www.rmp.gov.my/news-detail/2014/06/10/hala-tuju-dan-tekad-integriti-pdrm> pada 10 Jun 2014.
- PDRM. (2013). 10 sekolah angkat polis Kuala Lumpur. Dimuat turun dari <http://www.rmp.gov.my/news-detail/2014/06/11/10-sekolah-angkat-polis-kuala-lumpur> pada 11 Jun 2014.

- Pranis, K. (2000). "Conferencing and the community". In Burford, G & Hudson, J. *Family Group Conferencing* (pp 40-49). New York: Aldine de Gruyter.
- Pereira, C. (1997). "Anthology; the breadth of community". In Bornat, J., Johnson, J., Pereira, C., Pilgrim, D. & Williams, F. (1997). *Community care: A reader* (pp. 5-22). Houndmills: MacMillan Press.
- Rakan COP. (2011). Facebook Rakan COP. Dimuat turun dari <https://www.facebook.com/RakanCOP> pada 3 Julai 2012.
- Rokiah Abu Bakar. (2013). *Strategi pemasaran sosial kempen anti-merokok dari perspektif kanak-kanak berisiko: Kajian kes di Terengganu dan Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana, Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Restorative Justice Online. (2011). Dimuat turun dari [www.rjonline.org](http://www.rjonline.org) pada 3 Mei 2012.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. (2nd ed). Batu Caves, Selangor: Edu system.
- Samson, R. J. & Graif, C. (2009). *Neighborhood social capital as differential social organization resident and leadership dimensions*. Harvard University, Cambridge, Massachusetts.
- Search Institute. (2014). *Discovering what kids needs to succeed*. Dimuat turun dari <http://www.search-institute.org/> pada 8 Mei 2014.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A skill building approach* (2nd ed). United States of America: John Wiley & Sons, Inc.
- Sekolah Tunas Bakti (STB) Sungai Besi Kuala Lumpur. (2011). Pengenalan STB Sungai Besi Kuala Lumpur. (Pembentangan *PowerPoint*).
- Shamsiah Mohd Amin, Sharulbanun A. Ghani & Azaiah Ab. Latib. (2005). Konsep dan pelaksanaan Sekolah Selamat. *Seminar Pendidikan: Universiti Teknologi Mara*.
- Shellabear, W. G. (1975). *Sejarah melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti:

- Sidek Mohd Noh. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siegel, L. J. (2009). *Criminology* (2<sup>nd</sup> ed.). Canada: Thomson Wadsworth.
- Siegel, L. & Senna, J. (2000). *Juvenile delinquency. Theory, practice and law*. Australia: Wadsworth.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar, Abd. Hadi Zakaria & Haris Abd. Wahab. (2012). Intervensi sosial untuk komuniti tersisih ke arah pembangunan ummah. *Jurnal Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 4(2), 29-44.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2011). *Kebajikan sosial: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah & Abd. Hadi Zakaria. (2009). *Perlindungan kanak-kanak berisiko*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2007). *Strategi kebajikan dan dasar sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2006). *Kebajikan sosial: Aplikasi dalam perkhidmatan manusia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2006). *Program penjagaan sosial untuk kanak-kanak berisiko: kajian kes di Negeri Johor*. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2002). *Pengantar dasar sosial Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sinar Harian. (2014, 9 April). *Kes Jenayah di Pulau Pinang Meningkatkan 231 peratus*. Dimuat turun dari <http://www.sinarharian.com.my/semasa/kes-jenayah-juvana-di-p-pinang-meningkat-231-1.268415> pada 10 April 2014.
- Sinar Harian. (2012, 22 Mei). *Budaya Setinggalan di Kejiranan Rumah Pangsa*. Dimuat turun dari [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0522&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0522&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm) pada 23 September 2014.

- Siti Rasidah Md Sakip & Aldrin Abdullah. (2008). Jenayah dan persekitaran: Hubungan dan perkaitannya. Seminar Penyelidikan Alam Bina. FSPU UiTM (Perak). Dimuat turun dari [https://www.academia.edu/7105575/Jenayah\\_dan\\_Persekitan\\_Hubungan\\_dan\\_Perkaitannya](https://www.academia.edu/7105575/Jenayah_dan_Persekitan_Hubungan_dan_Perkaitannya) pada 20 Jun 2014.
- Skogan, W. G. & Steiner, L. (2004). Community policing in Chicago, year ten. Chicago: Illinois Criminal Justice. Information Authority. Dimuat turun dari <http://www.skogan.org/ChicagoCAPS.html> pada 23 Mac 2011.
- Skogan, W. G. (1994). Community participation and community policing. Workshop on Evaluating Police Service Delivery. University of Montreal and Solicitor general Canada.
- Snook, B., Dhimi, M. K., & Kavanagh, J. (2011). Simply criminal: Predicting burglar's occupancy decisions with a simple heuristic. *Law and Human Behavior*, 35, 316-326. Dimuat turun dari [http://epubs.surrey.ac.uk/577007/1/Simply%20Criminal\\_Final-2.pdf](http://epubs.surrey.ac.uk/577007/1/Simply%20Criminal_Final-2.pdf) pada 12 Mei 2013.
- Sletten, M. A. (2010). 'Social costs of poverty; leisure time socializing and the subjective experience of social isolation among 13-16-year-old Norwegians'. *Journal of Youth Studies*, 13 (3), 291-315.
- Sutherland. E. H., Cressey, D. R., Luchkenbill, D.F. (1992). *Principles of Criminology*. New York: General Hall
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Nong, S.N. A & Mohd Yusoff, J.Z. (2015). The Legal Concept of Children Beyond Control: A Global Persepctive. *Pertanika J. Soc. Sci. &Hum.* 23(S):63-74. Dimuat turun dari [http://journals-jd.upm.edu.my/Pertanika%20PAPERS/JSSH%20Vol.%2023%20\(S\)%20Nov.%202015/06%20JSSH%20Vol%2023%20\(S\)%20Nov%202015\\_pg63-74.pdf](http://journals-jd.upm.edu.my/Pertanika%20PAPERS/JSSH%20Vol.%2023%20(S)%20Nov.%202015/06%20JSSH%20Vol%2023%20(S)%20Nov%202015_pg63-74.pdf) pada 2 Julai 2016.
- Teijlingen, E. R. V. & Hundley, V. (2001). The importance of pilot studies. Dimuat turun dari <http://sru.soc.surrey.ac.uk/SRU35.html> pada 25 Mei 2016.
- The Village: Prevention, Community Support and Early Intervention. (2014). *What we do*. Dimuat turun dari <http://thevillage.org/programs/prevention-community-support-early-intervention/> pada 4 Disember 2014.

- Thomas, M. & Pierson, J. (2006). *Collins Internet-Linked Dictionary of-Social work*. United Kingdom: HarperCollins Publishers.
- Ting, C. P. (1993). *Konsep asas sosiologi*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tonnies, F. (1988). *Community and society (gemeinschaft and gesellschaft)*. United Kingdom: Transaction Publishers.
- Turner, D.W. (2010). Qualitative interview design: a practical guide for novice investigators, the qualitative report, volume 15, 3 May 2010 (pp. 754-760). Dimuat turun dari <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR15-3/qid.pdf> pada 25 Mei 2016.
- United Nation. Convention on the Rights of the Child. (2013). General comment No 17 (2013) on the right of the child to rest, leisure, play, recreational activities, cultural life and the arts. Dimuat turun dari [www.ohchr.org](http://www.ohchr.org) pada 17 September 2013.
- Utusan Malaysia. (2012, 29 September). *Memakmurkan negara, mensejahterakan rakyat. Sebuah janji ditepati*. Dimuat turun dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/rencana/20120929/re\\_01/memakmur-negara-mensejahterakan](http://ww1.utusan.com.my/utusan/rencana/20120929/re_01/memakmur-negara-mensejahterakan) pada 3 Mac 2013.
- Utusan Malaysia. (2012, 3 Oktober). *Larangan bawa telefon bimbit ke sekolah kekal*. Dimuat turun dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20121003/dn\\_21/Larangan-bawa-telefon-bimbit-ke-sekolah-kekal---TPM](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121003/dn_21/Larangan-bawa-telefon-bimbit-ke-sekolah-kekal---TPM) pada 3 Februari 2013.
- Utusan Malaysia. (2014, 9 April). *Jenayah juvenil meningkat 231%*. Dimuat turun dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Utara/20140409/wu\\_02/Jenayah-juvenil-meningkat-23](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Utara/20140409/wu_02/Jenayah-juvenil-meningkat-23). Pada 10 April 2014.
- Utusan Malaysia, (2009, 1 Ogos). *8,809 kes juvenil 2008*. Dimuat turun dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0801&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0801&pub=Utusan_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je_01.htm) pada 12 Februari 2012.
- Wan Anita Wan Abas & Azizah Hamzah. (2011). Hubungan pola pengguna dan pendedahan TV dalam keluarga dengan strategi pemantauan ibu bapa. *Prosiding Persidangan Antarabangsa media dan komunikasi*.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmaf Fakrudin Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin Sapar. (2013). Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic*

*Education*, 1(1). Dimuat turun dari [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/21375/Article\\_2\\_Vol\\_1\\_Issue\\_1.pdf](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/21375/Article_2_Vol_1_Issue_1.pdf) pada 23 April 2014.

Wihbey, J. (2012). Does neighborhood watch reduce crime?. Department of Justice, United States. Dimuat turun dari <http://journalistsresource.org/studies/government/criminal-justice/us-justice-department-neighborhood-watch-reduce-crime> pada 3 Mac 2013.

Wilcox, D., (1994). The guide to effective participation. Dimuat turun dari <http://www.partnerships.org.uk/guide/> pada 22 April 2011.

Wilkinson, D. & Rosenbaum, D.P. (1994). The effects of organizational structure on community policing. In Rosenbaum, D. P. (Ed). *The challenge of community policing: Testing the promises* (pp. 110-126). Thousand Oaks, CA: SAGE.

Wimmer, R. D. & Dominick, J. R. (2000). *Mass media research: An introduction*. New York: Wadsworth Publishing Company.

Wilcox, D. (1994). *The guide to effective participation*. Brighton: Partnerships book.

Woodman, T. & Hardy, L. (2003). The relative impact of cognitive anxiety and self confidence upon sport performance: a meta-analysis. *Journal of Sports and Sciences*, 21(6), 443-457.

Yeung. (1983). In Abdul Aziz Hussin, Wan Hazimah Wan Hariri & Nazri Zakaria. (2004). *Setingan: Isu pengurusan, undang-undang dan pembangunan harta benda*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawat Ismail, Noranizah Yusof. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 157-172. Dimuat turun dari [http://journalarticle.ukm.my/6104/1/JD005862\\_155-172.pdf](http://journalarticle.ukm.my/6104/1/JD005862_155-172.pdf) pada 2 Mac 2013.

Zaliza Mohd Nasir & Norlin Ahmad. (2009). Pembangunan sosial dalam pembangunan etnik. Dimuat turun dari [http://eprints.utm.my/14763/1/ZalizaMohd.Nasir2009\\_PembangunanSosialdalamHubunganEtnik.pdf](http://eprints.utm.my/14763/1/ZalizaMohd.Nasir2009_PembangunanSosialdalamHubunganEtnik.pdf) pada 5 Julai 2014.

Zamri Hassan. (2004). Gotong royong dan manfaatnya sebagai mekanisme kebajikan dan pembangunan komuniti. In Dani Salleh (ed). (2004). *Pembangunan*



*komuniti: Dasar, konsep, strategi dan isu di Malaysia.* Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Zulkifley Hamid. (2014). Faktor persekitaran sekolah dan etnik dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (5), 99-109. Dimuat turun dari <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/8x.geografia-okt14-Zulkifley-edam.pdf> pada 5 Mac 2015.

University of Malaya

## SENARAI PENERBITAN DAN KERTAS PEMBENTANGAN

### Penerbitan

1. Zaiton Azman. (2016). “kajian pendekatan ruang boleh dipertahan dalam program pengawasan komuniti untuk kanak-kanak tidak terkawal”. Dalam Haris Abd. Wahab & Siti Hajar Abu Bakar Ah (ed) (2016). *Kaedah penyelidikan kerja sosial pengalaman di lapangan* (ms. 195-218). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

### Pembentangan

1. Zaiton Azman & Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2011). Penjagaan Sosial berasas Komuniti untuk Kanak-kanak Tidak Terkawal: Kajian Kes Program Kepolisian Masyarakat (*Community Policing*) di Kuala Lumpur. Persidangan Kebangsaan Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, 20-21 April 2011.
2. Zaiton Azman & Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2011). Community Policing for Children Beyond Control: A Case Study of Malaysia. 13<sup>th</sup>: Malaysia-Singapore Forum National University of Singapore (NUS), Singapore, 1-2 December 2011.



## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TINGKAT 5, MENARA DBKL 1

Faks : 03-2698 0460 (Pentadbiran)

03-2694 1373 (Perhubungan Media)

No. Tel : (Am) 03-2617 9804 E-mel : uhea@dbkl.gov.my

Bil.( )d/m.DBKL/UKK 010/2-1

Tarikh: 21/12/2010

Pengarah,  
 Jabatan Pengurusan Perumahan,  
 Tingkat 4-9, Menara DBKL 3,  
 Jalan Raja Abdulrahman  
 50300 Kuala Lumpur

Tuan/ Puan,

### KEBENARAN UNTUK PELAJAR-PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI/ SEKOLAH MENJALANKAN KAJIAN

2. Dimaklumkan bahawa pelajar dari UM sedang menjalankan kajian yang berkaitan Bahagian/ Jabatan tuan/ puan.
3. Sehubungan dengan itu, Unit ini dengan sukacitanya memohon supaya tuan/ puan dapat meluangkan masa untuk membantu pelajar-pelajar ini dengan memberikan maklumat yang sesuai bagi tujuan kajian tersebut.
4. Perhatian tuan/ puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BERSEDIA MENYUMBANG, BANDARAYA CEMERLANG"**

*b/p*  
  
 (ANWAR BIN MOHD ZAIN)  
 Ketua Unit  
 Unit Komunikasi Korporat  
 b.p Datuk Bandar Kuala Lumpur





ديوان بندر كوالالمپور

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN  
TINGKAT 4-9, MENARA DBKL 3  
BANDAR WAWASAN, JALAN RAJA ABDULLAH  
50300 KUALA LUMPUR



(→)alm DBKL/JPP09/PTD/1/9-10

22 Disember 2010

Puan Zaiton binti Azman  
Calon Phd Universiti Malaya

Puan,

### PERMOHONAN KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN DI PERUMAHAN AWAM DESA REJANG

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat puan yang diterima pada 22 Disember 2010 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan, Jabatan tiada halangan dan sedia memberi kerjasama kepada pihak puan bagi perkara seperti berikut :-

2.1 Mengadakan Kajian berkenaan " Program Penjagaan Social Berasas Komuniti Untuk Kanak-Kanak Tidak Terkawal " mulai 22 Disember 2010 sehingga Jun 2011 di :-

i. Perumahan Awam Desa Rejang

Walau bagaimanapun, jabatan memohon sesalinan hasil kajian yang telah dibuat yang mungkin boleh dijadikan sebagai rujukan di masa akan datang.

3. Pihak puan boleh menghubungi pegawai seperti berikut bagi urusan selanjutnya:-

BIL	ZON	JAWATAN	NAMA PEGAWAI	NO.TELEFON
1	Pejabat Zon 4 Persiaran Rejang Setapak Jaya, 53300 Setapak KL	Pengurus Zon	En. Mohamad Salman bin Mohamed Jaafar	03-41435092 03-41435085
2	Pejabat Kecil PA Desa Rejang	Pelawat Perumahan	En. NOOR AZMI BIN ALI	03-20219535

Sekian, terima kasih.

*Kelawat Ketamahan  
Desa Rejang  
\* Sela beri kerjasama  
pada Pn Zaiton  
Salehuddin Hussain Sadri  
Pelawat Perumahan Kanak-  
Jabatan Pengurusan Perumahan,  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur*

TELEFON: 03-26176066

FAKS: 03-26983722


TELEKS: DBKL MA 30683

KAWAT: DATO BANDAR

PERMOHONAN KEBENARAN MENJALANKAN  
PENYELIDIKAN DI PERUMAHAN AWAM DESA REJANG

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**'BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG'**

Saya yang menurut perintah,

  
( **AHMAD JOHAAN BIN OTHMAN** )  
Jabatan Pengurusan Perumahan  
b.p. Datuk Bandar Kuala Lumpur

- s.k
- i. Pengarah  
Jabatan Pengurusan Perumahan
  - ii. Timbalan Pengarah Kanan (Tadbir)
  - iii. Timbalan Pengarah (Penyelenggaraan)
  - iv. Penolong Pengarah Kanan 1  
Bahagian Pengurusan Zon 3 & 4
  - v. Pengurus Zon 4

University of Malaya

**MAKLUMAT KAJIAN DAN BORANG PERSETUJUAN IBU BAPA/  
PENJAGA DAN KANAK-KANAK**

SULIT

NO

SIRI: \_\_\_\_\_

Tajuk Projek:

KAJIAN PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI UNTUK KANAK-KANAK  
TIDAK TERKAWAL DI PPA DESA REJANG, SETAPAK, KUALA LUMPUR

Responden kajian ini adalah kanak-kanak yang berumur 13-bawah 18 tahun.

Objektif Kajian:

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- 1) Mengukur tahap pengetahuan kanak-kanak terhadap Program Pengawasan Komuniti dalam kawasan kediaman mereka,
- 2) Mengenal pasti tahap penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti, dan
- 3) Menentukan halangan-halangan yang terdapat dalam “Ruang yang Boleh Dipertahankan” yang mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Komuniti.

**Kepentingan Kajian Yang Hendak Dijalankan:**

Dapatan kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak dan ahli masyarakat sendiri. Program pengawasan komuniti yang berlangsung dalam persekitaran sosial kanak-kanak merupakan usaha alternatif bagi memperbaiki “Sistem Pengadilan Jenayah dan Kebajikan Kanak-kanak” di Malaysia. Dengan adanya program pengawasan komuniti khusus untuk kanak-kanak tidak terkawal, ahli-ahli komuniti sendiri dapat menjaga dan mengawasi perkembangan kanak-kanak dalam komuniti dengan berkesan dan secara tidak langsung kanak-kanak dapat membesar dan berkembang dalam persekitaran sosial yang normal. Pengawasan komuniti sudah lama diamalkan di kebanyakan negara maju. Pergerakan besar-besaran daripada penjagaan dan pemulihan institusi ke arah bukan institusi semakin mendapat perhatian dan merupakan strategi kebajikan dan pengadilan yang terpenting. Penyertaan pelbagai jaringan sosial agensi dalam sesebuah komuniti menjadikan pengawasan komuniti sesuatu yang signifikan kerana selain pelbagai sumber boleh didapati dalam sesuatu komuniti ia juga dapat mengurangkan beban kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan pengawasan komuniti terhadap kanak-kanak. Justeru, kajian mengenai program pengawasan komuniti untuk kanak-kanak tidak terkawal dilihat amat relevan khususnya dalam senario ekonomi dan sosial Malaysia.

### **Penyertaan Sukarela:**

Kami mengharapkan komitmen yang tinggi dari anda bagi menjayakan penyelidikan ini. Dalam jangka masa panjang, diharap ini dapat menyumbang kepada pembentukan polisi sosial yang dapat menyokong penjagaan dan kawalan sosial berasas komuniti untuk kanak-kanak berisiko.

### **KERAHSIAAN:**

Semua maklumat adalah rahsia dan hanya boleh dilihat oleh penyelidik sahaja.

#### **Nombor yang boleh dihubungi:**

Jika mempunyai sebarang pertanyaan terhadap kajian ini, sila hubungi:

#### **Prof. Madya Dr Siti Hajar Abu Bakar Ah**

Penyelia

Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

03-79675476

#### **Zaiton Binti Azman**

Calon Doktor Falsafah

Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

03-79675494/ 018-2487869

### **KEBENARAN SOAL SELIDIK**

Saya sudah membaca dan memahami isi kandungan surat ini. Saya bersetuju untuk memberikan persetujuan dan membenarkan anak saya menyertai kajian ini.

Tandatangan Ibu/ Bapa/ Penjaga : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tandatangan Kanak-kanak : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**BORANG KEBENARAN IBU BAPA/ PENJAGA**

No. Siri: \_\_\_\_\_

Perkara: **PERSETUJUAN UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PENYELIDIKAN PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI UNTUK KANAK-KANAK TIDAK TERKAWAL (BERUMUR 13 HINGGA BAWAH 18 TAHUN)**

Dengan ini, saya ingin memaklumkan bahawa saya:

Membenarkan

Tidak Membenarkan

Anak saya untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan yang akan dijalankan.

Tandatangan Ibu bapa/ Penjaga: \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

---

**BORANG PERSETUJUAN RESPONDEN**

No. Siri: \_\_\_\_\_

Perkara: **PERSETUJUAN UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PENYELIDIKAN PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI UNTUK KANAK-KANAK TIDAK TERKAWAL (BERUMUR 13 HINGGA BAWAH 18 TAHUN)**

Dengan ini saya memaklumkan bahawa saya:

Bersetuju

Tidak Bersetuju

Untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan ini.

Tandatangan Responden (Anak) : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_



### Soalan Temubual *Key-Informants*

*Soalan Temubual dengan Wakil Program Pengawasan Komuniti (Community Policing) di Projek Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur*

1. Bilakah program ini dilaksanakan di PPA Desa Rejang?
2. Bagaimanakah program *community policing* ini ditubuhkan?
3. Apakah aktiviti-aktiviti utama yang sering dilakukan dalam program ini?
4. Bagaimana sambutan daripada penduduk-penduduk di sini?

*Soalan Temubual dengan Setiausaha Persatuan Penduduk Projek Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur*

1. Apakah aktiviti-aktiviti atau program-program sosial yang sering dilaksanakan dalam komuniti ini?
2. Apakah agensi-agensy yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti sedemikian?
3. Di manakah aktiviti-aktiviti kemasyarakatan tersebut dilaksanakan?
4. Bagaimana sambutan daripada orang ramai terhadap aktiviti-aktiviti tersebut?

*Soalan Temubual bersama Ketua Balai Polis Wangsa Maju*

1. Apakah kelebihan program *community policing* yang dianjurkan oleh polis ini?
2. Apakah peranan Polis dalam menjayakan aktiviti/ program *community policing* ini?
3. Kenapa PPA Desa Rejang terpilih dalam pelaksanaan program ini?
4. Apakah aktiviti-aktiviti utama yang sering dilakukan dalam program ini?
5. Bagaimana sambutan orang ramai terhadap program ini?
6. Bagaimanakah tahap keselamatan di komuniti ini sebelum dan selepas pelaksanaan program?

*Senarai Temubual Kumpulan Fokus*

1. Bolehkah adik-adik senaraikan aktiviti-aktiviti atau program sosial yang sering dianjurkan dalam tempat tinggal adik?
2. Di dalam aktiviti berbentuk keselamatan, sejauh manakah adik-adik tahu atau faham mengenai program *community policing* yang dilaksanakan di tempat tinggal adik?

Universiti Malaya  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosia

Salam Sejahtera,

**KAJIAN PROGRAM PENGAWASAN KOMUNITI UNTUK KANAK-KANAK  
TIDAK TERKAWAL DI PPA DESA REJANG, SETAPAK, KUALA LUMPUR**

Kajian ini dilakukan oleh Zaiton Azman, calon pengajian ijazah peringkat PhD di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan dan tahap penglibatan kanak-kanak (berumur 13-bawah 18 tahun) dalam aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti yang dijalankan dalam Program Pengawasan Komuniti PPA Desa Rejang. Di samping itu kajian ini adalah untuk mengkaji cabaran-cabaran atau halangan-halangan yang menghalang penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti tersebut.

Hasil kajian ini membolehkan pihak penggubal polisi, perancang dan komuniti memahami dengan mendalam elemen-elemen yang perlu ada dalam komuniti untuk bertindak balas dengan masalah tingkah laku kanak-kanak. Kefahaman ini adalah penting untuk membentuk satu modul program penjagaan sosial berasas komuniti khusus untuk kanak-kanak tidak terkawal yang boleh digunakan untuk mengawal dan melindungi kanak-kanak Malaysia secara berkesan.

Besar harapan penyelidik sekiranya adik-adik bersetuju meluangkan sedikit masa dan bekerjasama untuk menjawab soalan dalam kajian ini. Segala butiran yang terkandung di dalam kajian ini adalah dijamin sulit.

Sekian. Terima kasih.

## BAHAGIAN A: PENGLIBATAN ADIK DALAM AKTIVITI-AKTIVITI ANTISOSIAL

1. Sila bulatkan mengikut skala yang diberikan:

Tingkah laku-tingkah laku anti sosial	Tidak pernah terlibat	Pernah terlibat
1. Melepak/ berpelesiran	0	1
2. Merokok	0	1
3. Keluar sehingga lewat malam	0	1
4. Ponteng kelas/ sekolah	0	1
5. Tidak mematuhi arahan ibu bapa/ pihak berkuasa	0	1
6. Membuli	0	1
7. Peras ugut	0	1
8. Merosakkan harta benda awam	0	1
9. Menconteng/ graffiti	0	1
10. Mencuri	0	1
11. Menonton pornografi	0	1
12. Bertumbuk/ bergaduh	0	1
13. Menghidu gam	0	1
14. Menyertai kongsi gelap/kumpulan samseng	0	1
15. Mengunjungi kelab malam atau disko	0	1
16. Minum minuman keras	0	1
17. Membawa kenderaan tanpa lesen/ memakai topi keledar	0	1
18. Menyertai lumba haram	0	1
19. Hubungan seks sejenis (homoseksual)	0	1
20. Seks sebelum kahwin	0	1
21. Hamil	0	1
22. Menggugurkan kandungan bayi	0	1
23. Lari daripada rumah	0	1
24. Mengambil sebarang jenis dadah	0	1

**BAHAGIAN B: TAHAP PENGETAHUAN ADIK-ADIK TERHADAP AKTIVITI-AKTIVITI PROSOSIAL BERASAS KOMUNITI.**

Berikut adalah aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti yang biasa dianjurkan dalam kawasan perumahan/ komuniti adik. Sila bulatkan pada skala yang diberi mengenai tahap pengetahuan adik-adik dalam aktiviti yang disenaraikan.

AKTIVITI-AKTIVITI PROSOSIAL DALAM KOMUNITI PPA DESA REJANG	TAHAP PENGETAHUAN	
	0 TIDAK TAHU	1 TAHU
<b><i>AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI</i></b>		
1. Rakan Muda	0	1
2. Aktiviti kesukanan	0	1
3. Perkhemahan/ kembara	0	1
4. Menyanyi/ menari/ berlakon	0	1
5. Seni mempertahankan diri	0	1
6. Persatuan Beruniform	0	1
7. Lawatan sambil belajar	0	1
8. Lain-lain : _____	0	1
<b><i>AKTIVITI PENDIDIKAN</i></b>		
9. Kempen-kempen keselamatan diri dan harta benda	0	1
10. Kempen-kempen kesihatan	0	1
11. Ceramah/ syarahan agama	0	1
12. Kelas mengaji al-Quran/ kitab agama	0	1
13. Laman web/ <i>facebook</i> komuniti	0	1
14. Bengkel-bengkel motivasi	0	1
15. Lain-lain: _____	0	1
<b><i>AKTIVITI KESELAMATAN</i></b>		
16. Sukarelawan Pencegah Jenayah ( <i>Community Policing</i> )	0	1
17. Skim Rondaan Sukarela (SRS)	0	1
18. Rakan COP	0	1
19. Dialog perjumpaan bersama polis atau mana-mana agensi	0	1
20. Program Sekolah Selamat	0	1
21. Lain-lain: _____	0	1
<b><i>AKTIVITI KEMASYARAKATAN</i></b>		
22. Hari Keluarga	0	1
23. Aktiviti gotong royong	0	1
24. Kerja-kerja Sukarelawan/ kebajikan	0	1
25. Kenduri-kendara	0	1
26. Sambutan perayaan bersama komuniti	0	1
27. Lain-lain: _____	0	1

**BAHAGIAN C : TAHAP PENGLIBATAN ADIK-ADIK TERHADAP AKTIVITI-  
AKTIVITI PROSOSIAL DALAM KOMUNITI ADIK.**

Sila bulatkan tahap penglibatan adik-adik dalam aktiviti yang disenaraikan mengikut skala di bawah:

**0 – TIADA LANGSUNG, 1 – PERNAH SEKALI, 2 – SEKALI-SEKALA,**

**3 – SELALU/ KERAP, dan 4- HAMPIR SETIAP KALI AKTIVITI DIADAKAN**

AKTIVITI-AKTIVITI PROSOSIAL DALAM KOMUNITI PPA DESA REJANG	TAHAP PENGLIBATAN				
	0	1	2	3	4
<b><i>Aktiviti Sukan dan Rekreasi</i></b>					
1. Rakan Muda	0	1	2	3	4
2. Aktiviti kesukanan	0	1	2	3	4
3. Perkhemahan/ kembara	0	1	2	3	4
4. Menyanyi/ menari/ berlakon	0	1	2	3	4
5. Seni mempertahankan diri	0	1	2	3	4
6. Persatuan Beruniform	0	1	2	3	4
7. Lawatan sambil belajar	0	1	2	3	4
8. Lain-lain : _____	0	1	2	3	4
<b><i>Aktiviti Pendidikan</i></b>					
9. Kempen-kempen keselamatan diri dan harta benda	0	1	2	3	4
10. Kempen-kempen kesihatan	0	1	2	3	4
11. Ceramah/ syarahan agama	0	1	2	3	4
12. Kelas mengaji al-Quran/ kitab agama	0	1	2	3	4
13. Laman web/ facebook komuniti	0	1	2	3	4
14. Bengkel-bengkel motivasi	0	1	2	3	4
15. Lain-lain: _____	0	1	2	3	4
<b><i>Aktiviti Keselamatan</i></b>					
16. Sukarelawan Pencegah Jenayah ( <i>Community Policing</i> )	0	1	2	3	4
17. Skim Rondaan Sukarela (SRS)	0	1	2	3	4
18. Rakan COP	0	1	2	3	4
19. Dialog perjumpaan bersama polis atau mana-mana agensi	0	1	2	3	4
20. Program Sekolah Selamat	0	1	2	3	4
21. Lain-lain: _____	0	1	2	3	4
<b><i>Aktiviti Kemasyarakatan</i></b>					
22. Hari Keluarga	0	1	2	3	4
23. Aktiviti gotong royong	0	1	2	3	4
24. Kerja-kerja Sukarelawan/ kebajikan	0	1	2	3	4
25. Kenduri-kendara	0	1	2	3	4
26. Sambutan perayaan bersama komuniti	0	1	2	3	4
27. Lain-lain: _____	0	1	2	3	4

**BAHAGIAN D: CABARAN-CABARAN YANG MENGHALANG PENGLIBATAN ADIK DALAM AKTIVITI-AKTIVITI SOSIAL BERASAS KOMUNITI.**

Di bawah adalah senarai cabaran-cabaran/ halangan-halangan yang menghalang adik-adik untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti di tempat tinggal/ komuniti adik. Sila bulatkan tahap persetujuan adik mengenai halangan-halangan tersebut mengikut skala di bawah:

**1 - SANGAT TIDAK SETUJU, 2 - TIDAK SETUJU, 3 - SEDERHANA SETUJU, 4 - SETUJU, dan 5 – SANGAT SETUJU**

<b>a) HALANGAN BERBENTUK STRUKTUR</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
1. Kemudahan sukan dan rekreasi tak mencukupi.	1	2	3	4	5
2. Kemudahan pendidikan tak mencukupi.	1	2	3	4	5
3. Kemudahan keselamatan tidak cukup.	1	2	3	4	5
4. Ada kemudahan rosak dan tidak selamat digunakan.	1	2	3	4	5
5. Kemudahan komuniti hanya boleh digunakan pada waktu tertentu sahaja.	1	2	3	4	5
6. Komuniti tidak menyediakan papan kenyataan aktiviti-aktiviti komuniti.	1	2	3	4	5
7. Aktiviti-aktiviti dijalankan jauh daripada rumah.	1	2	3	4	5
8. Tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri.	1	2	3	4	5
9. Masalah kewangan untuk mengikuti aktiviti-aktiviti tersebut.	1	2	3	4	5
10. Aktiviti/ program seperti sukan dan rekreasi serta kemasyarakatan tidak banyak dianjurkan di sini.	1	2	3	4	5
11. Aktiviti/ program kepimpinan untuk remaja tidak banyak dianjurkan.	1	2	3	4	5
12. Aktiviti-aktiviti/ program kemahiran sosial remaja bersama rakan sebaya tidak banyak dianjurkan.	1	2	3	4	5
13. Aktiviti berbentuk kekeluargaan tidak banyak dianjurkan.	1	2	3	4	5
14. Komuniti tidak menyampaikan maklumat aktiviti secara berkesan.	1	2	3	4	5
15. Pakaian aktiviti-aktiviti sosial mendedahkan aurat.	1	2	3	4	5
16. Dikenakan yuran aktiviti yang mahal.	1	2	3	4	5
17. Peralatan aktiviti yang mahal.	1	2	3	4	5
18. Masalah pengangkutan untuk pergi ke tempat aktiviti.	1	2	3	4	5
19. Lain-lain (nyatakan):	1	2	3	4	5

<b>b) HALANGAN BERBENTUK INTRAPERSONAL</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
1. Dibebani dengan kerja/ aktiviti sekolah yang banyak	1	2	3	4	5
2. Tertarik untuk menonton program TV/ media	1	2	3	4	5
3. Tertarik untuk melayari internet/ bermain permainan elektronik	1	2	3	4	5
4. Tertarik untuk melepak bersama kawan-kawan	1	2	3	4	5
5. Tidak mempunyai rakan yang berminat melibatkan diri dalam aktiviti	1	2	3	4	5
6. Tidak suka/ berminat dengan aktiviti-aktiviti sosial berasas komuniti	1	2	3	4	5
7. Tidak cukup pengetahuan tentang aktiviti-aktiviti tersebut					
8. Tidak memahami matlamat untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut	1	2	3	4	5
9. Kelas tuisyen menghalang penglibatan diri	1	2	3	4	5
10. Sering mendapat masalah kesihatan	1	2	3	4	5
11. Malu melibatkan diri	1	2	3	4	5
12. Aktiviti yang dijadualkan tidak sesuai dengan masa saya	1	2	3	4	5
13. Tidak mempunyai kemahiran untuk melibatkan diri	1	2	3	4	5
14. Takut gagal dalam peperiksaan sekiranya melibatkan diri	1	2	3	4	5
15. Dipulaukan rakan sekiranya menyertai aktiviti-aktiviti tersebut	1	2	3	4	5
16. Tidak berminat untuk berinteraksi dengan ahli-ahli komuniti lain	1	2	3	4	5
17. Tidak berminat bercampur gaul dengan ahli komuniti berlainan bangsa	1	2	3	4	5
18. Tidak suka/ berminat dengan kerja sukarela/ kebajikan	1	2	3	4	5
19. Beranggapan negatif terhadap aktiviti-aktiviti tersebut	1	2	3	4	5
20. Tidak diberi peluang untuk menentukan/mencadangkan aktiviti yang sesuai/ diminati dalam komuniti	1	2	3	4	5
21. Komitmen diri terhadap aktiviti-aktiviti tersebut rendah	1	2	3	4	5
22. Lain-lain (nyatakan):	1	2	3	4	5

<b>c) HALANGAN BERBENTUK INTERPERSONAL</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
1. Ibu bapa atau penjaga sibuk bekerja dan tiada masa terluang	1	2	3	4	5
2. Ibu bapa/ penjaga tidak memberi galakan untuk melibatkan diri	1	2	3	4	5
3. Ibu bapa/ penjaga beranggapan negatif terhadap aktiviti sosial	1	2	3	4	5
4. Ibu bapa/penjaga lebih mementingkan akademik berbanding aktiviti sosial	1	2	3	4	5
5. Ibu bapa/ penjaga tidak memahami matlamat/ faedah sesuatu aktiviti	1	2	3	4	5
6. Ibu bapa tidak mendapat cukup maklumat tentang sesuatu aktiviti	1	2	3	4	5
7. Ikatan/ hubungan kehiranan rendah dalam tempat tinggal adik	1	2	3	4	5
8. Jiran-jiran tidak memberi galakan untuk melibatkan diri dalam aktiviti	1	2	3	4	5
9. Jiran-jiran tidak menggunakan kemudahan komuniti pada waktu lapang	1	2	3	4	5
10. Jiran-jiran beranggapan negatif dalam aktiviti/ program dalam komuniti	1	2	3	4	5
11. Jiran-jiran tidak mengambil peduli / individualistik	1	2	3	4	5
12. Komuniti tidak memberi pengiktirafan jika berjaya dalam sesuatu aktiviti	1	2	3	4	5
13. Komuniti hanya beri perhatian kepada individu yang berkebolehan sahaja	1	2	3	4	5
14. Agensi-agensi berkaitan tidak memberi komitmen yang tinggi	1	2	3	4	5
15. Kakitangan agensi tidak professional/ terlatih dalam menjayakan sesuatu aktiviti	1	2	3	4	5
16. Kakitangan agensi tidak membina hubungan yang mesra dan berpanjangan	1	2	3	4	5
17. Agensi-agensi berkaitan lambat bertindak balas dengan sesuatu masalah yang berlaku dalam komuniti	1	2	3	4	5
18. Ketua/ pemimpin kehiranan tidak mesra dengan ahli-ahli komunitinya	1	2	3	4	5
19. Lain-lain (nyatakan):	1	2	3	4	5



## **BAHAGIAN E: MAKLUMAT LATAR BELAKANG ADIK**

Sila tandakan jawapan yang berkenaan.

1. Umur : a) 13 tahun b) 14 tahun c) 15 tahun d) 16 tahun e) 17- bawah 18 tahun
2. Jantina : a) Lelaki b) Perempuan
3. Kaum : a) Melayu b) Cina c) India d) Lain-lain
4. Agama : a) Islam b) Buddha c) Hindu d) Kristian
5. Pekerjaan sambilan: (sekiranya adik ada bekerja sambilan, nyatakan):  
\_\_\_\_\_
6. Adakah ibu bapa adik masih tinggal bersama?:
  - a) Ya
  - b) Tidak
7. Jika ibu bapa adik tidak tinggal bersama, kenapa?:
  - a) Berpisah
  - b) Bercerai
  - c) Meninggal dunia (siapa, nyatakan: \_\_\_\_\_)
  - d) Lain-lain (nyatakan): \_\_\_\_\_
8. Nyatakan bilangan penghuni dalam rumah adik: a) 1-3 orang b) 4-6 orang  
c) 7-9 orang d) 10 orang ke atas
9. Tempoh adik tinggal di kawasan perumahan ini?: a) 1-2 tahun b) 3-4 tahun  
c) 5-6 tahun d) 7-8 tahun e) 9 tahun ke atas

## **MAKLUMAT LATAR BELAKANG IBU BAPA ADIK**

### **Bapa:**

10. Umur: \_\_\_\_\_ tahun

11. Tahap pendidikan:

- a) Tidak bersekolah
- b) Sekolah rendah
- c) Sekolah menengah rendah
- d) SPM/ STPM dan setaraf dengannya
- e) Diploma
- f) Ijazah

12. Pekerjaan:

- a) Tidak bekerja
- b) Kerajaan
- c) Swasta
- d) Bekerja sendiri
- e) Bersara

13. Pendapatan sebulan:

- a) Tiada pendapatan
- b) Kurang daripada RM 1000
- c) RM 1001 – RM 2000
- d) RM 2001- RM 3000
- e) RM 3001 – RM 5000
- f) Lebih RM 5001

**Ibu:**

14. Umur: \_\_\_\_\_ tahun

15. Tahap pendidikan:

- a) Tidak bersekolah
- b) Sekolah rendah
- c) Sekolah menengah rendah
- d) SPM/ STPM dan setaraf dengannya
- e) Diploma
- f) Ijazah

16. Pekerjaan:

- a) Tidak bekerja (suri rumah sepenuh masa)
- b) Kerajaan
- c) Swasta
- d) Bekerja sendiri
- e) Bersara

17. Pendapatan sebulan:

- a) Tiada pendapatan
- b) Kurang daripada RM 1000
- c) RM 1001 – RM 2000
- d) RM 2001- RM 3000
- e) RM 3001 – RM 5000
- f) Lebih RM 5000

**Sekian, terima kasih atas kerjasama adik di dalam menjayakan kajian ini !**

**SENARAI PELBAGAI KEMUDAHAN ATAU PERALATAN KESELAMATAN DAN SOSIAL DI PPA DESA REJANG, SETAPAK KUALA LUMPUR.**

No	Kemudahan / Peralatan	Ada	Tiada
1	Telefon awam		
2	CCTV		
3	Pagar perumahan		
4	Cermin keselamatan		
5	Papan tanda peringatan <i>Community Policing</i>		
6	Pondok pengawal		
7	Lampu jalan		
8	Tempat letak kenderaan (kereta dan motosikal)		
9	Pembinaan bonggol		
10	Pengawal keselamatan		
11	Rukun Tetangga		
12	Skim Rondaan Sukarela		
13	Perkhidmatan Balai Polis Bergerak		
14	Gelanggang Bola		
15	Medan Makan		
16	Gerai runcit/ Pasar		
17	Sekolah Tadika		
18	Masjid/ Surau		
19	Rumah Ibadah Bukan Islam		
20	Tempat pembuangan sampah yang khas		
21	Taman Permainan		
22	Tong sampah		
23	<i>Cyber Cafe</i>		
24	Lif		
25	Klinik		
26	Dewan Serbaguna		
27	Pejabat Pengurusan Perumahan		
28	Palang keselamatan		
29	Pili bomba		
30	Peti pos		
31	Pengangkutan awam		
32	Perpustakaan awam		

University of Malaya